

**INTERAKSI SOSIAL PELAJAR PELBAGAI ETNIK DI SEBUAH SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN.**

**NOOR INSYIRAAH ABU BAKAR**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SOSIOLOGI  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2015**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk interaksi, faktor yang mempengaruhi interaksi dan strategi yang digunakan oleh sekolah dalam meningkatkan interaksi pelajar. Kaedah kajian kes telah digunakan untuk meneroka isu kajian ini. Pengumpulan data kajian adalah melalui kaedah temu bual secara individu dan berkumpulan, pemerhatian serta analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya lima bentuk interaksi sosial iaitu kerjasama, timbal balik, persaingan, konflik dan komunikasi bukan lisan. Walaupun wujud konflik dan stereotaip, namun pelajar masih menunjukkan sikap untuk mempelajari budaya dan menerima perbezaan yang terdapat antara etnik. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat faktor dalaman dan luaran sekolah yang mempengaruhi interaksi pelajar. Antara faktor dalaman adalah seperti pentadbiran sekolah, guru, persekitaran sekolah, sikap pelajar, rakan sebaya, sekolah rendah asal dan hobi pelajar. Faktor luaran sekolah pula adalah budaya, kawasan persekitaran tempat tinggal dan ibu bapa. Bagi mengukuhkan interaksi pelajar, lima strategi telah dijalankan oleh sekolah ini. Strategi tersebut adalah memupuk perpaduan nasional, menggalakkan interaksi pelajar pelbagai etnik, merangsang penerimaan dan toleransi antara pelajar, membentuk persekitaran sekolah melambangkan kepelbagai etnik dan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Secara kesimpulannya, interaksi positif sesama pelajar amat penting di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk. Oleh itu, semua pihak khususnya pentadbir sekolah harus melaksanakan pelbagai usaha dalam mengukuhkan interaksi pelajar pelbagai etnik ini agar keharmonian dapat dikekalkan.

## **SOCIAL INTERACTIONS AMONG MULTI ETHNICS STUDENTS IN A NATIONAL SECONDARY SCHOOL**

### **ABSTRACT**

This study aimed to identify the patterns of social interactions, factors that influence interactions and strategies that have been practiced by the school to strengthen students' interaction. A case study method was chosen to explore this issue. Data were collected through individual and focused group interviews, observations and document analyses. Findings showed that, there were five patterns of social interactions which were cooperation, exchange, competition, conflict and non-verbal communication. Despite conflicts and stereotypes reported among students, they still showed interest to learn about other cultures and to accept differences in ethnicity. Findings also showed that internal and external factors within the school influence students' interactions. Internal factors of the schools were administration, teachers, school environment, students' attitude, peer group, students' former primary school and students' hobby. External factors of the school were cultural, place of residents and parents. In order to strengthen students' interactions, five strategies were carried out by the school. Those strategies were nurturing national integration, encouraging interactions among multiethnic students, stimulating acceptance and tolerance between students, creating school environment that reflects diversity of ethnics and improvement of teaching and learning in the classroom. As a conclusion, positive interaction among students is a vital aspect in multiracial country like Malaysia. Thus all parties, especially school administrator should implement various efforts in order to strengthen interactions among multiethnic students, so that harmony can be maintained.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRAK	iv
---------	----

ABSTRACT	v
----------	---

KANDUNGAN	vi
-----------	----

SENARAI JADUAL	xv
----------------	----

SENARAI RAJAH	xvi
---------------	-----

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.0	Pengenalan Bab	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Soalan Kajian	7
1.5	Kepentingan Kajian	8
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	10
1.7	Definisi Istilah Kajian	16
1.7.1	Etnik	16
1.7.2	Interaksi Sosial	17
1.7.3	Sekolah	17

## 1.8 Rumusan Bab

18

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan Bab	19
2.1	Konsep Ras dan Etnik	20
2.2	Sejarah Kewujudan Kepelbagaian Etnik di Malaysia	22
2.3	Kesan Kepelbagaian Etnik di Malaysia	25
2.4	Perkembangan Pendidikan di Malaysia dan Peranan	
	Pendidikan ke Arah Perpaduan Etnik	26
2.5	Kajian Hubungan Pelajar Pelbagai Etnik Dalam Sistem	
	Pendidikan	33
2.5.1	Kajian Dalam Negara	33
2.5.2	Kajian Luar Negara	42
2.6	Teori-teori Sosiologi Berkaitan Interaksi Sosial	49
2.6.1	Teori Fungsionalisme	50
2.6.2	Teori Interaksionisme Simbolik	53
2.6.3	Teori Konflik	54
2.6.4	Teori Pilihan Rasional	55
2.6.5	Teori Pertukaran Sosial	57

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2.7 Rumusan Bab	60	60

<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	61
3.0 Pengenalan Bab	61
3.1 Paradigma Kajian	62
3.1.1 Paradigma Interpretisisme dan Kajian Kualitatif.	63
3.2 Reka Bentuk Kajian.	64
3.3 Tempat Kajian dan Responden Kajian.	70
3.4 Prosedur Pengumpulan Data Kajian.	75
3.4.1 Temu Bual	76
3.4.1.1 Temu Bual Secara Individu	76
3.4.1.2 Temu Bual Secara Berkumpulan	77
3.4.1.3 Protokol Temu Bual	79
3.4.2 Pemerhatian	83
3.4.3 Analisa Dokumen	87
3.4.4 Peranan Pengkaji	90
3.5 Prosedur Analisa Data	91
3.6 Kebolehpercayaan dan Kesahan	94

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6.1 Kebolehpercayaan Kajian	94	
3.6.2 Kesahan Kajian	96	
3.6.2.1 Triangulasi	97	
3.6.2.2 Semakan oleh Responden	98	
3.6.2.3 Deskripsi yang Mendalam	99	
3.7 Batasan Kajian	100	
3.8 Kajian Rintis	101	
3.9 Jadual Kerja Kajian	102	
3.10 Rumusan Bab	105	
<b>BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	107	
4.0 Pengenalan Bab	107	
4.1 Analisa Data Berdasarkan Soalan Pertama Kajian	108	
4.1.1 Kerjasama	108	
4.1.2 Timbal Balik	116	
4.1.3 Persaingan	121	
4.1.4 Komunikasi Bukan Lisan	125	
4.1.5 Konflik	126	
4.2 Analisa Data Berdasarkan Soalan Kedua Kajian	137	

4.2.1	Pentadbiran Sekolah	138
4.2.2	Guru	141
4.2.3	Persekutaran Sekolah	151
4.2.4	Sikap Pelajar	156
4.2.5	Pencapaian Akademik	159
4.2.6	Minat dan Hobi Pelajar	163
4.2.7	Sekolah Rendah Asal (Monoetnik/Multietnik)	165
4.2.8	Rakan Sebaya di Sekolah	169
4.2.9	Budaya	171
4.2.10	Ibu Bapa	178
4.2.11	Kawasan Persekutaran Tempat Tinggal	180
4.3	Analisa Data Berdasarkan Soalan Ketiga Kajian	183
4.3.1	Perpaduan Nasional	183
4.3.2	Menggalakkan Interaksi Sosial Pelajar Pelbagai Etnik	188
4.3.3	Merangsang Penerimaan Antara Satu Sama Lain dan Toleransi.	194

4.3.4	Membentuk Persekutaran Sekolah	
4.3.5	Melambangkan Kepelbagai Enik	198
4.4	Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kelas	201
4.5	Senario Polarisasi	203
	Rumusan Bab	207
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	208
5.0	Pengenalan Bab	208
5.1	Perbincangan Bentuk Interaksi Sosial Dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik	208
5.1.1	Kerjasama	210
5.1.2	Timbal balik	212
5.1.3	Persaingan	213
5.1.4	Komunikasi Bukan Lisan	215
5.1.5	Konflik	218
5.2	Perbincangan Faktor-faktor yang Mempengaruhi	

**Interaksi Sosial Pelajar Pelbagai Etnik** 222**5.2.1 Faktor Dalaman Sekolah** 223

## 5.2.1.1 Pentadbiran Sekolah 223

## 5.2.1.2 Guru 226

## 5.2.1.3 Persekutaran Sekolah 231

## 5.2.1.4 Sikap pelajar 234

## 5.2.1.5 Minat dan Hobi Pelajar 237

## 5.2.1.6 Sekolah Rendah Asal

(Monoetnik/Multietnik) 239

## 5.3.1.7 Rakan Sebaya 242

**5.2.2 Faktor Luaran Sekolah** 244

## 5.2.2.1 Budaya 244

## 5.2.2.2 Persekutaran Tempat Tinggal 249

## 5.2.2.3 Ibu Bapa 250

**5.3 Perbincangan Strategi Sekolah Dalam**

## Meningkatkan Interaksi Sosial Pelajar 254

## 5.3.1 Perpaduan Nasional 256

## 5.3.2 Menggalakkan Interaksi Pelajar Pelbagai Etnik 259

5.3.3	Merangsang Penerimaan Antara Satu Sama Lain dan Toleransi	262
5.3.4	Membentuk Persekutaran Sekolah Melambangkan Kepelbagai Etnik.	263
5.3.5	Penambahbaikan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kelas	265
5.4	Senario Polarisasi	267
5.5	Implikasi Teori	269
5.5.1	Teori Fungsionalisme	269
5.5.2	Teori Interaksionisme Simbolik	271
5.5.3	Teori Pilihan Rasional	273
5.6	Implikasi Kajian	275
5.7	Cadangan-cadangan	277
5.7.1	Cadangan Kajian Lanjutan	277
5.7.2	Cadangan Terhadap Sistem Pendidikan Malaysia	279
5.7.3	Cadangan Terhadap Pihak Lain	280

## 5.8 Kesimpulan Keseluruhan Kajian

281

## RUJUKAN

284

## LAMPIRAN

Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia

Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Jabatan Pelajaran Negeri

Borang Persetujuan untuk Menjadi Responden Kajian (Pentadbir/ Guru Sekolah)

Contoh Borang Pengesahan Transkripsi Temu Bual Pihak Pentadbir

Contoh Protokol Temu Bual dengan Pihak Pentadbir

Contoh Protokol Temu Bual dengan Pelajar

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Komposisi keseluruhan pelajar mengikut etnik di SMK Indah	70
3.2 Jumlah keseluruhan pelajar tingkatan empat di SMK Indah	71
3.3 Bilangan responden kajian (pelajar) mengikut etnik	72
3.4 Profil responden kajian (pelajar)	72
3.5 Profil responden kajian (pentadbir sekolah)	73
3.6 Profil responden kajian (guru sekolah)	74
3.7 Jadual kerja kajian	102
5.1 Bentuk interaksi sosial dalam kalangan pelajar tingkatan empat pelbagai etnik.	209
5.2 Faktor dalaman sekolah yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar.	222
5.3 Faktor luaran sekolah yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar.	244
5.4 Strategi diamalkan oleh sekolah untuk meningkatkan interaksi pelajar.	254

**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
1.1	Kerangka konseptual kajian	11
3.1	Jenis-jenis kajian kes	68
3.2	Menggambarkan konteks dan kes kajian ini.	69
3.3	Kontinum keterlibatan pengkaji di lapangan	84

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan bab

Bab ini mengandungi beberapa aspek penting iaitu latar belakang kajian, penyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan-soalan kajian dan kepentingan bagi menjalankan kajian. Selain itu, kerangka konseptual kajian serta teori sosiologi yang digunakan dalam kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Bab ini diakhiri dengan beberapa definisi istilah yang digunakan dalam kajian serta rumusan bab.

## 1.1 Latar belakang kajian

Interaksi etnik yang baik adalah penting bagi mengekalkan keharmonian negara, terutamanya negara yang mempunyai pelbagai etnik seperti di Malaysia. Sejarah menunjukkan bahawa kewujudan etnik pelbagai ini telah wujud seawal kurun ke 15 dan bertambah dengan banyaknya pada kurun ke 19 akibat polisi pemerintahan British. Penduduk Tanah Melayu pada ketika itu, yang homogenous telah menjadi masyarakat pelbagai etnik (Hazri Jamil, 2010:63). Sehingga kini, kepelbagaian etnik, budaya serta agama dapat dapat dilihat di Malaysia. Apabila adanya kepelbagaian etnik ini, ianya adalah cabaran besar bagi kerajaan bagi mengekalkan keharmonian hubungannya. Maka tidak hairanlah, pelbagai pendekatan dibuat melalui medium politik, ekonomi dan sosial.

Namun kita tidak boleh menafikan peranan sekolah dalam memupuk hubungan serta interaksi baik sesama etnik berbeza ini. Ini adalah kerana, di sekolahlah antara tempat terawal pelajar pelbagai etnik bertemu. Jika diteliti, sistem pendidikan yang ada di Malaysia ketika ini masih lagi adanya pemisahan. Misalnya, masih ada aliran sekolah rendah berdasarkan bahasa ibunda dan ini sudah tentulah menyebabkan berlakunya pemisahan (Santhiram R. Raman & Tan Yao Sua, 2010: 119). Pemisahan sebegini akan memberi kesan kepada interaksi serta persefahaman pelajar-pelajar berbeza etnik ini (Azhar Wahid, 2007:18).

Akan tetapi, bermula peringkat menengah kesemua etnik berbeza ini mengikuti satu aliran sekolah sahaja, iaitu sekolah menengah kebangsaan (Santhiram

R. Raman & Tan Yao Sua, 2010:128). Jadi bermulanya persekolahan menengah, semua etnik berbeza harus akur untuk mengikuti satu sekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Dengan adanya sistem sekolah menengah yang menggunakan keseragaman dalam aspek bahasa, kurikulum diharap dapat memberi kesan positif memupuk interaksi baik sesama pelajar. Omar Mohd. Hashim (1999:79) berpendapat keseragaman kurikulum itu, membantu proses menyatupadukan etnik dan juga mewujudkan keperibadian kebangsaan dalam kalangan pelajar. Tambahan pula apabila kesemua etnik di Malaysia mengikuti sistem persekolahan yang sama, ini sudah tentu memberi peluang kepada mereka bertemu, bergaul dalam satu suasana multietnik secara semulajadi.

Secara amnya, pendidikan bukanlah satu-satunya medium untuk memupuk perpaduan. Namun peranannya tidak boleh juga dinafikan oleh sesebuah negara, termasuklah Malaysia yang mempunyai penduduk pelbagai etnik. Ini adalah kerana, sistem pendidikan berfungsi sebagai platform bagi pelajar untuk berinteraksi agar kesefahaman dan toleransi dapat dicapai (Santhiram R. Raman & Tan Yao Sua, 2010: 118). Jika hubungan baik dan toleransi dapat dipupuk di peringkat sekolah menengah, sudah tentu perpaduan nasional dapat dikekalkan. Pekara ini turut dinyatakan oleh Fadzilah Abdullah (2008:119), yang mana pendidikan di Malaysia, adalah satu sistem sosial yang penting dan merupakan satu medium untuk mencapai perpaduan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sistem pendidikan senantiasa diberi perhatian dan mengalami penambahbaikan agar matlamat mencapai perpaduan negara tercapai.

## 1.2 Penyataan masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan satu institusi yang berperanan dalam penggubalan dasar bagi mengeratkan interaksi etnik di sekolah sama ada di peringkat persekolahan rendah ataupun menengah. Sememangnya banyak dasar, pekeliling-pekeling serta program telah dibuat semenjak kemerdekaan sehingga sekarang, yang bertujuan untuk mengeratkan interaksi etnik. Akan tetapi interaksi etnik tidaklah seperti yang diharapkan. Sebagai contoh, isu pergaduhan etnik pernah dilaporkan berlaku dalam kalangan pelajar berbeza etnik di sekolah menengah (Najeemah Mohd Yusof, 2006). Tambahan pula, interaksi pelajar berada pada tahap kurang mesra dan polarisasi pelajar pelbagai etnik jelas kelihatan (Jayum Jawan, 2003b; Zaharah Hassan et al. 2010; Mohd Radzi Noh, 2012). Selain itu, sikap negatif seperti prejudis dan stereotip masih lagi ada dalam diri pelajar sekolah menengah terhadap rakan berbeza di sekolah (Najeemah Mohd Yusof, 2012). Jika sekolah menengah yang sepatutnya menjadi tempat sosialisasi pelajar pelbagai etnik serta tempat yang paling awal untuk membentuk interaksi sosial yang positif, menunjukkan polarisasi antara etnik serta pergaduhan, maka keadaan sebegini agak membimbangkan. Jika pelajar tidak dapat membina interaksi yang baik, mana mungkin perpaduan negara dapat dikeluarkan.

Tambahan pula, peruntukan belanjawan juga banyak diberikan untuk melaksanakan aktiviti memupuk interaksi baik di peringkat sekolah. Salah satunya adalah Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) berdasarkan surat pekeliling ikhtisas bil 10/2005 yang dikeluarkan oleh KPM. RIMUP telah

diperkenalkan pada tahun 1985, yang memfokuskan penglibatan murid pelbagai etnik dalam aktiviti bersama, agar rasa toleransi dan perpaduan dapat dipupuk (Buku panduan Rancangan Integrasi Murid-Murid, 1985: 3-4). Banyak peruntukan diberikan bagi menjayakan RIMUP ini. Misalnya, sebanyak RM 25.8 juta setahun telah diperuntukkan untuk program RIMUP ini (Utusan Malaysia, 17 Mac 2011). Penambahan peruntukan terhadap RIMUP juga ditingkatkan (New Straits Times, 26 Februari 2014). Namun, usaha KPM ini tidak membawa hasil sebagaimana yang diharapkan, yang mana masih terdapat masalah dalam interaksi etnik di sekolah menengah seperti dibincangkan di atas.

Hakikat yang harus diakui adalah setiap pelajar yang berbeza etnik ini, akan juga berbeza dalam pelbagai aspek. Menurut Najeemah Mohd Yusof (2008:1) etnik yang berbeza ini berbeza dalam aspek kepercayaan, nilai, norma yang berbeza, di mana ianya mempengaruhi tingkah laku, tindakan, pemikiran dan termasuklah interaksi dengan persekitarannya. Perbezaan-perbezaan ini turut menyebabkan salah faham dan konflik sering berlaku sesama mereka (Cywińska, 2010:287-288). Maka sekolah selaku institusi yang berbentuk formal serta berperanan sebagai agen sosialisasi, yang mana ianya boleh membentuk pemikiran, tingkah laku dan sikap murid (Mohd Salleh Lebar, 1998:47). Oleh sebab itu, seharusnya sekolah menengah memainkan peranannya agar sikap dan tingkah laku yang dikehendaki oleh masyarakat dapat dipupuk. Sebagai contoh sikap suka bersahabat dan berinteraksi dengan etnik lain. Sesungguhnya sikap suka berinteraksi antara etnik berbeza amatlah penting, kerana melalui proses inilah, akan berlakunya rasa penerimaan segala perbezaan antara mereka.

Selain itu, menurut Najeemah Mohd Yusof (2011:212) apabila pelajar berada dalam persekitaran multietnik dalam jangkamasa yang lama, maka akan ada peluang untuk mereka untuk berinteraksi serta membentuk hubungan yang baik dan rasa persefahaman. Pelajar tingkatan 4 yang menjadi fokus kajian ini, sudah empat tahun berada dalam persekitaran sekolah pelbagai etnik serta budaya. Seharusnya interaksi yang baik dapat dilihat dalam kalangan pelajar tingkatan empat dalam kajian ini. Oleh sebab itulah, adalah perlu melihat bagaimana keadaan interaksi serta hubungan mereka ini setelah sekian lama berada dan bersekolah di sekolah menengah kebangsaan multietnik ini.

Tambahan pula, di sekolahlah interaksi sosial sering berlaku antara pelajar (Denham, et.al. 2003; Betts, 2008). Oleh yang demikian, berdasarkan inilah, isu mengenai interaksi sosial pelajar harus dikaji dan fokusnya adalah di sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai persekitaran pelbagai etnik. Walaupun, terdapat kajian-kajian sebelumnya mengenai hubungan pelajar, namun kajian yang menggunakan pendekatan berbeza, responden berbeza, di kawasan berbeza akan turut memberi dapatan yang berbeza juga.

### 1.3 Objektif kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, adalah perlu memahami isu interaksi sosial pelajar yang berbeza etnik ini. Di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia, akan adanya pelbagai etnik. Oleh sebab itu, bagi memahami keadaan

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS sebenar interaksi pelajar pelbagai etnik ini, beberapa objektif kajian telah ditetapkan, seperti berikut:

- i. Mengenal pasti bentuk interaksi sosial dalam kalangan pelajar tingkatan 4 yang pelbagai etnik di SMK.
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar tingkatan 4 yang pelbagai etnik di SMK.
- iii. Mengenal pasti strategi yang digunakan oleh SMK ini dalam meningkatkan interaksi sosial pelajar pelbagai etnik.

#### **1.4 Soalan kajian**

Berdasarkan objektif seperti yang dinyatakan pada sub topik 1.3, beberapa soalan kajian telah dibentuk agar ianya dapat memberi jawapan pada permasalahan kajian. Soalan-soalan kajian adalah meliputi:

- i. Bagaimanakah bentuk interaksi sosial dalam kalangan pelajar tingkatan 4 yang pelbagai etnik di SMK?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar tingkatan 4 yang pelbagai etnik di SMK?

- iii. Apakah strategi yang digunakan oleh SMK ini dalam meningkatkan interaksi sosial pelajar pelbagai etnik?

### **1.5 Kepentingan kajian**

Matlamat pendidikan negara, antaranya adalah bertujuan untuk perpaduan. Namun perpaduan hanya tercapai jika interaksi sosial pelajar berbeza etnik berada pada keadaan yang baik dan erat. Dapatan kajian ini berdasarkan beberapa objektifnya seperti mengenal pasti bentuk interaksi sosial yang wujud antara pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhinya serta strategi yang diamalkan oleh sekolah kajian, memberi kepentingannya seperti dinyatakan di bawah.

Kepentingan yang pertama, sudah tentulah kepada bidang sosiologi. Pada asasnya, bidang sosiologi mempunyai teori-teorinya yang tersendiri. Pada kebiasaanya teori-teori ini akan digunakan oleh pengkaji-pengkaji sosiologi untuk membantu pengkaji memahami sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat. Dalam konteks kajian ini, hasil dapatan kajian dapat menyokong idea-idea teori sosiologi (teori fungsionalisme, teori interaksionisme simbolik, teori pilihan rasional) yang telah digunakan. Tambahan pula, generalisasi dapatan dan perkaitannya dengan teori-teori yang telah digunakan dalam kajian ini boleh dibuat. Jadi dapatlah dikatakan bahawa kajian ini berkepentingan dalam konteks teori bidang sosiologi, kerana melalui dapatan kajian ini ianya berupaya menyokong idea sesuatu teori.

Seterusnya, kajian ini turut menyumbang kepada bidang ilmu sosiologi kerana metodologinya berbentuk kualitatif yang berupaya meneroka isu hubungan etnik secara terperinci. Ini agak berbeza dengan kajia-kajian lepas yang kebanyakannya berbentuk kuantitatif. Pada amnya, pendekatan kualitatif adalah sinonim dengan bidang sosiologi, kerana melaluinya, isu interaksi pelajar dapat difahami dalam keadaan natural. Selain itu, dapatan kajian juga dapat dijadikan sumber rujukan pada pengkaji akan datang dan sedikit sebanyak menambah informasi yang sedia ada berkaitan interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia.

Kepentingan kajian terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), adalah dapat memberi maklumat tambahan mengenai tahap hubungan pelajar di sekolah. Maka jika adanya kajian yang berterusan berhubung isu interaksi ini, ianya dapat membantu KPM agar melipatgandakan usaha dalam mengekalkan hubungan baik sesama pelajar. Dapatan kajian juga dapat memberi maklumat penting mengenai strategi yang berkesan yang diamalkan oleh sekolah ini untuk meningkatkan interaksi sosial pelajar. Dengan ini, pihak KPM boleh menggunakan maklumat ini dalam membantu sekolah-sekolah menengah lain yang mempunyai masalah dalam hubungan pelajar.


Kepentingan kepada pihak sekolah pula, hasil kajian ini gambaran kepada guru dan sekolah mengenai keadaan sebenar pergaulan pelajar pelbagai etnik. Dengan mengetahui keadaan sebenar, maka ini membantu mereka untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti sekolah yang berupaya mengeratkan hubungan pelajar tanpa mengira etnik ataupun agama. Selain itu, jika guru mengetahui keadaan sebenar interaksi

pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya, ini akan dapat memberi peluang kepada guru-guru merancang dan memikirkan aktiviti pengajaran yang berkesan dalam membantu meningkatkan lagi interaksi pelajar.

Dapatan kajian juga akan memberi faedah pada ibu bapa serta masyarakat sekeliling. Misalnya, apabila keadaan interaksi pelajar diketahui, ibu bapa dan masyarakat akan lebih memainkan peranan untuk menggalakkan hubungan baik antara pelajar.

### **1.6 Kerangka konseptual kajian**

Rajah 1.1 adalah kerangka konseptual kajian. Tujuan kajian ini adalah untuk menjawab isu kajian, iaitu interaksi sosial pelajar tingkatan empat pelbagai etnik. Oleh sebab itu, bagi menjawab isu kajian ini, skop kajian dan teori sosiologi yang berkaitan telah digambarkan dalam kerangka konseptual ini. Tanpa skop kajian dan teori bersesuaian, agak sukar kita melaksanakan kajian.



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan kerangka konseptual ini, pengkaji mempertimbangkan aspek situasi berlakunya interaksi. Situasi adalah merupakan aspek yang penting dalam kajian ini, kerana ianya mempengaruhi bagaimana bentuk interaksi yang terhasil antara pelajar-pelajar. Misalnya bentuk interaksi pelajar semasa situasi pembelajaran di kelas mungkin akan berbeza dengan bentuk interaksi semasa situasi di luar kelas (kantin, ko-kurikulum, perhimpunan dan sebagainya). Oleh yang demikian, interaksi sesama pelajar ini akan dikaji, diperhatikan semasa mereka berada di persekitaran sekolah. Di sekolah, akan adanya aktiviti sama ada situasi formal (sesi pembelajaran di kelas, aktiviti ko-kurikulum, perhimpunan, hari Sukan) dan situasi tidak formal (makan di kantin). Selain bentuk interaksi yang ingin dikenal pasti, pengkaji juga ingin

mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi serta strategi yang diamalkan oleh pihak sekolah dalam mengeratkan interaksi ini.

Berdasarkan kerangka konseptual, beberapa teori sosiologi turut digambarkan. Teori sosiologi yang bersifat makro seperti teori fungsionalisme berperanan dalam menganalisa sesuatu isu pada peringkat makro, misalnya struktur serta fungsi sesuatu bahagian dalam masyarakat. Manakala teori bersifat mikro adalah seperti teori interaksionisme simbolik dan teori pilihan rasional yang menganalisa sesuatu situasi pada peringkat mikro, iaitu memfokuskan peringkat individu-individu dalam masyarakat. Berikut diperincikan teori sosiologi yang digunakan dan perkaitannya dengan isu kajian ini.

Teori fungsionalisme ini menekankan fungsi perlakuan sosial institusi serta bahagian dalamnya untuk menyumbang kepada penerusan masyarakat. Menurut Schaefer (2009:14-17) setiap bahagian dalam masyarakat mempunyai fungsi tertentu yang harus dimainkan, agar kestabilan dapat dikekalkan. Perkaitan idea teori dan skop kajian ini, pengkaji ingin menganalisis sesuatu pekara pada peringkat makro, iaitu peranan-peranan yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu di sekolah. Dalam institusi sosial, seperti SMK akan adanya pihak pentadbir, guru-guru dan pelajar. Berdasarkan aliran fungsionalisme, setiap individu-individu ini perlu menjalankan fungsinya yang sesuai, agar sekolah mencapai matlamat sekolah dan ekspetasi masyarakat. Fungsi setiap individu dalam organisasi sekolah (pihak pentadbir, guru, pelajar) merupakan aspek makro, yang ditekankan oleh teori fungsionalisme ini.

Teori ini juga amat menekankan konsensus bersama, iaitu kesemua individu perlu bekerjasama agar matlamat organisasi dapat dicapai (Andersen & Taylor, 2000:26; Macionis, 2007:15). SMK adalah organisasi yang pada asasnya mempunyai pelbagai matlamat. Salah satu matlamat SMK adalah mengekalkan hubungan baik antara pelajar pelbagai etnik. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat sama ada pihak sekolah, guru dan pelajar memainkan peranan masing-masing, bagi mencapai matlamat mengekalkan interaksi baik antara etnik berbeza. Seharusnya, pelajar memainkan peranan mereka, seperti bergaul, bekerjasama dan melakukan pelbagai bentuk interaksi lain yang bersesuaian dengan rakan berbeza etnik. Selain itu pengkaji juga ingin melihat sama ada guru memainkan peranan dalam meningkatkan interaksi pelajar, misalnya melalui P&P dalam kelas. Pengkaji juga, ingin mengetahui sama ada pihak sekolah menjalankan fungsinya membuat strategi tertentu untuk mewujudkan interaksi sosial yang lebih baik di kalangan pelajar pelbagai etnik, seperti digambarkan dalam kerangka konseptual di atas. Apabila semua pihak memainkan peranan, matlamat sekolah dalam mengeratkan interaksi pelajar tercapai.

Teori kedua kajian adalah teori interaksionisme simbolik. Aliran teori ini menganalisis sesuatu fenomena pada peringkat mikro, iaitu interaksi antara individu. Teori ini berfokuskan hubungan bersemuka dalam konteks kehidupan seharian. Dalam interaksi seharian individu ini, sudah tentulah melibatkan penggunaan simbol tertentu. Simbol-simbol ini boleh dalam bentuk bahasa, ekspresi wajah, isyarat tertentu, yang mana ianya akan dipelajari dan diinterpretasi oleh individu yang terlibat dalam proses interaksi (Ritzer, 2008:365).

Teori ini menyatakan dalam proses interaksi seseorang menginterpretasi dan bertindak menurut kemauan masing-masing. Maka secara tidak langsung, aliran interaksionisme melihat individu yang berinteraksi mempunyai peranan aktif kerana boleh membuat pengubahsuaian dan mempunyai keupayaan berfikir (Ritzer, 2008:365). Maka perkaitan antara teori ini dan isu interaksi pelajar adalah dengan adanya kebolehan ini, pelajar di SMK boleh membuat pertimbangan dan memilih tindakan dan aksi yang bersesuaian dengan situasi semasa di sekolah. Dalam kajian ini, pelajar akan melakukan interaksi sosial terhadap lingkungan persekitaran multietnik dengan mempelajari makna atau simbol yang berada di persekitarannya. Oleh yang demikian, interaksi sosial pelajar pelbagai etnik terhasil, apabila mereka membentuk dan memberi reaksi serta makna tersendiri terhadap proses interaksi sesama mereka. Pelajar-pelajar juga dilihat sebagai individu yang aktif dan mempunyai kapasiti untuk memikirkan serta menentukan hidupnya. Misalnya dengan siapa mereka akan berinteraksi dan membina hubungan di sekolah.

Teori pemilihan rasional adalah teori ketiga kajian ini. Pada asasnya pilihan sesuatu tindakan adalah didasari oleh manfaat atau kebaikan yang bakal diperolehnya. Menurut Ritzer (2003:167-168), fokus utama teori adalah pelaku, di mana setiap pelaku akan mempunyai tujuan tertentu untuk mencapai serta memilih sesuatu. Kaitan idea teori ini dengan kajian ini adalah, pelaku adalah merujuk kepada pelajar, guru, pihak pentadbir serta agen sosialisasi yang lain, seperti rakan sebaya serta ibu bapa.

Berdasarkan idea teori yang dinyatakan di atas, pelaku akan memilih tingkah laku berdasarkan rasionalnya dan faedah yang bakal diperolehi hasil interaksi tersebut. Dalam kajian ini, jika pelajar memilih untuk berinteraksi dengan pelbagai pelajar agar hubungan erat terjalin dan tidak wujud konflik. Apabila hubungan erat terjalin secara tidak langsung pelbagai manfaat di perolehi misalnya dapat berbincang hal pelajaran. Interaksi sosial dalam konteks kajian ini, dilihat berlaku atas pilihan pelajar itu sendiri. Ini bermakna pelajar memilih untuk berhubung dengan seseorang berkemungkinan disebabkan faktor persamaan budaya, bahasa dan sebagainya. Selain itu, pelajar tidak berinteraksi dengan etnik lain juga berlaku atas pilihannya. Pilihannya mungkin dipengaruhi oleh sikap negatif yang terdapat dalam diri mereka seperti prejudis, stereotaip dan sebagainya. Penentuan sama ada untuk berinteraksi dengan etnik berbeza atau etnik yang sama adalah berdasarkan pilihannya dan faedah yang bakal diperolehi hasil interaksi tersebut.

Namun, menurut teori ini, terdapat sekatan atau '*constraint*' yang menghalang tingkah laku pelaku seperti sumber-sumber dan polisi institusi sosial yang ada di dalam sesebuah masyarakat (Ritzer 2003:168). Dalam kajian ini, pengkaji juga ingin mengenal pasti sama ada di SMK ini mempunyai sumber-sumber seperti persekitaran yang positif, program-program yang berkualiti dan strategi lain (polisi tertentu oleh pihak pentadbiran atau guru) yang dapat membantu meningkatkan proses interaksi sosial pelajar. Jika sekolah dalam kajian ini tidak mempunyai program berkesan sudah tentu ianya akan menjadi halangan dalam proses mengeratkan interaksi sehari-hari pelajar yang berbeza etnik.

Menurut Othman Lebar (2009:39), teori penting dalam membentuk kerangka konseptual kajian kerana kerangka konseptual adalah gambaran visual tentang teori yang digunakan, gambaran tentang apa yang difikirkan sedang berlaku dengan fenomena yang sedang dikaji. Oleh sebab itu, berdasarkan perbincangan ketiga-tiga teori dan perkaitannya dengan skop kajian, diharap ianya memberi kefahaman kepada pembaca mengenai kajian ini.

## 1.7 Definisi istilah

### 1.7.1 Etnik

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2007:10) etnik adalah satu kelompok individu yang mengamalkan budaya yang sama. Manakala Ferrante (2014: 265), menyatakan etnik adalah sekumpulan individu yang berkongsi budaya, dan mempunyai ciri budaya yang akan membezakan mereka daripada kelompok individu yang lain. Ramesh Chopra (2005:90) pula memberikan takrifan bahawa, etnik adalah satu kumpulan sosial yang mempunyai persamaan dalam aspek budaya, sejarah, identiti, bahasa dan agama. Aspek inilah yang membezakan mereka daripada kumpulan sosial yang lain. Dalam kajian ini, etnik yang dimaksudkan merujuk kepada kelompok Melayu, Cina, India dan Orang Asli yang menjadi responden kajian ini. Mereka ini berkongsi budaya yang membezakan antara satu sama lain.

### 1.7.2 Interaksi sosial

Menurut Schaefer (2009:104), '*sociologist use the term social interaction to refer the way in which people respond to one another, whether face to face or over the telephone or on the computer.*' Manakala Brym & Lie (2006:90) interaksi sosial adalah proses seseorang itu bertindak atau memberi gerak balas kepada orang lain dan ianya melibatkan secara bersemuka. Interaksi sosial pula menurut Ferrante (2014:26), adalah proses komunikasi sehari-hari yang berlaku dalam kalangan masyarakat, yang mana melibatkan proses interpretasi dan respon terhadap perkataan dan tingkah laku orang sekeliling. Dalam kajian ini, interaksi sosial berlaku antara kelompok etnik-etnik berbeza iaitu Melayu, Cina, India dan Orang Asli yang menjadi responden kajian ini. Interaksi ini berlaku secara bersemuka sepanjang sesi persekolahan mereka.

### 1.7.3 Sekolah

Menurut Schaefer (2012:85) mentakrifkan sekolah sebagai tempat untuk mengajar nilai budaya masyarakat. Manakala Kendall (2007:86), sekolah adalah tempat penyaluran budaya dan juga mengajar kemahiran tertentu. Selain itu, sekolah turut bermaksud tempat menerima ilmu pengetahuan, di mana akan adanya proses belajar (murid) dan proses mengajar oleh guru (Ensiklopedia Malaysiana, 1990:231). Howksby et al. (2002:664) dan Crystal et. al (2004: 1367) mentakrifkan sekolah adalah tempat untuk belajar dan diklasifikasikan kepada tahap sekolah rendah dan menengah. Sekolah dalam

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

kajian ini adalah merujuk kepada sebuah sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai pelajar multietnik (Melayu, Cina, India dan Orang Asli) yang berada di sebuah daerah di Perak.

### 1.8 Rumusan bab

Berdasarkan bab 1 ini, ianya dapat memberi gambaran mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah berkaitan isu interaksi pelajar di sekolah dan kenapa perlunya isu interaksi ini perlu dikaji. Selain itu, bab ini juga ianya dapat menjelaskan mengenai aspek kajian, objektif kajian, soalan kajian yang dijalankan dan kepentingan menjalankan kajian ini. Melalui kerangka konseptual kajian pula, beberapa aspek penting dapat dilihat seperti skop-skop kajian dan teori sosiologi yang diaplikasi bagi menjalankan kajian. Dalam bab seterusnya, iaitu Bab 2 pengkaji akan menghuraikan tentang beberapa aspek penting yang berkaitan dengan interaksi sosial etnik yang berbeza di Malaysia dan luar negara.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan bab

Bab ini membincangkan perbezaan konsep ras dan etnik daripada perspektif sosiologi dan rasional penggunaan konsep etnik berbanding ras. Selain itu, faktor-faktor yang menyumbang berlakunya kepelbagaian etnik di Malaysia serta kesan kepelbagaian etnik ini turut dibincangkan secara ringkas. Perkembangan pendidikan di Malaysia dan peranan pendidikan dalam memupuk perpaduan turut diperincikan pada bab ini. Ini termasuklah dasar-dasar pendidikan, pekeliling-pekeliling KPM yang bertujuan untuk perpaduan bermula daripada era selepas kemerdekaan, hingga sekarang dinyatakan secara ringkas. Berdasarkan tinjauan kajian, rumusan mengenai tema serta metodologi yang digunakan dalam kajian lepas dalam dan luar negara, telah

dirumuskan. Bagi memahami interaksi sosial antara etnik, perbincangan beberapa teori-teori sosiologi dan perkaitannya dengan konteks kajian telah dibuat.

## 2.1 Konsep ras dan etnik

Daripada perspektif sosiologi, terdapat perbezaan definisi konsep antara etnik (*ethnic*) dan ras (*race*) atau kaum. Ferrante (2011:262) *sociologist define race as human categories to which people are assigned. People in each category are connected by shared and selected ancestor, history and physical features.* Ras adalah pengelasan manusia berdasarkan ciri-ciri fizikal yang diwarisi oleh baka dan ras adalah pengelasan individu berdasarkan kepada warna kulit, rambut, mata dan juga saiz fizikal (Henze, Katz & Norte, 2000:199; Sullivan, 2007; 198; Kendall, 2007:255). Berdasarkan beberapa definisi ini, dapatlah dirumuskan bahawa ras adalah pengelasan kelompok manusia berdasarkan ciri fizikal. Ciri fizikal ini ditentukan oleh genetik dan iaanya diwarisi daripada satu generasi ke generasi seterusnya. Berdasarkan pengelasan ras ini, manusia terbahagi kepada 3 kumpulan utama, iaitu Kaukosoid, Mongoloid dan Negroid. Apa yang membezakan mereka adalah ciri fizikal seperti berambut kerinting, berkulit gelap, rupa paras, bentuk wajah dan sebagainya.

Berbeza pula konsep etnik daripada pandangan ahli sosiologi. Menurut Amir Hasan Dawi (2006:191), etnik atau *ethnos* (dalam bahasa Greek) merujuk kepada pengenalan diri seseorang yang mempunyai latar belakang keturunan nenek moyang yang sama dan mempunyai kesamaan daripada sejarah, negara asal, bahasa, tradisi,

struktur dan sistem nilai. Shamsul Amri Baharuddin (2007:10) pula memberi takrifan, etnik adalah satu kelompok individu yang mengamalkan budaya yang sama. Selain itu, istilah etnik juga merujuk kepada ciri-ciri kebudayaan, bahasa, agama, negara asal, makanan dan satu pegangan tentang asal usul sejarah yang sama yang diamalkan oleh sesuatu kelompok masyarakat (Ferrante, 2011: 268; Sullivan, 2007: 198; Henze, Katz & Norte, 2000:199).

Maka kesimpulannya, terdapat perbezaan antara pengelasan manusia berdasarkan ras dan etnik. Pengelasan secara ras adalah merujuk kepada aspek fizikal yang telah ditentukan oleh baka atau komponen genetik, manakala etnik pula lebih menumpu kepada aspek kebudayaan yang dikongsi bersama oleh sesuatu kelompok individu. Pengelasan manusia berdasarkan ras tidak sesuai digunakan pada era ini, kerana penggunaan konsep ras telah menyebabkan berlakunya ketidaksamaan dalam susun lapis atau hieraki masyarakat (Kendall, 2007:256-257; Schaefer, 2012:237). Selain itu, apabila pengelasan manusia berdasarkan ras digunakan, akan menimbulkan isu diskriminasi, rasisme, seperti yang pernah berlaku di beberapa buah negara di dunia. Misalnya semasa Dasar Apartheid diamalkan di Afrika Selatan suatu masa dulu. Menurut Wines (2011:18), semasa era apartheid iaitu bermula pada 1940an, golongan ‘white’ mengamalkan sistem segregasi kaum yang ketat dalam pelbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, perumahan, pengangkutan dan pekerjaan. Namun, selepas penghapusan dasar ini pada tahun 1991, sedikit sebanyak memberi peluang kepada masyarakat berkulit hitam untuk menikmati kesaksamaan semula dalam kehidupan seharian mereka.

Secara hakikatnya, tidak terdapat suatu ras yang tulen, jika kita ingin merujuk kepada 3 ras utama iaitu Kaukasoid (orang putih), Mongoloid (orang Asia Tenggara) dan Negroid (orang kulit hitam). Apabila berlakunya perkahwinan campur, kedudukan geografi yang berbeza, perubahan iklim, perkembangan teknologi moden, ini akan mempengaruhi perubahan fizikal seseorang manusia. Sebagai kesimpulannya, Landis (2000:181-182) menyatakan bahawa, konsep ras adalah samar dan sukar kerana pembahagian individu berdasarkan ciri fizikal yang diwarisi. Pengelasan manusia berdasarkan konsep etnik adalah lebih tepat dan sesuai daripada pandangan ahli sosiologi.

## 2.2 Sejarah kewujudan kepelbagaian etnik di Malaysia

Sejarah menunjukkan masyarakat pelbagai etnik, yang membawa pelbagai budaya telah wujud sejak awal kurun ke 15 lagi, semasa era pemerintahan kesultanan di Melaka. Kemasukan pelbagai etnik daripada seluruh pelusuk dunia pada ketika itu adalah disebabkan aktiviti perdagangan di pelabuhan Melaka (Jayum Jawan, 2003a: 4). Selain itu, perkahwinan campur turut menambah lagi kepelbagaian etnik di Malaysia. Misalnya, masyarakat Jawi Peranakan bertitik tolak apabila adanya perkahwinan campur antara lelaki Arab, India, Benggali, Punjabi, Gujerat dan Afghani dengan wanita Melayu tempatan. Namun di Pulau Pinang kebanyakan Jawi Peranakan mempunyai darah campuran antara etnik India dan Melayu (Omar Yusoff, 2010:4).

Perubahan pada struktur politik, iaitu galakkan migrasi etnik pada zaman penjajahan menyumbang kepada pertambahan kepelbagaian etnik (Azmah Abdul Manaf, 2001:1). Menurut Kanthasamy Nallusamy (2005:63) etnik India merupakan komuniti kedua terbesar yang berhijrah ke negeri–negeri Semenanjung Tanah Melayu selain daripada etnik Cina, akibat dasar politik British dan kemiskinan di negara asal (Ishak Saat, 2009: 198-199). Kemasukan etnik Cina ke Tanah Melayu pada ketika itu juga, adalah kerana keadaan ekonomi yang baik, iaitu perkembangan sektor perlombongan bijih timah (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010:63). Selain itu, keadaan kemiskinan dan perperangan di negara asal mereka telah menjadi faktor penolak yang menyebabkan etnik Cina dan etnik India berhijrah ke Tanah Melayu, (Azmah Abdul Manaf, 2001:9).

Peristiwa pembentukan Malaysia, pada 16 September 1969, di mana melibatkan penyatuan Sabah dan Sarawak dengan Tanah Semenanjung, juga telah menyebabkan pertambahan kepelbagaian etnik di Malaysia (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2007:80; Suseela Malakolunthu & Nagappan C. Rengasamy, 2012:148; Suhana Saad & Jacob, 2012:71).

Berdasarkan perlembagaan, penduduk di Malaysia dibahagikan kepada Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Bumiputera terdiri daripada etnik Melayu, Orang Asli dan peribumi Sabah serta Sarawak (Asma Abdullah & Pedersen, 2003:19). Manakala, bukan Bumiputera pula terdiri daripada etnik Cina dan India (Abdul Rashid Moten, 2003:5-6). Kepelbagaian etnik di Malaysia sememangnya satu

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS hakikat yang patut diterima. Sebagai contoh, menurut Miller (2007:11) di Sabah dan Sarawak dapat dilihat kepelbagaian suku etnik peribumi, bahasa, adat resam dan amalan kepercayaan yang tersendiri. Misalannya, di Sabah, terdapat 25 etnik antaranya adalah Kadazandusun, Bonggi, Murut, Kimarang, Bajau, Kwijau, Paitan, Lundayeh, Kedayan, Ubian, Sulu, Binadan, Bisaya, Kokos, Rumanau, Lotud, Minokok, Orang Sungai (Sungei), Rungus, Tatana, Tagaas, Suluk, Melayu, Iranum dan Ida'an Brunei (Ismail Said & Hussin Abdullah, 2009:74-75).

Pada asasnya, kepelbagaian etnik di Malaysia adalah hasil daripada beberapa faktor seperti penghijrahan penduduk, perkembangan ekonomi, dasar pemerintahan setempat, perkahwinan campur dan sebagainya. Namun, penjajahan adalah faktor utama yang menyebabkan kewujudan kemajmukan atau kepelbagaian etnik di Malaysia (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010:63).

Kepelbagaian etnik ini juga telah menyebabkan adanya pelbagai agama anutan, kepercayaan, bahasa serta adat resam yang berbeza antara satu sama lain. Dalam konteks masyarakat di Malaysia, agama merupakan identiti penting selaras dengan prinsip pertama Rukun Negara. Walaupun, Pekara 3(1) Perlambagaan Malaysia telah memaktubkan bahawa agama persekutuan dalam Islam, tetapi amalan agama lain boleh diamalkan tanpa halangan. Ini turut dinyatakan oleh Berns et al. (2005:23), walau pun Islam adalah agama rasmi, namun setiap etnik mempunyai kebebasan dalam mengamalkan agama serta kepercayaan masing-masing. Perbezaan agama merupakan fenomena biasa di kebanyakan negara yang pelbagai etnik. Akibat kepelbagaian etnik, budaya dan agama ini turut memberi kesan pada aspek ekonomi,

politik dan sosial (pendidikan) negara seperti yang dibincangkan pada subtopik berikutnya.

### 2.3 Kesan kepelbagaian etnik di Malaysia

Kewujudan etnik yang pelbagai dengan budaya yang berbeza merupakan satu keunikan pada Malaysia. Namun kadangkala kepelbagaian etnik memberi pelbagai kesan. Menurut Azizi Yahaya, Amir Hamzah Abdul & Sanif Sapaat (2002:3), masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan apabila adanya isu-isu sensitif, ini akan mengundang konflik antara mereka. Manakala M. Shamsul Haque (2003: 252) berpendapat '*it is clear that there are major domains of ethnic contestation in Malaysia, including politics and administration, business, economics, religion, culture, education and language.*'

Kebanyakan etnik Cina mampu menguasai ekonomi di Tanah Melayu apabila mereka berhijrah ke sini (Comber, 2007:4-5). Sedangkan, etnik Melayu masih dalam kemunduran dan tinggal di kawasan pedalaman menangkap ikan dan menanam padi. Etnik India pula masih di kawasan estet hidup dalam kemiskinan (Suseela Malakolunthu & Nagappan C. Rengasamy, 2012: 148; Abdul Rahman Arshad, 2007: 11-12). Maka, isu ketidakseimbangan pemilikan ekuiti antara 3 etnik dan rasa ketidakpuasan hati telah meggugat hubungan inter etnik ketika itu. Pada ketika ini juga isu ketidaksamaan pemilikan ekonomi masih menjadi isu kepada rasa ketidakpuasan hati sesama etnik.

Kesan kepelbagaian etnik turut memberi kesan pada aspek politik masyarakat Malaysia. Misalnya pelbagai parti politik muncul akibat daripada kepelbagaian etnik ini dan kebanyakannya parti politik ini adalah memperjuangkan kepentingan etnik masing-masing (Tunku Mohar Mokhtar, 2008:142). Tambahan pula, akibat wujudnya perbezaan dalam aspek politik, ianya turut memberi kesan pada hubungan etnik serta proses integrasi (Maznah Mohamad, 2005:20).

Kesan kepelbagaian etnik turut mempengaruhi sistem pendidikan Malaysia. Pendidikan yang berbeza aliran menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar masih ada sehingga sekarang (Sufean Hussin, 2004:4). Aliran persekolahan yang berbeza pada peringkat rendah masih wujud sehingga sekarang, adalah disebabkan sikap segelintir etnik, iaitu etnik Cina yang masih bertegas untuk mengekalkan sistem persekolahan masing-masing (Haris Md Jadi, 1990:194). Pengasingan pelajar berdasarkan aliran persekolahan berbeza ini, menyebabkan peluang berinteraksi dengan etnik berbeza tidak mungkin berlaku kerana persekitaran pembelajaran yang homogenous.

#### **2.4 Perkembangan pendidikan di Malaysia dan peranan pendidikan ke arah perpaduan etnik**

Sistem pendidikan dan sekolah bukan hanya berfungsi sebagai menyampaikan pelajaran atau ilmu pengetahuan sahaja. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, peranan sekolah serta pendidikan adalah meluas. Oleh sebab itu, sistem pendidikan yang dijalankan perlulah mengikut kesesuaian dan keperluan semasa masyarakat

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS pelbagai etnik di Malaysia. Salah satunya adalah untuk mengeratkan hubungan etnik dan perpaduan negara.

Sebelum diperincikan peranan pendidikan ke arah perpaduan, amatlah perlu kita melihat serba ringkas sejarah awal sistem pendidikan dan tujuannya. Jika diamati, ahli masyarakat daripada dahulu samapai sekarang, masih mementingkan pendidikan dalam kehidupan mereka. Cuma apa yang membezakan adalah, tujuan mendapatkan pendidikan senantiasa berubah mengikut peredaran zaman serta tuntutan semasa. Misalnya, pendidikan dalam kalangan masyarakat Malaysia, telah bermula sebelum kedatangan British lagi. Namun tujuan mendapatkan pendidikan pada ketika itu adalah lebih menumpukan ke arah meningkatkan kemahiran hidup seperti menjahit, memasak, bertukang dan mendalami ilmu agama seperti membaca Al-Quran. Ianya berlaku secara tidak formal dan diajari oleh keluarga terdekat. Walau bagaimanapun, sejak perluasan penyebaran Islam oleh empayar Melaka, telah bermulanya sistem persekolahan pondok yang agak sistematik. Secara amnya pendidikan turut dititikberatkan oleh ahli masyarakat pada ketika itu (sebelum kedatangan penjajah), namun ianya lebih mengarah kepada bentuk keagamaan dan mempelajari kemahiran untuk kemandirian diri.

Sistem pendidikan formal di Malaysia, bermula semasa era pemerintahan British. Tujuan pendidikan British ini bukanlah bertujuan untuk memberi kemahiran, ilmu atau membantu meningkatkan taraf hidup anggota masyarakat ketika itu (Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin, 2011:35). Ini adalah kerana fokus utama kedatangan British adalah untuk tujuan ekonomi. Setiap etnik bebas mengembangkan sistem

persekolahan masing-masing. Maka wujudlah pelbagai aliran sistem pendidikan berdasarkan bahasa ibunda mereka (Sufean Hussin, 2004:4; Suseela Malakolunthu & Nagappan C. Rengasamy, 2012:149). Akibat daripada sistem pendidikan berbeza inilah, telah menyebabkan kerenggangan hubungan etnik-etnik. Maka bolehlah dikatakan bahawa, pendidikan pada era British tidak membantu dalam proses perpaduan etnik berbeza.

Namun setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, semua pihak menyedari kepentingan dan peranan pendidikan dalam usaha menyatupadukan masyarakat. Pelbagai pendekatan, polisi telah dibuat dalam bidang pendidikan. Jadi, tujuan pendidikan selepas merdeka lebih menekankan elemen menyatupadukan anggota masyarakat. Sesungguhnya, pelbagai perubahan dalam bidang pendidikan telah dilaksanakan selari dengan tuntutan semasa, akan tetapi ianya tidak lari daripada tujuan asal, iaitu untuk menyatukan etnik berbeza.

Jika diteliti pada Akta Pendidikan 1996, terdapatnya elemen yang menitikberatkan perpaduan etnik melalui pendidikan. Akta ini digubal berdasarkan kepada Penyata Razak 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan Jawatankuasa Kabinet 1974, yang memfokuskan ke arah keseragaman pendidikan (Jayum Jawan, 2003a:175). Kesemua akta ini, bermatlamatkan perpaduan antara etnik di peringkat sekolah, iaitu melalui keseragaman dalam sistem pendidikan. Keseragaman dalam pendidikan, iaitu aspek bahasa pengantar, kurikulum dan sukatan pelajaran amat penting, bagi mengekalkan perpaduan (Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamiring (2011:

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 144-145). Selain keseragaman, penambahbaikan pada sistem pendidikan turut dibuat agar ianya lebih ke arah bercirikan Malaysia (Malaysianization). Misalnya buku teks, kurikulum yang menggambarkan etnik pelbagai yang ada di Malaysia.

Usaha memupuk hubungan baik antara etnik terus dilaksanakan, dengan pengenalan sekolah wawasan (gabungan SRK, SRJKC dan SRJKT). Gabungan tiga aliran sekolah berbeza, memberi peluang pelajar etnik Melayu, Cina dan India berinteraksi secara bersemuka dengan lebih kerap dalam kawasan yang sama (Sekolah Wawasan: Konsep dan pelaksanaan, 1995). Namun Sekolah Wawasan mendapat tantangan daripada etnik Cina kerana risau akan kehilangan identiti budaya melalui gabungan sekolah ini (Santhiram R. Raman & Tan Yao Sua, 2010: 127).

Usaha untuk menyatukan etnik turut diusahakan melalui Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) yang melibatkan sekolah rendah dan menengah. Melalui RIMUP, pelajar yang berbeza etnik dapat menjalankan pelbagai aktiviti secara bersama (Buku panduan rancangan integrasi murid-murid, 1985). Dengan ini, pelajar berpeluang berkenal-kenalan, belajar untuk menerima, menghormati budaya etnik lain dan kadangkala mereka berpeluang berkongsi budaya tertentu, misalnya makanan etnik lain.

Usaha memupuk perpaduan, usaha terus dibuat melalui medium pendidikan. Salah satunya, adalah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 bertujuan untuk membentuk perpaduan, iaitu melalui teras membina negara bangsa dan memperkasakan sekolah kebangsaan. Dalam membina negara bangsa, fokus

utama adalah merangkumi usaha-usaha seperti memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai asas perpaduan memupuk kecintaan terhadap seni dan warisan budaya.

(Sumber: Kad Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 -2010 : 2008).

Pada ketika ini pula, usaha untuk perpaduan masih diteruskan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Misalnya pada matlamat ketiga, iaitu melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai. Antara nilai tersebut seperti patriotisme, nilai menghormati etnik berbeza dan sebagainya. Maka bagi menanam nilai ini, perubahan dibuat pada kurikulum pendidikan. Perubahan ini melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan elemen Sivik menjelang 2017. Terdapatnya perubahan pada pedagogi untuk Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Dalam mata pelajaran Pendidikan Moral akan mengandungi pemahaman tentang nilai teras semua agama utama di Malaysia akan diajar kepada pelajar. Selain itu, kementerian juga bercadang bagi membolehkan murid bukan Islam berkongsi kelas yang sama apabila nilai-nilai sejagat diajar. Pendekatan ini diharap dapat membantu pelajar mengetahui dan menerima agama lain tanpa adanya rasa curiga.

Selain daripada beberapa polisi yang dibincangkan di atas, KPM turut juga mengeluarkan beberapa pekeliling yang dilihat sebagai usaha ke arah membentuk perpaduan di sekolah. Pekeliling merupakan suatu dokumen penting dalam memberitahu sesuatu perkara kepada semua sekolah-sekolah di Malaysia. Maka pengedarannya menggambarkan sesuatu penguatkuasaan yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan dan iaanya harus dipatuhi oleh semua sekolah.

Antara beberapa pekeliling KPM yang bertujuan untuk memupuk perpaduan pada peringkat sekolah adalah seperti Surat pekeliling ikhtisas bilangan 2/1971-Rukunegara; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 4/1975-Nyanyian lagu Negaraku; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 8/1975-Menyanyi lagu kebangsaan, lagu negeri dan mengibarkan bendera Persekutuan, bendera negeri di sekolah/Maktab perguruan; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 3/1984-Garis panduan mengenai aktiviti kebudayaan di sekolah; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 4/1984- Perhimpunan; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 10/2000-RIMUP; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 14/2000-Sambutan hari kemerdekaan peringkat sekolah; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 17/2000- Penubuhan kelab Rukunegara dan pelbagai lagi. Melalui pekeliling-pekeliling ini, diharap elemen perpaduan dapat dipupuk melalui program serta amalan yang telah digariskan dalam setiap pekeliling.

Selain itu, terdapat juga pekeliling yang memfokuskan penambahbaikan pada peringkat pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, surat pekeliling ikhtisas bilangan 10/1977 sukanan pelajaran sivik baru untuk tingkatan 4, 5; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 11/1977 sukanan pelajaran sejarah baru untuk tahun 4-6; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 5/1984-Pendidikan sivik di sekolah; Surat pekeliling ikhtisas bilangan 6/2004-pelaksanaan mata pelajaran pendidikan sivik kenegaraan untuk sekolah rendah/menengah. Penambahbaikan sebegini penting agar elemen perpaduan dapat diterapkan bermula di peringkat kelas. Secara keseluruhannya, kesemua pekeliling ini menggambarkan usaha pihak kerajaan untuk mempelbagaikan pendekatan untuk perpaduan. Usaha ke arah perpaduan bukan hanya terhad pada peringkat umum, namun turut bertumpu pada peringkat kelas.

Sesungguhnya, perpaduan amat penting bagi sesebuah negara, termasuklah Malaysia yang mempunyai pelbagai etnik. Jayum Jawan (2003a:161-162) mentakrifkan perpaduan adalah hasilan daripada proses integrasi bagi menghasilkan satu unit yang bersatu. Perpaduan melibatkan proses menyatukan anggota dan ia yang boleh dilaksanakan melalui satu ideologi (Aziela Hanafee, 2007:6). Di Malaysia ideologi yang digunakan adalah Rukunegara. Amalan pembacaan rukunegara di sekolah semasa perhimpunan, acara rasmi sambutan kemerdekaan peringkat sekolah dan acara rasmi lain sekolah, diharap dapat memupuk rasa kebersamaan di bawah satu identiti Malaysia dalam kalangan pelajar. Amalan lain adalah nyanyian lagu patriotik juga dilihat sebagai usaha membantu memupuk perpaduan bermula di peringkat sekolah. Aktiviti ko-kurikulum seperti badan beruniform, sukan juga banyak membantu etnik berbeza dalam pergaulan sehari-hari di sekolah. Ini juga dapat memupuk perpaduan secara natural. Selain itu melalui kurikulum sekolah yang seragam, bahasa seragam, sukatan mata pelajaran tertentu (Sejarah, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan) nilai perpaduan dapat dipupuk dalam kalangan pelajar.

Perpaduan dalam konteks Malaysia, amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti etnik-ethnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama. Sebaliknya di Malaysia, nilai menghargai, menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan serta identiti-identiti etnik yang berada di Malaysia amat ditekankan dan dianggap sebagai satu kelebihan yang dibanggakan. Konsep perpaduan sebeginilah yang cuba diterapkan oleh sistem pendidikan Malaysia.

Berdasarkan perbincangan serba ringkas mengenai perkembangan pendidikan maka jelas menunjukkan masyarakat Malaysia dahulu, masih mementingkan aspek pendidikan dalam kehidupan mereka. Cuma tujuan ahli masyarakat mencari pendidikan tersebut adalah berbeza mengikut era kehidupan. Namun perubahan ketara berlaku setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, yang mana elemen perpaduan etnik amat ditekankan dalam sistem pendidikan negara. Keadaan ini berterusan sehingga sekarang. Walaupun pelbagai penambahbaikan berlaku dalam sistem pendidikan, namun ianya tidak lari daripada usaha memupuk perpaduan etnik. Usaha memupuk perpaduan melalui pendidikan telah dilakukan melalui pelbagai cara sebagaimana dibincangkan di atas. Oleh yang demikian, peranan pendidikan dalam memupuk perpaduan memang tidak dapat dinafikan.

## 2.5 Kajian hubungan pelajar pelbagai etnik dalam sistem pendidikan

### 2.5.1 Kajian dalam negara

Hubungan etnik yang baik penting dalam mengekalkan keharmonian negara. Di samping itu pula, tahap hubungan pelajar merupakan '*indicator*' hubungan etnik dan integrasi nasional di Malaysia pada masa hadapan. Oleh yang demikian, pelbagai tema kajian berkaitan hubungan etnik dilakukan di peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi untuk melihat keadaan sebenarnya. Ini adalah kerana, di peringkat tertiari (universiti/ kolej),

sekolah menengah mahupun sekolah rendah komposisi pelajar yang pelbagai etnik kelihatan, maka sudah tentulah hubungan mereka perlu diberi dikaji.

Di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia, akan adanya komposisi etnik yang pelbagai. Maka amatlah perlu bagi kita mengetahui bagaimana keadaan sebenar pergaulan mereka, kerana mereka berada di persekitaran persekolahan yang sama. Jadi, pelbagai tema kajian dapat dilihat berkaitan hubungan etnik di sekolah menengah. Misalnya adanya sikap negatif seperti prejudis dan stereotaip menjadi tumpuan kajian oleh Mohd. Amar Ibrahim, Hazri Jamil & Najeemah Mohd. Yusof (2013). Kaedah ‘*survey*’ ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana sikap prejudis dan stereotaip dalam kalangan pelajar (Melayu, Cina dan India dari Tingkatan 1, 2 dan 4) di beberapa SMK. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam konstruk prejudis dan stereotaip murid sama ada mengikut jantina, etnik, jenis sekolah rendah asal dan mengikut tingkatan.

Kajian oleh Abu Bakar Nordin, Norlidah Alias & Saedah Siraj (2013) juga bertujuan untuk memahami interaksi antara pelajar sekolah menengah yang pelbagai etnik. Seramai 1720 pelajar pelbagai etnik daripada Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Bagi memahami interaksi pelajar, soal selidik berkaitan model integrasi etnik (*assimilation, multiple identities, multiculturalism*) telah digunakan bagi mendapatkan data kajian. Dapatan mendapati, pelajar Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak lebih cenderung memilih model integrasi asimilasi. Ini kerana, mereka merasakan

budaya kaum Bumiputera adalah dominan dan semua etnik bukan bumiputera (Cina, India) perlu menerimanya. Akan tetapi berbeza dengan pelajar bukan bumiputera, lebih cenderung memilih model integrasi ‘*multiple identities*’, berbanding model integrasi asimilasi, yang mana semua identiti etnik tidak dihapuskan.

Manakala kajian oleh Najeemah Mohd Yusof (2011) pula berfokuskan mengetahui sejauhmana tahap interaksi sosial antara murid pelbagai etnik di sekolah menengah. Kajian ini menggunakan soal selidik dan temu bual bagi mendapatkan data kajian. Dapatan menunjukkan faktor bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi adalah penghalang kepada interaksi antara pelajar berbeza etnik. Manakala faktor sempadan etnik pula adalah tebal (thick) dalam kalangan yang berasal daripada sekolah rendah monoetnik dan ini mempengaruhi hubungan mereka dengan rakan berbeza di sekolah.

Pelajar di SMK juga cenderung bergaul dengan etnik yang sama, walaupun berada di persekitaran multietnik. Polarisasi atau kecenderungan untuk bergaul dengan etnik yang sama dilaporkan dalam kajian oleh Mohd Radzi Noh (2012). Data kajian ini dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisa dokumen terhadap para pelajar dan guru-guru. Dapatan kajian mendapati bahawa interaksi lisan dalam kalangan pelajar berbeza etnik tidak berlaku dengan kerap dan hanya terjadi apabila adanya keperluan, misalnya semasa pembelajaran di kelas sahaja. Berlakunya polarisasi berterusan kerana pelajar menerima keadaan itu sebagai suatu kebiasaan.

Apabila kurangnya rasa penerimaan dengan hati terbuka, ianya juga mempengaruhi hubungan pelajar berbeza etnik. Kajian oleh Helen Tinga et al. (2010) bertujuan untuk mengetahui dengan terperinci sikap dan amalan pelajar di 4 buah SMK terhadap etnik yang berbeza budaya, agama dan kepentingan P&P. Melalui kaedah soal selidik dan temu bual, dapatan menunjukkan bahawa, pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah kurang membantu dalam memahami kaum yang berbeza. Selain itu, jarak sosial masih wujud, tetapi hubungan pelajar yang berbeza etnik masih baik.

Manakala kajian oleh Najeemah Mohd Yusof (2006) bertujuan untuk mengkaji pola interaksi sosial pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kaedah soal selidik digunakan bagi mendapatkan data daripada 15 buah SMK. Dapatan juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara faktor etnik, pencapaian akademik, sekolah asal semasa sekolah rendah, peringkat persekolahan (forms) dengan interaksi sosial pelajar. Faktor gender tidak mempengaruhi interaksi sosial pelajar.

Hubungan baik haruslah dipupuk bermula seawal usia, iaitu di peringkat persekolahan rendah. Maka, isu berkaitan hubungan pelajar di sekolah rendah turut dikaji, selain di SMK. Pelbagai tema mengenai hubungan pelajar di sekolah rendah dapat dilihat dalam kajian lepas.

Salah satunya adalah kepentingan persekitaran (monoetnik/multietnik) terhadap hubungan pelajar di sekolah rendah. Misalnya kajian oleh Yasmin

Ahmad & Najeemah M. Yusof (2013). Kaedah kajian adalah ‘survey’ telah melibatkan 12 buah sekolah rendah. Dapatan menunjukkan pentadbir sekolah dan guru yang berada di persekitaran sekolah monoetnik menghadapi masalah dalam menjalankan aktiviti yang berupaya untuk mengeratkan hubungan pelajar berbeza etnik kerana faktor persekitaran sekolah yang homogenous (monoetnik). Ini jelas menggambarkan akan kepentingan persekitaran sekolah multietnik dalam memberi peluang serta ruang bagi pelajar bergaul dengan etnik berbeza dalam keadaan semulajadi.

Bagi melihat pergaulan pelajar sekolah rendah dalam persekitaran multietnik, terdapat kajian telah dijalankan di sekolah wawasan. Sekolah wawasan merupakan gabungan tiga aliran iaitu SRK, SRJKC dan SRJKT. Kajian oleh Najeemah Mohd Yusof (2012) menumpukan kepada interaksi sosial pelajar di peringkat rendah, iaitu di Sekolah wawasan. Pendekatan kuantitatif (soal selidik) dan kualitatif (pemerhatian, temu bual berkumpulan) digunakan untuk mendapatkan data kajian. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor seperti bahasa, batasan etnik, prejudis, stereotaip, jarak sosial, bentuk persahabatan, latar belakang keluarga, peranan guru, peranan pentadbir sekolah yang mempengaruhi interaksi pelajar. Selain itu dapatan pemerhatian mendapati pelajar cenderung bergaul dengan etnik sama, walaupun berada di persekitaran sekolah multietnik.

Tema lain kajian lepas adalah mengenai kepentingan strategi bersesuaian dalam membantu mengeratkan hubungan etnik. Ini dibuktikan

melalui kajian oleh Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof (2012). Kajian berbentuk ‘*survey*’ ini bertujuan untuk membuat perbandingan jarak sosial serta sempadan etnik antara pelajar yang belajar di sekolah multietnik dan monoetnik di Malaysia. Dapatan kajian ini, mendapati jarak sosial dan sempadan etnik masih tinggi di kalangan pelajar di monoetnik atau multietnik dan ini mempengaruhi hubungan pelajar. Akan tetapi, jarak sosial dan sempadan etnik di SJKT (sekolah monoetnik) adalah rendah kerana terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh sekolah dalam usaha meningkatkan kefahaman dan penerimaan murid terhadap kewujudan etnik yang berbeza di Malaysia.

Kepentingan pendekatan serta strategi bersesuaian turut diperolehi daripada kajian oleh Abdul Talib Mohamed Hashim (2009). Melalui penggunaan kaedah temu bual (berkumpulan/ individu), pemerhatian (kelas/aktiviti sekolah) dan analisa dokumen, persepsi serta respon terhadap kepelbagaian budaya dan pendekatan yang digunakan oleh sekolah dalam menghadapi situasi kepelbagaian budaya telah dikaji. Hasil dapatan mendapati terdapat beberapa pendekatan yang bersesuaian seperti program bahasa, program keagamaan, sambutan hari kemerdekaan, langkah menangani isu gender dan penambahbaikan amalan pengajaran dan pembelajaran di kelas telah dilaksanakan untuk menghadapi isu atau situasi kepelbagaian di sekolah dalam kalangan para pelajar berbeza etnik ini.

Hubungan pelajar di universiti juga menjadi tumpuan pengkaji kerana di universiti juga, ianya mempunyai komposisi etnik pelbagai sebagaimana di sekolah. Maka dapatan kajian mengenai hubungan pelajar di universiti turut memberi informasi yang berguna bagi negara kita. Terdapat beberapa kajian yang dilaksanakan bagi melihat keadaan hubungan pelajar berbeza etnik ini di universiti.

Dalam usaha memperbaiki hubungan etnik, bukan hanya bergantung kepada interaksi yang berterusan sahaja, malah kualiti interaksi juga mempengaruhinya. Kajian oleh Ezhar Tamam, Fazilah Idris & Wendy Yee Mei Tien (2011) menngunakan pendekatan ‘*survey*’ menunjukkan bahawa, untuk membina hubungan baik, bukan hanya bergantung pada kekerapan berinteraksi sahaja, malah ianya perlu mempunyai ciri-ciri ‘*personalized*, ‘*meaningful*’ dan ‘*non-superficial*’ dalam sesuatu hubungan pelajar.

Ramlee Mustafa et al. (2009) dalam kajiannya berkaitan hubungan pelajar universiti menunjukkan menunjukkan tahap penerimaan pelajar terhadap kepelbagaian etnik dan budaya adalah tinggi. Tahap interaksi pelajar juga baik, terutamanya melibatkan hal ehwal pembelajaran. Namun perbezaan agama dan kepercayaan menyebabkan segregasi dalam kalangan pelajar, misalnya pelajar berbeza etnik enggan berkongsi bilik asrama disebabkan perbezaan agama.

Manakala kajian oleh Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar &

Anis Ayuni Binti Che Ghani (2010), berminat untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan (knowledge), sikap (attitude) dan amalan (practice) di kalangan etnik dan gender pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan (knowledge), sikap (attitude) dan amalan (practice) di kalangan pelajar terhadap perbezaan budaya dalam masyarakat berada pada tahap yang sederhana. Selain itu tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan (knowledge), sikap (attitude) dan amalan (practice) antara pelajar etnik Cina, Melayu dan India serta gender pelajar.

Sejarah menunjukkan hubungan etnik Melayu dan Cina pernah mengalami ketegangan, iaitu pada 13 Mei 1969. Kajian oleh Chin Yee Mun (2013) bertujuan untuk meneroka hubungan pelajar universiti (etnik Cina, Melayu). Kaedah kualitatif, iaitu temu bual berkumpulan (8 kumpulan) digunakan agar isu ini difahami dengan mendalam. Dapatan menunjukkan kurangnya pergaulan antara etnik Cina dan Melayu adalah kerana setiap etnik telah membentuk satu identiti serta sempadan etnik melalui sosialisasi daripada keluarga dan rakan. Pengalaman sosialisasi (socialization experiences) oleh keluarga dan rakan telah menyebabkan terbentuknya satu identiti etnik tersendiri, yang mana menyebabkan kerenggan pada hubungan mereka.

Akan tetapi berbeza dengan dapatan kajian oleh Ezhar Tamam (2009), yang mana menunjukkan dapatan positif pada hubungan pelajar Melayu dan

Cina. Dapatkan menunjukkan perhubungan inter etnik Cina dan Melayu adalah positif. Pelajar sedar akan kepentingan untuk mewujudkan hubungan inter etnik yang baik dan mereka menyedari sumbangan setiap etnik dalam pembangunan negara. Daripada dapanan ini, jelas menggambarkan, kewujudan etnik berbeza masih diperlukan.

Tema dapanan kajian lepas juga menunjukkan adanya fenomena polarisasi dalam kalangan pelajar universiti. Misalnya kajian oleh Amir Hasan Dawi (2004), menggunakan pendekatan etnografi mendapati polarisasi adalah disebabkan faktor dalaman universiti dan faktor luaran (habitus etnisiti-etnisiti yang telah tertanam atau disposisi dalam diri setiap pelajar sejak awal lagi).

Dapatkan kajian oleh Zaharah Hassan et al. (2010) juga menunjukkan berlakunya polarisasi dalam kalangan pelajar. Berdasarkan temu bual secara berkumpulan (3 pelajar etnik Cina, seorang etnik India, seorang etnik Sikh dan 5 orang etnik Melayu), berlakunya polarisasi adalah disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai budaya etnik lain, kelemahan pada kurikulum universiti dan masalah bahasa yang berbeza.

Oleh kerana pelbagai kajian menunjukkan polarisasi, kerajaan telah membuat strategi bersesuaian. Salah satunya adalah, memperkenalkan modul hubungan etnik di universiti. Kajian Khalim Zainal, Taip Abu & Zulkifli Mohamad (2010), adalah untuk melihat sejauhmana modul ini membantu mengubah sikap pelajar terhadap etnik di sekelilingnya. Maka

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS melalui pendekatan kaedah ‘*survey*’, sikap pelajar terhadap aspek budaya, identiti, stereotaip, interaksi, prejudis dan kepelbagaian sebelum mengikuti modul ini dan selepas mengikuti modul ini dikaji. Dapatkan menunjukkan bahawa, keberkesanannya modul ini dalam meningkatkan rasa penerimaan serta toleransi terhadap etnik berbeza.

### **2.5.2 Kajian luar negara**

Sekolah-sekolah di luar negara juga mempunyai pelajar-pelajar berbeza etnik, maka agak sukar mengekalkan hubungan baik sesama mereka. Pelbagai penyebab yang menyumbang kepada hubungan tidak baik sesama etnik ini. Antaranya seperti sikap negatif (prejudis, stereotaip, rasisme), diskriminasi dalam polisi, segregasi dan pelbagai lagi. Maka, beberapa kepelbagaian tema dapat dilihat daripada dapatan kajian lepas yang berkaitan isu hubungan pelajar berbeza etnik ini.

Sikap-sikap negatif sememangnya memberi kesan negatif dalam hubungan etnik berbeza. Apabila sikap negatif seperti stereotaip, prejudis dan pelbagai lagi ada dalam diri pelajar, ini akan menyebabkan hubungan baik tidak dapat dipupuk. Kesan sikap negatif kepada hubungan etnik dilaporkan dalam beberapa kajian lepas. Salah satunya adalah dapatan oleh Brockett, Village & Francis (2010) menunjukkan sikap pelajar terhadap etnik lain adalah positif dan neutral. Akan tetapi, ‘*contact*’ yang baik akan menyebabkan tahap prejudis antara etnik yang berbeza, berkurang. Ini menunjukkan bahawa

adanya perkaitan antara sikap negatif (prejudis) dan hubungan etnik. Dapatkan kajian ini adalah berasaskan kepada soal selidik terhadap pergaulan sehari-hari pelajar di Sekolah Menengah di Utara England.

Jika tahap keimbangan antara etnik berbeza wujud, hubungan akan terjejas. Aspek kajian oleh Finchilescu (2010), adalah meliputi pengukuran sikap prejudis, stereotaip dan keimbangan pelajar terhadap rakan daripada etnik lain. Kajian berbentuk kuantitatif ini melibatkan 3 etnik sahaja, iaitu '*black, colored*' dan '*white*' bagi melihat sama ada prejudis dan stereotaip telah menyebabkan kewujudan keimbangan dalam hubungan pelajar yang berbeza etnik. Dapatkan yang diperolehi turut menunjukkan bahawa stereotaip, prejudis adalah faktor penting yang menyebabkan wujudnya keimbangan terhadap etnik lain dan seterusnya menghalang perhubungan pelajar yang berbeza etnik dalam kajian ini.

Perkaitan antara sikap negatif dan kesan pada kepada hubungan interetnik turut dibuktikan dalam kajian Smith (2009). Kajian berbentuk kualitatif yang mana melibatkan responden seramai 10 orang pelajar etnik *African American* dan *European American* mendapati hubungan interetnik memberi banyak faedah dalam aspek pembelajaran, membantu dalam memahami budaya serta dapat meningkatkan penerimaan perbezaan antara etnik. Namun berdasarkan kajian ini, sikap prejudis menghalang dalam membentuk hubungan persahabatan antara etnik yang berbeza.

Selain daripada sikap negatif, sememangnya konflik dan rasisme tidak dapat dielakkan dalam kalangan pelajar pelbagai etnik sebagaimana dapatan kajian oleh Hardie & Tyson (2013). Kajian ini menggunakan kaedah etnografi (kualitatif) dan melibatkan pentadbir sekolah, guru serta pelajar. Majoriti pelajar di sekolah *Cordington High School di North Carolina* adalah etnik *Whites* (80%), *Blacks* (10%) dan hanya 1% etnik *Hispanics*. Dapatan mendapati adanya konflik antara pelajar berbeza etnik dan isu perkauman berterusan di sekolah ini adalah disebabkan berlakunya segregasi etnik di kelas (berdasarkan faktor pencapaian akademik, pengasingan kedudukan mengikut etnik) dan sikap pelajar yang mempunyai *clique* berdasarkan etnik masing-masing.

Isu mengenai kurangnya percampuran dan segregasi serta cenderung bergaul dengan etnik yang sama turut dilaporkan dalam kajian di luar negara. Di luar negara, segregasi etnik sering berlaku antara etnik majoriti dan minoriti. Salah satu kajian, adalah seperti kajian oleh Keizan & Duncan (2010). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pemerhatian dan temubual berkumpulan. Responden melibatkan pelajar yang bersekolah di *racially integrated high school* di Gauteng, Afrika. Didapati adanya segregasi dan juga kadangkala percampuran antara etnik di sekolah ini. Percampuran dapat dilihat semasa sukan, manakala apabila masa kelapangan, etnik lebih gemar bergaul dengan etnik yang sama. Akan tetapi hasil pemerhatian mendapati pelajar perempuan etnik *White* cenderung bergaul dengan etnik sama berbanding etnik lain.

Selain itu, apabila adanya persamaan dalam beberapa aspek, akan membantu proses membina hubungan baik antara pelajar. Pada asasnya, pelajar cenderung membina hubungan baik dengan rakan yang mempunyai banyak persamaan dengannya. Kajian oleh Stearns, Buchmann & Bonneau (2009), melibatkan pelajar kolej ('*Latino*, ' *Asian*, ' *Black*' dan '*White*'), yang menggunakan borang soal selidik mendapati pelajar cenderung memilih rakan daripada etnik yang sama. Ini kerana etnik yang sama berkongsi budaya, latar belakang, sikap yang hampir sama antara satu sama lain.

Oleh kerana hubungan pelajar berbeza etnik amat penting, maka terdapat juga kajian di luar negara yang melihat apabila pendekatan bersesuaian mampu memberi peluang serta meningkatkan hubungan dan rasa penerimaan antara pelajar pelbagai etnik. Pendekatan yang dilaksanakan boleh dilihat dalam pelbagai bentuk.

Misalnya kajian Chongruksa & Prinyapol (2011) telah membuktikan bahawa pendekatan melalui kaunseling dapat membantu meningkatkan hubungan etnik. Kajian ini adalah berbentuk eksperimental, di mana melibatkan 4 kumpulan pelajar (2 kumpulan eksperimen; 2 kumpulan kawalan), untuk mengetahui kesan kaunseling dalam mengurangkan bias dan prejudis antara pelajar *Thai Buddhist* dan *Thai Muslim*. Dapatan menunjukkan sememangnya pendekatan sebegini, mampu meningkatkan tahap kesedaran, menghormati terhadap kepelbagaian budaya dalam diri pelajar. Selain itu, tahap prejudis dapat dikurangkan melalui pendekatan ini.

Manakala kajian oleh Ya-Chen Su (2011) menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pengumpulan data melalui temu bual, pemerhatian di kelas serta analisa folio pelajar. Tujuan kajian adalah untuk melihat kesan tugas folio dalam meningkatkan kesedaran serta kefahaman terhadap budaya etnik lain. Dapatan kajian mendapati, melalui pendekatan kerja tugas ini, pelajar lebih terdedah kepada budaya lain, membina rasa berfikir secara kritis dalam menerima budaya lain. Ini juga dilihat sebagai strategi dalam mengeratkan hubungan etnik berdasarkan dapatan kajian ini.

Green et al. (2013) turut menggunakan pendekatan pemerhatian dalam memahami hubungan pelajar, selain daripada temu bual bersama guru dan ibu bapa bagi mendapat data tambahan. Melalui kajianya pula mendapati bahawa strategi penggunaan video untuk meningkatkan interaksi baik sesama pelajar di kelas amatlah positif. Sememangnya, soal selidik digunakan bagi mendapatkan data kajian, akan tetapi melalui kaedah pemerhatian keadaan sebenar hubungan pelajar dapat diperhatikan secara natural dan ini amat membantu dalam memahami isu ini.

Secara keseluruhan berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas, sama ada di Malaysia atau luar negara, hubungan pelajar berbeza etnik kadangkala baik dan kadangkala sebaliknya. Berdasarkan tinjauan kajian-kajian di luar negara kebanyakannya yang timbul adalah berkaitan sikap negatif seperti prejudis, stereotaip, rasisme yang ada antara etnik majoriti (White) dan minoriti. Golongan minoriti adalah seperti etnik *African American, Hispanics, Latino*,

*Asian Americans* dan pelbagai lagi. Sememangnya di luar negara, kajian adalah lebih berfokuskan kepada hubungan dan konflik yang kerap berlaku antara etnik majoriti serta minoriti. Selain itu, perbezaan dalam aspek budaya sesama mereka, polisi dalam sistem pendidikan negara di Barat (tracking systems), yang mana menyebabkan halangan pada hubungan etnik majoriti dan minoriti merupakan antara tema-tema dalam kajian lepas. Tema berkaitan pendekatan yang bersesuaian dalam meningkatkan hubungan etnik di sekolah turut menjadi tumpuan pengkaji di luar negara. Daripada aspek kaedah pula, terdapat kajian lepas di luar negara yang menggunakan kaedah kuantitatif (Brockett, Village & Francis, 2010; Finchilescu, 2010; Stearns, Buchmann & Bonneau, 2009; Green et al. 2013) dan kaedah kualitatif (Smith, 2009; Hardie & Tyson, 2013; Keizan & Duncan, 2010; Ya-Chen Su, 2011) dalam mengkaji hubungan etnik. Kedua-dua kaedah ini, sama ada kuantitatif atau kualitatif memberi informasi berguna dalam memahami isu hubungan pelajar pelbagai etnik.

Di Malaysia, kajian-kajian lepas mengenai hubungan etnik menunjukkan kepelbagaian tema yang penting. Antaranya merangkumi kesan persekitaran sekolah (monoetnik/multietnik) terhadap hubungan pelajar, sikap pelajar terhadap kepelbagaian budaya serta etnik, pendekatan untuk meningkatkan hubungan pelajar, bagaimana identiti etnik terbentuk, pola interaksi antara pelajar pelbagai etnik, persepsi model integrasi etnik (assimilation, multiple identities, multiculturalism) yang bersesuaian untuk Malaysia dan elemen bahasa, kebudayaan serta pengaruhnya terhadap

hubungan pelajar. Ini agak berbeza dengan kajian luar negara, di mana tema kajian lebih ke arah mengkaji isu perkauman, diskriminasi, sikap negatif keterlaluan antara etnik minoriti dan majoriti di sesebuah negara.

Selain itu, tinjauan kajian lepas mendapati banyak pengkaji terdahulu menggunakan kaedah kuantitatif (Yasmin Ahmad & Najeemah M. Yusof, 2013; Abu Bakar Nordin, Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2013; Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof, 2012; Ezhar Tamam, Fazilah Idris & Wendy Yee Mei Tien, 2011) untuk mengkaji isu hubungan pelajar pelbagai etnik. Akan tetapi, dalam isu berkaitan hubungan etnik di sekolah, penggunaan kaedah kualitatif adalah lebih sesuai. Ini adalah kerana, ianya dapat memberi informasi yang lebih terperinci kerana melibatkan pengutipan data di lapangan dalam keadaan natural. Maka, justifikasi mengapa kaedah kualitatif (kajian kes) dipilih bagi meneroka interaksi pelajar pelbagai di sebuah SMK akan dibincangkan secara terperinci pada bab 3 (metodologi).

Selain itu, melalui tinjauan kajian lepas, ianya dapat memberi informasi apakah aspek kajian yang penting yang memerlukan kajian lebih lanjut. Maka, aspek penting yang perlu dikaji dengan lebih lanjut ini telah dikenal pasti dan ianya telah dinyatakan pada sub topik 1.3 (objektif kajian). Aspek penting dalam objektif kajian ini, dipilih kerana ianya dapat memberi maklumat mengenai keadaan hubungan pelajar, faktor mempengaruhinya serta pendekatan dalam meningkatkan hubungan pelajar oleh sebuah sekolah menengah multietnik. Justifikasi skop kajian yang dilakukan dan kepentingan

bagi menjalankan kajian ini telah dinyatakan pada sub topik 1.2 dan sub topik 1.5.

## 2.6 Teori-teori sosiologi berkaitan interaksi sosial

Apakah teori? Menurut Leedy & Ormrod (2005:4) teori adalah konsep yang tersusun dan suatu prinsip untuk menerangkan fenomena tertentu. Manakala menurut McMillan & Schumacher (2006:14), teori dapat meramal dan menerangkan fenomena semulajadi. Verma & Mallick (1999:6-7) pula menyatakan bahawa, teori adalah satu himpunan idea, satu set pernyataan-pernyataan dalam menerangkan sesuatu, di mana iannya memberitahu kita bagaimana dan kenapa sesuatu perkara berkait antara satu sama lain dan teori yang baik adalah berasaskan fakta dan bukti yang kukuh.

Berdasarkan takrifan yang dinyatakan di atas, menunjukkan bahawa teori amat penting. Maka tidak hairanlah dalam setiap bidang akan adanya teori tertentu, begitu jugalah bidang sosiologi. Dalam bidang sosiologi, teori memainkan peranan penting kerana ia menjelaskan fenomena dalam masyarakat agar kita lebih memahaminya. '*Sociological theories' is a set of interrelated ideas that allow for systematization of knowledge of the social world, the explanation of that world and predictions about the future of the social world*' (Ritzer 2003:5). Maka adalah perlu kita memahami teori agar dapat memberi gambaran penting tentang sesuatu perkara yang berlaku dan yang bakal berlaku dengan lebih komprehensif. Terdapat beberapa teori yang mempunyai perkaitan dengan interaksi seharian manusia seperti dinyatakan di bawah.

## 2.6.1 Teori Fungsionalisme

Teori fungsionalisme merupakan teori klasik sosiologi yang bertitik tolak daripada beberapa idea serta hasil kerja tokoh sosiologi seperti Herbert Spencer (1820-1903), Emile Durkheim (1858-1917), Talcott Parson (1902-1979) dan Robert K. Merton (1910-2003) (Tishler, 2011: 19).

Herbert Spencer (1820-1903) merupakan antara tokoh yang mengemukakan idea-idea asas teori ini, iaitu struktur dan fungsi. Spencer menganggap masyarakat adalah sebagai satu sistem berstruktur dan mempunyai bahagian berkait rapat antara satu sama lain, samalah seperti bahagian dalam badan organisma hidup (O'Byrne, 2011:23-24). Emile Durkheim (1858-1917), pula mengemukakan 2 konsep penting, iaitu '*conscience collectives*' dan '*differentiation*'. Apa yang dimaksudkan oleh Durkheim, *conscience collectives* adalah sistem nilai serta norma yang menyatukan anggota-anggota masyarakat. Berdasarkan konsep '*conscience collectives*', ini lahirlah konsep asas penting teori, menekankan konsensus bersama yang berupaya menyatukan anggota masyarakat. Manakala berasaskan konsep '*differentiation*' oleh Durkheim pula, telah menyebabkan adanya penekanan akan pentingnya fungsi-fungsi individu-individu lebih teratur dan jelas dalam sesebuah masyarakat (O'Byrne, 2011:24-25). Maka, idea Durkheim ini turut menyumbang kepada perkembangan aliran fungsionalisme ini. Manakala idea Talcott Parson (1902-1979), pula menyumbang kepada idea teori fungsionalisme yang lebih lengkap, yang mana

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS melibatkan satu model masyarakat yang lebih teratur dan bagaimana bahagian-bahagian kecil dalam masyarakat saling berhubungan antara satu sama lain membentuk masyarakat yang stabil (O'Byrne, 2011:25-26).

Berdasarkan hasil idea tokoh-tokoh terdahulu, dapatlah disimpulkan bahawa aspek penting dalam teori ini adalah ianya menumpukan kepada fungsi perlakuan bahagian-bahagian yang menyumbang kepada penerusan masyarakat. Aliran fungsionalisme menganggap masyarakat seperti tubuh badan manusia, yang mempunyai bahagian-bahagian dan mempunyai fungsi-fungsi tertentu (Amir Hasan Dawi, 2006:29). Perspektif ini juga menekankan kepentingan bahagian-bahagian struktur dalam masyarakat menjalankan fungsinya agar kestabilan masyarakat dapat dikekalkan (Schaefer, 2009:14-17). Oleh yang demikian, setiap individu perlu menjalankan fungsinya sesuai dengan kehendak dan ekspetasi masyarakat. Teori ini menekankan konsensus bersama, iaitu kesemua individu perlu bekerjasama agar matlamat dapat dicapai.

Dalam sistem pendidikan Negara, terdapat bahagian-bahagian tertentu, bermula daripada peringkat pembuat dasar iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), peringkat penyebaran (Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah) dan akhir sekali peringkat pelaksana iaitu sekolah. Kesemua bahagian dalam sistem pendidikan ini, harus memainkan peranan dalam mencapai matlamat bersama.

Sekolah mempunyai pelbagai peranan, salah satunya adalah mengeratkan interaksi baik antara pelajar berbeza etnik. Oleh yang demikian, semua individu yang ada di sekolah, seperti guru, pihak pentadbir dan pelajar, rakan sebaya harus memainkan peranan dan menjalankan fungsi masing-masing agar matlamat bersama di sekolah menengah kebangsaan tercapai, iaitu perpaduan etnik.

Perkaitan idea teori ini seperti dinyatakan di atas dan konteks kajian pengkaji adalah untuk melihat peranan sekolah dalam meningkatkan interaksi sosial yang baik sesama pelajar. Bagi memastikan pendidikan Negara mencapai matlamat pendidikan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), sekolah sebagai pelaksana dasar perlu lebih proaktif dalam usaha untuk merancang strategi bersesuaian agar ia mampu untuk merapatkan hubungan antara etnik di sekolah. Jika sesebuah sekolah komited dalam melaksanakan sesuatu strategi, maka kesan yang positif dapat dilihat dalam meningkatkan interaksi antara etnik yang berbeza. Secara umumnya, KPM sememangnya mengeluarkan pelbagai dasar dan pekeliling, akan tetapi sekolah seharusnya mematuhi dan melaksanakan dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan sekolah sebagai alat perpaduan pelajar tercapai.

Berasaskan teori fungsionalisme yang dinyatakan di atas, pihak guru juga perlu memainkan peranan sebaik mungkin, misalnya melalui pengajaran yang mampu mengeratkan interaksi antara pelajar, tidak menunjukkan sikap

negatif (bias, prejudis) agar ianya menjadi contoh teladan baik pada pelajarnya. Manakala pelajar, seharusnya menjalankan fungsinya, antaranya bersahabat baik dengan pelajar lain.

Walau bagaimanapun, jika kesemua individu-individu tidak menjalankan peranan sepatutnya, maka berlakulah disfungsi pada struktur sosial (Andersen & Taylor, 2000:26). Perkaitan idea ini dengan konteks kajian pengkaji adalah, jika individu seperti pihak pentadbir, guru, pelajar tidak melaksanakan fungsi yang sepatutnya sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat, kerajaan, sudah tentulah disfungsi berlaku pada sekolah (struktur sosial).

### **2.6.2 Teori interaksionisme simbolik**

Antara tokoh yang menyumbang kepada aliran interaksionisme ini adalah George Herbert Mead (1863-1931), Herbet Blummer (1900-1987) dan Erving Goffman (1922-1982). Mead melalui konsepnya banyak mempengaruhi perkembangan aliran interaksionisme ini.

Teori ini mengkaji sesuatu kejadian, fenomena pada peringkat mikro, iaitu interaksi sesama individu. Melalui interaksi ini, akan melibatkan penggunaan simbol tertentu, bahasa badan (body language), bahasa, isyarat tertentu dan ianya memerlukan interpretasi antara individu yang terlibat (Ritzer, 2008:365). Melalui interaksi ini juga, individu-individu akan

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS mempelajari norma, nilai sosial budaya yang diharapkan oleh masyarakat. Perkaitan idea teori ini dan interaksi pelajar di SMK, apabila belajar berinteraksi dengan rakan di sekeliling ianya akan mempelajari dan berlakuan seperti yang dijangkakan oleh masyarakat. Selain itu, semasa proses interaksi ini akan melibatkan penggunaan simbol (gerak geri, isyarat tertentu, bahasa) dan berlakunya penafsiran simbol-simbol ini berdasarkan perspektif pelajar yang terlibat dalam interaksi ini. Dengan perkataan mudah, segala bentuk perlakuan, maknanya hanya diketahui oleh diri pelajar itu sendiri sahaja.

Akan tetapi, setiap individu berupaya mengubahsuai makna simbol yang mereka gunakan berdasarkan kesesuaian situasi yang mereka hadapi kerana mempunyai keupayaan berfikir (Ritzer, 2008:365). Oleh kerana adanya kebolehan ini, pelajar pelbagai etnik di sekolah akan memilih tindakan serta tingkah laku yang bersesuaian, mengubahsuai serta menginterpretasi simbol-simbol, agar hubungan baik dapat dikekalkan antara etnik berbeza.

### **2.6.3 Teori konflik**

Teori konflik ini adalah berasaskan idea beberapa tokoh sosiologi. Antaranya adalah Karl Marx (1818-1883). Teori ini menyatakan ketegangan antara kelas sosial (borjuis dan proletariat) disebabkan ekonomi (Ritzer, 2008:62-64; Malesevic, 2004:17-18). Pada amnya Marx, tidaklah menyentuh secara terperinci, perkaitan antara teori ini dengan interaksi antara etnik. Namun berdasarkan idea Marx ini, dapatlah dikatakan bahawa, interaksi sosial antara

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS etnik sentiasa berlaku dalam bentuk konflik. Manakala teori konflik aliran Weber, adalah idea daripada pemikiran Max Weber (1864-1920). Namun perbezaan aliran Weber adalah, punca konflik bukan hanya di sebabkan oleh faktor kelas sosial seperti pendapat Marx, tetapi di sebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kuasa dan politik (O'Byrne, 2011:25-26).

Maka berdasarkan idea Marx dan Weber ini, dapatlah dirumuskan bahawa teori konflik mengandaikan hubungan antara individu tidak terlepas daripada konflik. Selain itu, menurut aliran konflik ini, interaksi sosial antara individu dilihat berlaku dalam bentuk persaingan dan ketegangan (Thio, 2000:100). Ini berlaku kerana setiap individu akan berjuang mempertahankan hak masing-masing dalam semua aspek kehidupan. Perkaitan antara idea teori ini dan isu interaksi pelajar, adalah pelajar juga akan bersaing antara satu sama lain. Persaingan juga merupakan salah satu bentuk pelajar-pelajar berinteraksi dengan rakan sekeliling di sekolah. Persaingan ini adalah bagi merebut sumber terhad, misalnya hadiah dalam sesuatu pertandingan. Akan tetapi dalam interaksi pelajar, akibat persaingan terhadap sumber terhad kadang kala menyebabkan berlakunya ketegangan ataupun konflik.

#### **2.6.4 Teori pilihan rasional**

Tokoh yang mengetengahkan teori ini adalah James S. Coleman (1926-1995). Berdasarkan Coleman, teori ini melihat apa sahaja tindakan yang dibuat oleh

individu berdasarkan manfaat dan kepuasan yang bakal diperolehi hasil tindakannya (O’Byrne, 2011:130).

Teori ini cuba meneliti realiti sosial dengan cara melihat pilihan tingkah laku manusia di peringkat individu. Andaian teori adalah setiap individu akan memilih tingkah laku berdasarkan rasional mereka. Menurut Ritzer (2003:167-168), fokus utama teori adalah pelaku. Setiap pelaku akan mempunyai tujuan tertentu untuk mencapai sesuatu. Maka pelaku akan memilih tingkah laku berdasarkan rasionalnya dan faedah yang bakal diperolehi hasil interaksi tersebut. Perkaitan antara idea teori ini dan konteks kajian, adalah interaksi pelajar pelbagai etnik adalah sebagai satu pilihan. Pemilihan sesuatu pekara oleh pelajar yang terbabit dalam interaksi sehari-hari adalah berdasarkan manfaat atau kebaikan yang bakal diperolehinya. Misalnya di sekolah, pelajar memilih untuk berinteraksi dengan pelajar berbeza etnik agar hubungan erat terjalin dan tidak akan wujud konflik antara mereka. Apabila hubungan erat terjalin secara tidak langsung pelbagai manfaat diperolehi misalnya dapat berbincang hal pelajaran, menghasilkan tugas dengan terbaik, memenangi hadiah dan sebagainya.

Akan tetapi, terdapat sekatan (*constraint*) yang menghalang tingkah laku pelaku seperti sumber-sumber (*resources*) yang terhad dan polisi institusi sosial yang ada di dalam sesebuah masyarakat (Ritzer, 2008:413-416). Jadi, dalam konteks kajian pengkaji, pengkaji cuba mengenal pasti sama ada sekolah menyediakan sumber-sumber seperti aktiviti yang bermanfaat

yang mampu meningkatkan interaksi antara pelajar. Ini kerana tanpa aktiviti bersesuaian, mana mungkin interaksi dapat ditingkatkan. Polisi yang dibuat oleh sekolah juga perlu bersifat membantu interaksi pelajar. Namun jika kekurangan sumber iaitu merujuk kepada kurangnya program atau strategi untuk pelajar, polisi tidak sesuai, ini akan menyebabkan matlamat untuk membentuk interaksi sosial yang positif antara etnik tidak akan tercapai.

### **2.6.5 Teori pertukaran sosial**

Menurut Bushel & Burgess (1969) dan Baldwin & Baldwin (1986) dalam Ritzer (2008:412), walaupun teori pertukaran sosial ini beritik tolak daripada pendekatan behaviourisme (bidang psikologi), tetapi teori ini juga memberi pengaruh secara langsung dalam bidang sosiologi. Pada asanya, idea behaviourisme melibatkan pengulangan sesuatu tingkah laku oleh seseorang individu, jika ganjaran yang bersesuaian diperolehi olehnya (O'Byrne, 2011:120-121). Ianya juga berkaitan dengan konsep '*operant conditioning*', di mana pembentukan tingkah laku ditentukan oleh ganjaran yang bakal diterima oleh pelaku dan ganjaran itu berfungsi dalam modifikasi tingkah laku seseorang individu (Ritzer, 2008:413).

Secara amnya, terdapat beberapa tokoh yang mengutarakan idea-idea yang menyumbang kepada pembentukan teori ini. Akan tetapi idea oleh George Caspar Homans (1910-1989) dan Peter Blau (1918-2002) berkaitan teori pertukaran sosial, sering menjadi rujukan dalam bidang sosiologi.

Menurut Brym & Lie (2006:100) *exchange theory holds that social interactions involves trade in valued resources. When people interact they exchange valued resources including attention, pleasure, approval, prestige, information, money and so on.* Berdasarkan idea Homans mahupun Blau, teori ini menekankan dalam kehidupan serta hubungan sosial individu, akan memerlukan elemen pertukaran aspek-aspek bernilai dan berharga (Brym & Lie 2006:100). Aspek bernilai ini adalah merujuk kepada ganjaran yang bakal diperolehi hasil daripada sesuatu hubungan. Perkaitan antara idea teori ini dan konteks penyelidikan pengkaji (isu interaksi pelajar) aspek ganjaran memberi kesan terhadap interaksi sehari-hari. Teori ini melihat interaksi sosial sebagai satu proses bertujuan dan ianya ditentukan oleh adanya ganjaran. Jika ganjaran yang diperolehi adalah memuaskan, maka sesuatu tingkah laku, seperti berinteraksi dengan orang sekeliling akan diteruskan. Interaksi antara pelajar akan memberi manfaat terhadap mereka secara langsung dalam memahami pelajaran, memahami budaya etnik lain, mewujudkan suasana harmoni di sekolah dan pelbagai faedah lagi. Pelbagai faedah hasil daripada interaksi baik inilah merupakan ‘ganjaran’ menurut idea teori pertukaran sosial ini.

Selain daripada elemen ganjaran, menurut Ritzer (2003:163-164), teori ini menyatakan jika tingkah laku dikenakan hukuman, maka tingkah laku itu akan dihentikan. Dalam konteks kajian ini, jika pelajar bertingkah laku baik seperti membina hubungan baik antara satu sama lain, maka pergaduhan tidak berlaku dan tidak akan dikenakan hukuman oleh pihak sekolah. Dengan ini, berdasarkan faktor hukuman, ianya berfungsi dalam mengawal tingkah laku

para pelajar di sekolah, agar senantiasa membentuk hubungan baik sesama mereka.

Kesimpulannya, teori-teori dalam bidang sosiologi yang berkaitan dengan interaksi sosial antara pelajar adalah seperti teori interaksionisme simbolik, teori pemilihan rasional dan teori pertukaran sosial. Namun dalam interaksi sosial harian, pelajar tidak terlepas daripada konflik. Maka teori konflik berupaya menerangkan fenomena konflik yang berlaku dalam kalangan pelajar dengan lebih jelas. Selain itu, teori fungsionalisme pula menumpukan kepada fungsi sesuatu bahagian dalam sesebuah masyarakat. Ianya menekankan kepentingan bahagian-bahagian dalam masyarakat ini untuk menjalankan fungsi masing-masing agar matlamat bersama dapat dicapai. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, sekolah merupakan salah satu bahagian terpenting dalam melaksanakan pelbagai strategi untuk menghasilkan interaksi sosial yang positif antara pelajar berbeza etnik. Oleh sebab itu, walaupun teori konflik dan teori fungsionalisme bukanlah menganalisis interaksi sosial secara khusus, namun kedua-dua teori ini penting dalam menerangkan aspek-aspek yang mempunyai perkaitan rapat dengan fenomena interaksi sosial pelajar di sekolah, seperti isu konflik serta kepentingan bahagian-bahagian tertentu dalam menjalankan fungsi bagi mengeratkan interaksi sosial para pelajar sekolah.

## 2.7 Rumusan bab

Secara amnya, bab ini telah membincangkan beberapa pekara yang penting dan berkait rapat dengan interaksi sosial etnik. Berdasarkan tinjauan kajian lepas dalam Bab 2 ini, terdapat variasi dapatan dalam hubungan etnik. Hubungan etnik adakalanya berada dalam keadaan baik dan kadang-kala sebaliknya. Maka bagi memastikan hubungan baik pelajar terus kekal, pelbagai dasar pendidikan telah dibuat sejak zaman selepas kemerdekaan hingga sekarang. Selain itu, dengan adanya perbincangan mengenai beberapa teori sosiologi yang menganalisa interaksi manusia, ianya dapat membantu kita agar lebih memahami fenomena interaksi sosial dengan lebih baik. Pada bab seterusnya, iaitu Bab 3, pengkaji membincangkan tentang metodologi kajian ini, iaitu merangkumi kaedah kajian, teknik pensampelan, skop kajian, kawasan kajian, kaedah pengumpulan data, penganalisa data serta pengesahan data kajian.

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.0 Pengenalan bab

Bab 3 ini merangkumi reka bentuk kajian yang telah dijalankan bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab 1. Bab ini dimulai dengan perbincangan mengenai paradigma kajian kualitatif dan rasionalisasi kenapa paradigma ini dipilih. Dalam bab ini juga, pengkaji telah mengetengahkan cara pemilihan kaedah kajian dan justifikasi dalam pemilihannya. Perbincangan tentang skop kajian, pemilihan kawasan kajian dan cara pemilihan responden kajian turut dinyatakan. Tujuan pengkaji untuk membuat kajian rintis sebelum data sebenar kajian dikumpul turut diterangkan. Bab ini juga mengandungi perbincangan mengenai

kaedah pengumpulan, penganalisan data serta prosedur pengesahan data kajian. Bab 3 ini diakhiri dengan jadual kajian dan rumusan bab.

### 3.1 Paradigma kajian

Mukherji & Albon (2010:21) mendefinisikan paradigma sebagai satu set kepercayaan mengenai sesuatu isu yang berlaku di sekeliling. Ianya memerlukan pendekatan bagaiman isu tersebut boleh diselidiki. Manakala menurut Basit (2010:14) paradigma adalah model, perspektif atau rangka konsep yang membantu kita untuk mengorganisasi pemikiran, kepercayaan, pandangan dan amalan kita dalam menghasilkan peyelidikan. Menurut Bogdan & Biklen (1998:22), '*paradigm is a loose collection of logically related assumption, concepts and preposition that orient thinking and research*'.

Pada kebiasaannya penyelidik dipengaruhi atau didasari oleh sesuatu paradigma tertentu semasa menjalankan kajiannya. Paradigma adalah mengenai pandangan dan pemahaman kita terhadap isu dan hal-hal di persekitaran kita. Sebagai contoh jika kita mempercayai realiti sesuatu isu itu adalah berdasarkan persepsi manusia, maka paradigma kajian kita adalah lebih ke arah paradigma interpretivisme. Manakala jika kita melihat sesautu fenomena boleh dibuktikan melalui sesuatu pengujian yang boleh diukur, dimanipulasi atau pun terjadinya isu tersebut di sebabkan faktor tertentu (korelasi), maka paradigma kita adalah ke arah paradigma

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS positivisme. Pada asasnya, terdapat dua paradigma utama dalam penyelidikan iaitu positivisme dan interpretivisme (Mc Millan, 2008:4-5).

Namun terdapat kritikan pada kedua-dua paradigma ini, maka lahirlah '*critical theory*'. Berdasarkan '*critical theory*' kajian bukan hanya semata-mata untuk melaporkan keadaan sosial masyarakat atau pun aspek teknikal (paradigma positivisme), malah struktur masyarakat perlu berubah agar keadilan sosial akan tercapai. Ini bermakna, paradigma ini mempertimbangkan perspektif sesuatu ideologi dan politik (Basit, 2010: 15).

### **3.1.1 Paradigma interpretivisme dan kaedah kajian kualitatif**

Paradigma ini juga dikenali sebagai paradigma humanistik konstruktivis atau naturalistik (Rami F. Mustafa, 2011:25). Paradigma ini memfokuskan analisa yang mendalam mengenai sesuatu isu. Misalnya sikap manusia yang kompleks dalam keadaan natural. Interpretasi isu tersebut berdasarkan pandangan daripada responden-responden kajian (Mc Millan, 2008:4-5). Maka kajian yang tergolong dalam paradigma ini adalah kaedah kajian kualitatif. Ianya melibatkan hasil dapatan dalam bentuk perkataan berbanding angka dan bilangan responden kajian adalah bersaiz atau bilangan yang kecil (Mukherji & Albon, 2010:23).

Oleh itu, paradigma yang mendasari pengkaji dalam melaksanakan kajian interaksi sosial ini adalah interpretivisme. Berdasarkan pegangan

paradigma ini, apabila memasuki lapangan kajian, pengkaji mempunyai tanggapan tertentu terhadap isu yang ingin dikaji. Namun apa yang dialami atau dilihat di lapangan kajian adalah lebih relevan dan ianya telah diambil kira sebagai informasi berguna yang mampu menggambarkan isu sebenar kajian ini. Selain itu, bagi menggambarkan isu kajian, iaitu interaksi sosial pelajar, pengkaji merasakan, ianya hanya boleh difahami melalui pandangan dan perspektif responden kajian sahaja. Oleh sebab itu, sudah tentulah temu bual dengan responden adalah kaedah penting dalam mendapatkan pandangan mereka mengenai isu kajian. Secara keseluruhannya, matlamat pengkaji adalah untuk memahami sikap, perangai responden kajian berkaitan isu interaksi sosial, berbanding untuk mengeneralisasikan hasil kajian.

### 3.2 Reka bentuk kajian

Kajian kualitatif adalah kajian yang dijalankan dalam latar semula jadi, melibatkan kerja lapangan dan penyelidik merupakan instrumen utama kajian. Penganalisaan dijalankan secara induktif dan dapatan memberi gambaran menyeluruh tentang sesuatu fenomena atau masalah yang ingin dikaji (Merriam, 1998:11; Othman Lebar, 2009:7-8). Menurut Creswell (2007:37), kajian kualitatif melibatkan pengumpulan data dalam keadaan semulajadi, sensitif terhadap orang dan tempat yang dikaji. Ianya melibatkan analisis secara induktif serta membentuk tema tertentu. Laporan akhir adalah deskripsi secara kompleks terhadap sesuatu isu, di mana ianya menggambarkan suara responden dan refleksi daripada pengkaji.

Maka, pendekatan kualitatif telah digunakan kerana ianya memberi pengkaji kefahaman yang mendalam tentang fenomena interaksi sosial pelajar yang berbeza etnik. Ianya telah melibatkan pengkaji sendiri ke lapangan memungut data serta membuat kajian dalam latar semula jadi iaitu di sekolah. Selain itu, melalui pendekatan ini, pengkaji dapat mengetahui lebih lanjut tentang pendapat serta luahan responden terhadap isu kajian ini, iaitu interaksi sosial pelajar pelbagai etnik.

Terdapat lima jenis rekabentuk dalam penyelidikan kualitatif, iaitu fenomenologi, biografi, '*grounded theory*', kajian kes (case study) dan ethnografi (Creswell, 2007:53; Othman Lebar, 2009:93-94). Untuk meneroka isu kajian ini, pengkaji telah memilih rekabentuk kajian kes. Pemilihan kajian kes berupaya membantu pengkaji memahami isu kajian secara mendalam seperti yang dinyatakan oleh beberapa pandangan tokoh.

Kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik, secara intensif dan terperinci dengan memfokuskan kajian kepada seseorang individu, sekumpulan individu atau sesuatu kumpulan masyarakat secara mendalam (Chua Yan Piaw, 2006:156; Baxter & Jack, 2008:556) pula menambah, kajian kes melibatkan kajian terhadap satu situasi atau satu individu, di mana pendekatan ini membantu pengkaji memahami situasi yang mudah dan yang kompleks. Menurut Merriam (1998:43) pula, kajian kes menganalisis satu unit atau '*bounded system*' secara holistik, bersifat deskriptif dan berfokuskan kepada terhadap sesuatu unit kajian itu secara spesifik. Creswell (2007:73) pula menyatakan bahawa, kajian kes adalah satu cara pendekatan kualitatif, di mana penyelidik meneroka meneroka satu kes atau

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS pelbagai kes. Pengutipan data secara mendalam daripada pelbagai sumber dan mendeskripsi hasil dalam bentuk tema-tema.

Dalam konteks kajian pengkaji, fokusnya adalah satu situasi sahaja, secara spesifik, iaitu untuk meneroka isu interaksi sosial pelajar pelbagai etnik serta pekarapekara penting yang berkaitan isu ini. Isu interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di sebuah sekolah menengah kebangsaan dikenali sebagai satu unit (*bounded system*). Pengkaji telah membuat penumpuan secara terperinci terhadap isu ini berpandukan kepada soalan-soalan kajian. Selain itu, pengkaji juga telah mendapatkan maklumat berkaitan isu kajian ini melalui pelbagai kaedah iaitu temu bual, pemerhatian dan analisa dokumen serta melaporkan hasil dapatan secara terperinci, pada bab 4 dan bab 5 berikutnya.


Secara amnya, menurut Yin (2009:46) terdapat 4 jenis kajian kes, iaitu: jenis 1; rekabentuk satu kes (satu unit analisis) atau *single case design (single unit of analysis)*, jenis 2; rekabentuk satu kes (analisis unit berkaitan) atau *single case (embedded units of analysis)*, jenis 3: Rekabentuk pelbagai kes (satu unit analisis) atau *multiple case design (single unit of analysis)* dan Jenis 4: Rekabentuk pelbagai kes (analisis unit berkaitan) atau *multiple case design (embedded units of analysis)*.

Rekabentuk satu kes (satu unit analisis) memfokuskan satu unit analisis sahaja secara holistik. Manakala rekabentuk satu kes (analisis beberapa unit berkaitan), turut memfokuskan satu kes kajian sahaja, tetapi pada masa yang sama turut


mempertimbangkan beberapa unit analisis dalam kajian kes yang di kaji itu, kerana unit-unit ini mempengaruhi antara satu sama lain.

Berbeza dengan rekabentuk pelbagai kes (satu unit analisis) di mana ia melibatkan pengumpulan dan penganalisan data daripada beberapa kes. Kajian kes jenis ini meningkatkan kesahan atau generalisasi dapatan kajian tersebut. Dan akhir sekali, jenis ke 4 iaitu rekabentuk pelbagai kes (analisis beberapa unit berkaitan). Ianya masih melibatkan pengumpulan dan penganalisan data daripada beberapa kajian kes serta pada masa yang sama turut mempertimbangkan beberapa unit analisis dalam sesuatu kes yang dikaji. Kesemua unit-unit ini mempengaruhi antara satu sama lain. Kajian kes jenis ke 4 ini, lebih meningkatkan kesahan kajian serta generalisasi kajian tersebut.



Jenis 1: Rekabentuk satu kes (satu unit analisis) @ single case design (single unit of analysis)





Jenis 2: Rekabentuk satu kes (analisis beberapa unit berkaitan)@ *single case (embedded units of analysis)*,



Jenis 3: Rekabentuk pelbagai kes (satu unit analisis)@ multiple case design (single unit of analysis)



Jenis 4: Rekabentuk pelbagai kes (analisis beberapa unit berkaitan)@ *multiple case design (embedded units of analysis)*.



Rajah 3.1: Jenis-jenis kajian kes. (Sumber: Diubahsuai daripada Yin, 2009: 46)

Dalam kajian ini, Jenis 1, iaitu Rekabentuk satu kes (satu unit analisis) telah dipilih. Rajah 3.2 di bawah menggambarkan konteks dan kes, di mana hanya satu unit analisis diperhatikan dalam kajian ini. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes jenis 1 ini, isu kajian dapat dilihat secara terperinci.

**Konteks kajian: SMK Indah**

**Kes:** Interaksi sosial pelajar  
tingakatan 4 pelbagai etnik di SMK

Rajah 3.2: Menggambarkan konteks dan kes kajian ini.

Menurut Yin (2009:13) lagi, kaedah kajian kes pada kebiasaannya digunakan apabila soalan kajian merangkumi ‘*why*’ dan ‘*how*’ serta melibatkan isu-isu semasa atau kontemporari. Maka apabila kajian kes ini telah dipilih, ianya telah membantu pengkaji untuk menjawab soalan kajian, iaitu bagaimanakah (*how*) bentuk interaksi pelajar pelbagai etnik di sekolah dan kenapa (kenapa) bentuk-bentuk interaksi sebegini berlaku, iaitu merujuk kepada pengenalpastian faktor-faktor yang menyebab berlakunya interaksi itu. Tambahan pula, isu kajian ini adalah isu semasa yang sering mendapat perhatian para pengkaji dalam bidang pendidikan daripada seluruh negara terutamanya negara yang mempunyai komposisi etnik pelbagai.

Menurut Merriam (1998:29-31) lagi, antara ciri-ciri kajian kes adalah bersifat partikularistik, deskriptif dan heuristik. Sebagai rumusan, setelah pengkaji menggunakan pendekatan kajian kes ini, ianya membantu pengkaji dalam memfokuskan kepada satu isu kajian secara spesifik sahaja, dapat menerangkannya dengan mendalam, terperinci dan berupaya menerangkan penyebab-penyebab tentang kewujudan bentuk-bentuk interaksi sosial dalam kalangan pelajar.

### 3.3 Tempat kajian dan responden kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Indah (bukan nama sebenar) berada di negeri Perak. Sekolah ini mempunyai etnik pelbagai, iaitu Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Jadual berikut menunjukkan komposisi keseluruhan pelajar yang terdapat di sekolah ini.

Jadual 3.1

*Komposisi keseluruhan pelajar mengikut etnik di SMK Indah*

Tingkatan	Melayu	Cina	India	Orang Asli	Jumlah
Kelas peralihan	-	13	8	-	21
Ting. 1	123	27	68	6	224
Ting. 2	106	33	55	2	196
Ting 3	108	38	58	5	209
Ting 4	86	48	53	2	203
Ting 5	105	33	34	3	175
Ting 6 Rendah	23	3	5	-	31
Ting 6 Atas	29	1	4	-	34
Jumlah keseluruhan	593	194	283	19	1089

Proses memilih responden kajian yang betul adalah perlu dan proses pemilihan ini dinamakan pensampelan. Menurut Noraini Idris (2010:112), pensampelan merupakan suatu proses memilih kumpulan individu untuk sesuatu penyelidikan daripada suatu kumpulan yang besar. Terdapat dua jenis pensampelan, iaitu pensampelan secara rawak (*probability sampling*) dan pensampelan secara tidak rawak (*nonprobability sampling*). Pada kebiasaannya pensampelan secara tidak rawak iaitu jenis pensampelan bertujuan digunakan dalam kajian kualitatif (Merriam 1998: 60-61). Creswell (2007:125), juga menyatakan bahawa dalam penyelidikan kualitatif

N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      pensampelan bertujuan digunakan, kerana iaanya membolehkan pengkaji memilih responden yang dapat memberi jawapan pada persoalan kajian secara terperinci.

Responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar tingkatan empat yang mewakili etnik yang terdapat di sekolah ini, iaitu Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Rasional pemilihan pelajar tingkatan empat adalah kerana pengkaji ingin melihat pergaulan sesama mereka setelah empat tahun belajar di bawah sistem persekolahan yang multi etnik. Berikut, pada jadual 3.2, menunjukkan jumlah keseluruhan pelajar tingkatan empat di sekolah ini. Terdapat 7 kelas kesemuanya, bagi tingkatan empat, iaitu kelas 4P1, 4P2, 4P3, 4P4, 4P5, 4P6 dan 4P7.

**Jadual 3.2**

*Jumlah keseluruhan pelajar tingkatan empat di SMK Indah*

Tingkatan & Etnik	Melayu	Cina	India	Orang Asli	Jumlah
4P1	13	2	7	-	22
4P2	15	8	6	-	29
4P3	16	9	5	-	30
4P4	23	2	4	-	29
4P5	14	10	7	1	32
4P6	14	7	12	-	33
4P7	5	10	12	1	28
<b>Jumlah</b>	<b>86</b>	<b>48</b>	<b>53</b>	<b>2</b>	<b>203</b>

Daripada tujuh buah kelas ini, hanya tiga kelas sahaja yang dipilih, iaitu kelas 4P1, 4P3 dan 4P5. Pengkaji telah berjumpa guru tingkatan bagi ketiga-tiga kelas ini untuk mendapatkan senarai nama pelajar yang pelbagai etnik, pada kadar seimbang. Oleh itu, bagi setiap kelas ini, seramai lima hingga enam orang pelajar telah dipilih secara rawak untuk membentuk satu kumpulan temu bual. Pelajar yang dipilih ini

daripada kalangan etnik Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Jadual 3.3, menunjukkan taburan responden pelajar bagi kajian ini.

Jadual 3.3

*Bilangan responden kajian (pelajar) mengikut etnik*

Tingkatan & Etnik	Melayu	Cina	India	Orang Asli	Jumlah
4P1	2	2	2	-	6
4P3	4	3	1	-	8
4P5	3	1	1	1	6
Jumlah	9	6	4	1	20

Jadual 3.4

*Profil responden kajian (pelajar)*

Nama samara	Etnik	Jantina	Sekolah rendah asal
Ana	Melayu	Perempuan	SK
Azmir	Melayu	Lelaki	SK
Shanti	India	Perempuan	SRJKT
Jeevan	India	Lelaki	SRJKT
Lifen	Cina	Perempuan	SJKC
Heng	Cina	Lelaki	SJKC
Nani	Melayu	Perempuan	SK
Mimi	Melayu	Perempuan	SK
Sha	Melayu	Perempuan	SK
Kamala	India	Perempuan	SKJT
Chunhua	Cina	Perempuan	SJKC
Reza	Melayu	Lelaki	SK
Yuen	Cina	Lelaki	SJKC
Hooi	Cina	Perempuan	SJKC
Ali	Melayu	Lelaki	SK
Yong	Cina	Lelaki	SK
Azman	Melayu	Lelaki	SK
Nisha	Melayu	Perempuan	SK
Getha	India	Perempuan	SK
Yan Tin	Orang Asli	Perempuan	SJKC

Manakala responden pihak pentadbir yang dipilih adalah Penolong Kanan (1) dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) sekolah tersebut. Rasional pemilihan pihak pentadbir adalah kerana mereka terlibat dalam menentukan dan merancang program atau aktiviti di sekolah. Ini adalah kerana dalam salah satu aspek kajian adalah untuk mengenal pasti strategi yang dilaksanakan bagi meningkatkan interaksi pelajar pelbagai etnik. Jadual 3.5 menunjukkan profil responden pentadbir.

Jadual 3.5

*Profil responden kajian (pentadbir sekolah)*

Nama samaran	Etnik	Jantina	Pengalaman mengajar keseluruhan (tahun):	Pengalaman sebagai pentadbir secara keseluruhan (tahun):	Pengalaman dalam pentadbiran di SMK Indah (tahun)
Puan Kalsom	Melayu	Perempuan	21	7	7
Puan Mariam	Melayu	Perempuan	20	9	9

Bagi responden guru pula, tiga orang guru kelas yang mengajar di kelas 4P1, 4P3 dan 4P5 telah dipilih. Pemilihan guru kelas pula dapat memberi informasi mengenai beberapa aspek kajian yang penting, misalnya keadaan pergaularan pelajar dalam kelas semasa sesi pembelajaran. Manakala bagi mengetahui perancangan dan aktiviti ko-kurikulum sekolah ini, seramai tiga orang guru penasihat bagi pengakap, Persatuan Bahasa Cina dan Persatuan Bahasa Tamil telah ditemu bual. Selain itu, seorang guru disiplin sekolah turut menjadi responden kajian. Jadual 3.6 merupakan ringkasan profil responden guru-guru sekolah yang telah dipilih.

**Jadual 3.6***Profil responden kajian (guru sekolah)*

Nama samaran	Etnik	Jantina	Pengalaman mengajar keseluruhan (tahun):	Pengalaman mengajar di SMK Indah (tahun):	Mata pelajaran yang diajar.
Puan Salmah	Melayu	Perempuan	30	1	Biologi, Sains
Puan Esha	Melayu	Perempuan	22	19	Sejarah, Bahasa Melayu
Puan Zurina	Melayu	Perempuan	3	1	Sejarah, Pendidikan sivik kewarganegaraan
Puan Hafizah	Melayu	Perempuan	10	5	Sains, Fizik
Puan Lim	Cina	Perempuan	10	4	Pendidikan sivik dan kewarganegaraan, Bahasa Cina
Cik Rekha	India	Perempuan	16	10	Bahasa Tamil, Pendidikan Moral
Encik Amran	Melayu	Lelaki	20	13	Sejarah, Bahasa Melayu

Sebelum kajian dimulakan, pengkaji telah mengedarkan penerangan mengenai kajian ini untuk dibaca dan borang persetujuan telah diberikan kepada setiap individu yang telah bersetuju menjadi responden kajian. Proses mendapatkan pesetujuan merupakan salah satu etika kajian. Menurut Lambert, (2012:140), persetujuan secara bertulis (*informed consent*) amat penting untuk memberitahu responden mengenai intipati kajian yang kita laksanakan dan juga untuk mendapatkan persetujuan daripada mereka. Di akhir proses pengumpulan data, sedikit cenderahati dalam bentuk cawan kecil dan anak patung kecil ‘teddy bear’ telah diberikan kepada responden kajian.

Cenderahati ini merupakan tanda penghargaan pengkaji kepada responden atas kerjasama yang telah diberikan oleh mereka.

Kesimpulannya, responden adalah individu yang amat penting dalam sesuatu kajian. Terdapat pelbagai pendekatan dalam memilih sampel, namun dalam konteks kajian ini, pensampelan bertujuan banyak membantu pengkaji mendapatkan responden yang berupaya menjawab soalan-soalan kajian.

### **3.4 Prosedur pengumpulan data kajian**

Secara umumnya, terdapat tiga kaedah utama dalam pengumpulan data kualitatif, iaitu temu bual, pemerhatian dan analisa dokumen (Wiersma & Jurs, 2005:204; Othman Lebar, 2009:105). Menurut Creswell (2007:129-130) terdapat empat bentuk sumber data kualitatif, iaitu pemerhatian, temu bual, analisa dokumen dan analisa bahan audiovisual.

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan tiga kaedah dalam mengumpulkan data kajian, iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Ketiga-tiga kaedah ini dinamakan triangulasi kaeadaan kajian. Dengan adanya tiga kaedah yang berbeza dalam mengumpul data, ini dapat meningkatkan keesahan kajian dan memberi pengkaji memahami isu kajian daripada pelbagai sudut atau perspektif. Selaras dengan pandangan Marshall & Rossman (2006:204) triangulasi bukanlah semata-mata untuk mendapatkan kebenaran, tetapi dapat memberi gambaran

mengenai dunia sosial dari pelbagai perspektif. Proses pengumpulan data yang melibatkan beberapa kaedah ini, dinamakan triangulasi kaedah dan ianya salah satu cara untuk pengesahan data kajian. Triangulasi akan dijelaskan dengan terperinci pada subtopik 3.6.2.1

### **3.4.1 Temu bual**

#### **3.4.1.1 Temu bual secara individu**

Temu bual merupakan salah satu kaedah pengutipan data dalam kajian ini. Menurut Denzin & Lincoln (2008:47), temu bual adalah perbualan yang melibatkan proses bertanya dan mendengar jawapan. Ianya melibatkan sekurang-kurangnya dua individu dan proses ini dapat memberi kefahaman terhadap sesuatu pekara. Biasanya terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur (temu bual separa berstruktur) dan temu bual tidak berstruktur (Othman Lebar, 2009:120). Soalan-Soalan dalam temu bual separa berstruktur ditentukan terlebih dahulu, tetapi jawapan kepada soalan tersebut adalah terbuka dan boleh diperkembangkan mengikut budi bicara penemu bual serta partisipan (Othman Lebar, 2009:122; Hancock, et al, 2009:16).

Temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk separa berstruktur (berpandukan protokol temu bual) dan

semasa sesi temu bual ini, soalan-soalan mencungkil atau tambahan telah diutarakan bersesuaian dengan jawapan daripada responden kajian. Pengkaji telah menggubal protokol temu bual dan berpandukan protokol temu bual berbeza, kesemua responden telah ditemu bual mengikut kelapangan masa mereka. Sebagai contoh, temu bual secara individu telah dijalankan dengan pihak pentadbir (Penolong Kanan 1, Penolong Kanan HEM) dengan menggunakan Lampiran A. Perincian mengenai protokol temu bual akan diterangkan pada bahagian berikutnya.

#### **3.4.1.2 Temu bual berkumpulan**

Menurut Litosseliti (2003:1), temubual berkumpulan melibatkan kumpulan kecil yang terdiri daripada beberapa individu yang dipilih. Ianya diketuai oleh seorang moderator dan bertujuan untuk meneroka pandangan serta pengalaman individu-individu terhadap isu secara spesifik. Hancock, et al (2009:17), *focus group explore the ways in which the participants interact with each other and influence each other's expressed ideas, which obviously cannot happen with one-to-one interview material.* Maka, pengkaji telah menjalankan temu bual secara berkumpulan yang melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Dalam sesi temu bual berkumpulan, pengkaji telah bertindak sebagai modearator. Melalui pendekatan temu bual berkumpulan, telah


membolehkan responden kajian ini meluahkan pandangan, pengalaman dan luahan hati mereka terhadap isu kajian.

Menurut Krueger & Casey (2009:6-7), setiap kumpulan pada kebiasaanya terdiri daripada 5 hingga 10 orang. Tetapi bilangan minimumnya boleh seramai 4 orang sahaja dan maksimumnya adalah 12 orang. Manakala Hancock, et. al. (2009: 23) menyatakan bahawa bilangan kumpulan perlulah banyak iaitu 10 hingga 15 orang agar informasi yang mendalam dan mencukupi diperolehi, akan tetapi empat atau lima kumpulan telah memadai. Dalam kajian ini, pengkaji telah menemubual 7 kumpulan pelajar sahaja. Setiap kumpulan terdiri daripada terdiri daripada 3 hingga 6 orang pelajar sahaja bagi setiap kumpulan. Bilangan pelajar yang sedikit adalah perlu agar memberi peluang kepada semua pelajar untuk memberi pendapat semasa sesi temu bual. Ini turut dinyatakan oleh Hancock (2002:11), bilangan individu dalam setiap kumpulan tidak perlu terlalu ramai bagi memastikan bahawa setiap pelajar berpeluang untuk memberi idea dan berkongsi pendapat semasa sesi temu bual.

Selain itu, setiap ahli dalam kumpulan seharusnya mempunyai kesamaan (*homogeneity*), iaitu ciri-ciri kesamaan yang dapat membantu mencapai objektif kajian (Krueger & Casey, 2009:6-7; Hancock et al., 2009:23). Maka dalam kajian ini, ciri '*homogeneity*' ahli kumpulan adalah dari segi umur, status mereka sebagai pelajar dan

berada di persekitaran sekolah multietnik. Dengan adanya ‘homogeneity’ ini, mereka dapat memberi pandangan terhadap isu interaksi yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari mereka dengan terperinci berdasarkan pengalaman mereka.

Krueger & Casey (2009:25) berpendapat, *‘the ideal design for a focus group study is to conduct it until you have reached the point of theoretical saturation, the point where you are not gaining new insights.’* Oleh itu, dalam konteks kajian ini, kekerapan bagi pengkaji untuk menjalankan sesi temu bual bergantung kepada sama ada data yang diperolehi mencukupi bagi menjawab soalan-soalan kajian ini dan sehingga tidak wujud tema-tema baru semasa pengutipan data.



Semasa sesi temu bual, pengkaji memainkan peranan sebagai moderator, pendengar, pemerhati dan penganalisa semasa sesi temu bual ini. Temu bual berkumpulan dengan pelajar adalah berdasarkan protokol temu bual seperti Lampiran F (bagi kelas), Lampiran G (Pengakap), Lampiran H (Persatuan Bahasa Cina) dan Lampiran I (Persatuan Bahasa Tamil).

### **3.4.1.3            Protokol temu bual**

Menurut Hays & Singh (2012:239) dalam temu bual separa struktur, protokol temu bual bertindak sebagai panduan pada permulaan sesi

temu bual. Tetapi soalan-soalan, urutannya boleh berubah mengikut kesesuaian jawapan daripada responden kajian. Selain daripada itu, protokol temu bual dengan soalan yang '*open ended nature*' memberi peluang pada pihak penemubual dan responden untuk membincangkan sesuatu topik secara mendalam (Hancock, 2002: 9). Maka, protokol yang berbeza dan mempunyai ciri soalan '*open ended nature*' dibina oleh pengkaji untuk mendapatkan data daripada responden-responden. Bagi pihak pentadbir (Lampiran A), guru kelas (Lampiran B), guru Pengakap (Lampiran C), guru Persatuan Bahasa Cina (Lampiran D) dan guru Persatuan Bahasa Tamil (Lampiran E).

Manakala bagi kumpulan pelajar pula berdasarkan (Lampiran F, Lampiran G, Lampiran H, Lampiran I). Soalan-soalan ini dibina berpandukan objektif kajian ini, pembacaan dan pemikiran secara logik. Soalan-soalan ini telah diuji melalui kajian rintis, sama ada ianya bersesuaian atau tidak. Kajian rintis yang telah dilaksanakan dan akan diterangkan pada bahagian seterusnya, iaitu 3.8. Secara amnya, pada setiap protokol temu bual megandungi komponen-komponen berikut:

- Penyataan umum tentang kajian
- Tajuk kajian
- Tarikh, masa dan tempat temu bual
- Biodata am responden kajian
- Soalan temu bual
- Ruang untuk merekod mesej yang di sampaikan oleh responden

- Ruang untuk merekod nota reflektif penemu bual

Dalam protokol temu bual untuk pihak pentadbir (Lampiran A),

terdapat 2 bahagian iaitu bahagian I iaitu merangkumi biodata pihak pentadbir dan bahagian II pula merangkumi soalan-soalan temu bual separa struktur yang memfokuskan aspek-aspek dalam objektif kajian ini.

Lampiran B, adalah protokol temu bual untuk guru kelas. Ianya

juga mempunyai dua bahagian iaitu bahagian I, iaitu meliputi biodata guru. Sementara bahagian II megandungi soalan separa struktur bagi mendapatkan data kajian. Manakala bagi meneroka aktiviti ko-kurikulum secara terperinci, protokol khas bagi menemu bual guru penasihat, telah dibina. Misalnya untuk guru penasihat pengakap (Lampiran C), guru penasihat Persatuan Bahasa Cina (Lampiran D) dan guru penasihat Persatuan Bahasa Tamil (Lampiran E), yang setiapnya turut mempunyai 5 soalan kesemuanya. Protokol ini dibina berdasarkan objektif kajian dan analisa Laporan Tahunan aktiviti pengakap dan aktiviti beberapa persatuan lagi. Ini kerana, selepas analisa dokumen Laporan Tahunan aktiviti ko-kurikulum, terdapat beberapa pekara yang perlu penjelasan terperinci yang perlu diterokai.

Lampiran F telah dibina dan merangkumi soalan separa struktur

untuk menemu bual pelajar kelas 4P1, 4P3 dan 4P5. Terdapat dua

N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      bahagian utama dalam protokol temu bual ini, iaitu bahagian I iaitu biodata pelajar dan bahagian II bagi mendapatkan data kajian dengan terperinci. Bagi melihat pandangan pelajar mengenai fungsi aktiviti kurikulum dan perkaitannya dengan interaksi sosial pelajar, maka protokol temu bual telah dibina. Lampiran G untuk pelajar yang menyertai pengakap (7 soalan), Lampiran H untuk pelajar yang menyertai Persatuan Bahasa Cina (7 soalan) dan Lampiran I untuk pelajar yang menyertai persatuan Bahasa Tamil (7 soalan).


Melalui penggunaan protokol temu bual separa struktur, yang mempunyai '*open ended question*' ianya berguna sebagai panduan pada pengkaji. Apa yang penting soalan tambahan dan soalan mengungkil (*probing question*) boleh diutarakan mengikut kesesuaianya jawapan daripada responden (Hancock, et al. 2009:16). Oleh sebab itu, soalan-soalan yang dibina oleh pengkaji juga bersifat terbuka dan ianya membantu memudahkan proses temu bual kerana melalui pengkaji dapat meneroka isu kajian melalui soalan-soalan tambahan yang boleh dikemukakan semasa sesi temu bual.

Selain itu, menurut Othman Lebar (2009:133), terdapat tiga cara merekod data temu bual, iaitu menggunakan pita rakaman, mengambil nota semasa temu bual dan cara ketiga dengan merekod seberapa banyak maklumat temu bual yang dapat diingat selepas sahaja sesi temu bual tamat. Maka dalam kajian ini, pengkaji telah

merekod data temu bual dengan menggunakan perakam kerana ini dapat memastikan kelancaran proses temu bual. Selain itu, ianya memberi peluang kepada pengkaji untuk lebih menumpukan bukan hanya kepada jawapan responden, malah terhadap gerak badan, mimik muka responden semasa menjawab soalan temu bual. Dalam sesuatu temu bual, kadangkala melalui mimik muka dan gerak badan dapat memberi panduan berguna dalam memahami isu kajian dengan sebaik mungkin (Lacey & Luff, 2001:16). Kesimpulannya, melalui temu bual ini, ianya dapat menjawab soalan-soalan kajian dan membantu memberi kefahaman kepada pengkaji terhadap isu kajian ini.

### 3.4.2 Pemerhatian

Menurut Lichtman (2006:139), pemerhatian manusia dalam persekitaran semulajadi, membantu memahami kelakuan manusia dan hubungannya dengan masyarakat sekeliling yang kompleks. Menurut Marshall & Rossman (2006:98), pula, '*observation entails the systematic noting and recording of events, behaviors and artifacts (objects), in the social setting chosen for study*'. Sejauh mana keterlibatan seseorang pengkaji dengan responden di lapangan kajian, digambarkan dalam rajah kontinum di bawah.



Rajah 3.3: Kontinum keterlibatan pengkaji di lapangan

Berdasarkan rajah 3.3 di atas, terdapat empat tahap di mana ia menunjukkan sejauhmana keterlibatan seseorang penyelidik di tempat kajian semasa membuat pemerhatian. Antaranya adalah pemerhati pasif (*passive participation/passive observer*), pemerhati sebagai partisipan (*moderate participation*), partisipan aktif (*active participation*) dan partisipan sepenuhnya (*complete participation*) (Hays & Singh, 2012:226-227; Mc Millan, 2008:278-279; Merriam, 1998:100-101).

Pemerhati pasif akan memerhati responden kajian tanpa mengganggu situasi di mana pemerhatian dibuat (Hays & Singh, 2012:226; Merriam, 1998:101). Pemerhati sebagai partisipan, pula adalah di mana pengkaji memainkan peranan utama sebagai pemerhati, tetapi masih terlibat dan berhubung dengan responden kajian (Hays & Singh, 2012:226). Pemerhati aktif pula, di mana pengkaji akan mengambil bahagian dalam aktiviti responden, dan peranannya sebagai pengkaji diketahui oleh responden (Mc Millan, 2008:279). Terakhir sekali, adalah partisipan sepenuhnya di mana pengkaji akan mempunyai dua peranan iaitu sebagai orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti responden kajiannya dan juga sebagai pemerhati, tetapi

kehadirannya sebagai pengkaji tidak diketahui oleh responden (Mc Millan, 2008:279; Merriam, 1998:100).

Dalam kajian ini, pemerhatian telah dilaksanakan dan pengkaji bertindak sebagai pemerhati pasif. Ini adalah pendekatan terbaik kerana ianya tidak mengganggu interaksi sosial pelajar dalam keadaan semulajadi tanpa disedari oleh mereka dan membantu mengesahkan informasi yang diperolehi melalui temu bual (Hancock, 2002:12).

Secara keseluruhannya, pemerhatian adalah sebagai suatu bentuk utama bagi pengumpulan data di lapangan kajian kualitatif (Merriam, 1998:111; Bailey, 2007:79; Hays & Singh, 2012:223). Melalui pemerhatian, ianya dapat memberi informasi berguna tentang isu kajian ini. Antara hal-hal yang diperhatikan adalah perlakuan dan interaksi secara lisan responden, '*body language*', perlakuan bersifat fizikal, '*speech pattern*', ruang peribadi (*personal space*), seperti tercatat pada senarai semak pemerhatian. Senarai semak pemerhatian seperti Lampiran J (kelas), Lampiran K (kantin), Lampiran L (perhimpunan), Lampiran M (aktiviti sekolah) dan Lampiran N (persekitaran sekolah/tempat lain berkaitan). Senarai semak ini pada umumnya, mempunyai komponen-komponen berikut:

- Tarikh, masa, tempat di mana pemerhatian bakal dijalankan
- Aspek yang akan diperhatikan

- Ruang untuk merekod catatan atau pekara tambahan semasa pemerhatian
- Ruang untuk merekod refleksi pengkaji selepas pemerhatian

Senarai semak yang digunakan semasa sesi pemerhatian dibina oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian. Walaupun dalam senarai semak telah tersenarai aspek-aspek yang ingin diperhatikan, tapi ianya hanya berfungsi sebagai panduan sahaja. Semasa pemerhatian sebenar dibuat, pengkaji turut merekodkan tingkahlaku, pekara-pekara lain dan keadaan sebenar di lapangan. Melalui hasil pemerhatian ini, satu nota lapangan (field note) yang lengkap telah dihasilkan. Nota lapangan adalah satu bentuk penulisan terperinci terhadap pekara-pekara yang diperhatikan di tempat kajian, (Merriam, 1998:104). Menurut Marshall & Rossman (2006:98-99), '*field notes*' - *detailed, nonjudgemental, concrete description of what has been observed and are not scribbles.*

Kaedah pemerhatian dapat meningkatkan kefahaman pengkaji mengenai keadaan sebenar serta tindakan responden dalam kehidupan seharian mereka (Hancock, 2002:12). Maka, pemerhatian yang telah dijalankan di tiga buah kelas, di kantin, perhimpunan, Hari Sukan memberi maklumat berguna mengenai keadaan sebenar hubungan pelajar. Selain itu, pemerhatian kawasan persekitaran sekolah, pusat sumber turut memberi maklumat berguna mengenai keadaan persekitaran sekolah sama ada persekitaran sekolah

tersebut kondusif atau sebaliknya, dalam usaha membantu memperkuuhkan interaksi sosial pelajar pelbagai etnik.

### 3.4.3 Analisa dokumen

Analisa dokumen merupakan salah satu daripada kaedah yang boleh digunakan bagi menyokong data kajian yang diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian. Menurut Lambert (2012:138), analisa dokumen melibatkan memeriksa bahan-bahan yang telah ditulis, dicatat oleh manusia dan menggunakan intipati bahan-bahan ini sebagai data kajian. Menurut Merriam (1998:113-120), terdapat 3 jenis dokumen yang biasanya telah tersedia untuk dianalisa oleh pengkaji. Kadangkala dokumen boleh dijana oleh pengkaji semasa proses kajian dilaksanakan, iaitu seperti di bawah:

- Rekod awam, misalnya rekod bancian, rekod kelahiran, pada kebiasaannya ianya diperoleh daripada organisasi di mana kajian dijalankan atau daripada organisasi yang mempunyai kaitan dengan kajian.
- Dokumen peribadi merangkumi diari, surat, video, album foto, kalender, buku skrap, autobiografi, log perjalanan dan sebagainya. Dokumen peribadi adalah sumber yang boleh dipercayai, kerana ia adalah merangkumi sikap, kepercayaan, pengalaman dan pandangan seseorang individu. Namun dokumen sebegini bersifat subjektif kerana berkemungkinan hanya hal penting pada pandangan penulis dokumen sahaja yang dicatat.

- Bahan fizikal pula adalah merujuk kepada objek seperti peralatan, perkakasan dan sebagainya.
- Dokumen yang dijana oleh pengkaji adalah merangkumi gambar foto, video, data kuantitatif daripada ujian, skor ujian dan data statistik daripada tinjauan. Tujuan khusus dokumen yang dijana adalah untuk memahami isu kajian dengan lebih mendalam.

Dalam kajian ini, antara dokumen yang dianalisa oleh pengkaji adalah:

- Manual Organisasi Sekolah 2013
- Laporan tahunan aktiviti pengakap 2012
- Laporan tahunan aktiviti persatuan Bahasa Cina 2012
- Laporan tahunan aktiviti persatuan Bahasa Tamil 2012
- Majalah sekolah tahun 2010 (Jilid 37)
- Majalah sekolah tahun 2011 (Jilid 38)
- Laporan tahunan aktiviti persatuan seni dan bahasa 2012
- Laporan Program Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 55 (tahun 2012)
- Dasar penempatan pelajar di kelas
- Dokumen yang dijana oleh pengkaji, iaitu foto yang dirakamkan semasa pemerhatian kawasan persekitaran sekolah. Sebagai contoh, terdapatnya lukisan mural di salah satu bangunan sekolah dan ini dirakam oleh pengkaji. Menurut Hancock et al. (2009:20) foto adalah cara terbaik untuk memberi informasi tambahan bagi kajian.

Melalui penganalisaan dokumen-dokumen di atas, ianya dapat memberi maklumat tambahan terhadap isu kajian, terutamanya aspek strategi yang dijalankan oleh sekolah kajian ini untuk meningkatkan interaksi antara etnik.

Selain itu, pengkaji juga telah merekodkan segala aktiviti harian dalam '*jurnal harian kajian*' bermula daripada proses membina '*rappoport*' dengan responden sehingga pengkaji selesai mengumpul data kajian dan meninggalkan lapangan kajian. Dalam '*jurnal harian kajian*' ini segala aktiviti-aktiviti, reflektif perasaan, luahan hati terhadap isu kajian telah dicatatkan. Menurut Merriam (1998:110), penyelidik akan merekodkan idea, ketakutan, rasa keliru, reaksi terhadap pengalaman di lapangan, refleksi terhadap keseluruhan metodologi kajian dalam '*fieldwork journal*'. Manakala menurut Hays & Singh (2012:205) dalam '*reflektive journal*' pengkaji boleh merekodkan perasaan, pemikiran terhadap keseluruhan proses kajian, misalnya semasa pengutipan data, analisa, perubahan yang perlu dilakukan semasa proses kajian dalam jurnal reflektif. Ortlipp (2008:703), pula menyatakan bahawa apabila kita mempunyai reflektif jurnal semasa menjalankan kajian kualitatif, ianya memberi peluang untuk kita meluahkan pengalaman, pemikiran dan perasaan. Walaupun terma yang digunakan adalah berbeza, namun fungsinya adalah sama, iaitu merekodkan keseluruhan perjalanan penyelidik di tempat kajian. Jurnal harian ini penting, kerana kadangkala ianya boleh digunakan sebagai bahan menyokong data kajian.

Kadangkala perbualan turut berlaku tanpa perancangan semasa pengkaji berada di tempat kajian. Perbualan yang tidak dirancang atau tidak formal dengan guru-guru, kadangkala memberi informasi berguna tentang isu kajian. Segala perbualan ini dicatat dan direkodkan.

#### **3.4.4 Peranan pengkaji**

Secara amnya, dalam kajian kualitatif ini (kajian kes), penyelidik berfungsi sebagai '*instrument*' kajian (Creswell, 2007:38). Apa yang dimaksudkan oleh '*instrument*' adalah di mana pengkaji sendiri berada di lapangan kajian untuk menjalankan sesi temu bual secara bersemuka dengan responden-responden kajian seperti yang dibincangkan pada sub topik 3.4.1. Selain itu, pengkaji turut membuat pemerhatian secara sistematik dalam keadaan semulajadi iaitu di kawasan sekolah. Menurut Othman Lebar (2009:26), penyelidikan dalam situasi yang sebenar penting kerana untuk memastikan maklumat dan data-data yang dikumpul, benar-benar menggambarkan fenomena yang berlaku di tempat kajian tersebut.

Pengkaji juga terlibat secara langsung melihat, mengenal pasti dan menganalisa dokumen-dokumen sekolah yang berkaitan isu kajian seperti yang dinyatakan pada sub topik 3.4.3. Manakala pada peringkat analisa data, pengkaji telah membuat transkripsi (*verbatim form*) yang lengkap daripada data mentah. Semasa membuat transkripsi temu bual, segala perkataan, ayat responen kajian perlu dikekalkan, tanpa sebarang pengubahsuaian.

Pengubahsuaian tidak boleh dilakukan kerana matlamat kaedah kualitatif adalah untuk memahami keadaan sesuatu isu daripada pandangan, luahan, pengalaman responden kajian (Hays & Sing, 2012:148). Dalam proses interpretasi data, sudah tentu pegangan nilai dan pemikiran pengkaji akan mempengaruhi proses ini. Namun bagi mengurangkan bias dan meningkatkan kredibiliti kajian, maka pengkaji sedaya upaya membuat reflektif secara analitikal terhadap kesemua sumber-sumber data kajian.

### **3.5 Prosedur analisa data**

Menurut Merriam (1998:178) menyatakan bahawa, penganalisan data adalah proses memberi makna kepada data. Ianya adalah proses kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data konkret dengan konsep abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif, antara deskripsi serta interpretasi. Creswell (2007:148) pula menyatakan bahawa penganalisa data dalam kualitatif melibatkan penyediaan data, mengorganisasi data untuk dianalisis dan kemudiannya proses pengkodan akan dibuat. Maka secara amnya, proses analisa data kualitatif adalah satu proses yang bersistematik dan melibatkan langkah teratur, di mana ianya bermula daripada proses penyusunan data sehingga menganalisanya secara deduktif atau induktif (penghasilan teori).

Menurut Lacey & Luff (2001:16-21), dalam proses menganalisa data mempunyai beberapa fasa, bermula dengan penerokaan data secara umum, transkripsi mengorganisasi, pengkodan dan analisis data secara terperinci. Berikut merupakan

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS gambaran fasa yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terhadap data kajian yang telah dikumpul.

Fasa 1: Penerokaan data secara umum. Pada fasa ini pengkaji telah mendengar beberapa kali rakaman temu bual, membaca berulang kali nota lapangan serta meneliti dokumen dan kemudiannya membuat memo atau rumusan am. Melalui peringkat ini, ianya telah memberikan kefahaman umum tentang data-data yang telah dikumpul.

Fasa 2: Transkripsi. Pada fasa ini, proses menukar rakaman temu bual dalam bentuk audio dan nota lapangan kepada bentuk verbatim (*written or printed*) untuk memudahkan pembacaan, mendapatkan gambaran menyeluruh tentang isu interaksi dan untuk mengurangkan bias. Jika pengkaji secara terus menganalisa data kajian daripda nota lapangan atau rakaman temu bual, besar kemungkinan akan adanya bias, di mana pengkaji akan cenderung memilih dan memasukkan aspek-aspek yang menarik, relevan sahaja tanpa mempertimbangkan aspek-aspek lain dalam data kajian. Selain itu, sepanjang proses transkripsi, pengkaji juga tidak membuat sebarang pengubahsuaian, sebaliknya apa yang didengar melalui rakaman, hanya itulah ditranskripkan.

Fasa 3: Mengorganisasi: Pada fasa ini, pengkaji menyusun transkripsi yang telah siap dalam fail tertentu, agar mudah untuk dicari apabila diperlukan. Pengkaji juga telah menukar nama responden kajian yang ramai kepada nama

N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      samaran (*pseudoname*). Penukaran nama ini adalah perlu, kerana ianya adalah salah satu etika kajian, iaitu kerahsiaan butiran sebenar responden.

Fasa 4: Pengkodan: Pada peringkat ini, pengkaji telah mengenal pasti dan mengeluarkan unit teks (perkataan-perkataan, frasa-frasa, ayat atau perenggan) daripada data mentah (transkripsi temu bual, transkripsi nota lapangan, rumusan analisa dokumen) dan membentuk kod-kod tertentu bagi menjawab objektif kajian. Pengkodan adalah proses untuk meneliti, membaca, mengenal pasti serta mengeluarkan teks (sama ada beberapa patah perkataan, ayat atau perenggan) dan memberi kod (label) agar ianya mudah untuk di analisis. Menurut Boeije (2010:96), ‘*a code is a summarizing phrase for a piece of text which expresses the meaning of the fragment.*’ Oleh itu, kod biasanya dalam satu bentuk, beberapa perkataan yang ringkas ataupun ditulis dalam bentuk singkatan.

Fasa 5: Penganalisaan: Fasa ini melibatkan penyusunan kod-kod yang diperolehi dan diletakkan mengikut tema/ kategori tertentu. Menurut Lacey & Luff (2001:10), tema wujud hasil daripada pengetahuan lepas dan daripada fasa pertama, iaitu penerokaan data secara umum. Sememangnya, sebelum pengutipan data dilaksanakan, pengkaji mempunyai idea asas mengenai tema-tema. Namun pengkaji tidaklah terikat seratus peratus dengan tema-tema atau kategori yang telah sedia ada. Jika wujudnya tema baru semasa proses penganalisaan, maka ianya perlulah dimasukkan dalam laporan kajian. Menurut Hays & Singh (2012:307) dalam penyelidikan kualitatif, pada

umumnya data-data yang dikumpul akan di analisa secara induktif namun kadangkala pengkaji telah mempunyai idea awal/tema awal tentang isu kajian itu berdasarkan pengalaman hariannya.

Kesimpulannya, proses analisis data kualitatif merupakan proses berterusan dan non linear. Walaupun kod-kod telah siap dibina, namun pengkaji perlu menyemak semula beberapa kali. Ini memerlukan pengkaji untuk bekerja ‘*back*’ dan ‘*forth*’ (Othman Lebar, 2009:152; Creswell, 2007: 38-39). Ini bermakna, dalam proses penganalisa data kualitatif, pengkaji melakukan penyemakan kod-kod berulang kali, walaupun kod itu telah siap dibina. Selain itu, berlakunya perubahan pada kategori/tema kajian, sama ada akan terdapatnya penambahan atau pengurangan tema/kategori kajian ini.

### **3.6 Kebolehpercayaan dan kesahan kajian**

#### **3.6.1 Kebolehpercayaan kajian**

Merriam (1998:205), mentakrifkan kebolehpercayaan atau ‘*reliability*’ adalah sejauhmana dapatan kajian boleh diulang atau direplikasikan. Dengan perkataan lain, adakah kajian ini, jika diulang akan menghasilkan dapatan yang sama. Namun menurut Merriam (1998:205), dalam penyelidikan kualitatif melibatkan bidang sains sosial, adalah agak sukar untuk mendapatkan dapatan yang sama kerana perlakuan manusia adalah tidak

statik. Merriam (1998:207) ‘*since the term of reliability seems to be something of a misfit when applied to qualitative research, but the most important is dependability or consistent of the results obtained from the data.*’ Maka untuk memastikan dapatan kajian kualitatif adalah ‘*dependable*’ terdapat beberapa teknik boleh digunakan, misalnya ‘*the investigator’s position*’; ‘*triangulation*’; dan ‘*audit trail*’.

- Teknik ‘*the investigator’s position*’ adalah teknik di mana pengkaji perlu menerangkan sebaik mungkin andaian dan teori yang di sebalik sesuatu kajian. Selain itu, peranan pengkaji dalam kajian, cara dalam pemilihan responden, konteks kajian perlu diterangkan oleh pengkaji agar dapatan kajian boleh dipercayai.
- Teknik ‘*triangulation*’. Menurut Merriam (1998:207), ‘*in terms of using multiple methods of data collection, triangulation strengthens reliability as well as validity.*’
- Teknik ‘*audit trail*’ memerlukan orang luar untuk mengaudit segala proses dalam menyiapkan kajian seperti proses pemungutan data, penganalisa data serta dapatan kajian.

Terdapat beberapa cara yang dibincangkan oleh pelbagai penulis mengenai cara memperolehi kebolehpercayaan pada kajian kualitatif. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah melaksanakan teknik triangulasi (kaedah)

seperti yang telah diterangkan pada sub topik 3.6.2.1 dan pendekatan ‘*the investigator’s position*’ bagi meningkatkan kebolehpercayaan. Melalui pendekatan ‘*the investigator’s position*’ pengkaji telah menerangkan penggunaan teori andaian dan teori yang di sebalik sesuatu kajian (sub topik 1.6), cara dalam pemilihan responden (sub topik 3.3), konteks kajian (sub topik 3.2) dan peranan pengkaji dalam kajian (subtopik 3.4.4), telah diterangkan oleh pengkaji agar dapatan kajian boleh dipercayai.

### **3.6.2 Kesahan kajian**

Menurut Creswell (2007:206-207), kesahan dalam kualitatif adalah satu proses untuk mendapatkan kebenaran dengan berada lama di tempat kajian serta mempunyai hubungan yang rapat dengan responden. Terdapat lapan strategi untuk menentukan kesahan dalaman misalnya masa dan kekerapan bersama responden, triangulasi, ulasan oleh rakan (*peer review*), semakan oleh responden (*member checking*), deskripsi yang mendalam (*rich thick description*), audit luaran (*external audit*), penjelasan mengenai bias sebagai pengkaji (*clarifying researcher biases*) dan analisis kes secara negatif (Creswell, 2007:207-209).

Oleh sebab itu, dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga strategi sahaja untuk mengesahkan kajian kes ini, iaitu triangulasi, semakan oleh responden (*member checking*), deskripsi yang mendalam (*rich thick description*).

### **3.6.2.1 Triangulasi**

Pada amnya, bagi meningkatkan kesahan data, triangulasi perlu dilaksanakan. Terdapat 4 jenis kaedah triangulasi, iaitu (a) sumber data (orang, tempat, masa); (b) kaedah (temu bual, pemerhatian, analisa dokumen); (c) penyelidik yang berbeza (peyelidik A, peyelidik B); dan (d) teori yang pelbagai, (Hays & Singh, 2012; Lim Chap Sam & Chee Kim Mang, 2010:174-175; Denzin (1978: 295) dalam Berg (2009: 6-7).

- Triangulasi sumber data mempunyai 3 jenis iaitu masa, tempat dan orang.
- Triangulasi pengkaji iaitu melibatkan lebih daripada seorang pengkaji bagi mengkaji sesuatu isu.
- Triangulasi pada teori, di mana lebih daripada satu teori digunakan dalam menjalankan kajian.
- Triangulasi pada metod atau kaedah kajian.

Triangulasi dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai aspek yang dikaji selain dapat mengukuhkan data kajian (Rossman & Rallis, 2003: 69; Lambert, 2012:138).). Dalam konteks

kajian ini, pengkaji telah memilih untuk melaksanakan triangulasi pada metod (kaedah) kajian sahaja. Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah (metod) berbeza, iaitu temu bual (individu/ berkumpulan), pemerhatian dan analisa dokumen seperti yang telah diterangkan pada bahagian atas.

### **3.6.2.2 Semakan oleh responden**

Strategi untuk kesahan ini akan melibatkan penglibatan responden dalam proses kajian, agar apa yang diinterpretasikan atau dicatat oleh penyelidik menggambarkan maksud sebenar responden kajian (Hays & Singh, 2012:206; Creswell, 2007:208). Menurut Hays & Singh (2012:206), lagi terdapat beberapa cara untuk menjalankan strategi ini iaitu membawa transkripsi data untuk disemak oleh responden; melaksanakan temu bual semula untuk mendapatkan kepastian dengan lebih lanjut, mengedar salinan laporan kajian untuk mendapat maklumbalas responden dan soalan mencungkil atau ekplorasi semasa proses pengutipan data.

Dalam kajian ini, pengkaji telah membawa transkripsi data untuk disemak oleh responden. Pada masa ini, responden akan membuat refleksi terhadap data transkripsi, sama ada ianya adalah bertepatan dengan apa yang diperkatakannya. Responden diminta untuk menandatangi surat pengesahan butiran hasil temu bual.

Langkah menandatangani surat pengesahan, adalah proses dalam ‘*member checking*’ dan ianya akan meningkatkan lagi kesahan data kajian serta kredibiliti kajian secara keseluruhan.

### **3.6.2.3 Deskripsi yang mendalam**

Melalui pendekatan ini, penyelidik perlu menjelaskan segala aspek penting berkaitan kajian dengan mendalam yang merangkumi proses kajian dan hasilnya (Hays & Singh, 2012:212; Creswell, 2007:209).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah cuba memperincikan hasil dapatan dengan mendalam. Penerangan dan deskripsi yang mendalam tentang aspek kajian, tempat kajian, responden kajian adalah perlu agar kajian ini mempunyai ciri-ciri penting seperti bersifat telus (*transparent*), tanpa ada penyembunyian data-data kajian. Selain itu, pengkaji juga turut mendokumentasikan semua pekara berkaitan proses kajian seperti perjalanan proses kajian dalam jurnal harian kajian, transkripsi temu bual, contoh pengkodan temu bual, nota lapangan dan ringkasan analisa dokumen kajian. Apabila kesemuanya ini dikumpulkan dan didokumentasikan, ianya menggambarkan pelaporan kajian secara terperinci.

### **3.7 Batasan kajian**

Kajian ini berbentuk kajian kes dan pemilihan responden adalah secara pemilihan bertujuan seperti yang telah dibincangkan pada subtopik 3.2 dan 3.3. Maka, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada umum. Jika dapatan kajian ingin digeneralisasikan, kajian seperti ini perlu dilaksanakan di sekolah lain. Generalisasi dapatan, hanya berdasarkan teori yang telah digunakan dalam kajian ini.

Kajian kes adalah kajian kualitatif yang berupaya meneroka sesuatu isu secara mendalam seperti mana yang telah dibincangkan di atas. Namun, kajian sebegini agak rumit kerana kadangkala terdapat beberapa perubahan yang perlu dibuat, misalnya perancangan aktiviti pemerhatian dan sesi temu bual. Semasa proses pengumpulan data, kadangkala terdapat responden yang membatalkan sesi temu bual kerana masalah peribadi. Selain itu, jadual peperiksaan juga telah menyebabkan kelambatan semasa proses pemungutan data. Semasa minggu peperiksaan, tidak berlaku sesi P&P, maka pengkaji tidak dapat melaksanakan pemerhatian dalam kelas. Selain itu juga, semasa minggu peperiksaan, sesi temu bual bersama pelajar dan guru tidak dapat dilaksanakan juga. Selain itu, pemerhatian tidak banyak memerhatikan interaksi dalam keadaan informal kerana keterbatasan peluang. Kebanyakan pemerhatian dilakukan dalam keadaan formal, iaitu di kelas serta aktiviti ko-kurikulum. Maka ini juga merupakan batasan kajian ini.

### 3.8 Kajian rintis

Menurut Lambert (2012:138) kajian rintis bermaksud menguji kaedah dan instrumen kajian, sebelum ianya digunakan dalam kajian sebenar. Ianya membantu pengkaji untuk memperbaiki cara dan perancangan dalam pengumpulan data dalam aspek kandungan dan prosedurnya (Yin, 2009: 92).

Maka penyelidik perlu menjalankan kajian rintis untuk memastikan penyelidik tidak akan berhadapan dengan sebarang masalah semasa menggunakan alat penyelidikan tersebut (Noriah Mohd Ishak et al, 2010:355). Dalam proses melaksanakan kajian rintis ini, terdapat beberapa pekara yang perlu dipertimbangkan oleh pengkaji. Menurut Yin (2009: 93) '*in general, convenience access and geographic proximity can be the main criteria for selecting a pilot case or cases*'.

Maka dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih sebuah sekolah yang mempunyai etnik yang pelbagai, kerana fokus kajian ini adalah melihat interaksi antara pelajar yang berbeza etnik. Selain itu, sekolah ini juga berdekatan dengan kawasan pengkaji dan ianya memudahkan kajian rintis dilaksanakan. Responden bagi kajian rintis yang telah dipilih adalah mereka yang terdiri daripada individu yang mempunyai persamaan ciri-ciri seakan-seakan responden sebenar kajian, iaitu pelajar tingkatan 4 yang berbeza etnik dan menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan. Kajian rintis telah dijalankan pada 06/05/ 2013 hingga 08 /05/ 2013 yang melibatkan seorang guru, seorang pentadbir dan empat orang pelajar tingkatan empat (seorang pelajar Melayu, dua orang pelajar India, seorang pelajar Cina) bagi

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

menguji protokol temu bual. Setelah ianya dilaksanakan, didapati, terdapat soalan-soalan yang perlu diubahsuai struktur ayatnya, kerana terdapat responden yang tidak memahaminya. Terdapat juga beberapa soalan yang mempunyai maksud yang sama, yang ditanya berulang-ulang dan ianya telah dikeluarkan.

Setelah ianya dijalankan, pelbagai manfaat diperolehi. Sebagai contoh ianya dapat membantu pengubahaian pada instrumen kajian (protokol temu bual), menganggarkan jangka masa untuk setiap sesi temu bual, dan membantu pengkaji mahir tentang kemahiran menemu bual.

### **3.9 Jadual kerja kajian**

Pengkaji telah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan akhir sekali adalah daripada Pejabat Pelajaran Daerah sebelum kajian dijalankan.

Setelah surat kebenaran diperolehi, pengkaji telah pergi ke sekolah dan bertemu dengan pihak pengetua bagi memdapatkan persetujuan untuk memasuki sekolah bagi menjalankan kajian. Salah seorang pihak pentadbir sekolah (penolong kanan 1), telah bertindak sebagai '*gate keeper*'. Menurut Hays & Sing (2012:180), '*gate keeper*' adalah individu yang membuka dan memberi peluang kepada pengkaji untuk memasuki tempat kajian serta bertemu dengan responden kajian. Melalui bantuan '*gate keeper*' iaitu Penolong Kanan 1, pengkaji telah bertemu dengan

beberapa orang guru kelas tingkatan 4, guru-guru penasihat aktiviti ko-kurikulum.

Manakala seorang guru sekolah, telah bertindak sebagai ‘*key informants*’ dan ini memudahkan proses menjalankan kajian. Dengan bantuan ‘*key informants*’ ini, Menurut Creswell (2007: 243) ‘*key informants*’ adalah individu-individu yang senang dihubungi, boleh memberikan pelbagai maklumat berkaitan kajian.

Manakala, dengan bantuan guru kelas pula, responden pelajar dikenal pasti dan borang mendapatkan persetujuan untuk menjadi responden diedarkan pada mereka. Pengkaji juga menerangkan tentang etika serta butiran penting mengenai kajian yang dijalankan. Pengkaji juga menegaskan bahawa setiap butiran maklumat yang diberikan oleh responden akan menjadi kerahsiaan. Proses ini adalah penting, agar responden merasa selamat untuk mengeluarkan pandangan dan pendapat mereka berhubung isu kajian. Selain itu, pengkaji juga telah membina hubungan baik dengan pihak responden. Hubungan rapat adalah perlu agar mereka dapat memberikan kerjasama dengan lebih baik bagi tujuan kelancaran kajian ini. Berikut merupakan ringkasan jadual kerja kajian ini.

### Jadual 3.7

#### *Jadual kerja kajian*

Peringkat dalam menjalankan kerja	Tempoh masa (minggu/ hari)
Permohonan bagi menjalankan kajian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.	8 minggu (Okttober 2012 hingga Disember 2012)
Proses memohon untuk pembentangan proposal kajian daripada Fakulti Pendidikan Pembangunan Manusia (FPPM)	4 minggu (19 Mac 2013 hingga 24 April 2013)

### Sambungan Jadual 3.7

Permohonan bagi menjalankan kajian kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) 2 minggu ( 25 April 2013 hingga 3 Mei 2013)

Kajian rintis (pilot test) 3 hari ( 6 Mei 2013 hingga 8 Mei 2013)

#### Orientasi sekolah

- Memahami polisi sekolah dan budaya sekolah 1 minggu (10 Mei 2013 hingga 17 Mei 2013)
- Membina '*rapport*' dengan pihak sekolah serta responden kajian
- Menetapkan masa dengan responden berhubung sesi temu bual yang bakal dijalankan
- Berbincang dengan pihak pentadbir serta guru mengenai proses pemerhatian yang bakal dijalankan.
- Mengenal pasti sumber data seperti dokumen rasmi sekolah dan dokumen lain yang berkaitan isu kajian.

#### Proses pengumpulan data

- Menjalankan sesi temu bual secara individu dan berkumpulan
- Menjalankan pemerhatian
- Menganalisa dokumen berkaitan

Data hanya mula dikutip bermula daripada 13 Mei 2013 hingga 25 Julai 2013

\*\*(Jumlah: 11 minggu di tolak cuti sekolah ( 2 minggu), maka lebih kurang 9 minggu saya berada di lapangan kajian)

Menurut Hays & Singh (2012:206), apabila penyelidik berada lama di tempat kajian, membuatkan dia lebih rapat dengan responden kajian dan ini membantu dalam memahami isu kajian dengan terperinci. Dalam kajian ini, tempoh masa pengkaji berada di lapangan, adalah lebih kurang sembilan minggu sahaja.

Namun, menurut Creswell (2007:207), tempoh masa yang lama semasa di tempat kajian tidak mencukupi. Malah pengkaji perlu lebih kerap membuat pemerhatian, berdampingan dan berinteraksi dengan responden-responden kajian.

Maka, semasa berada di lapangan pengkaji telah cuba membina hubungan sekerap mungkin. Ini perlu agar kepercayaan mereka terhadap pengkaji dapat diperolehi. Kepercayaan daripada pihak responden amat penting agar proses pengutipan data berjalan dengan lancar. Tamabahan pula, apabila hubungan baik telah terbina, maka lebih senang untuk responden meluahkan pandangan, perasaan terhadap isu kajian.

Walaupun masa yang diperuntukkan di tempat kajian tidaklah lama (hanya 9 minggu), namun apabila ketepuan data diperolehi, maka ianya merupakan satu petanda atau indikator bahawa pengkaji perlu meninggalkan lapangan. Menurut Hays & Singh (2012:350) ketepuan data adalah bermaksud apabila tidak ada lagi tema-tema baru yang wujud apabila peyelidik mengumpul data kajian.

### **3.10 Rumusan bab**

Secara keseluruhan, pendekatan kualitatif iaitu, kajian kes yang telah dipilih oleh pengkaji berupaya membantu memberi pemahaman tentang isu kajian. Isu kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk interaksi sosial pelajar pelbagai etnik, faktor-faktor berkaitan serta strategi yang digunakan oleh sekolah dalam mengeratkan interaksi sosial pelajar. Selain itu, pensampelan bertujuan adalah teknik pemilihan responden yang bersesuaian, kerana ianya mampu menyediakan responden yang bersesuaian dengan isu kajian ini. Kajian rintis juga telah dilaksanakan, bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul semasa proses pengumpulan data sebenar kajian. Kajian rintis ini bertujuan untuk melihat sama ada instrumen

kajian seperti soalan temu bual itu bersesuaian ataupun tidak. Pengumpulan data dengan menggunakan 3 kaedah berbeza iaitu temu bual, pemerhatian (passive observation) dan analisa dokumen. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan pengkaji telah melaksanakan triangulasi (kaedah) dan pendekatan '*the investigator's position*'. Manakala bagi mendapatkan kesahan, pengkaji telah menggunakan tiga strategi iaitu triangulasi (kaedah), semakan oleh responden dan deskripsi yang mendalam. Maka, berdasarkan bab 3 ini, iannya dapat memberi gambaran mengenai metodologi kajian yang telah dijalankan bagi menjawab soalan-soalan kajian.

## BAB 4

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Pengenalan bab

Bab ini megandungi huraian mengenai analisis data kajian berdasarkan soalan-soalan kajian. Terdapat tiga soalan kajian iaitu pertama untuk mengenal pasti bentuk interaksi sosial pelajar tingkatan empat yang pelbagai etnik di sebuah sekolah menengah kebangsaan. Kedua, adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi sosial antara mereka. Akhir sekali adalah untuk melihat strategi yang digunakan oleh sekolah ini dalam meningkatkan interaksi sosial pelajar pelbagai etnik ini. Data-data kajian ini diperolehi melalui tiga kaedah utama iaitu temu bual separa struktur (individu, berkumpulan), pemerhatian dan analisa dokumen. Data-data yang dikumpul, kemudiannya dianalisis secara pendekatan kualitatif bagi

memberi jawapan kepada soalan-soalan kajian ini. Rumusan dapatan kajian secara keseluruhan turut dinyatakan dalam bab 4 ini. Bab ini diakhiri dengan rumusan bab 4.

#### **4.1 Analisis data berdasarkan soalan kajian pertama**

Berdasarkan dapatan hasil kajian, terdapatnya lima bentuk interaksi sosial iaitu kerjasama, timbal balik, persaingan, konflik dan komunikasi bukan lisan antara pelajar pelbagai etnik di sekolah ini.

##### **4.1.1 Kerjasama**

Sememangnya terdapat kerjasama antara etnik yang pelbagai di sekolah ini. Kerjasama antara pelajar berlaku semasa dalam kelas dan semasa aktiviti sekolah tanpa mengira etnik. Pelajar bekerjasama dalam bentuk berkumpulan untuk mencapai matlamat bersama seperti menghasilkan kerja terbaik dan bermutu. Kerjasama juga berlaku sesama ahli kumpulan semasa aktiviti sekolah, misalnya pertandingan dan gerak kerja yang lain. Melalui interaksi kerjasama berkumpulan ini, ianya amat penting bagi menghasilkan hasil terbaik seterusnya mencapai kemenangan bagi kumpulan. Berikut diperincikan dapatan kajian bagi interaksi kerjasama ini.

- Kerjasama dalam kelas

Kerjasama antara pelajar berbeza etnik dalam aspek akademik, dapat dilihat semasa mereka menyiapkan kerja kumpulan (tugasan kajian sejarah). Berikut adalah hasil temu bual berkumpulan dengan pelajar kelas 4P1.

Azmir: Aaaa...buat kerja kumpulan, mesti buat sama-sama, bila keluar, macam kajian sejarah, pilih satu tempat, kita pergi ke tempat tu, sama-sama. Buat sama-sama sampai hasilnya dapat yang terbaiklah.

(FG1: para 381)

Selain itu, pelajar juga boleh bekerjasama, berbincang dengan etnik berbeza dalam hal pembelajaran di kelas.

Jeevan: Hahaha (ketawa). Kita rapat dengan kawan-kawan kaum lain. Boleh berbincang.

Pk: Azmir, secara umum, apa *conclusion* nya?

Azmir: Secara umumnya, pelajar kelas ini boleh bergaul dan berbincang dengan kaum-kaum lain, nak bincang pasal kerja sekolah, nak buat kerja-kerja kumpulan, boleh bercampurlah.

(FG1: para 459-461)

Secara umumnya, bentuk kerjasama dalam akademik ini berlaku antara pelajar tanpa mengira etnik. Di sekolah ini, walaupun bilangan etnik Orang Asli adalah sedikit, namun mereka masih boleh bekerjasama dengan tiga etnik utama yang lain (Melayu, India, Cina). Menurut pandangan Yan Tin (Orang Asli), dia tidak mempunyai masalah bercampur serta membuat kerja, walaupun etniknya adalah minoriti di sekolah. Secara amnya, kerja kumpulan memerlukan sikap kerjasama sesama ahli kumpulan.

Pk: Kalau buat kerja bersama-sama dengan kaum lain boleh tak?

Yan Tin: Hahaha (ketawa). Boleh bekerjasama.

(FG3: para 21-22)

Hasil temu bual dengan guru kelas, turut menunjukkan kerjasama wujud antara pelajar semasa sesi pengajaran. Sebagai contoh hasil temu bual dengan Puan Zurina, guru di kelas 4P5.

G3: Selalunya kalau cikgu bertanya soalan, kita tanya soalan, pelajar tu jawab. Jadi bila ada pelajar tak setuju, masa tu akan ada pelajar lain menjawab. Pelajar akan campur dan bincanglah bersama.

(G3: Puan Zurina, para 24)

Kerjasama dalam kalangan pelajar kelas 4P3, boleh diperhatikan semasa guru menyuruh menyiapkan soalan mengikut bab bagi mata pelajaran sejarah. Para pelajar masih boleh bersama-sama menyiapkannya. Kemudian soalan-soalan ini diedarkan kepada semua pelajar untuk dikongsi bersama tanpa mengira etnik.

Pk: Kiranya dalam hubungan tu, ada saling bantu membantu ke?

G2: Di sebalik tu, dia 3 orang satu bab, jadi satu kelas tu, ada 30 orang. Jadi soalan tu, saya akan photostat untuk semua orang. Bab 1, semua orang kena buat, bab 2 pun macam tu. Saya akan kutip dari pelajar lain dan kita akan photostat untuk semua orang. Tapi saya pilih dululah, bukan kelas 4P3 sahaja yang saya suruh buat.

(G2: Puan Esha, para 43-44)

Pihak Pentadbir, iaitu Puan Mariam turut menyatakan kerjasama antara pelajar berbeza etnik masih berlaku di sekolahnya.

Pk: Tapi macam mana pula hubungan antara kaum?

P2: Pada setengah keadaan, mereka okay. Maksudnya pada sesetengah keadaan dia boleh bekerjasama. Biasanya yang baik, tak ada masalah. Misalnya dalam kelas, mereka boleh bekerjasama antara kumpulan...

(P2: Puan Mariam, para 9-10)

Pemerhatian yang dibuat pada 24 Jun 2013, hari Isnin di makmal biologi sewaktu eksperimen mengukuhkan lagi dapatan. Kerjasama masih

wujud dalam kalangan pelajar berbeza etnik. Berikut sebahagian daripada rekod pemerhatian pengkaji.

Dua orang responden saya, iaitu Ana dan Heng berada dalam kumpulan pertama. Selain itu terdapat dua orang pelajar perempuan Melayu dan seorang pelajar lelaki India. Jumlah kesemuanya adalah lima orang. Sepanjang pemerhatian berlangsung kedua-dua responden saya tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan untuk menyiapkan fasa-fasa dalam proses pembahagian sel. Komunikasi berlaku menggunakan bahasa Malaysia antara responden saya dan ahli kumpulannya.

Dua orang responden saya iaitu Azmir dan Jeevan berada dalam kumpulan ketiga. Kumpulan ini turut dianggotai oleh dua orang pelajar Melayu. Kumpulan ini, agak meriah dan pelajarnya rapat antara satu sama lain. Walaupun Jeevan seorang sahaja pelajar etnik India dalam kumpulan tersebut, dia dapat bekerjasama dengan rakan etnik Melayu. Jeevan kelihatan selesa bertutur dalam Bahasa Melayu dan membuat tugas dengan pelajar Melayu.

(NL 1: Pemerhatian dalam kelas 4P1, 24 Jun 2013, Isnin)

Selain daripada kerjasama dalam aspek akademik seperti dinyatakan di atas, kerjasama turut berlaku semasa aktiviti sekolah seperti dibincangkan di bawah.

- Kerjasama semasa aktiviti sekolah

Semasa menjalankan aktiviti sekolah, pelajar juga bekerjasama antara satu sama lain. Sebagai contoh, semasa aktiviti jamuan akhir kelas pelajar berbeza etnik bercampur sesama mereka untuk mengatur jamuan, agar ianya berjalan dengan lancar. Menurut pentadbir sekolah ini, iaitu Puan Kalsom, melalui aktiviti jamuan kelas, kerjasama jelas kelihatan dalam kalangan pelajar.

P1: Dari situ kita nampak dia *mix*. Macam nak *arrange* makanan, mereka ada jawatankuasa sesama pelajar. Macam nak *booking* makanan pada siapa, nak bawa makanan apa, semuanya dia *arrange*, kita cuma pergi makan sahaja.

Pk: Mmm..kiranya dia orang boleh buatlah?

P1: Mereka boleh. Aaa...untuk menjayakan sesuatu, dia orang boleh *join*, terutamanya kelas belakang. Kelas belakang, mereka seronok buat jamuan ni. Kadang-kadang dia *join* dua kelas.

(P1: Puan Kalsom, para 126-128)

Kerjasama antara etnik berbeza lebih ketara kelihatan apabila melibatkan permainan sukan atau pertandingan-pertandingan lain di luar sekolah. Pelajar masih boleh bercampur gaul, bekerjasama agar matlamat bersama dapat dicapai, iaitu kemenangan.

P1: Mereka masih boleh kerjasama bila buat kerja. Aaa...mereka ni, macam professional, aaaa...bila untuk buat kerja, okay mereka boleh buat dan campur. Contoh macam nak bertanding drama ke, pergi bertanding bola ke, dia boleh *join*.

(P1: Puan Kalsom, para 148)

Selain itu, semasa bulan kemerdekaan, terdapat pelbagai aktiviti seperti lukisan, hiasan bendera dan didapati pelajar berbeza etnik dapat bekerjasama menghasilkannya bersama.

P2: Misalnya sambutan bulan kemerdekaan *last year*, kita akan libatkan semua kaum...Biasanya bulan Ogos, kita akan sambut kemerdekaan. Masa tu, kita akan ada programlah. Buat pertandingan, hiasan bendera. Aaa...kalau perasan di tepi pondok dan papan kenyataan tu, ada lukisan bertemakan kemerdekaan.

Pk: Ya, saya ada lihat. Itu gerak kerja kumpulan ke?

P2: Ya, gerak kerja kumpulan.

Pk: Kumpulan tu, dia bagi macam mana? Ikut kaum ke?

P2: Kumpulan yang bercampur kaum. Diaorang akan *mix* dan buat kerja sama-sama dan lukisan tu, hasil kerja diaorang.

(P2: Puan Mariam, para 124-128)

Berdasarkan analisa dokumen Program Sambutan Bulan Kemerdekaan

Ke-55 sekolah ini, turut membuktikan kerjasama antara etnik berbeza cuba dipupuk. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program adalah terancang dan mampu membentuk kerjasama. Berikut adalah sebahagian aspek penting yang dipetik daripada laporan ini.

Semangat bekerjasama juga dapat ditonjolkan dalam setiap aktiviti, khususnya aktiviti seperti pertandingan membina video bertemakan kemerdekaan dan keharmonian kaum, seterusnya mengeratkan lagi silaturahim sesama pelajar tidak kira kaum dan agama. (m/s 3). Selain itu dalam laporan ini turut diselitkan beberapa keping gambar aktiviti sepanjang program ini. Sebagai contoh, pada hari perlancaran, terdapat gambar (m/s 11) yang menunjukkan 3 oaran pelajar perempuan etnik Melayu, Cina dan India bersama-sama di atas pentas membuat persembahan puisi dalam Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil (m/s 16). Manakala, pada majlis penutupan program ini, terdapat gambar koir lagu patriotik. Apa yang dapat di perhatikan koir ini di anggotai oleh 18 orang pelajar lelaki dan perempuan. Komposisi etnik pula adalah seimbang, di mana terdapatnya sepuluh orang etnik Melayu, tiga orang etnik Cina dan lima orang etnik India.

(D7: Laporan Program Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 55 tahun 2012)

Namun apa yang lebih menarik perhatian adalah, kerjasama etnik berbeza bagi menjayakan aktiviti persatuan Bahasa Tamil. Walaupun ahli persatuan Bahasa Tamil adalah etnik India, namun pelajar-pelajar etnik berbeza boleh bekerjasama memberi sumbangan duit. Duit ini penting untuk membeli hamper bagi menjayakan pertandingan futsal anjuran Persatuan Bahasa Tamil ini.

G5: Mereka *okay.....Aaa...macam pelajar-pelajar ni, mereka sponsor 1 ringgit seorang, untuk beli hamper. Mereka tak kisah untuk sumbang 1 hamper untuk futsal. Saya pun terkejut masa tu.*

Pk: Masa tu, semua *races* ada menyumbang seringgit seorang?

G5: Ya semua *races*. *I* pun macam tak percaya, *I* ada tanya *my* pengurus persatuan, betul ke mereka nak sponsor. Semua nak *sponsor*,

*they want to give money to buy that hamper. Aaa...sekarang ni, okay tau.*

(G5: Cik Rekha, para 110-112)

Ana, salah responden kajian menyatakan dia boleh bekerjasama dalam aktiviti sekolah (pertandingan gubahan barang terpakai) bersama dua orang rakan etnik India (Kanaha dan Venukha). Kerjasama sesama ahli kumpulan adalah penting bagi menghasilkan hasil terbaik.

Pk: Semua unit uniform lain, ada sertai ke? Boleh tak awak ceritakan aktiviti gubahan yang awak sertai tu?

Ana: Aaa...Ana dengan, aaa..Kanaha dan Venukha. Satu kumpulan 3 orang. Lepas tu, kumpulan lain pun, ada Cina, India. Daripada bahan-bahan terbuang seperti kotak, kita boleh gubah jadi bahan yang digunakan. Lepas tu, hiaslah, siapa cantik, siapa kemas dan boleh digunakan, dia menanglah.

(FG5: para 61-62)

Semasa aktiviti menceriakan kelas, pelajar etnik berbeza turut bekerjasama. Berikut adalah hasil temu bual dengan ketua kelas (Rezal) dan dua orang pelajar Cina kelas 4P5 iaitu Yuen dan Hooi.

Yuen: Hiasan depan tu, ramai-ramailah.

Pk: Siapa yang buat tu? Bagi nama.

Yuen: Yung Yi, Khor Ching.

Pk: Budak Melayu, ada tolong tak?

Yuen: Ada punya.

Pk: Biar betul, mereka tolong ke?

Yuen: Buat sama-sama, ada yang buat hiasan dinding, papan notis.

(FG 7: para 17-23)

Pemerhatian yang dijalankan turut menunjukkan bahawa pelajar masih boleh bekerjasama sesama etnik berbeza semasa aktiviti sukan. Sebagai contoh, data pemerhatian di bawah.

Semua pelajar berkumpul di tepi padang. Terdapat pelajar yang membantu guru dalam menjayakan hari sukan ini, seperti mengangkat kerusi, menulis di papan tanda markah, mengedarkan minuman untuk para guru dan membantu guru di gerai jualan makanan. Pada masa ini, 3 etnik utama dilihat dapat bekerjasama tanpa apa-apa masalah.

(NL4: Pemerhatian semasa Hari Sukan SMK Indah, 22 Jun 2013, Sabtu)

Rumusan: Secara keseluruhan kerjasama masih berlaku antara pelajar pelbagai etnik dalam aspek akademik dan aktiviti sekolah. Antara contoh kerjasama dalam aspek akademik, seperti menyiapkan tugas pelajaran (tugasan sejarah, membina soalan mengikut bab, menjalankan eksperimen) dan berbincang dengan etnik berbeza dalam sesi P&P di kelas. Pelajar-pelajar ini boleh bekerjasama dalam kumpulan etnik yang berbeza. Selain itu, walaupun etnik Orang Asli adalah kumpulan minoriti, namun mereka masih boleh bersama-sama bekerjasama dengan etnik lain di sekolah ini.

Selain dalam aspek akademik, bentuk kerjasama turut dikesan semasa aktiviti sekolah. Sebagai contoh, semasa aktiviti jamuan akhir tahun. Pelajar berbeza etnik bercampur sesama mereka dan bekerjasama mengatur jamuan ini agar ianya berjalan dengan lancar. Selain itu, semasa hari sukan juga, pelajar turut bekerjasama sesama mereka. Manakala dalam aktiviti permainan, sukan atau pertandingan lain (drama), pelajar berbeza etnik masih boleh bercampur gaul serta bekerjasama agar matlamat bersama dapat dicapai, iaitu kemenangan. Semasa aktiviti bulan kemerdekaan (melukis gambar kemerdekaan), aktiviti pengakap (gubahan barang terpakai), tugas menghias serta membersihkan kelas, semuanya dapat dilakukan bersama-sama pelajar berbeza etnik. Selain itu, etnik lain (Cina, Melayu, Orang Asli)

bersama-sama menyumbang duit untuk menjayakan pertandingan futsal Persatuan Bahasa Tamil, walaupun mereka bukanlah ahli persatuan ini. Keadaan ini jelas memberi gambaran bahawa kerjasama berlaku tanpa sempadan etnik.

#### **4.1.2 Timbal balik**

Hasil analisa data kajian, menunjukkan interaksi sosial berbentuk timbal balik terdapat dalam kalangan pelajar sekolah ini. Hubungan timbal balik ini boleh dilihat dalam dua aspek utama, iaitu akademik dan aktiviti sekolah.

- Timbal balik dalam akademik

Puan Mariam, menyatakan pelajar berbeza etnik di kelasnya (4P3), iaitu antara Cina dan Melayu berbincang dalam pelajaran. Pelajar etnik Melayu bertanya dan mempelajari cara menyelesaikan latihan (mata pelajaran ekonomi) daripada pelajar etnik Cina dan begitulah sebaliknya. Apabila adanya hubungan sebegini, di mana pelajar yang pandai menolong rakan yang lain, maka ianya memberi faedah pada pelajar yang lemah tersebut.

P2:.. Tapi bila saya tak ada di kelas, saya bagi latihan, memang tak ada masalah untuk pelajar pelajar Cina untuk pergi bertanya pada pelajar Melayu atau pelajar Melayu datang ke pelajar Cina, saya rasa tak ada masalah.

(P2: Puan Mariam, para 52)

Pelajar juga masih boleh berkongsi ilmu antara satu sama lain. Melalui perkongsian ilmu ini, ia memberi manfaat bersama. Pelajar yang lemah akan lebih memahami pelajaran tersebut, manakala kefahaman pelajar yang pandai dapat dikukuhkan.

Pk: Maknanya dia boleh *give and take* ke?

G1: Ya, maklumatnya dia boleh bagi, ni setakat yang saya nampaklah...Tapi kalau dalam aktiviti, dia akan tolong. Dia tak ada masalah, rasanya. (G1:

Puan Salmah, para 211- 212)

P1: ..kelas depan *okay*, itu yang saya nampak. Aaaa...dia boleh tak kedekut, boleh bagi dan terima.

(P1: Puan Kalsom, para 18)

Pelajar-pelajar juga menolong rakan yang menghadapi masalah semasa sesi pembelajaran (eksperimen). Sikap suka membantu akan memberi faedah pada rakan yang ditolong.

G1:..kalau kita buat eksperimen ke,...Kadang-kadang dia lebih sukarela menolong kawannya. Kadang-kadang budak perempuan takut dengan api, jadi ada yang tolong buat. Sebenarnya, kita nak dia buat sendiri, tapi dia nak tolong buat juga.

(G1: Puan Salmah, para 196)

Walaupun berbeza etnik, pelajar masih membantu rakan mereka. Misalnya dalam aspek meminjam nota.

Pk: Ooo...Jadi, kalau pelajar Cina ada juga tanya kaum lain? Masih ada nampaklah?

G3: Mmm...kalau dia nak pinjam nota, dia akan pinjam budak Melayu.

(G3: Puan Zurina, para 211-212)

Dapatan daripada temu bual pelajar juga menunjukkan, dalam hubungan timbal balik ini, pelajar akan mencari rakan yang pandai untuk

bertanya soalan tanpa mengira etnik. Ini adalah untuk memastikan, agar dirinya dapat memahami pelajaran tersebut. Walau pun mereka berbeza etnik, mereka masih meneruskan interaksi dua hala ini, kerana ianya memberi manfaat pada individu yang lemah.

Nani: Kalau macam, aaa...ikut subjek lah. Kalau macam BM, tanya sama kaum. Tapi kalau *Math*, saya tanya Cina.

Pk: Mmm...tapi jawapan yang diberikan kaum Cina tu, Ulasan dia tu, adakah awak rasa puas hati atau awak rasa dia ada sembunyi sesuatu, macam kedekut ilmu ke?

Nani: Diaorang terang sampai habis.

Pk: Mmm...Mimi, awak pula macam mana? Aaa...kalau tak faham, awak *prefer* tanya siapa?

Mimi: Tanya Hooi Ying.

Pk: Mmmm...okay, itu untuk subjek apa?

Mimi: Tanya *math*.

Pk: Bila awak tanya *Math* tu, dia sungguh-sungguh ajar awak tak?

Mimi: Mmm..dia ajar jugalah macam biasa.

(FG2: para 288-296)

- Timbal balik dalam aktiviti sekolah

Interaksi sosial secara timbal balik dalam aktiviti sekolah. Misalnya berlaku semasa aktiviti pengakap. Semasa aktiviti pengakap, semasa aktiviti memasak, para pelajar tidak segan silu untuk meminjam bahan masakan daripada rakan yang berbeza etnik. Interaksi sebegini sememangnya memberi faedah pada individu yang memerlukan.

Kamala: Aaa... *For example, besides the pengakap camp, there is PBSM besides us, then Pandu Puteri, Puteri Islam, so can still meet each other. Even though, the Malays in pengakap not many, but there still other Malays from other units of uniform. When we want anything, we ask from them. We need sugar, salt for our cooking, we ask from them, from other friends...*

(FG6: para 60)

Semasa aktiviti perkhemahan pengakap, pelajar bertukar makanan dengan rakan lain. Maka setiap individu akan berpeluang merasa masakan daripada etnik berbeza.

Chunhua: Pernah. Kita Chinese, bagi pada mereka ada masak itu kuih rasa, kita ada bagi kawan Melayu rasa. Mereka juga bagi pada kita, Malay, Indian foods. Kita *exchange* makanan.

(FG6: para 74)

Walaupun majoriti ahli pengakap adalah Cina, namun mereka masih membantu rakan etnik lain yang bilangannya agak sedikit. Etnik Melayu adalah sedikit bilangannya, namun turut dibantu oleh etnik Cina semasa menjalankan aktiviti persatuan.

G4: Aaa..ni sepanjang saya terlibat sebagai guru pengakap, yang Cina tu, walaupun mereka majoriti dan pegang AJK tertinggi, tapi mereka masih lagi membantu yang Melayu ni, yang tak ramai, mereka masih lagi membantu Melayu. Misalnya ajak *join* sekali, duduk sekali. Jadi saya rasa tak ada masalah lah.

(G4: Puan Hafizah, para 62)

Seorang guru Persatuan Bahasa Tamil (Cik Rekha) turut berkongsi pengalamannya. Beliau menyatakan semasa Malam Kebudayaan pelajar menolong antara satu sama lain dalam aktiviti tarian. Pelajar Melayu secara sukarela meminjamkan pakaian kepada pelajar India. Tanpa bantuan daripada etnik Melayu, aktiviti tarian tidak dapat dijalankan.

G5: Mereka punya kawan tolong. *Malay friend's* tolong.

Pk: Boleh tak cikgu cerita sikit.

G5: Katakan *I* suruh mereka buat persembahan, jadi mereka akan pinjam sarung, kain batik..

(G5: Cik Rekha, para 158-160)

Selain itu, semasa aktiviti kaligrafi, ahli persatuan Bahasa Cina mengedarkan alat tulis (berus kaligrafi) dan kertas kepada pelajar yang menyertai pertandingan kaligrafi. Dengan adanya bantuan daripada pelajar Cina, memudahkan setiap pelajar mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

G6: Ahli persatuan akan bawa bahan tulis dan bagi yang bukan ahli persatuan, persatuan Bahasa Cina akan bekalkan alat tulis.

(G6: Puan Lim, para 34)

Rumusan: Timbal balik sememangnya satu bentuk interaksi yang memberi faedah pada individu. Dalam konteks kajian ini, pelajar yang lemah berbincang, bersama-sama membuat latihan dengan rakan yang lebih pandai, tanpa mengira etnik. Tujuan mereka agar dapat menyiapkan dan memahami latihan tersebut. Selain itu, mereka juga boleh berkongsi ilmu antara satu sama lain, menolong rakan yang menghadapi masalah semasa sesi pembelajaran (eksperimen, meminjam nota).

Dalam aspek aktiviti sekolah pula, interaksi sosial timbal balik juga turut berlaku, terutamanya semasa aktiviti ko-kurikulum. Sebagai contoh, walaupun majoriti ahli pengakap adalah Cina, namun mereka masih membantu rakan etnik lain yang bilangannya agak sedikit semasa menjalankan aktiviti persatuan. Pada asanya, apa sahaja aktiviti yang melibatkan hubungan dua individu atau lebih, di mana ianya mendatangkan faedah kepada sesama mereka, maka interaksi sosial timbal balik berlaku. Sebagai contoh, dalam konteks kajian ini, sikap suka menolong antara pelajar dalam pelbagai pekerja,

akan memberi faedah pada rakan yang ditolong dan penghargaan (ucapan terima kasih) akan diperolehi oleh individu yang menghulurkan pertolongan tersebut. Apabila penghargaan di perolehi, maka interaksi timbal balik akan terus berlaku.

#### **4.1.3 Persaingan**

Persaingan juga berlaku dalam kalangan pelajar berdasarkan analisis data kajian. Bentuk interaksi ini berlaku dalam aspek akademik dan aktiviti sekolah. Berikut diperincikan dapatannya.

- Persaingan dalam akademik

Berdasarkan data kajian, pelajar didapati bersaing antara satu sama lain. Sebagai contoh, bersaing untuk menghasilkan hasil kerja terbaik bagi setiap tugas, bersaing dalam peperiksaan dan juga semasa sesi pembelajaran (eksperimen). Melalui petikan hasil temu bual dengan pelajar-pelajar, mereka bersaing dalam peperiksaan, menghasilkan kerja yang terbaik dan cuba mendapatkan keputusan eksperimen secepat mungkin semasa sesi amali di makmal.

Nisha: Mmm...contoh macam buat kerja-kerja yang cikgu bagi, buat betul-betul.

Pk: Maksudnya buat yang terbaik ke?

Nisha: Ya.

Pk: Markah *exam* macam mana? Ada bersaing tak dari segi markah?

Nisha: Ada juga.

(FG3: para 122-126)

Pk: Jadi, dalam *exam*, tak nak bersaing?

Ana: Buat yang terbaik, kalau dah dapat, dahlah. Tapi dalam eksperimen, ada juga cuba buat cepat untuk siapkan dulu dan dapatkan keputusan betul.

(FG1: para 83-84)

Persaingan untuk mendapat markah terbaik dalam peperiksaan turut dinyatakan oleh Puan Salmah (guru kelas yang mengajar 4P1). Persaingan ini berlaku pada semua pelajar, tanpa mengira etnik. Selain itu, semasa sesi pembelajaran, para pelajar kelihatan besungguh-sungguh bersaing untuk menyiapkan eksperimen. Persaingan ini telah menyebabkan timbulnya rasa ingin menghasilkan sesuatu yang terbaik atau markah terbaik dalam setiap diri pelajar. Persaingan sebegini adalah persaingan positif.

G1: ...dia kalau masa belajar tu, tak nampak sangatlah persaingannya. Tapi bila kita buat ujian, contohnya kita dah ada beberapa kali ujian, kita ada Ujian Rasmi 1 dan Ujian Pertengahan Tahun, yang itu, kita nampak, dia hendak markah dia lebih. Aha...dari segi tu, dia hendak.

Pk: Persaingan tu dari segi kaum atau berbeza kaum?

G1: Itu semua, yang itu dia hendak, dia mesti hendak dia lebih.

Pk: Dalam aktiviti kelas, ke?

G1: Dalam aktiviti kelas tu, dia nampak sikit, persaingan. Tapi, misal kata kita buat amali, dari segi keputusan amali. Okay, katakan *group* dia, buat betul, dia sukalah. Dia *excited* lah. Macam baru ni, kita buat eksperimen, eksperimen nak uji enzim punya tindakbalas pada *substrate*. Kita nak uji, kita masukkan dalam tiub dan siapa dapat warna jernih. Aaa..bila dia dapat, dia akan bagitahu, dia dapat, yang orang lain tak betul buat....

Pk: Kita akan nampak bentuk persaingan ke?

G1: Aha...dia nak, dia menonjol lebih dari segi pengetahuan.

(G1: Puan Salmah, para 40-46)

Persaingan dalam akademik, sememangnya tidak dapat dielakkan. Namun persaingan antara para pelajar adalah persaingan sihat, yang tidak menyebabkan salah faham. Ini adalah berdasarkan dapatan hasil temu bual dengan Puan Mariam:

P2: Persaingan antara mereka ada, tapi untuk kebaikan.

Pk: Mmm...persaingan tu, ada tak menimbulkan salah faham?

P2: Tak adalah.

(P2: Puan Mariam, para 54-56)

- Persaingan dalam aktiviti sekolah

Selain daripada persaingan dalam aspek akademik seperti yang dinyatakan di atas, persaingan antara pelajar turut kelihatan dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Antara aktiviti sekolah tersebut adalah seperti, pertandingan kaligrafi (persatuan bahasa cina), kuiz pameran bertema di pusat sumber dan pertandingan semasa hari perkhemahan.

Sebagai contoh, pertandingan kaligrafi oleh Persatuan Bahasa Cina. Pelajar kelihatan bersaing untuk menghasilkan tulisan kaligrafi yang terbaik dan persaingan tidak menimbulkan salah faham. Sebaliknya mewujudkan perasaan gembira sesama pelajar yang bertanding.

P1: Saya nampak mereka, maksudnya pelajar nampak *happy* sesama mereka masa buat kaligrafi tu. Mereka rasa tulisan tu cantik, sebab mereka tak biasa. Mereka cuba buat yang cantik untuk menang hadiah, jadi nampak lah mereka tu cuba buat terbaik dan bersainglah.

(P1: Puan Kalsom, para 104)

Hari perkhemahan merupakan aktiviti yang melibatkan semua unit beruniform. Semasa hari ini akan terdapat pelbagai aktiviti, seperti pertandingan mengubah kraftangan, pertandingan memasak, pertandingan tarian dan pertandingan hiasan khemah. Pelajar akan bersaing untuk mendapat hadiah bagi setiap pertandingan yang dianjurkan.

Kamala:...*On the second day, on that night, they performed the dance, aaa...and then will be the competition between the camps. They decorate the*

*camp, and then cook variety of food. The winner will be given prizes for all of this activities..*

(FG6: para 46)

Kamala: *For example, for the first, we did things using the straws. We make a flower pot. Then the second one, we were given tissue, we can do anything using the tissue.*

Pk: *That competition between different uniforms, is it?*

Kamala: *Yes.*

(FG6: para 66-70)

Melalui pemerhatian semasa hari sukan, ianya mengukuhkan lagi data temubual di atas. Didapati pelajar bersaing antara satu sama lain untuk memenagi acara yang dipertandingkan pada hari sukan tersebut. Namun ianya persaingan sihat. Berikut adalah sebahagian daripada pemerhatian pada hari sukan tersebut.

Acara balapan padang yang belum dipertandingkan telah dimulakan. Antaranya adalah  $4 \times 100$  meter bagi lelaki dan perempuan. Selain itu acara adalah  $4 \times 400$  meter bagi lelaki dan perempuan. Pada masa ini dilihat persaingan berlaku antara pelajar tanpa mengira etnik. Masing-masing ingin kemenangan bagi rumah sukan mereka. Tiada salah faham kelihatan pada pihak yang kalah.

(NL 4: Pemerhatian Hari Sukan SMK Indah, 22 Jun 2013, Sabtu)

Rumusan: Persaingan didapati berlaku dalam kalangan pelajar tanpa mengira etnik dan ianya berlaku dalam aspek akademik (menjalankan eksperimen, peperiksaan, tugas kerja kelas). Manakala dalam aspek aktiviti sekolah pula, persaingan kelihatan semasa pertandingan kaligrafi anjuran Persatuan Bahasa Cina dan pertandingan-pertandingan lain semasa hari perkhemahan. Persaingan pelajar-pelajar dalam kajian ini, adalah sesuatu yang positif kerana ianya dapat memotivasi pelajar untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan terbaik. Walaupun pelajar berbeza etnik ini bersaing dalam aspek akademik mahupun aktiviti sekolah, namun ianya

tidaklah sehingga menimbulkan pergaduhan dan menjasakan hubungan etnik.

Dengan kata lain, persaingan pelajar-pelajar di sekolah ini adalah persaingan sihat dan positif.

#### **4.1.4 Komunikasi bukan lisan**

Komunikasi bukan lisan adalah satu bentuk interaksi bersifat perlakuan. Ianya kelihatan melalui pemerhatian pengkaji di lapangan kajian. Sebagai contoh beberapa petikan nota lapangan di bawah, menunjukkan bentuk interaksi sosial ini berlaku dalam kalangan pelajar.

Dua orang responden saya, iaitu Ana dang Heng berada dalam kumpulan pertama. Selain itu terdapat dua orang pelajar perempuan Melayu dan seorang pelajar India lelaki. Jumlah kesemuanya adalah lima orang. Tapi Heng, agak senyap sepanjang proses menjalankan aktiviti kumpulan, namun kadangkala dia tersenyum apabila berbual dengan budak lelaki India. Ana agak aktif dalam aktiviti dan sekali sekala kedengaran ketawa mereka kerana plastisin yang digunakan untuk membuat kromosom tidak menjadi.

Dua orang responden saya berada iaitu Azmir dan Jeevan berada dalam kumpulan ketiga. Kumpulan ini turut dianggotai oleh dua orang pelajar Melayu. Jeevan kelihatan pergi ke kumpulan Heng menepuk dan memegang bahu Heng. Mereka kelihatan ketawa. Jarak antara Jeevan dan Heng berdiri sangat rapat.

(NL 1: Nota lapangan: Pemerhatian dalam kelas 4P1, 24 Jun 2013, Isnin)

Ketiga-tiga responden saya, iaitu Getha (India), Yan Tin (Orang Asli), Nisha (Melayu) pula berada di tepi padang dan semasa saya menghampiri mereka bertiga, mereka rancak berbual dan kadangkala mereka ketawa. Sekali-sekala terlihat Yan Tin memegang bahu Nisha, Getha dan begitulah sebaliknya. Mereka juga duduk rapat antara satu sama lain, kadangkala saya melihat Yan Tin sandar bahu pada Getha.

(NL 4:Pemerhatian Hari Sukan SMK Indah, 22 Jun 2013, Sabtu)

Hanya 3 orang responden (pelajar) daripada kelas 4P5 sahaja yang makan di kantin pada hari ini. Ying (Cina) makan bersama rakan kaum

Cina, namun sekali sekala dia pergi ke meja rakan India dan berkongsi makanan kawannya. Ying juga kelihatan memegang bahu dan ketawa bersama etnik India di meja bersebelahan dengannya.

(NL 5: Pemerhatian semasa di kantin, 25 Jun 2013, Selasa)

Rumusan: Pemerhatian beberapa tempat di lapangan kajian, terdapat perlakuan tertentu seperti memegang bahu, menepuk bahu, tersenyum, berdiri dan duduk rapat antara satu sama lain tanpa mengira etnik. Jarak seseorang berdiri atau duduk antara satu sama lain adalah petunjuk sama ada seseorang itu mesra atau sebaliknya. Jika berdasarkan pemerhatian di dua suasana berlainanan, iaitu suasana formal (makmal) dan suasana informal (hari sukan dan kantin), pelajar berada dalam keadaan mesra dan baik. Pelajar berbeza etnik masih lagi boleh berdiri dan duduk rapat-rapat antara satu sama lain. Dalam hubungan seharian, kadangkala, komunikasi bukan lisan (jarak seseorang, ekspresi muka, pergerakan anggota badan) memberi gambaran keakraban antara individu tersebut.

#### **4.1.5 Konflik**

Konflik merupakan salah satu daripada bentuk interaksi sosial. Kebiasaannya ia berlaku atas pelbagai sebab. Sememangnya konflik berlaku di sekolah ini. Namun terdapat responden kajian menafikan mengenai kewujudan konflik dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sekolah ini. Sebagai contoh salah seorang daripada pentadbir sekolah, iaitu Puan Mariam. Pada awal perbualan dengannya, beliau menafikan adanya konflik antara pelajar di sekolah ini. Berikut merupakan petikan di awal temu bual dengannya yang menafikannya.

Pk: Tapi, usik-mengusik tu, ada tak sampai salah faham berlaku sampai bertumbuk?

P2: Mmm...setakat ni, tak adalah dalam laporan disiplin.

Pk: Cikgu ajar kelas tengah, maksudnya 4P3, macam mana bentuk pergauluan mereka?

P2: 4P3 ni, budak-budak dia baik. Aaa...masa saya masuk kelas 4P3, tak ada masalah.

(P2: Puan Mariam, para 25- 28)

Penafian mengenai konflik (pergaduhan) dalam kalangan pelajar, turut dinyatakan oleh guru sekolah ini.

Pk: Selama yang cikgu tengok ada tak salah faham antara budak-budak, yang setakat cikgu nampak di 4P3?

G2: Aaaa...salah faham tak adalah.

(G2: Puan Esha, para 45-46)

Namun setelah lama berbual, Puan Mariam menyatakan terdapatnya konflik di kalangan pelajar tingkatan 4. Semasa sesi temu bual, beliau kelihatan begitu berhati-hati apabila isu konflik diajukan kepadanya. Beliau juga enggan mengulas dengan lebih lanjut apabila saya meminta beliau menceritakan dengan lebih lanjut mengenai isu salah faham antara pelajar. Berikut merupakan petikan perbualan yang menunjukkan konflik sebenarnya berlaku dalam kalangan pelajar tingkatan 4.

Pk: Macam di tingkatan 4 tu cikgu, kelas yang cikgu mengajar sekarang ni, ada tak cikgu nampak salah faham atau bergaduh?

P2: Mmm...ada, tapi tak banyaklah. Hanya kes terpencil. Setakat ni, satu kes sahaja. Itu pun sebab salah faham.

Pk: Salah faham tu antara kaum sama atau berbeza?

P2: Antara sama kaum. Itu sebab mulutlah. Itu salah fahamlah, tapi kita dah *settle* kan. Itu sebab ejek mengejek sesama kaum. Melibatkan jantina berbeza.

(P2: Puan Mariam, para 115-118)

Konflik yang berlaku adalah berpunca daripada pelbagai sebab. Jika ianya berlaku antara sesama etnik, penyebabnya adalah untuk mempertahankan rakan, saudara-mara dan juga merebut kekasih (masalah cinta). Berikut adalah pengalaman yang telah dikongsikan oleh Puan Kalsom sebagai pentadbir sekolah.

P1: Aaa...diaorang bergaduh bukan kerana kaum. Kerana kawan tu, ada juga. Aaa...macam kes baru ni, dia bukan kawan, dia macam saudara dia, orang kacau saudara dia. *So, dia pergi take action, dia tampar.*

Pk: Aaa..itu antara kaum yang sama atau berbeza?

P1: Itu antara kaum yang sama, aaa...kaum India. Dia macam nak menjaga saudara dia. Ataupun, aaaa...dia nak jaga adiknya, dia pergi. Tapi antara kaum yang sama, tak melibatkan kaum lain. Kes-kes yang banyak saya tengok kebanyakannya melibatkan kaum sama, sebab dia nak jaga orang tu, contoh kawan, pak we, mak we, dia kaum yang sama.

(P1: Puan Kalsom, para 78-80)

Turut dinyatakan oleh seorang lagi pentadbir, iaitu Puan Mariam. Motif konflik antara sesama etnik adalah masalah remaja, iaitu merebut kekasih dan kebiasaan mereka melibatkan etnik Melayu atau India.

P2: Kalau antara kaum India, Melayu dan Cina bergaduh sebab merebut kekasih, tu tak ada. Tapi, kalau kaum India dan kaum Melayu, itu adalah isu rebut kekasih, masalah remaja.

Pk: Maksudnya mengenai isu rebut kekasih hati?

P2: Itu memang dalam kaum sama. Kalau isu cinta, jarang melibatkan 2 kaum berbeza, yang seingat sayalah.

(P2: Puan Mariam, para 110-112)

Manakala penyebab berlakunya konflik antara etnik berbeza adalah bermula dengan usik mengusik, ejek-mengejek dan apabila ini berlanjutan akhirnya berlaku aksi fizikal, iaitu membela rakan tersebut. Berikut pengalaman yang dikongsikan oleh pentadbir sekolah ini.

Pk: ...Tapi, di sekolah, apa motif atau punca salah faham tu? Ada tak pasal isu perkauman atau ejek mengejek pasal kaum ke?(para 27)

P1: Dia mula dengan ejek mengejeklah. Diaorang ni mula-mula main-main dulu, tolak-tolak, kemudian mula marah. Bila marah tu, *start* lah. Dia bukannya sebab isu dia tu Cina, dia nak belasah, tapi mungkin dia tak puas hati dalam kelas. Tapi, bila melibatkan dua kaum, jadi berat...para 28)

(P1: Puan Kalsom, para 27-28)

Selain itu, penyebab lain berlakunya konflik antara etnik berbeza, adalah disebabkan isu tidak berpuas hati dengan tugasan membersihkan kelas.

Berikut sebahagian petikan temu bual dengan pelajar kelas 4P5.

Pk: Ooo...maksudnya bila India tu, tak jalankan tugas, awak ada ingatkan dia tentang tugasan kelas?

Getha: Kalau dia buat pun, dengan muka marah.

Pk: Mmm...masa tu ada bergaduh atau berkelahi, misalnya suara ada tinggi ke?

Nisha: Ada.

Ali: Memang ada.

Nisha: Kadang-kadang ada bertumbuk juga.

Pk: Mmm...contoh bertumbuk. Cerita sikit. Antara lelaki atau perempuan?

Yan Tin: Lelaki lah.

(FG3: para 343-350)

Pada hakikatnya, pada masa kini, masih terdapat pergaduhan, namun ianya bukanlah serius dan masih terkawal.

G5: ...Jadi, *I* rasa okay tau, hubungan mereka tak ada apa-apa masalah.

Pk: Mmm...kesimpulannya secara umum, cikgu nampak pergaulan pelajar macam mana?

G5: Sikit-sikit gaduh tu, memang biasalah. Mana-mana tempat ada, tapi okaylah sekolah saya ni. *So far*, okay tak ada apa-apa pergaduhan yang besar.

(G5: Cik Rekha, para 164-166)

Puan Kalsom (pentadbir sekolah) menyatakan, walaupun masih terdapat pergaduhan pada masa sekarang, tetapi ianya bukanlah pergaduhan

besar sehingga sukar dikawal oleh pihak sekolah. Hakikatnya, pada masa dahulu (lebih kurang 10 tahun lepas), pergaduhan tidak dapat dikawal sehingga memerlukan bantuan pihak polis dan ianya disebabkan isu perkauman. Konflik kebiasaannya melibatkan etnik Melayu dan India, manakala etnik Cina kurang terlibat.

P1: Kadang-kadang, dulu selalu, sekarang dah kurang. Mula-mula saya datang sekolah ni, memang nampaklah, dari segi perkauman tu, memang nampak. Gaduh-gaduh antara Cina dan Melayu. Kadang-kadang India dengan Melayu, Cina dengan India. Memang nampak, aaa...tahun 2002, 2003 macam tu, kan, tapi bila naik 2005 ke atas, lepas tu dah kurang. Kebanyakan berlaku pada peringkat awal...

(P1: Puan Kalsom, para 32)

P1: Aaa...adalah isu perkauman, macam-macam sebab, rebut perempuan. Aaa...masa dulu tu memang disiplin sangat teruk. Banyak melibatkan kaum India dan Melayu. Kaum Cina ni, dia ambil sikap selamat, dia tak campur. Tapi kaum India nampak sangat.

Pk: Mmm..sekarang *pattern* pergaulan dia macam mana?

P1:Sekarang okay sikit.

Pk: Mmm..sekarang masih ada ke?

P1: Masih ada, tapi kita masih dapat kawal, tak macam dulu, sampai panggil polis.

(P1: Puan Kalsom, para 162-166)

Seorang lagi pentadbir (Puan Mariam) turut menyatakan hal yang sama, iaitu terdapatnya penurunan kes pergaduhan jika dibandingkan pada masa dahulu. Selain itu, kes pergaduhan yang berlaku pada masa kini bukanlah di sebabkan isu perkauman.

P2: Saya di sini sejak 2000. Dah lebih kurang 13 tahun. Aaa..sekarang ni, kalau bergaduh kecil-kecil tu, adalah. Tapi tak adalah bergaduh besar.

Pk: Bergaduh kecil-kecil tu, isu apa?

P2: Bukan pasal isu kaum. Biasanya budak-budak akan usik-mengusik. Jadi, bila tersilap cakap tu, terlebih lawak sikit dan kemudian akan tercakap kasar. Kemudian jadi gaduhlah. Tapi bila dia melibatkan 2

kaum yang berbeza, dia jadi nampak perkauman. Sebenarnya, asal cerita pergaduhan tu, bukan isu kaum.

(P2: Puan Mariam, para 102-104)

Pengurangan kes pegaduhan seperti yang dinyatakan oleh dua orang pentadbir sekolah (Puan Kalsom dan Puan Mariam) turut disokong oleh perbualan tidak formal dengan guru disiplin sekolah ini. Encik Amran (bukan nama sebenar) merupakan guru disiplin yang telah bertugas hampir 13 tahun di sekolah ini. Beliau sudi berkongsi pengalamannya. Berikut adalah catatan sepanjang perbualan dengan beliau.

Perbualan tidak formal dengan guru disiplin Encik Amran (nama samaran) berlangsung di bilik disiplin sekolah. Encik Amran telah memegang jawatan guru disiplin di SMK Indah selama 13 tahun, bermula tahun 2000. Tetapi pada tahun 2000 hingga 2003, pergaduhan antara etnik di sebabkan perkauman sememangnya berlaku di sekolah ini. Di awal tahun 2000, sememangnya kes pergaduhan kerap berlaku antara etnik berbeza dan etnik sama. Penyebab belakunya kes pergaduhan adalah pelbagai seperti ejek mengejek, ingin menunjukkan kehebatan, masalah percintaan (merebut kekasih) dan kadangkala isu perkauman.

Beliau menyatakan bahawa kes pergaduhan antara etnik yang bermotifkan perkauman tidak berlaku di sekolah ini pada masa sekarang. Pada masa kini, kes pergaduhan di sebabkan oleh masalah peribadi, masalah percintaan, ejek mengejek dan ianya melibatkan etnik yang sama, kebiasaannya melibatkan etnik Melayu, India. Namun kes pergaduhan kurang berlaku dalam kalangan pelajar etnik Cina. Beliau turut menambah, pada masa kini, kes perlanggaran disiplin melibatkan pergaduhan adalah kecil bilangannya dan masih dapat dikawal oleh sekolah.

(G7: Encik Amran, Perbualan tidak formal, 24 Julai 2013)

Seperti yang dibincangkan, konflik berlaku, namun ianya bukanlah serius dan motifnya bukanlah disebabkan isu perkauman. Selain itu, pelajar juga tidak mempunyai sikap-sikap negatif seperti membenci etnik berbeza, prejudis, ethnocenterisme, senario ugutan, ancaman, hasutan kebencian, dan

senario memencarkan rakan. Berikut beberapa contoh petikan temubual dengan beberapa responden (pentadbir, guru dan pelajar).

Pk: Aaa..ada tak sebab mereka benci sesama mereka ke?

P1: Mmm....saya rasa mereka tak benci sesama mereka.

(P1:Puan Kalasom, para 133-134)

Pk: Pernah tak berlaku keadaan orang pencilkan atau pulaukan seseorang?

Nisha: Mmm..tak pernah.

Ying: Tak pernahlah.

(FG3: para 135-137)

G2:Tak, tak nampaklah sebegini, hasutan jangan berkawan dengan kaum lain. Tak ada hasutan perkauman.

(G2:Puan Esha, para 120)

Tiada sikap adanya rasisme, iaitu merujuk kepada sifat membenci atau membezakan rakan berbeza etnik dalam kalangan pelajar. Berikut petikan temu bual.

Ana: Mmmm...warna kulit, tak ada kot.

Pk: Macam di luar Negara, tak nak kawan dengan seseorang sebab berbeza warna kulit. Ada tak berlaku di sini, Azmir?

Azmir: Tak kisah, kawan je.

(FG1: para 389-391)

Sikap ethnocenterisme juga tiada dalam kalangan pelajar seperti luahan pelajar di bawah.

Sha: Mmm...kalau macam makan, kita dah tahu adat diaorang, aaa...jadi kita tak akan kata, diaorang ni makan, aaa...kalau macam orang India, makan guna daun pisang. Kalau macam orang cina, makan guna chopstick, itu kan dah adat diaorang, jadi tak adalah saya nak kata apa-apa. Saya pun tak rasa cara makan saya atau makanan saya lebih bagus. Misalnya suruh dia pakai tangan ke atau tak ada tangan ke nak makan.

(FG2: para 352)

Namun, stereotaip wujud terhadap etnik Melayu dan India. Misalnya etnik India dianggap pengotor, keras kepala, pemalas melakukan tugasan membersihkan kelas. Manakala etnik Melayu dianggap pemalas. Berikut beberapa petikan temu bual.

Azmir: Selalunya, Melayulah. Kaum Melayu pemalas.

(FG1: para 385)

Nisha: Bila keluar *toilet*, tak basuh tangan, pengotorlah.

Pk: Kaum apa tu? Selalu ke nampak macam tu?

Nisha: Kaum India.

Yan Tin: Kadang-kadang mereka sompong.

Getha: Kadang-kadang tak bagi kerjasama masa bertugas, mereka tak buat. Kalau macam nak buang sampah, dia macam tak nak buat dan macam tak pernah pegang sampah kat rumah.

Pk: Mmm...itu kaum apa?

Getha: Kaum India lah. Tak nak pegang sampah dalam kelaslah.

Nisha: Mereka malas jalankan kerja.

(FG3: para 328- 338)

Ali: Dengan orang India kurang sikitlah, susah nak buat kerja sama-sama. Orang Cina, okay.

Nisha: Orang India ni, keras kepala.

Pk: Contoh macam mana tu, keras kepala?

Ali: Contoh macam kalau dia rasa dia betul, dia betullah. Lepas tu, kalau kita kata dia salah buat, dia tetap kata dia betul. Sebab itulah rasa macam tak nak bergaul dengan mereka.

(FG3: para 217-220)

Walaupun konflik berlaku dan adanya stereotaip seperti dinyatakan di atas, tetapi masih terdapat responden kajian yang mempunyai rakan baik dari kalangan etnik berbeza. Ini menggambarkan mereka masih boleh menerima etnik antara satu sama lain.

Pk: Hahaa...(ketawa). Ok, Shanti, siapa kawan baik awak dalam kelas ni?

Shanti: Anisah, Getha Devi dan Lee Zhi,

Pk: Lifen, pula, siapa kawan baik awak?

Lifen: Shamaanthi, Ana dan Uma.

Pk: Ana yang mana satu?

Lifen: Ni, Ana, kawan Lifen.

Pk: Oooo...yang ini Ana. Jeevan pula, siapa kawan baik awak?

Jeevan: Deva, Heng, Azmir dan Ridzuan.

Pk: So, bolehlah, jadi kawan baik awak tak semestinya, dari kaum yang sama? Jadi boleh campur-campurlah?

Jeevan: Mmm..ya.

(FG1: para 3-12)

Selain itu, pelajar etnik Melayu dan Cina berminat mempelajari dan menyertai aktiviti Persatuan Bahasa Tamil (Pesta Ponggal, tarian Tamil, Jom Bercakap Bahasa Tamil). Begitu juga aktiviti budaya etnik lain, di mana pelajar-pelajar masih berminat menyertainya dan ini merupakan sesuatu yang baik. Misalnya aktiviti Persatuan Bahasa Cina, iaitu tulisan kaligrafi. Berikut merupakan sebahagian petikan temu bual dengan pentadbir, guru serta pelajar-pelajar sekolah berkenaan hal ini.

P1: Ya aktiviti yang bagus, dapat bantu hubungan pelajar-pelajar. Aaa..pelajar persatuan Cina akan jumpa dengan pelajar lain, ajak pelajar lain buat tulisan Cina ni, tulisan kaligrafi. Mereka sediakan kertas, dakwat, berus, kita hanya lukis sahaja. Pelajar yang nak sertai, mereka pergi di kantin.

Pk: Masa tu, sambutan macam mana? Adakah kaum lain berminat?

P1: Ramai yang berminat.

(P1:Puan Kalsom, para 98-100)

Pk: Macam mana sambutan pelajar kaum lain terhadap aktiviti ini?

G5: Aktiviti lagu tu, okaylah. Ramai budak Cina pun ramai minat.

Pk: Mmm...budak Melayu ada join tak?

G5: Ada join.

Pk: Ramai tak pelajar tingkatan 4 yang join?

G5: Adalah pelajar tingkatan 4.

Pk: Apa reaksi pelajar semasa menyertai aktiviti ini?

G5: Mereka okaylah, mereka memang seronok. Mereka cuba cakap-cakap Bahasa Tamil. Misalnya Bahasa Tamil, manakom, maksudnya salam sejahtera dalam Bahasa Tamil.

(G5:Cik Rekha, para 25-32)

Pk: Budak India perform budaya tarian India?

G5: Mereka akan buat persembahan budaya Melayu dan ada budaya India.

Pk: Mmm...boleh tak cikgu ceritakan sikit tentang persembahan dan tarian yang mereka buat tu.

G5: Mereka ada buat tarian, aaa...ada muzik Melayu, tarian Melayu. Chinese pun ada join. Ahli persatuan Bahasa Tamil buat tarian Melayu.

(G5:Cik Rekha, para 85-88)

Jeevan: Boleh terima budaya berbeza dan boleh bergaul.

Pk: Shanti, ada pendapat lain tak? Jeevan dah bagi pendapat macam tu.

Shanti: Saya boleh terima kerana itu budaya lainkan. Lagipun, excited nak tahu budaya lain.

(FG1: para 268-270)

Kamala: *There's no different between races. Between friends do not need to say about the races, no need to care about it, but just accept them. Because friends are rare to find, so I'm glad having this kind of different friends.*

Pk: *Mmm...even though they are different races from you, isn't it?*

Kamala: *Yes, I can accept that.*

Pk: *Even though the culture is different also, you still can accept?*

Kamala: *Yes.*

(FG2: para 354-358)

Rumusan: Konflik berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah ini.

Memandangkan isu konflik adalah sensitif, maka ianya cuba dielakkan atau dinafikan oleh sesetengah responden untuk dibincangkan. Namun, setelah kepercayaan diperolehi, kejadian konflik ini dikongsikan oleh responden. Pada masa kini, kejadian konflik semakin berkurang, jika dibandingkan pada masa dulu, iaitu lebih kurang sepuluh tahun lepas. Selain itu, salah satu punca berlakunya konflik pada sepuluh tahun lepas, adalah disebabkan isu perkauman. Namun, pada masa sekarang, motifnya bukanlah disebabkan isu perkauman.

Pelbagai sebab yang menyumbang kepada berlakunya konflik sesama etnik (intra etnik) iaitu untuk mempertahankan kekasih, rakan ataupun saudara-mara. Kebanyakan melibatkan etnik India atau Melayu. Manakala konflik turut berlaku antara etnik berbeza. Kejadian konflik antara etnik berbeza, selalunya bermula dengan usik mengusik, mengejek dan apabila ini berlanjutan akhirnya berlaku aksi fizikal, iaitu membelasah rakan tersebut. Selain itu, kadangkala disebabkan isu tidak berpuas hati dengan tugas bersihkan kelas, pelajar berbeza etnik menyebabkan tercetusnya pergaduhan. Kejadian pergaduhan kebiasaannya melibatkan etnik Melayu dan India, namun etnik Cina didapati kurang terlibat dalam konflik atau pergaduhan di sekolah.

Sememangnya konflik tidak dapat dielakkan di mana-mana dan sering berlaku dalam kalangan individu kerana adanya perbezaan dalam pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, pergaduhan di sekolah ini tidak didasari oleh sikap perkauman atau pun sikap negatif yang lain. Stereotaip berlaku dalam pelajar. Etnik India dianggap pengotor, keras kepala dan pemalas melakukan tugas bersihkan kelas. Manakala etnik Melayu dianggap pemalas. Sememangnya terdapat stereotaip dalam kalangan pelajar, tetapi apabila tiadanya sikap negatif yang keterlaluan, seperti sikap membenci kaum, prejudis, ethnocenterisme, ancaman, ugutan, memencarkan rakan berbeza, ini merupakan satu petanda bahawa bahawa hubungan pelajar masih baik dan boleh diperbaiki. Jika para pelajar mempunyai sikap negatif-negatif yang

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS keterlaluan, ianya akan menyumbang kepada berlakunya pergaduhan atau konflik yang semakin buruk.

Seperti yang dibincangkan di atas, sememangnya konflik berlaku, namun sikap-sikap negatif lain seperti sifat perkauman, membenci kaum, prejudis, ethnocenterisme, senario ugutan, ancaman tidak ada dalam kalangan pelajar. Sikap-sikap sebegini, merupakan satu '*precursor*' atau faktor penyumbang terhadap berlakunya sesuatu konflik yang lebih teruk atau dasyhat lagi.

Selain itu, masih terdapat responden kajian yang mempunyai rakan baik dari kalangan etnik berbeza. Ini menggambarkan mereka masih boleh menerima etnik antara satu sama lain. Tambahan pula, apabila pelajar masih boleh menerima aspek budaya etnik berbeza dan cuba untuk mempelajarinya, ini merupakan satu petanda baik dan interaksi mereka masih di tahap memuaskan.

#### **4.2 Analisis data berdasarkan soalan kedua kajian**

Soalan kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi atau menghalang interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di sekolah ini. Berdasarkan data-data kajian yang diperolehi melalui temu bual, analisa dokumen,

N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

pemerhatian, didapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi interaksi pelajar seperti dibincangkan di bawah.

#### 4.2.1 Pentadbiran sekolah

Sesebuah sekolah, pada amnya akan mempunyai prinsip tertentu. Prinsip-prinsip ini mempengaruhi keadaan sesebuah sekolah tersebut. Dapatan kajian menunjukkan pihak sekolah ini mengamalkan prinsip iaitu memberi kebebasan pada pelajar mengamalkan budaya dan agama masing-masing. Kebebasan ini diberikan, namun ianya tidak menyentuh sensitiviti etnik lain atau masih berlandaskan kesopanan. Pandangan ini disuarakan oleh beberapa orang guru.

G1: Aaa...adalah, macam ada kita buat hari kokurikulum, ada persembahan. Kita cuma buat kat situ, kebudayaan, tapi mesti ikut kebudayaan yang ada di Negara kitalah. Dan kita tak galakkan yang melampau sangat, contohnya, janganlah, pakaian tu janganlah terlalu menjolok mata.

(G1: Puan Salmah, para 285)

G5: Aaa...macam tahun lepas, ada doa restu untuk PMR, sekolah kita memang sediakan bas, hantar rombongan pelajar ke kuil di Tanjung Malim. Persatuan Bahasa Cina ada pergi juga ke kuil mereka.

(G5: Cik Rekha, para 150)

Pemerhatian semasa sesi perhimpunan turut memberi gambaran bahawa prinsip memberi kebebasan kepada etnik lain mengamalkan agama mereka dipraktikkan di sekolah ini.

Pengawas bertugas menjemput seorang pengawas lelaki Melayu untuk membacakan doa, sementara pelajar lain yang bukan beragama Islam, diminta bertafakur mengikut amalan agama masing-masing.

(NL 6: Pemerhatian semasa perhimpunan sekolah, 1 Julai, 2013, Isnin)

Selain itu, pihak pentadbir senantiasa memberi sokongan moral pada guru persatuan, kelab, unit uniform sekolah untuk menjalankan sebarang aktiviti/ program yang berupaya membantu mengeratkan interaksi antara pelajar. Berikut antara petikan temu bual dengan seorang guru persatuan, iaitu Cik Rekha.

G5: ....Pengetua pun *okay*, selalu sokong.

Pk: Macam mana pihak sekolah, maksudnya ada tak pihak sekolah menyokong apabila persatuan nak buat aktiviti?

G5: Mmm...dia ada sokong, tapi kena pastikan keselamatan, misalnya takut juga akan timbul isu-isu pergaduhan. Kalau boleh pengetua, aaa...pengetua minta, *any* aktiviti, buat waktu ko-kurikulum, iaitu hari Sabtu, sebab senang nak urus budak-budak. Selalunya pihak sekolah akan sokong.

(G5: Cik Rekha, para 113-116)

Pihak pentadbiran sekolah ini juga senantiasa memperuntukkan bantuan kewangan agar aktiviti persatuan dapat dijalankan. Sumber kewangan yang mencukupi penting, kerana tanpa kewangan yang cukup, sesuatu aktiviti tidak dapat dilaksanakan. Ini adalah berdasarkan luahan guru persatuan di sekolah ini.

G5: Mula-mula yang penting kita kena buat kertas kerja, pengetua akan tengok objektif aktiviti dan *so far*, pengetua akan sokong dan bagi peruntukan berdasarkan kewangan aktiviti ko-kurikulum. So far, memang *okay*, no problem..

(G5: Cik Rekha, para 156)

Sesungguhnya pentadbiran sekolah yang baik dan komited dalam melaksanakan pelbagai program banyak membantu untuk mengeratkan interaksi etnik berbeza. Ini adalah berdasarkan pandangan salah seorang guru, iaitu Puan Esha.

G2: Memang komitedlah. Kalau di sekolah tu, antara misi sekolah, perpaduan, isu masyarakat majmuk memang akan di beri perhatian.

Pk: *So*, faktor sekolah, faktor kepimpinan sekolah yang baik dan komited, adakah di lihat sebagai faktor yang mempengaruhi? Pada pandangan cikgulah.

G2: Mmm...

Pk: ....kalau pentadbiran yang baik, seperti membuat banyak program serta memberikan kebebasan etnik amalkan budaya, adakah ianya dapat memperbaiki hubungan kaum?

G2: Aaa...memang peranan sekolah, pentadbiran baik memainkan peranan dalam tingkatkan hubungan baik. Tapi rasa saya, setakat yang saya ada di sekolah ni, tanggungjawab itu, dipikul oleh pentadbir sekolah. Memang pun, dia orang buat..

(G2: Puan Esha, para 94-98)

Menurut pandangan seorang guru yang baru berkhidmat di sekolah ini, pentadbiran sekolah lebih memfokuskan kecemerlangan akademik, tetapi kurang komited untuk mengadakan aktiviti yang berupaya mengeratkan hubungan etnik. Keadaan ini berbeza dengan sekolah asalnya, di mana pelbagai aktiviti diadakan. Berikut adalah pandangan beliau.

Pk: Mmm..maksudnya sepanjang cikgu berada di sini selama 3 bulan, ada tak cikgu nampak, sekolah ni buat aktiviti untuk rapatkan hubungan antara pelajar pelbagai kaum?

G3: Aaaa...kalau di ikutkan, saya nampak sekolah ni, kurang sikitlah berbanding dengan sekolah lama kan. Dia lebih tekankan kepada P&P.

Pk: Maksudnya di sekolah ni?

G3: Aaaa..ya.

Pk: Maksudnya, lebih tekankan pada kecemerlangan?

G3: Aaaa..ya. Macam aktiviti yang biasa tu, kurang.

Pk: Di sekolah lama, macam mana pulak?

G3: Ada macam-macam aktiviti, kat sini kurang.

Pk: Maksudnya kalau cikgu bandingkan dengan sekolah lama, maksud cikgu tu, macam mana?

G3: Banyak program yang melibatkan pelajar. Sekolah tu, banyak pelajar yang buat macam-macam. Arahan cikgu, buat persembahan ini, tapi sekolah ni, kuranglah.

(G3: Puan Zurina, para 91-100)

Rumusan: Dalam konteks kajian ini, pentadbiran sekolah didapati komited dan sentiasa menyokong sebarang aktiviti asalkan aktiviti tersebut berupaya membantu interaksi antara pelajar. Bentuk sokongan misalnya, dengan menyediakan peruntukan kewangan bagi aktiviti dan juga sokongan moral. Selain itu, pihak pentadbiran sekolah turut memberi peluang dan kebebasan bagi sebarang aktiviti (kebudayaan) dijalankan oleh etnik-etnik, asalkan ianya tidak menyentuh sensitiviti etnik lain dan mempertimbangkan nilai-nilai kesopanan. Kebebasan mengamalkan agama oleh semua etnik turut dipraktikkan oleh sekolah ini. Namun, terdapat seorang guru yang menyatakan pentadbiran sekolah ini kurang komited dalam menjalankan aktiviti mengeratkan hubungan etnik, tetapi hanya mementingkan kecemerlangan peperiksaan. Walau bagaimanapun, pandangan guru ini hanya berasaskan pengalamannya mengajar selama 3 bulan sahaja di sekolah ini. Sesungguhnya, pentadbiran yang baik, komited menjalankan pelbagai program, amat membantu mengeratkankannya hubungan etnik berbeza di sekolah.

#### **4.2.2 Guru**

Guru merupakan individu terpenting dalam komponen sesebuah sekolah. Berdasarkan analisa data kajian, didapati amalan pengajaran guru serta sikap

mereka memberi pengaruh dalam interaksi pelajar di sekolah. Berikut merupakan perbincangan berdasarkan data-data kajian.

- Sikap guru

Dapatkan menunjukkan kebanyakan guru mengamalkan sikap positif, layanan sama rata, tidak ada pilih kasih atau bias semasa sesi pembelajaran di kelas. Berikut petikan beberapa responden kajian daripada kalangan pihak pentadbir (Puan Mariam), guru (Puan Esha) dan pelajar-pelajar.

P2: Aaa...sikap-sikap yang positif....Lepas tu, aaa...cikgu tu layan, perlu sama rata. Tak kiralah dia kaum apa. Aaa...macam kaum ni ada yang lemah dan ada yang okay kan, jadi kita layan samalah. Macam 4P3 tu, ada yang tak lulus, saya adakan kelas tambahan pada hari Jumaat sampai 12.50 tengah hari. Saya akan bagi latihan. Jadi tak kiralah, sama ada pelajar Melayu, India atau Cina, kita akan letakkan mereka sekali. Aaa..kita layan sama sahaja, sebab mereka nak belajar, jadi kita layan sama sahaja. Aaa...itulah tugas seorang guru.

(P2: Puan Mariam, para 42)

G2: Pada saya, sikap aaa...sikap yang baiklah. Kita tunjuk contohlah. Kita tak adalah, pilih kasih, dalam pengajaran kita. Walaupun kita adalah orang Melayu, macam saya Melayu, saya tak adalah lebihkan Melayu. Sepatutnya, sikap macam tu, tak adalah. Pertamanya, sikap pilih kasih lah...Mmm...

(G2: Puan Esha, para 88)

Pk: Aaaa...dalam kelas ni, sepanjang yang awak belajar, ada tak guru yang bias atau berat sebelah?

Heng: Tak ada.

Pk: Heng, guru Melayu, layan awak macam mana? Di sini banyak guru Melayu, ada tak nampak dia lebihkan kaum Melayu je? Ada tak? (para 148)

Heng: Mmmm...tak adalah.

Pk: Betul ke Jeevan?

Jeevan: Tak ada.

Pk: Okay, kalau ada masalah pelajaran atau masalah peribadi, ada tak jumpa cikgu? Ada jumpa, cikgu kaum apa?

Jeevan: Jumpa kaum Melayu.

Pk: Kiranya yang awak nampak, ada tak diaorang macam berat sebelah pada kaum tertentu? Atau bagi tumpuan lebih ke, markah lebih ke?

Heng: Tak adalah.

(FG1: para 146-155)

Selain layanan yang sama rata semasa pengajaran, sikap positif lain adalah tidak adanya sikap diskriminasi dalam kalangan guru.

G1: Okay, rasanya tak ada apa...Setakat ini, saya tak kisahlah budak yang tanya tu, bangsa apa, janji dia nak belajar dan nak dengar. Dia tanya dan dia dengar. Kalau dia tanya, dia tak dengar, saya rasa nak marahlah.

Pk: Maksudnya sebagai cikgu, cikgu rasa okaylah, cikgu boleh terima kaum lain?

G1: Setakat ni tak ada masalah. Dengan syarat dia hendak belajar.

Pk: Jadi tak kisahlah?

G1: Ya, tak kisahlah. Sebab apa sebagai cikgu tak patut rasanya, maksudnya kalau kita ada diskriminasi mana-mana kaum.

(G1: Puan Salmah, para 60-64)

Layanan yang sama terhadap semua pelajar tanpa mengira etnik, bukan hanya terhad semasa pengajaran sahaja. Dalam aspek hukuman juga, tidak ada amalan pilih kasih terhadap pelajar atau berat sebelah oleh pihak pentadbir.

P1:.... Contohnya, pada budak Melayu, budak Cina dan budak India, dia mesti tak ada pilih kasih. Dia kena sama je. Ya lah, kadang-kadang perasaan mana boleh kita nak sama, aaa..sebab perasaan itu di dalam. Tapi, kita jangan tunjuklah dalam kelas. Contohnya, macam kita tak suka dengan kaum tu, dia akan tengok semacam dan lepas tu, dia akan tarik diri macam tu. Jadi kita kena adil, kalau kita bagi, kita kena bagi semua. Jadi, guru kena tegas dan mesti adil. Lepas tu hukuman yang dia bagi mesti sama. Kalau kita hukum tertentu macam tu, sama juga kaum lain. Jangan kita beza-beza.

(P1: Puan Kalsom, para 44)

Walaupun, rata-ratanya guru berikap positif, seperti yang telah dinyatakan di atas, namun seorang pentadbir sekolah ini menyatakan keimbangannya kerana terdapat segelintir guru sekolah ini yang menanam rasa benci dalam diri pelajar. Sikap guru sebegini meyebabkan kerenggangan pada hubungan pelajar. Namun ianya ditangani dengan baik oleh pihak pentadbir sekolah ini.

P1: Walaupun kadang-kadang setengah cikgu, memang dia racist, tapi saya tengok di sekolah ni, tak nampaklah sangat. Tapi ada juga kes yang dia cakap terang-terangan dalam kelas, menanam rasa benci. Tapi dia berani cakap tu, pada kelas belakang. Sebab kalau kelas depan, budak-budak ni akan balik cakap dengan ibu bapa. Kelas belakang ni, mereka setakat dengar, habis kelas, habis. Aaa...dia cakap dalam kelas, aaa..tapi dalam kelas, kita masih dapat bendung. Sebab kadang-kadang budak ni, baik dengan cikgu lain, dia akan bagitahu cikgu lain dan cikgu tu, akan sampai pada pentadbir. Pentadbir akan panggil dan bagi nasihat, agar jangan sampai pelajar ni, mengadu pada ibu bapa.

(P1: Puan Kalsom, para 56)

Keadaan di mana adanya segelintir guru sekolah yang mempunyai sifat perkauman turut dinyatakan semasa perbualan tidak formal saya dengan seorang guru, Puan Esha. Pada mulanya perbualan ini ingin dirakamkan, namun beliau menolaknya. Maka pengkaji akur dengan permintaannya Ini kerana sebagai pengkaji, salah satu etika adalah menghormati permintaan responden kajian. Berikut adalah luahan hatinya.

Selepas sesi temu bual secara individu tamat (bertarikh 10 Jun 2013), Puan Esha ada berkongsi pengalamannya selama mengajar di sekolah ini. Menurut beliau, memang terdapat segelintir guru yang mempunyai sikap perkauman di sekolah ini.. Guru ini memberi layanan yang berbeza terhadap pelajar yang berbeza etnik daripadanya. Perbualan tidak formal ini tidak dirakamkan, atas permintaan Puan Esha sendiri. Oleh itu sebagai pengkaji, salah satu etika adalah menghormati permintaan responden kajian.

( Puan Esha, perbualan tidak formal: 10 Jun 2013, Isnin)

Walaupun adanya segelintir guru yang menanam elemen kebencian terhadap etnik berbeza, namun secara keseluruhannya, guru masih mempunyai sikap menghormati kepelbagaian budaya etnik yang ada di sekolah. Misalnya guru hanya mengadakan aktiviti berunsurkan budaya etnik dan sebarang aktiviti yang menyentuh sensitiviti etnik lain cuba dielakkan.

G5: Tak ada guna seratus peratus Bahasa Tamil. Tapi, macam aktiviti tulisan tu, memang bagus, mereka banyak yang nak masuk. Sebab mereka tak kisah, itu tulisan, sebab *I* dah letak maksud. Saya rasa pelajar, aaa...pelajar kena tahu lah. Tapi selalunya saya tak akan buat aktiviti agama. Saya buat aktiviti lebih kepada kebudayaan, sebab kita ni, *multi racial*. Macam aktiviti agama, contoh ke kuil, itu persatuan akan *arrange* dan libatkan budak agama Hindu sahaja.

(G5: Cik Rekha, para 148)

Kadangkala guru dianggap '*role model*' bagi para pelajar. Segala sikap-sikap positif atau negatif yang terdapat pada guru senantiasa menjadi ikutan kepada pelajar. Berikut beberapa pandangan responden, yang menunjukkan pengaruh sikap guru akan diteladani atau dicontohi oleh pelajar di sekolah.

G2: Memang sangat penting. Mmm...sikap cikgu pun membantu, iaitu tunjuk contoh teladan yang baiklah. Cikgu ni, tak boleh mengapit-apikan pelajar. Macam saya kata tadi lah, sikap pilih kasih terhadap pelajar, kalau bangsa dia, dia lebih kan, bangsa lain dia kurang. Kiranya sikap-sikap sebegini, sikap negatif, tak bolehlah.

(G2: Puan Esha, para 158)

G2... Rasa saya sepatutnya cikgu, tunjuk sikap yang baiklah. Bila cikgu tunjuk sikap yang baik, pelajar pun dia ikut, bergaul dengan baik dengan kaum berbeza.

(G2: Puan Esha, para 186)

G1: Rasanya ia kot. Aha...misal kata kita bias terhadap sesuatu pihak, dari situ dia akan buat sikap macam tu, contoh sikap kita. Macam

mana nak kata, contohnya kita lebihkan satu kaum ni, kaum yang satu lagi akan rasa iri hati. Kaum yang kita bagi lebih ni, mungkin dia rasa dia boleh buat lebih, akan lebih bias terhadap rakan kaum lain. Tak apa, dia rasa cikgu tak kisah pun, cikgu sokong dia. Itu masalahnya rasanya.

(G1: Puan Salmah, para 66)

Dapatkan kajian turut mendapati apabila adanya sikap positif guru seperti menggalakkan penyertaan pelajar berbeza etnik bercampur melakukan aktiviti sekolah, ianya membantu percampuran pelajar. Seterusnya mengeratkan hubungan antara mereka. Ini adalah berdasarkan pendapat salah seorang guru (Puan Salmah) dan pentadbir (Puan Mariam).

G1: Aaa.. Satu lagi, masa hari guru baru ni, sebelum-sebelum ni tak ada persembahan dari budak Cina. Tapi tahun ni, ada. Mungkin cikgu yang tadi tu, cikgu disiplin tu, mahir muzik, dia ada bagitahu budak ni suruh buat persembahan bercampur kaum.

Pk: Ooo...persembahan tu, ikut *form* atau macam mana?

G1: Dia sebenarnya campur. Tapi tahun ni, lebih ramailah, lebih Cinanya, India, sebab ada cikgu suruh.

(G1: Puan Salmah, para 265-267)

P2: Aaa..maksudnya gabung sekali. Contohnya masa zapin, orang Melayu keluar, lepas tu, tarian India pula dan tarian kipas, budak Cina keluar. *Last* tu, tiga-tiga sekali, di mana Cina akan menari zapin, dengan budaya baju kaum masing-masing.

Pk: Itu di bawah bimbingan guru?

P2: Macam tu lah, bawah bimbingan guru, guru yang suruh...

(P2: Puan Mariam, para 140-142)

- Amalan pengajaran guru

Dapatkan menunjukkan bahawa amalan pengajaran dan pengajaran (P&P) oleh guru di kelas mempengaruhi interaksi pelajar pelbagai etnik. Pelbagai pandangan dan pengalaman dinyatakan oleh responden kajian ini.

Sebagai contoh, pengalaman yang dikongsikan oleh Puan Kalsom, semasa beliau mengajar di kelas. Semasa pengajaran, pada kebiasaanya beliau memberi contoh konflik, pergaduhan yang berlaku di luar negara agar pelajarnya mengambil iktibar tentang kesan negatif akibat berlakunya pergaduhan etnik ini. Di samping itu, beliau turut menekankan akan kepentingan membina hubungan baik antara satu sama lain semasa pengajaran.

P1: Memang ada terapkan. Saya sendiri ajar sejarah, saya selalu tekankan, kalau tak ada perpaduan, tak adalah keamanan di sekolah kita. Semuanya, tanggungjawab tu, pada diaoranglah, generasi baru ni. Kalau diaorang ni, masih bergaduh, jadi saya bagilah contoh yang berlaku di Negara-negara luar, maknanya tak aman, tak tenang, nak pergi kerja pun tak boleh, nak pergi belajar pun susah. Jadi, kita buka minda dia, apa yang kita sebut, dah ada dan berlaku di dunia ni.

(P1: Puan Kalsom, para 54)

Dapatkan kajian juga menunjukkan apabila guru menyelitkan nilai penerimaan terhadap budaya etnik berbeza semasa proses P&P, ianya memberi kesan positif pada hubungan pelajar. Apabila sikap menghormati dan penerimaan diterap dalam diri pelajar, ianya dapat membantu mengeratkan interaksi antara mereka. Berikut adalah petikan temu bual pelajar kelas 4P5 berkenaan amalan pengajaran guru dan pengaruhnya pada interaksi seharian mereka dengan rakan berbeza etnik.

Getha: Contoh perayaan Thaipusum ada orang baling kelapa dengan banyaknya di jalan raya. Jadi, kaum lain rasa marah. Jadi cikgu cakap itu, budaya mereka, kita tak bolehlah kata mereka menghalang jalan raya. Cikgu cakap itu kan adat dia.

Pk: Jadi ada tak cikgu, suruh dan cakap awak perlu terima diaorang punya budayalah?

Getha: Mmm...ya.

Yan Tin: Kadang-kadang cikgu cakap jangan hina adat mereka.

Getha: Kadang-kadang bila perayaan tu, jalan *jammed*, jadi kaum lain marahkan. Tapi, cikgu kata tak elok marah kaum lain.

(FG3: para 186-190)

Pk: Aaa..kiranya, bila ada cikgu-cikgu yang tekankan kena baik-baik dengan kaum lain, jangan hina mereka, terima mereka, adakah cikgu-cikgu macam ni, membantu Nisha, agar lebih rapat dengan kaum lain?

Nisha: Aaaa...ya.

Pk: Ying, pendapat awak pula?

Ying: Penting ada cikgu macam ni.

Yan Tin: Penting, penting sangat.

(FG3: para 198- 202)

Terdapat juga guru yang menetapkan peraturan semasa aktiviti berkumpulan, di mana setiap kumpulan perlu mempunyai etnik berbeza.

Petikan temu bual dengan Puan Mariam menggambarkan keadaan ini.

P2: ...Kadang-kadang saya ada *group* kan mereka dalam kumpulan, mereka boleh buat. Aaa...cuma kita tetapkan dasar. Misalnya, kalau kerja kumpulan, saya tak nak satu kaum.

Pk: Maksudnya cikgu tetapkan?

P2: Mmm...yes. Misalnya, kita cakap kita nak *mix*. Jadi mereka fahamlah. Lepas tu, mereka akan *form* kumpulan yang ada lebih daripada satu kaum.

(P2: Puan Mariam, para 36-38)

Pemerhatian sewaktu sesi pengajaran seorang guru di kelas 4P1 turut menunjukkan amalan aktiviti berkumpulan yang diamalkan oleh sesetengah guru. Ini adalah untuk membantu pelajar berinteraksi dengan lebih baik. Berikut sebahagian daripada catatan sepanjang pemerhatian yang dibuat.

Kemudian para pelajar di beri tugasan oleh guru untuk membuat langkah dalam proses pembahagian sel, iaitu meiosis dalam kumpulan masing-masing. Di awal sesi kelas, guru menyuruh pelajar duduk dalam kumpulan yang bercampur dengan etnik lain. Pada amnya kumpulan-kumpulan terdiri daripada etnik berbeza, kecuali cuma satu kumpulan sahaja terdiri daripada etnik Melayu kesemuanya.....

(NL 1= Nota lapangan: Pemerhatian dalam kelas 4P1, 24 Jun 2013, Isnin)

Namun terdapat sesetengah guru enggan melaksanakan aktiviti berkumpulan kerana pelajar-pelajarnya susah untuk dikawal. Berikut adalah luahan guru (Puan Zurina) yang mengajar di kelas 4P5.

G3: ...dalam kelas tu, kurang aktiviti kumpulan, memang *teacher oriented* lah. Kalau bagi aktiviti kumpulan, takut aktiviti tak terkawal, sebab kelas tu pun, agak aaa...susah nak dikawal...

(G3: Puan Zurina, para 6)

Pemerhatian semasa pengajaran Puan Zurina didapati tiada aktiviti berkumpulan dibuat. Selain itu, beliau juga tidak menyelitkan akan pentingnya nilai perpaduan dengan isi pelajaran, walaupun topik pada hari itu berkaitan isu peperangan. Sebagai contoh hasil pemerhatian semasa pengajaran beliau yang telah dicatatkan dalam nota lapangan bertarikh 25 Jun 2013.

Topik pengajaran adalah peperangan yang berlaku pada zaman Islam.

Guru menceritakan dalam ajaran Islam, peperangan tidak digalakkan namun peperangan di benarkan untuk pertahankan agama dan diri. Guru tidak menekankan nilai pentingnya perpaduan, pentingnya interaksi yang baik antara etnik berbeza untuk mengelakkan pergaduhan antara pelajar dalam kelas. Guru juga tidak mengaitkan topik pembelajaran berkaitan peperangan dengan nilai pentingnya membina hubungan baik antara satu sama lain agar

Cara pengajaran adalah berpusatkan guru, di mana guru menggunakan buku teks dan sekali sekala, dia akan menulis perkataan penting di papan hitam. Guru ada bertanyakan soalan kepada pelajar secara umum, tanpa memanggil nama pelajar yang spesifik. Pada masa ini, responden saya, iaitu Getha, menjawab soalan yang di tanyakan oleh guru. Guru mengakhiri pengajaran dengan memberikan contoh soalan peperiksaan yang mungkin akan ditanya berkaitan dengan topik pelajaran pada hari itu. Tidak ada aktiviti berkumpulan yang dibuat.

(NL3: Pemerhatian dalam kelas 4P5, 25 Jun 2013, Selasa)

Rumusan: Berdasarkan dapatan analisis data, terdapat responden kajian yang menyatakan adanya sikap negatif (perkauman) wujud dalam segelintir guru dan terdapat juga responden kajian yang menafikannya. Perbezaan

pandangan ini mungkin disebabkan oleh, sikap perkauman dalam kalangan guru adalah sesuatu isu yang sensitif untuk dibincangkan dan kadangkala ianya adalah sesuatu pekara yang perlu dirahsiakan. Maka tidak hairanlah terdapat responden yang meminta rakaman dihentikan ketika isu ini diceritakan oleh beliau. Pendekatan oleh pihak pentadbir dengan memanggil dan menegur guru yang bersifat perkauman adalah satu usaha yang baik kerana, guru merupakan '*role model*', maka segala perlakuan akan memberi kesan pada interaksi pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapatnya variasi dalam dapatan berkaitan sikap guru dan amalan pengajaran mereka. Masih terdapat guru yang mempraktikkan cara tradisional (*teacher oriented*) dan ada yang mempraktikkan aktiviti berkumpulan. Terdapat juga guru yang menyelitkan kepentingan mengekalkan hubungan baik antara etnik semasa P&P dan terdapatnya guru yang tidak menekankan aspek ini.

Namun, secara keseluruhan sikap guru masih positif, misalnya tiada amalan diskriminasi, bias terhadap pelajar dan sebagainya lagi. Guru yang bersifat menanam kebencian sesama etnik, hanyalah kes terpencil dan ianya masih lagi dapat dikawal oleh pentadbir sekolah. Selain itu, guru di sekolah ini masih mempunyai sikap menghormati kepelbagaiannya budaya etnik. Mereka hanya mengadakan aktiviti berunsurkan budaya sahaja dan sebarang aktiviti yang menyentuh sensitiviti etnik akan cuba dielakkan. Akhir sekali, dapatan turut menunjukkan segala sikap guru sama ada positif atau negatif menjadi

ikutan pelajar. Selain itu, sikap guru seperti menggalakkan percampuran etnik berbeza melakukan aktiviti sekolah, dapat membantu mengeratkan hubungan sesama pelajar.

#### **4.2.3 Persekutaran sekolah**

Sekolah ini mempunyai komposisi etnik yang pelbagai (lihat jadual komposisi etnik pada bab 3). Keadaan ini, membantu pelajar dalam mengenal antara satu sama lain serta bersifat lebih terbuka menerima etnik lain. Berikut adalah pandangan pentadbir sekolah.

P1: Mmm...dia macam ni, sekolah yang bercampur ni, pelajar-pelajarnya lebih terbuka. Maknanya dia lebih faham dengan budaya orang lain. Maksudnya, pekara tu, biasa baginya. Misalnya hari raya, kita sambutnya di sekolah. Jadi budak Cina dan India boleh tahu budaya Melayu. Macam Tahun Baru Cina, Pusat Sumber akan buat pameran, jadi pelajar lain akan tahu...

(P1: Puan Kalsom, para 64)

Selain itu, sekolah yang mempunyai etnik pelbagai, juga membantu pergaulan antara pelajar. Apabila adanya etnik berbeza di sekeliling pelajar, mereka dapat mengetahui budaya serta belajar cara menyesuaikan diri antara satu sama lain. Akhirnya, ini akan mengeratkan hubungan mereka.

G1: Aaa...bila dia dah kenal dan tahu. Misalnya, kalau bangsa macam ni, macam ni, dia punya budaya macam mana. Mmm.. jadi dia boleh sesuaikan dengan dirinya.

Pk: Jadi, persekitaran pelbagai etnik di sekolah, sedikit sebanyak mempengaruhi ke?

G1: Ya, pembentukannya dirinya untuk bergaul.

Pk: Maknanya jika persekitaran tu ada etnik yang seimbang, mempengaruhinya lah?

G1: Aha..lebih baiklah agaknya. ..

(G1: Puan Salmah, para 146-150)

Selain daripada komposisi etnik yang pelbagai, persekitaran sekolah yang kondusif didapati turut memberi impak positif pada hubungan pelajar. Didapati, persekitaran sekolah ini dilengkapi kemudahan infrastruktur seperti pondok-pondok ilmu (gazebo). Puan Salmah menyatakan bahawa, dengan adanya pondok-pondok ini, pelajar boleh berbincang, duduk bersama-sama semasa masa terluang.

G1: Aaa..yang tepi kantin tu. Pondok-pondok ni, juga kita boleh nampak mereka, aaa.. pelajar-pelajar duduk bersama masa rehat untuk sembang-sembang dan bincang aktiviti sekolah. Masa rehat boleh nampak pelajar duduk sama pada pondok yang ada di sekolah. Pondok ni, kira berguna untuk pelajar duduk bersama, selain untuk cantikkan sekolah.

(G1: Puan Salmah, 122)

Selain itu, di sesetengah pondok ini, terdapat informasi mengenai budaya etnik-etnik, sebagai contoh dua pondok berhampiran pintu pagar sekolah. Pondok ini dippunyai oleh persatuan Bahasa Tamil dan persatuan Bahasa Cina dan ianya dinamakan pondok nilam. Sebuah pondok lagi, mempunyai informasi mengenai peristiwa 13 Mei 1969. Berikut merupakan sebahagian daripada hasil pemerhatian.

Berhampiran dengan tapak perhimpunan ini, terdapat pondok pengawal. Terdapat 3 gazebo yang dibina berhampiran pondok pengawal. Keunikan pada gazebo ini adalah tiangnya dicat dengan warna mengikut jalur bendera Malaysia, iaitu merah dan putih. Dan pada salah satu gazebo ini, terdapat papan notis yang mengandungi informasi tentang pelbagai pekara seperti sains serta isu semasa. Salah satu artikel bertajuk ‘Kepentingan mata pelajaran sejarah di Sekolah.’ Antara isu penting kandungan artikel ini, ianya menceritakan mengenai peristiwa 13 Mei 1969 akibat persengketaan kaum, tentang kepentingan kaum bersatu padu bagi mencapai kemerdekaan Negara. Kesemua pekara ini akan dipelajari melalui mata pelajaran sejarah. Artikel ini diakhiri dengan menyatakan bahawa faedah mempelajari sejarah dapat membantu kita mengambil iktibar terhadap peristiwa

lepas untuk dijadikan panduan dalam mengekalkan keharmonian hubungan kaum.

Sementara 2 pondok lagi, iaitu dinamakan pondok Nilam. Pondok ini di punyai oleh Persatuan Bahasa Tamil dan Persatuan Bahasa Cina. Artikel yang terdapat di kedua-dua pondok berkisar mengenai budaya etnik masing-masing.

(NL 10: Pemerhatian kawasan persekitaran sekolah 15 Mei 2013, Rabu)

Manakala papan kenyataan di Pusat Sumber pula mempunyai informasi mengenai budaya Melayu. Berikut sebahagian pemerhatiannya.

**Papan Kenyataan 4:**

Meletakkan Pameran Warisan Budaya Malaysia. Antaranya terdapat informasi mengenai peralatan masakan seperti lesung batu, senduk yang di perbuat daripada tempurung dan batu giling. setiap satu peralatan di terangkan kegunaannya.

**Papan Kenyataan 6:**

Terdapat informasi mengenai bakul tradisional yang diperbuat daripada lidi kelapa, buluh dan rotan yang turut dipaparkan di papan kenyataan ini. Selain itu Gayung kelapa yang digunakan oleh masyarakat melayu untuk mencedok air daripada tempayan untuk membasuh kaki sebelum memasuki rumah turut dipaparkan di sini.

(NL7: Pemerhatian dalam pusat sumber sekolah, 11 Julai 2013, Khamis)

Terdapat perbezaan pandangan daripada responden mengenai kesan informasi pelbagai budaya etnik di kawasan persekitaran terhadap hubungan pelajar berbeza etnik. Menurut Puan Esha informasi mengenai budaya etnik, perpaduan yang terdapat di papan-papan kenyataan sekolah membantu dalam mengeratkan pergaulan pelajar.

G2: Saya rasa membantu, sebab pelajar tu, dia faham, budaya dia, sekolah, misi sekolah, dia faham. Mungkin, kehendak kerajaan kita pun, diaorang faham. Dia oarang faham tentang perpaduan, tambahan-tambah ditekankan dalam PSK, apa tu pendidikan sivik...

Pk: Kiranya, notis, artikel-artikel tu, cikgu rasa menyumbanglah?

G2: Mesti menyumbang juga. Itu semua kempenlah.

Pk: Maksudnya usaha-usaha ke?

G2: Aaaa...ya, usaha yang sekolah buatkan untuk rapatkan hubungan.  
 (G2: Puan Esha, para 126-130)

Pelajar juga turut menyatakan informasi mengenai etnik, yang tertampal membantu mereka agar lebih mengenali budaya etnik lain dan mengeratkan hubungan sesama mereka. Berikut adalah petikan temu bualnya.

Jeevan: Saya ingat poster-poster macam tu, untuk eratkan hubungan kaum. Mungkin ada kaum ni tak nak kawan dengan kaum ni, jadi notis tu, membantu.

(FG1: para 205)

Shanti: Mmm...membantu.

Pk: Mmm...kiranya membantu dari segi apa tu?

Shanti: Aaaa...boleh tahu tentang kaum lain.

Pk: Itu pendapat Shanti. Jadi bila Shanti baca tu, Shanti boleh kenal tak kaum lain?

Shanti: Kalau dengan kawangan, boleh cakap, aaaa...boleh tahu pasal budaya mereka. Masa baca pun boleh tahu, budaya mereka.

Pk: Kiranya, bila kita baca, kita boleh kenallah dan faham kaum lain. Shanti, setuju tak?

Shanti: Setuju.

(FG1 para 211-217)

Walau bagaimanapun, informasi berkaitan etnik, yang terdapat di papan kenyataan sekolah akan lebih membantu mengeratkan hubungan etnik, sekiranya ia dibaca dan dihayati oleh pelajar.

G3: Saya rasa tak membantu sangatlah.

Pk: Tak membantu, maksud cikgu macam mana tu?

G3: Dia kalau sekadar baca, tapi tak menghayati, dia tak buat, dia masih lagi berkawan dengan geng diakan.

(G3: Puan Zurina, para 108-110)

P2: Kalau kata, ianya tak sangatlah banyak membantu pergaulan, sebab apa yang di tampal, ianya perlu di baca. Bagi yang baca, mungkin dia akan akan boleh terima, jadi sedikit sebanyak membantu.

Tapi ianya faktor yang membantu, tapi bukanlah *confirm* boleh mesrakan hubungan kaum.

(P2: Puan Mariam, para 90)

Rumusan: Kadangkala aspek persekitaran sekolah yang melambangkan pelbagai etnik, kurang dititikberatkan, namun hakikatnya ia adalah penting. Berdasarkan apa yang dinyatakan di atas, dapat dirumuskan kawasan persekitaran sekolah ini mempunyai ciri-ciri sekolah yang melambangkan etnik pelbagai. Misalnya terdapat informasi mengenai budaya etnik di pondok nilam, papan kenyataan dan pusat sumber sekolah. Dapatkan menunjukkan persekitaran sebegini didapati sedikit sebanyak membantu pelajar mengenali budaya-budaya, menerima perbezaan antara satu sama lain dan akhirnya hubungan baik terbina antara mereka. Namun ianya lebih berkesan sekiranya segala informasi etnik ini, dihayati oleh pelajar. Kemudahan infrastruktur seperti *gazebo* yang banyak dibina turut membantu pelajar untuk duduk bersama, berbincang, bersempang-sembang sesama mereka jika ada masa terluang. Keadaan ini membantu dalam hubungan antara etnik di sekolah ini.

Selain itu, dapatan turut menunjukkan, apabila sekolah yang mempunyai komposisi etnik berbeza (multietnik), ianya dapat membantu pelajar mengenali antara satu sama lain. Apabila adanya etnik berbeza di sekeliling, mereka dapat mengetahui budaya dan belajar cara menyesuaikan diri antara satu sama lain. Akhirnya, ini akan mengeratkan hubungan mereka.

#### **4.2.4 Sikap pelajar**

Secara amnya para pelajar tidak mempunyai sikap negatif seperti prejudis, ethnocenterisme, hasutan perkauman, dan senario memencarkan rakan seperti yang telah dibincangkan pada dapatan soalan kajian pertama kajian ini. Namun pada bahagian ini diperincikan dengan lebih lanjut berdasarkan beberapa lagi pandangan responden kajian. Sebagai contoh, dapatan temu bual dengan pentadbir, guru sekolah dan pelajar.

P1: Mmm..rasanya tak adalah...Benda-benda ni, kita tak nampak sangat di sekolah. Kita tak nampaklah rasisme. Cuma kita nampak dia nak geng dengan dia je. Macam perhimpunan dia nak beratur, dengan India, Melayu, Cina. Dari segi itu sahaja.

(P1: Puan Kalsom, para 70)

Temu bual dengan seorang lagi pentadbir pula, menggambarkan tiada sikap negatif yang keterlaluan dalam kalangan pelajar sehingga menyebabkan timbulnya isu perkauman.

P2: Misalnya kelas yang saya mengajar ni, tingkatan 4P3, kelas yang saya masuk ni, mereka boleh melawak sesama mereka, tak ada masalah. Maksudnya diaorang boleh mengejek sesama diaorang. Tapi mereka tak ada pun sebut pasal kaum. Mmm..tak ada masalah.

Pk: Maksud cikgu, mengejek dari segi apa? Contohnya cikgu.

P2: Mengusik-usik sahaja, tak ada masalah apa.

Pk: Maksudnya tak adalah isu perkauman ke?

P2: Tak adalah. Pada saya mereka tidak menimbulkan masalah perkauman.

(P2: Puan Mariam, para 14-18)

Beberapa orang guru kelas iaitu Puan Salmah (kelas 4P1), Puan Esha (kelas 4P3) dan Puan Zurina (kelas 4P5) turut menyatakan tiada sikap negatif kelihatan dalam kalangan pelajar mereka.

G1: Aaa...pasal rasisme tu, tak ada. Tapi pasal apa yang dia cakap, kadang-kadang kita tak tahu apa yang dia cakap tu. Bahasa yang dia cakap tu, kita tak fahamkan. Tapi sepanjang dalam kelas, sikap negatif ni, tak nampaklah.

Pk: Ooo.. tapi sepanjang cikgu mengajar di dalam kelas tu, ada tak cikgu nampak, pelajar mengasingkan kawannya sebab dia berkulit gelap?

G1: Aaa..tak ada macam tu...

(G1: Puan Salmah, para 193- 196)

Pk: Mmm...dalam kelas 4P3, ada tak cikgu nampak sikap-sikap negatif dalam kalangan pelajar tu, sendiri, macam dia prejudis, rasisme ke, dia tak nak duduk bersama sebab warna kulit hitam ke?

G2: Saya rasa tak ada kot. Tapi saya kata kecenderungan pelajar tu sendiri, dia lebih suka kepada bangsa dia sendiri.

Pk: Maka tak adalah sikap-sikap negatif yang cikgu nampak?

G2: Saya rasa memang tak ada.

(G2: Puan Esha, para 177-182)

Pk: Dalam kelas tu, ada tak sikap-sikap negatif dalam kalangan pelajar, rasisme, mengasingkan pelajar sebab dia berkulit hitam, atau dia ada sikap tak nak kawan kaum tertentu, atau ada tanggapan negatif, ada tak berlaku?

G3: Mmm...tak ada. Rasanya tak ada.

(G3: Puan Zurina, para 169-170)

Pelajar-pelajar di kelas 4P5, turut menafikan adanya sikap negatif seperti membezakan rakan berbeza etnik. Berikut salah satu contoh temu bualnya.

Pk: Aaa...pernah tak awak pulau orang sebab warna kulit?

Azman: Tak ada.

Nisha: Tak adalah.

Pk: Mmm...Azman, ada nak tambah? Pernah tak pulaukan orang atau dipulaukan oleh orang?

Azman: Rasanya tak ada.

(FG3: para 472-476)

Selain itu, pelajar juga tidak menunjukkan sikap ethnocenterisme, iaitu menganggap budaya sendiri lebih hebat daripada budaya etnik lain.

Pk: Mmm...selain daripada makanan, kebanyakan kita boleh terima makanan kaum lain, contoh ketupat, Yong tau foo, muruku. Tapi kalau macam budaya dia orang, ada tak awak rasa budaya awak lebih hebat daripada budaya kaum berbeza daripada awak?

Getha: Tak ada.

Pk: Nisha, pendapat awak?

Nisha: Biasa saja, tak ada.

Pk: Ada tak awak semua pernah rasa budaya awak hebat daripada kaum lain?

Azman: Tak adalah

Yan Tin: Tak ada.

(FG3: para 465-471)

Namun pelajar di sekolah ini, didapati mempunyai stereotaip tertentu terhadap etnik India dan Melayu. Etnik Melayu dianggap pemalas. Manakala etnik India dianggap di anggap pengotor, keras kepala, pemalas melakukan tugasan membersihkan kelas. Ini telah dibincangkan pada bahagian soalan kajian pertama di atas.

Rumusan: Sikap negatif seperti prejudis, ethnocenterisme dan membenci rakan berbeza etnik tidak berlaku dalam kalangan pelajar. Namun stereotaip berlaku terhadap etnik Melayu dan India. Etnik Melayu dianggap pemalas, manakala etnik India dianggap keras kepala, pengotor dan enggan bekerjasama dalam hal tugas di kelas. Apabila pelajar mempunyai anggapan tertentu (stereotaip), sama ada terhadap sesama etnik atau terhadap etnik berbeza, ianya menghalang interaksi sosial antara mereka.

#### **4.2.5 Pencapaian akademik pelajar**

Berdasarkan pendapat beberapa responden kajian, pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik, dilihat mempunyai interaksi sosial yang lebih baik antara etnik berbeza. Misalnya pendapat salah seorang pentadbir Puan Kalsom. Beliau menyatakan bahawa pelajar daripada kalangan kelas yang lebih pandai mempunyai hubungan lebih baik. Selain itu, kebanyakan kes pergaduhan melibatkan kelas belakang.

P1: Pada umumnya, baiklah tak ada masalah sangatlah..... Tapi, bagi kelas pandai, dia orang lebih sosial, hubungan mereka lebih baik. Aaa..bagi kelas depan.

Pk: Maksudnya jika di bandingkan dengan kelas belakang ke?

P1: Kelas belakang tak campur sangat. Budak Cina kan duduk kelompok dia dan budak India dengan kelompok dia dan budak Melayu dengan kelompoknya.

(P1: Puan Kalsom, para 4-6)

P1: Ya. Diaorang boleh *mix* dan boleh bertepuk tampar. Kelas yang belakanglah ada masalah dalam hubungan kaum. Itulah sebab dalam kes gaduh, lebih melibatkan kelas belakang, tak melibatkan kelas depan.

(P1: Puan Kalsom, para 22)

Seorang pentadbir lagi, turut menyatakan perkaitan antara pencapaian akademik dan pergaulan pelajar. Oleh kerana adanya perbezaan daripada segi kepandaian antara pelajar, menyebabkan kesukaran dalam pergaulan seharian di sekolah. Berikut adalah pandangan Puan Mariam.

P2: Mmm..hubungan kaum, aaa..dia melibatkan IQ juga. Kalau macam kelas depan, dia selalunya tak ada masalah sangatlah dalam pergaulan. Saya tak ada dengarlah, masalah pergaulan...

(P2: Puan Mariam, para 20)

Pk: ...Tadi cikgu ada sebut pasal IQ, adakah itu berkaitan dengan akademik mereka? Ada tak pelajar di kelas depan, IQ lebih tinggi, lebih mesra dalam pergaulan mereka?

P2: Aaa...dia akan sukarkan sikit. Maksudnya kalau kelas belakang ni, segan nak masuk kelas depan ni, sebab IQ dia tak sama.

(P2: Puan Mariam, para 81- 82)

Selain itu, salah seorang guru, iaitu Puan Salmah, yang mengajar kelas terpandai (kelas 4P1) bagi tingkatan 4, turut menyuarakan pandangan yang sama. Kepandaian akademik akan menyebabkan interaksi sosial yang lebih baik antara etnik.

G1: ...Satu lagi nak bagitahu, kelas yang saya ajar ni, kelas pertama, jadi saya rasa mereka-mereka ni, lebih terbuka dan *open*. Pasal apa, saya rasa dari segi IQ mereka lah.

Pk: Aaa...jadi cikgu rasa faktor IQ tu, mempengaruhi hilah?

G1: Ya, rasanya ya.

(G1: Puan Salmah, para 202-204)

Pk: Aaa...tadi cikgu bagitahu, kelas 4P1 adalah kelas pertama, diaorang lebih *open* dalam pergaulankannya? Adakah faktor akademik mereka mempengaruhi pergaulan mereka?

G1: Aaa...rasanya ya. Mungkin dia boleh, dia boleh bincang sama, begaul, bercakap lebih baik lagi.

(G1: Puan Salmah, para 211-212)

Dapatan daripada pemerhatian pula, mendapati bahawa pergaulan pelajar di kelas 4P1 (paling pandai) semasa sesi P&P pada tahap memuaskan. Pemilihan ahli dalam kumpulan semasa menjalankan eksperimen ini adalah berdasarkan pilihan pelajar sendiri. Didapati, masih ada percampuran antara etnik berbeza dalam kumpulan. Berikut adalah sebahagian pemerhatiannya.

2 orang responden saya, iaitu Ana dang Heng berada dalam kumpulan pertama. Selain itu terdapat 2 orang pelajar perempuan Melayu dan seorang pelajar India lelaki...Sepanjang pemerhatian berlangsung

kedua-dua responden saya tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan untuk menyiapkan fasa-fasa dalam proses pembahagian sel. Komunikasi berlaku menggunakan bahasa Malaysia antara responden saya dan ahli kumpulannya. Tapi Heng, agak senyap sepanjang proses menjalankan aktiviti kumpulan, namun kadangkala dia tersenyum apabila berbual dengan budak lelaki India. Ana agak aktif dalam aktiviti dan sekali sekala kedengaran ketawa mereka kerana plastisin yang digunakan untuk membuat kromosom tidak menjadi. 2 orang responden saya berada iaitu Azmir dan Jeevan berada dalam kumpulan ketiga. Kumpulan ini turut dianggotai oleh 2 orang pelajar Melayu. Kumpulan ini, agak meriah dan rapat antara satu sama lain. Walaupun Jeevan seorang sahaja pelajar kaum India dalam kumpulan tersebut, dia dapat bekerjasama dengan rakan etnik Melayu. Jeevan kelihatan selesa bertutur dalam bahasa melayu dan membuat tugas dengan pelajar melayu. Jeevan kelihatan pergi ke kumpulan Heng dan menepuk dan memegang bahu Heng. Mereka kelihatan ketawa. Jarak antara Jeevan dan Heng berdiri sangat rapat. Oleh kerana untuk menyiapkan tugas, melibatkan pembentukan kromosom menggunakan plastisin, maka setiap ahli perlu mengambil bahagian sebaik mungkin. Apa yang saya lihat adalah, berlakunya pembahagian tugas antara ahli kumpulan. Walaupun kadangkala terdapatnya pertentangan idea antara Azmir dan seorang pelajar Melayu, berkenaan tentang cara membuat kromosom, tetapi tidak wujud pertengkaran seperti meninggikan suara.

(NL 1: Pemerhatian dalam kelas 4P1, 24 Jun 2013, Isnin)

Manakala pemerhatian semasa sesi pengajaran di kelas 4P3 (kelas pertengahan) dan kelas 4P5 (kurang pandai), tidak dapat memberi sebarang maklumat mengenai interaksi pelajar, kerana pendekatan pengajaran adalah berpusatkan guru. Namun pemerhatian di luar kelas, sebagai contoh semasa Hari Sukan, pergaulan pelajar kelas 4P5 (kelas kurang pandai) tidak menunjukkan sebarang masalah. Berikut pemerhatian semasa Hari Sukan.

Ketiga-tiga responden saya, iaitu Getha (India), Yan Tin (Orang Asli), Nisha (Melayu) pula berada di tepi padang dan semasa saya menghampiri mereka bertiga, mereka rancak berbual dan kadangkala mereka ketawa. Sekali-sekala terlihat Yan memegang bahu Nisha, Getha dan begitulah sebaliknya. Mereka juga duduk rapat antara satu sama lain, kadangkala saya melihat Yan Tin sandar bahu pada Getha. Apabila ditanya apa topik yang dibualkan, ianya adalah berkisar tentang hal remaja dan rancangan televisyen. Mereka kelihatan

gembira berborak bersama kerana hal perbincangan adalah merangkumi pekara yang di minati.

(NL4: Pemerhatian semasa Hari Sukan SMK Indah, 22 Jun 2013, Sabtu)

Rumusan: Terdapat 7 buah kelas keseluruhan bagi tingkatan 4, iaitu kelas 4P1, 4P2, 4P3, 4P4, 4P5, 4P6 dan 4P7. Pelajar yang menjadi responden kajian ini adalah daripada kelas 4P1 (pencapaian akademik tinggi), kelas pertengahan (pencapaian akademik sederhana) dan kelas belakang (pencapaian akademik rendah). Sememangnya daripada hasil temu bual, terdapatnya responden kajian menyatakan pelajar yang pandai, mempuai pergauluan yang lebih baik dan lebih terbuka dalam pergauluan di sekolah. Namun, dapatan daripada pemerhatian, tidak banyak membantu pengkaji untuk melihat apakah keadaan sebenar pergauluan mereka di kelas yang pertengahan (4P3) dan kelas akhir (4P5). Ini kerana kelas 4P3 dan 4P5, pengajaran adalah berpusatkan guru, tiada aktiviti berkumpulan. Jika aktiviti berkumpulan diadakan, keadaan interaksi antara pelajar boleh di lihat dengan lebih jelas. Walau bagaimanapun pemerhatian dalam keadaan tidak formal, sebagai contoh di luar masa pembelajaran, iaitu Hari Sukan dapat memberi sedikit panduan mengenai keadaan pergauluan mereka. Misalnya bagi pelajar di kelas 4P5 (kelas akhir) seperti dinyatakan dalam nota lapangan bertarikh 22 Jun 2013. Pergaulan pelajar daripada kelas 4P5, masih baik dan mesra. Maka aspek kepandaian akademik bukanlah faktor mempengaruhi interaksi pelajar di sekolah.

#### **4.2.6 Minat dan hobi pelajar**

Pelajar yang mempunyai minat atau hobi yang sama, didapati membina hubungan rapat antara satu sama lain. Dapatan ini adalah berdasarkan beberapa data temu bual kajian ini. Antaranya seorang guru menyatakan bahawa, minat terhadap bola sepak menyebabkan pelajar boleh bergaul dan berinteraksi dengan rakan tanpa mengira etnik. Berikut adalah pendapat Puan Mariam mengenainya.

P2: ...Aaa..kalau pasal cerita bola, budak lelaki bercerita pasal bola, dia boleh masuk. Bola, dikira minat, sebab mereka minat bola. Contoh yang baru ni, lawan bola, pasukan JDT, pasukan Johor lawan Kelantan, sebab mereka minat jadi mereka boleh bercakap dan bercerita, sebab *the same hobbies and interest.*

(P2: Puan Mariam, para 78)

Puan Kalsom juga menyuarakan pandangan yang sama, iaitu minat dan perkaitannya dengan hubungan pelajar di sekolah. Apabila pelajar mempunyai minat yang sama, menyebabkan mereka lebih senang bergaul dengan etnik yang sama. Berikut adalah pandangannya.

P1: Dia minat yang sama, jadi dia lebih selesa dengan kaum yang sama.  
(P1: Puan Kalsom, 74)

Pelajar juga turut mengakui, di sebabkan faktor minat mempengaruhi interaksi mereka dengan rakan berbeza etnik. Minat yang berbeza menyebabkan mereka lebih selesa untuk bergaul dengan etnik sama berdasarkan temu bual dengan pelajar-pelajar.

Ana: Aaa..topik ya juga. Aaa..ada kaum Melayu, ada kumpulan yang suka cakap pasal cerita di tv, pasal *movie* atau pun cakap pasal orang lain. Aaa..tapi kalau ada kumpulan yang pendiam atau cakap benda-benda kecil pasal mata pelajaran. Jadi Ana suka pilih kawan yang cakap pasal pelajaran.

(FG5: para 148)

Nani: Mmm...nak cakap macam mana ek...Kalau makankan, kita orang suka bersempang-sempangkan. Tapi kalau dengan kaum lain nak sembang apa, tak tahu nak sembang topik apa.

Pk: Selalunya, korang sembang topik apa?

Sha: Sembang-sembang kosong je.

Pk: Sembang kosong tu, maksudnya?

Nani: Pasal artis.

Pk: Kalau pasal artis, kenapa tak boleh join? Boleh sembang pasal artis korea.

Nani: Tapi macam dia orang ni, macam tak best sangat nak borak pasal artis, tak sama minat.

Sha: Saya pun tak minat sangat artis Korea.

Nani: Macam kalau kita orang kutuk artis, diaorang bukannya tahu sangat pasal benda yang kita bincang.

Pk: Mmm...ni maksudnya di sebabkan faktor minatlah, minat tak sama, menyebabkan tak nak bergaul dengan diorang ke?

Nani: Bukanlah tak kawan, tapi tak berapa nak rapatlah.

Pk: Oooo...maksudnya kurang rapat dengan dia orang di sebabkan faktor-faktor topik perbincangan tak sama?

Nani: Tak sama pendapat dari segi minat kadang-kadang tu tak sama.

(FG2: para 135-147)

Kamala: Mmm...macam kawan bangsa kita, kita boleh, aaaa...yang *childhood friend*, boleh *share* lah. Aaa...boleh berkongsi minat sama, guna bahasa sendiri. (para 153)

Pk: Oooo...maksudnya, kawan kaum yang sama tu, berkongsi dari segi apa?

Kamala: Mmm...dari segi masalah pelajaran ke, masalah peribadi, minat, hobi pun sama. (para 155)

(FG2: para 153-155)

Pk: Mmm...satu geng. Kenapa selesa dengan dia? Ada tak campur-campur dengan orang lain?

Ying: Mmm...tak pernah.

Pk: Kenapa? Cakap je *reason*, kita *share*.

Ying: Sebab kita boleh bergurau, borak sambil makan.

Pk: Mmm..kalau dengan Chang Mei Loon, selalu topik apa yang awak selalu sembang-sembang?

Ying: Mmm...bola sepak.

Pk: Mmm...maksudnya, bila awak nak duduk dengan orang yang sama kaum sebab awak boleh bincang benda yang sama dan yang kita minat?

Ying: Ya.

Pk Mmm...apa yang awak bincang dengan kaum yang sama tu? Mmm...berikan contoh.

Ying: Artis korea.

(FG3: para 49-58)

Rumusan: Minat atau hobi yang sama menyebabkan kecenderungan untuk sesuatu individu selesa dengan seseorang, berdasarkan dapatan kajian ini. Kecenderungan pelajar bergaul dengan etnik yang sama salah satunya disebabkan oleh minat, hobi dan topik perbincangan yang sama. Namun jika pelajar daripada etnik berbeza berkongsi minat yang sama, sebagai contoh minat terhadap bola sepak, maka mereka juga boleh berkumpul, berborak bersama-sama tanpa batasan. Pelajar gemar bergaul dan duduk berkelompok dengan etnik yang sama kerana persamaan daripada aspek minat atau hobi.

#### **4.2.7 Sekolah rendah asal (monoetnik/multietnik)**

Responden pelajar yang berasal daripada sekolah rendah (monoetnik), mengalami kesukaran dalam pergaulan apabila mereka mula-mula memasuki sekolah menengah pelbagai etnik, seperti di sekolah menengah kebangsaan. Berikut luahan dan pengalaman dua orang pelajar, iaitu Jeevan dan Shanti yang pernah bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Jeevan: Masa saya *form 1*, saya suka kaum India. Saya tak ada kawan dari kaum Melayu. Saya rasa sukar nak bergaul dengan mereka...

(FG1: para 292)

Pk: Shanti, kita *share* pengalaman awak pula. Awak dari SRJKT juga kan?

Shanti: Ya. Masa *form 1* tu, saya rasa tak senanglah interaksi dengan orang Melayu, Cina. Tak tahu budaya mereka, cara mereka cakap, tak tahu lah. So, saya kawan dengan orang India sahaja. Lepas *form 2*, saya kawan dengan semua kaum.

(FG1: para 303-304)

Pelajar Cina yang bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) turut merasa kesukaran berkomunikasi dan bergaul dengan rakan berbeza etnik apabila dia mula memasuki sekolah menengah yang pelbagai etnik.

Pk: Mula-mula msuk *form 1*, siapa kawan baik? Siapa kawan rapat?

Lifen: Semua kawan Cina.

Pk: Ooo..Kenapa masa tu?

Lifen: Susah nak komunikasi dengan kawan lain yang beza kaum.

Pk: Tapi, masa *form 1* tu, ada kaum lain, India, Melayu di sekolah kan?

Lifen: Aaaa...ada.

Pk: Maknanya, awak sendiri rasa susah bergaul?

Lifen: Mmm...susah.

Pk: Itu masa mula masuk *form 1*, sekarang *form 4*, macam mana pergaulan? Lifen: Sudah biasa.

(FG1: para 314-323)

Berbeza dengan beberapa orang responden pelajar daripada kelas 4P5, yang berasal daripada sekolah rendah multietnik. Secara umumnya, mereka tidak mengalami kesukaran bergaul dengan etnik berbeza apabila memasuki sekolah menengah, kerana sudah biasa dengan persekitaran sekolah rendah kebangsaan yang mempunyai etnik pelbagai. Berikut antara petikan temu bualnya.

Pk: Ying, masa mula- mula masuk tingkatan satu sini, rasa susah nak bergaul ke atau tak selesa ke?

Ying: Tak lah.

Pk: Getha, sekolah mana dulu?

Getha: Sekolah sama Ying.

Ying: Ni pun, sama. (menundingkan jari pada Ali).

Nisha: Kami semua sekolah rendah sama, sekolah rendah kebangsaan.

Pk: Aaaa... patutlah, tapi sekolah tu campur-campur ke?

Ali: Campur, Orang Asli pun ada.

Pk: Jadinya bila awak semua masuk sekolah menengah ni, tak rasa kekok lah?

Getha: Tak.

(FG3: para 269-278)

Pk: Bila awak daripada sekolah rendah yang mempunyai kaum pelbagai, adakah ianya membantu awak kenal kaum lain?

Getha: Ya.

Pk: Jadi bila masuk sekolah menengah, tak rasa kekok lah, betul ke?

Getha: Rasa senang bergaul dengan kaum lain sebab dan biasa.

Nisha: Rasa selesa dengan kaum lain.

(FG3 para 283-287)

Puan Zurina juga berpendapat bahawa sekolah rendah monoetnik, dilihat sebagai penghalang dalam interaksi sosial pelajar apabila mereka memasuki sekolah menengah. Apabila pelajar sudah terbiasa bergaul dengan etnik yang sama, jadi adalah sukar untuk membentuk hubungan dengan etnik berbeza. Berikut adalah pandangannya.

G3: Ini kerana mereka dah terbiasa dengan kaum mereka sendiri. Lepas tu, bila masuk sekolah menengah, dia akan cari kaum dia juga.

Pk: Mmm...kiranya cikgu nampak tak, orang SRJKC atau SRJKT, kekok bila bergaul dengan kaum berbeza?

G3: Aaaa..kelas hujung-hujung tu, kita nampaklah.

(G3: Puan Zurina, para 146-148)

Manakala Puan Esha turut menyatakan dengan adanya sistem persekolahan monoetnik menyebabkan pelajar sudah terbiasa bergaul dengan rakan daripada etnik sama. Kecenderungan ini akan terbawa apabila mereka memasuki sekolah menengah kelak.

Pk: Jadi cikgu setuju lah jika di katakan bahawa pelajar suka bergaul dengan rakan yang sama kaum di dalam dan luar kelas ke?

G2: Ya, saya setuju, saya nampak keadaan tu.

Pk: Sebab apa tu?

G2: Sebab, aaa...diaorang belajar di sekolah rendah yang sama, mereka dah lama kenal.

Pk: Jadi faktor sekolah rendah asal yang monoetnik, mempengaruhi ke?

G2: Aaa...mempengaruhi. Jadi diaorang memang kawan daripada tingkatan satu lagi, iaitu semasa peralihan, kemudian 2 dan 3. Kemudian tingkatan 4 pun, cenderung orang yang samalah. Kalau kawan lain tu, kawan biasa-biasa ja, pelajar bukan atau bangsa lain, sekadar dalam kelas, sesi pembelajaran. Tapi kalau nak pi tandas, dia akan ajak kawan baik, contoh nak pi kantin kan.

Pk: Aaa...sekolah rendah ni, contohnya daripada sekolah SRJKC atau SRJKT ke, adakah mempengaruhi bentuk pergaulan mereka di sekolah?

G2: Aha...memang mempengaruhi.

(G2: Puan Esha, para 49-56)

Menurut Puan Esha lagi, seharusnya sistem persekolahan rendah yang menggunakan bahasa ibunda ini ditiadakan kerana menyebabkan pengasingan di awal usia. Pengasingan berterusan ini menyukarkan proses membina perpaduan.

G2: Sekolah kita, aaa...kita masih ada sistem Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, dia mewujudkan satu pengasingan. Jadi, nak wujudkan 1 Malaysia, jadi tak sampai impian. Maksudnya selagi ada sekolah rendah jenis kebangsaan, impian tu, rasa sayalah kan, sebagai guru sejarah, memang sepatutnya sekolah tu, kalau boleh, di tiadakan. Tapi, itu akan melibatkan hal politik pula. Kalau di Malaysia ni, sekolah harian biasa, semua belajar di sekolah yang sama, tapi ada subjek bahasa ibunda di adakan di sekolahkan. Jadi wujudkan sekolah rendah bersasingan, masih wujud jurang perkauman.

Pk: Maksud cikgu, ada satu sekolah, macam mana tu?

G2: Macam kita buat di sekolah menengah. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ini, menyumbang kepada semangat perkauman.

(G2: Puan Esha, para 102-104)

Rumusan: Dapatan menunjukkan apabila pelajar bersekolah rendah di sekolah yang tidak mempunyai etnik pelbagai (monoetnik) seperti SRJKC dan

SRJKT, ianya kurang memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengenali etnik berbeza. Mereka juga merasa kekok dalam pergaulan semasa memasuki sekolah menengah kebangsaan yang multietnik. Manakala daripada daptan ini juga, pelajar yang telah didedahkan pada persekitaran multietnik semasa sekolah rendah, membantu dalam pergaulan dengan etnik berbeza apabila memasuki alam sekolah menengah. Dengan ini, sekolah rendah asal, mempengaruhi hubungan pelajar di sekolah menengah nanti.

#### **4.2.8 Rakan sebaya di sekolah**

Rakan sebaya adalah individu yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang. Misalnya dengan siapa mereka akan berkawan atau berinteraksi. Berikut beberapa pandangan daripada responden kajian ini.

G1: Aaa...Sebenarnya faktor persekitaran, sama ada di dalam atau di luar, misalnya di luar misalnya dengan kawan-kawannya, jangan buat sesuatu, dia akan ikut.

Pk: Jadi rakan mempengaruhi jugaklah?

G1: Aha...memang mempengaruhi, bila dia cakap jangan kawan dengan dia, kawan akan ikutlah.

(G1: Puan Salmah, para 260 -262)

Pk: Kita ada rakan baik, jadi pelajar pun akan ada rakan baik, adakah rakan di lihat sebagai orang yang mempengaruhi sikap pelajar dalam memilih rakan?

G3: Ya, mempengaruhi.

(G3: Puan Zurina, para 171- 172)

Pk: Rakan, kita ada rakan sebaya, kiranya rakan sebaya, adakah mempengaruhi tingkah laku seseorang pelajar tu? Cikgu rasa?

G2: Ya, memang mempengaruhi.

(G2: Puan Esha, para 115-116)

Pelajar juga turut menyatakan bahawa, kecenderungan seseorang pelajar memilih rakan turut dipengaruhi oleh rakan sebaya di sekolah. Sebagai contoh, apa yang dikongsikan oleh Lifen (pelajar perempuan, etnik Cina).

Lifen: Ikon kawanlah. Aaa..kalau kawan nak campur dengan lain kaum, saya pun boleh juga.

(FG5: para 130)

Walaupun rakan sebaya mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan rakan, tidak hasutan berbentuk perkauman semasa pemilihan rakan-rakan. Berikut merupakan petikan temu bual, yang menunjukkan penafian oleh guru sekolah dan pentadbir sekolah berkenaan hal ini.

Pk: Maknanya, cikgu tak nampaklah senario macam, misalnya, ada kawan baik dia cakap, janganlah kawan dengan kaum tertentu?  
 G2:Tak, tak nampaklah sebegini, hasutan jangan berkawan dengan kaum lain. Tak ada hasutan perkauman.

(G2: Puan Esha, para 119-120)

Pk: Ada tak senario atau keadaan macam menghasut, jangan berkawan dengan kaum lain?

G1: Tak Ada, tak ada. Setakat ni tak ada.

(G1: Puan Salmah, para 215-216)

Pk: So, cikgu ada nampak tak, macam kawan-kawan yang mempengaruhi kawan untuk tidak bergaul dengan kaum tertentu? Pernah tak ianya berlaku, atau dilaporkan pada cikgu?

P1: Tak ada. Aaa...hasut-hasut tak ada. Diaorang ni, ada masalah dia sendiri. Aaa...diaorang bergaduh bukan kerana kaum...

(P1: Puan Kalsom, para 77-78)

Rumusan: Dapatan menunjukkan rakan sebaya mempengaruhi pergaulan sehari pelajar, sama ada ingin bergaul dengan etnik berbeza atau

sebaliknya. Namun pengaruh rakan sebaya dalam pergaulan pelajar tidaklah sehingga menyebabkan hasutan untuk membenci ataupun berkisar mengenai isu perkauman.

#### **4.2.9              Budaya**

Berdasarkan beberapa petikan temu bual dan pemerhatian di kelas, menunjukkan bahawa apabila pelajar bukan Melayu berada dalam kelompok etnik yang sama, pelajar bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing. Mereka hanya menggunakan Bahasa Melayu, apabila bertutur dengan etnik berbeza.

G2: Kalau di kalangan bukan Melayu tu, berkomunikasi dalam bahasa ibunda dia lah. Kecuali pelajar Cina, dia nak cakap dengan pelajar India, memang dia guna Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia kan.

(G2: Puan Esha, para 66)

P2: Kalau dia pelbagai kaum, dia akan *communicate* dalam bahasa Melayu, tapi kalau dengan kaumnya, dia akan *communicate* dalam bahasa dia lah.....

(P2: Puan Mariam, para 68)

Petikan sebahagian daripada pemerhatian semasa sesi pengajaran kelas 4P1, turut menunjukkan kecenderungan etnik India menggunakan Bahasa Tamil apabila berada dalam kelompok etniknya berbanding Bahasa Melayu.

2 orang responden saya lagi, iaitu Lifen dan Shanti berada dalam kumpulan keempat. Selain itu, terdapat 4 pelajar India perempuan lagi. Secara amnya kesemua pelajar dalam kumpulan ini adalah India, hanya seorang sahaja etnik Cina. Lifen, agak senyap ketika melaksanakan aktiviti kerja kumpulan ini. Manakala Shanti bertutur dengan rakan

etnik India dalam Bahasa Tamil. Ahli kumpulan ini, kebanyakannya bertutur dalam Bahasa Tamil, sepanjang kerja kumpulan.

(NL 1: Pemerhatian dalam kelas 4P1, 24 Jun 2013, Isnin)

Pelajar bukan Melayu, memilih untuk bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing kerana ‘rasa selesa’ menggunakan bahasa ibunda masing-masing, berbanding Bahasa Melayu.

Kamala: Aaaa...boleh berbual-bual dengan bangsa kita guna bahasa sendiri.

Pk: Ooo...maksudnya kalau duduk dengan bangsa lain tak selesa, sebab kena guna Bahasa Melayu ke?

Kamala: Mmm...ya, tak selesa. Lebih selesa guna bahasa sendiri

(FG2: para 149-151)

Puan Mariam turut menyatakan pendapat yang sama, iaitu rasa selesa menggunakan bahasa ibunda masing-masing, menyebabkan pelajar lebih bergaul dengan etnik yang sama.

P2:....Aaa...sebabnya mereka sama bangsa. Mereka selesa dengan bahasa mereka sendiri, bahasa ibunda diaorang, kurang selesa guna Bahasa Melayu...

(P2: Puan Mariam, para 66)

Penguasaan Bahasa Melayu yang lemah, tidak mempengaruhi pergauluan pelajar berbeza etnik. Berikut petikan temu bual dengan seorang pentadbir (Puan Mariam) dan seorang guru (Puan Salmah).

P2: Aaa...dia boleh bercakap walaupun dia *broken*, tapi dia masih boleh berinteraksi.

Pk: Jadi faktor bahasa ni, cikgu rasa bukannya penyebab kepada mereka tak mahu bergaul dengan kaum lain?

P2: Sebab walaupun bahasa dia, bukan dalam bahasa yang cantik, tapi mereka masih boleh berinteraksi. Jadi tak ada masalah untuk mereka bergaul.

(P2: Puan Mariam, para 62)

Pk: Kiranya faktor kelemahan bukannya faktor penghalang dalam hubungan?

G1:Aaa...tak ada. Macam mana ek. Aaa...bercakap mungkin tak berapa, tapi boleh bergaul lagi.

(G1: Puan Salmah, para 171-172)

Namun berbeza dengan pandangan Puan Kalsom, di mana lemah penguasaan Bahasa Melayu menyebabkan pelajar gemar berada dalam kelompok etnik sama.

P1: Masalah bahasa, sebab budak kelas belakang, dia tak fasih sangat Bahasa Melayu. Jadi dia lebih senangkan, aaa...berurusan dengan bahasa dia, jadi dia akan cari kaum dia lah. Kecuali dia terdesak sangat, dia akan jumpa budak-budak Melayu ni. Aaa...kadang-kadang, dia nak *explain* sesuatu, dia cari kawan dia yang pandai bahasa Melayu...

Pk: Mmm..maksudnya berdasarkan pengalaman cikgu, pengalaman cikgulah, adakah bahasa mempengaruhi pergaulan pelajar?

P1: Ya, memang mempengaruhi dari segi pergaulan.

(P1: Puan Kalsom, para 8-10)

Pelajar turut mengakui lemah dalam penguasaan Bahasa Malaysia menyebabkan kesukaran dan rasa kekok dalam pergaulan sehari-hari mereka dengan etnik berbeza. Berikut merupakan petikan temu bual dengan pelajar kelas 4P1 dan 4P5.

Heng: Mmm...rasa kekok sikitlah.

Pk: Mmm...rasa kekok, kenapa?

Heng: Mmm...sebab ianya susah nak berinteraksi

Pk: Maksudnya berinteraksi dalam apa tu?

Heng: Sebabnya, dalam sekolah rendahkan, kita berinteraksi menggunakan Bahasa Mandarin. Sebab tu, rasa susahlah.

Pk: Maksudnya di Sekolah Menengah Kebangsaan, kena cakap Bahasa Melayu. Jadi rasa susah ke?

Heng: Sikit-sikitlah.

(FG1: para 278-284)

Pk: Mmm..tadi Ali kata pasal bahasa? Maksudnya macam mana?

Nisha: Sebenarnya percakapan mereka.

Pk: Mmm...maksudnya mereka tak fasih Bahasa Melayu ke?

Ali: Bukan tak fasih berbahasa, tapi macam ayat tu, putar belit.

Pk: Ooo...jadi awak tak faham apa dia cakap, jadi akan berlaku *miscommunication* ke?

Ali: Yes..

Pk: Ooo...awak rasa masalah bahasa, mempengaruhi pergaulan kita?

Getha: Ada juga.

Ali: Mestilah, sebab nanti kita cakap lain, dia faham lain.

(FG3: para 234-242)

Rumusan: Melalui dapatan kajian ini, apabila adanya pelajar-pelajar bukan Melayu yang menyatakan kurang selesa untuk menggunakan Bahasa Melayu, ianya merupakan sesuatu pekara yang membimbangkan. Akibat kurang selesa menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi di sekolah, telah menyebabkan kecenderungan etnik untuk bergaul dengan etnik yang sama. Selain itu, dapatan turut menunjukkan kelemahan pengusaan Bahasa Melayu tidaklah menghalang pergaulan pelajar secara total, namun kelemahan ini, kadangkala menyebabkan kecenderungan pelajar dalam kelompok yang sama seperti yang dibincangkan pada dapatan objektif ketiga kajian ini.

Elemen budaya yang lain, sebagai contoh makanan etnik berbeza, masih dapat diterima oleh pelajar, berdasarkan temubual dengan Puan Mariam, Puan Esha dan pelajar.

P2:...Tapi saya rasa, bila saya lihat para pelajar ni, tapi macam kuih raya, kaum lain bawa, dia tak ada masalah nak rasa. Misalnya muruku, diaorang boleh *share* dan makan.

(P2: Puan Mariam, para 80)

G2: Taklah sangat, sebab sekarang ni, semua makanan, makan bersama. Orang Melayu makan roti canai, orang India makan roti canai, semua orang makan roti canai.

Pk: Jadi, maksud cikgu faktor budaya, bukanlah faktor menghalang dalam pembinaan interaksi sehari-hari pelajar?

G2: Budaya, macam-macam budaya, dari segi pakaian, makanan. Tentang makanan tu, saya rasa tak ada ni sangat menghalang.

(G2: Puan Esha, para 138- 140)

Chunhua: Pernah. Kita *Chinese*, bagi pada mereka ada masak itu kuih rasa, kita ada bagi kawan Melayu rasa. Mereka juga bagi pada kita, *Malay, Indian foods*. Kita *exchange* makanan.

Pk: Masa dia rasa, apa reaksi diaorang?

Chunhua: Mereka suka dan saya pun suka makanan kawan lain.

(FG6: para 74-76)

Pelajar juga masih boleh menerima budaya (pakaian) etnik berbeza.

Misalnya terdapat pelajar perempuan bukan Melayu yang memakai baju kurung ke sekolah dan pelajar Cina memakai baju Melayu semasa aktiviti persembahan di sekolah. Berikut pandangan yang dikongsikan oleh seorang guru, Puan Salmah dan pelajar India.

G1:..Macam kita, budak Cina, budak India, ramai juga yang budak perempuan dia pakai baju kurung, Rasanya tak ada masalah apa.

(G1: Puan Salmah, para 90)

Pk: Ok, Shanti pernah tak pakai baju kurung? Baju kurung tu, budaya orang Melayu, so boleh terima tak budaya tu?

Shanti: Boleh pakai.

(FG1: para 258-259)

G1: ....Mereka ada nyanyi 2 lagu, satu lagu, dia buat tarian Cina, ada pelajar Melayu terlibat di situ. Ada satu lagi group tu, dia buat, macam nyanyi lagu Melayu, tapi diaorang pakai pakaian yang ...mmm

Pk: Pakai baju yang berbagai-bagai ke?

G1: Tak semestinya pelajar Cina pakai baju Cina, ada pelajar Cina, ada pakai baju Melayu.

(G1:Puan Salmah, para 287-289)

Dapatkan juga menggambarkan pelajar boleh menerima budaya etnik berbeza kerana mereka cuba untuk mempelajarinya, melalui penganjuran aktiviti kebudayaan oleh persatuan-persatuan berasaskan etnik. Sebagai contoh, pelajar berbeza etnik berminat untuk menyertai dan mempelajari budaya etnik berbeza, antaranya mempelajari Bahasa Tamil semasa aktiviti Jom bercakap Bahasa Tamil. Selain itu, hiasan toronum yang digantung pada Pondok Nilam Persatuan Bahasa Tamil tidak dirosakkan oleh pelajar. Toronum merupakan hiasan yang dibuat daripada daun kelapa dan merupakan sebahagian budaya etnik India. Berikut merupakan petikan temu bual dengan Cik Rekha, salah seorang guru sekolah ini.

G5: Aaa...berdasarkan pemerhatian saya, Program Jom cakap Tamil, ramai yang minat nak sertai. *Not to say many, but* ada segelintir. Lepas tu, saya ada juga buat lagu, lagu tamil dari filem-filem tamil. So, saya akan tulis lagu tu dalam Bahasa Tamil dan ada saya tulis di bawah tu, bahasa Malaysia. Jadi para pelajar boleh menyanyi dan menari. Ini memang dapat sambutan. Hahaha (ketawa).

(G5: Cik Rekha, para 18)

Pk:.... Sebab tu, saya buat kajian nak tengok budak sekarang, sama mereka boleh *accept culture others culture*?

G5: Mereka boleh *accept others culture*. Rasanya mereka boleh. Lepas tu, toronum yang I gantung tu, I ingat mereka akan tarik-tarik toronum tu, tapi sampai sekarang, masih ada, okay sahaja. Masih elok juga toronum saya tu. Hahaha (ketawa).

(G5: Cik Rekha, para 133-134)

Aktiviti kaligrafi anjuran Persatuan Bahasa Cina turut mendapat sambutan. Ini memberi gambaran bahawa pelajar berbeza etnik dapat menerima dan cuba untuk mempelajari budaya etnik Cina, iaitu tulisan kaligrafi. Berikut pandangan Puan Lim, guru penasihat persatuan.

Pk: Kaum apa yang banyak menyertai kaligrafi tu? Antara kaum Melayu, India dan Orang Asli, siapa yang lebih menyertai pertandingan tu?

G6: Semua kaum berminat.

(G6: Puan Lim, para 35-38)

Namun, apabila sesetengah budaya tidak difahami, menyebabkan segelintir pelajar merasa takut untuk menyertai aktiviti tersebut. Menurut Puan Rekha, sebagai contoh Pesta Ponggal, yang diadakan di sekolah ini, di mana terdapat segelintir pelajar etnik Melayu agak kurang menyertainya, berbanding pelajar Cina.

G5: Tapi budak *Chinese* okaylah, tapi pelajar Islam, segan dan takut pula, dia takut perayaan agama. Kita letak susu, lepas tu ikatlah daun, aaa...mangga. Lepas tu, ada daun tebu dan tebu di ikat. Kemudian ada hiasan torundum. Daun aaa...daun pelepas pokok kelapa, daun ini, kita buat torundum. Mereka ingat anyaman tu, berkait agama. Sebenarnya budaya sahaja.

(G5: Cik Rekha, para 70)

Rumusan: Melalui dapatan ini, faktor perbezaan elemen budaya lain (contoh:pakaian, tarian, kesenian, hiasan etnik, makanan) seperti yang dibincangkan dalam konteks kajian ini, tidaklah menghalang interaksi pelajar di sekolah. Selain itu, apabila pelajar masih boleh menerima budaya etnik berbeza serta berminat untuk mempelajarinya, ini merupakan satu petanda bahawa perbezaan budaya pada asanya bukanlah penyebab mereka tidak bergaul antara satu sama lain. Namun, apabila kurangnya pengetahuan terhadap sesuatu budaya etnik berbeza, kadangkala menyebabkan wujudnya rasa takut untuk menerima budaya tersebut. Maka adalah perlu pendedahan

berterusan diberikan kepada pelajar mengenai kewujudan budaya etnik berbeza di sekeliling mereka.

#### **4.2.10 Ibu bapa**

Sikap ibu bapa mempengaruhi dengan siapa anaknya akan bergaul di sekolah.

Sebagai contoh, Puan Kalsom, berpendapat bahawa didikan ibu bapa (anggapan tetentu, hasutan pada etnik berbeza) mempengaruhi interaksi anaknya di sekolah.

P1: Pandangan secara umum, aaa...kalau ditanam dalam perasaan dia, orang tu tak bagus, orang ni tak baik, tentu pelajar akan ikut cakap ibu bapa. Didikan daripada ibu bapa, mesti dia percaya mak ayah dia. Misalnya, jangan kawan dengan dia, orang Melayu macam ni, dia hasut anaknya, jadi anaknya akan percaya dengan kata-kata ibu bapanya. (para 82)

(P1: Puan Kalsom, para 82)

Puan Salmah berkongsi pengalamannya mengenai galakan ibu bapa terhadap anaknya untuk menyertai aktiviti-aktiviti sekolah yang disertai oleh etnik berbeza memberi kesan yang positif. Sikap ibu bapa sebegini, membantu anaknya agar lebih mudah bergaul dan bercampur dengan rakan daripada etnik lain.

G1: Aha...betul, akan menyerap. Ni contoh, di sekolah kita ni, ada seorang cikgu, anak dia *form 3*, dia India. Dia galakkan anak dia ni, ambil bahagian macam-macam. Okay, catur, aktiviti sukan, hari tu dia masuk sahibba Bahasa Melayu, dia masuk dan dia campur. Dan bila macam tu, bila dia galakkan anaknya, macam sahibba semuanya, kebanyakannya majoritinya Melayu, anak dia ada kat situ...Aaa...dari segi tu, dia akan mempengaruhi, anak tu. Jadi dia akan bercampur.

Pk: Jadi ibu bapa punya sikap mempengaruhi anaknya lah? Maksudnya anak pun boleh bergaul dengan baik di sekolah?

G1: Aha...ya...Kalau dia boleh buat macam tu, anak tu, aaa...biasanya anak akan ikut.

(G1: Puan Salmah, para 236- 238)

Puan Esha pula menyatakan pandangannya bahawa, jika sikap ibu bapa lebih terbuka menerima etnik berbeza, dia akan menanam sikap sebegini pada anak-anak. Akhirnya akan membentuk pelajar yang lebih bersifat positif menerima etnik lain dalam pergaulan sehari-hari di sekolah. Menurut Puan Esha lagi, segala sikap ibu bapa, misalnya gemar bergaul dengan etnik berbeza, akan menjadi ikutan anaknya untuk bergaul dengan rakan berbeza semasa di sekolah.

G2: ...Rasa saya mempengaruhilah. Sikap ibu bapa tu, kan. Kalau ibu bapa yang *open* sikit, rasanya anaknya, di sekolah akan *open* sikit. Maksudnya mereka boleh bercampur pelajar Cina dan India. Kalau ibu bapa dia, jenis orang yang *open*, maksud saya *open di sini*, hubungan baik dia dengan jiran-jiran, misalnya jiran Cina, bangsa lain. Maknanya, bila dengan bangsa lain, kalau dia baik, jadi anak dia pun sama. Tapi, kalau dia jenis, tak baik dengan kaum lain, anak dia kat sekolah pun. Dia nak berkawan dengan kaum dia juga.

(G2: Puan Esha, para 106)

Salah seorang pelajar, iaitu Chunhua berkongsi pengalamannya mengenai sikap ibu bapanya terhadap etnik lain di persekitaran rumahnya. Menurut Chunhua, sikap ibu bapanya yang menggalakkannya untuk bergaul dengan jiran berbeza etnik, membentuk dirinya agar lebih senang menerima dan bergaul dengan etnik lain di sekolah.

Pk: *So, kalau awak nak pergi rumah diaorang, ada tak parents awak marah?*

Chunhua: Tak marah.

Pk: Sikap *parents* awak yang benarkan awak ke rumah mereka, adakah menyebabkan anda rasa lebih senang bergaul dengan rakan berbeza di sekolah?

Chunhua: Ya, rasa lebih senang terima dan bergaul di sekolah.

(FG2: para 319-321)

Rumusan: Ibu bapa adalah agen sosialisasi yang memberi pengaruh pada perkembangan dan tingkah laku pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan sikap ibu bapa yang menggalakkan pergaulan dengan rakan berbeza etnik amat membantu anak mereka agar lebih senang menerima, bercampur gaul antara satu sama lain. Selain itu, ibu bapa yang menanam nilai positif terhadap etnik berbeza mempengaruhi pergaulan anak mereka di sekolah untuk membentuk hubungan baik dengan rakan berbeza etnik.

#### **4.2.11 Kawasan persekitaran tempat tinggal**

Dapatan menunjukkan kawasan tempat tinggal mempengaruhi interaksi sosial pelajar di sekolah. Salah seorang responden kajian, Getha (India) tinggal di kawasan yang mempunyai etnik Melayu, Menurutnya, kawasan persekitaran tempat tinggalnya yang mempunyai etnik berbeza memberi peluang padanya untuk mengenali, menerima mereka dengan lebih baik. Secara tidak langsung, membantu dia lebih senang bergaul dengan rakan berbeza etnik apabila berada di sekolah.

Pk: Okay, bila persekitaran yang pelbagai kaum, adakah membantu awak bila masuk sekolah menengah untuk terima kaum lain?

Getha: Ya, memang saya senang terima kaum lain.

Pk: Kenapa?

Getha: Dah rapat dengan kaum Melayu.

(FG3: para 453-456)

Jeevan yang juga tinggal di kawasan yang mempunyai 3 etnik berbeza (Melayu, India dan Cina), pula menyatakan dengan adanya etnik yang pelbagai di persekitaran rumahnya, ianya dapat membantu agar dia lebih senang berkomunikasi dengan etnik lain di sekolah.

Pk: Awak macam mana pula? Tempat tinggal, persekitaran yang pelbagai ni, adakah menyebabkan kita lebih senang atau tak kekok bergaul bila kita masuk di sekolah?

Jeevan: Normal.

Pk: Normal, maksudnya apa? Hahaha (ketawa) Tepi rumah awak ada 3 kaum utama, jadi adakah ianya membantu awak, agar lebih senang bergaul di sekolah?

Jeevan: Aaa...dari segi komunikasi, saya boleh lebih, tahu bahasa mereka, jadi saya rasa lebih senang dan bantu saya komunikasi di sekolah.

(FG1: para 452-455)

Chunhua (pelajar perempuan, Cina) juga menyatakan rumahnya yang mempunyai etnik berbeza (India) membantunya membina hubungan baik di sekolah.

Pk: Persekitaran tempat tinggal awak tu, dapat membantu awak lebih menerima kaum lain, bila awak masuk sekolah menengah?

Chunhua: Mmmm...ada, saya rasa lebih senang nak rapat dengan kaum India.

Pk: Mmm...kiranya membantu awak dalam pergaulan sehari-hari di sekolah?

Chunhua: Ya membantu saya.

(FG2: para 322-325)

Seorang pelajar Melayu (Sha) turut mengakui dengan adanya jiran yang berbeza etnik di persekitaran rumah dan hubungan baik dengan mereka, telah menyebabkan dia tidak kekok dalam pergaulan dengan etnik berbeza di sekolah.

Sha: Aaaa...Ada pergi. Kalau ada perayaan Deepavali, mereka akan hantar makanan pada kami. Kalau *birthday* anak-anak dia orang, bagi kek dan coklat.

Pk: So, okaylah?

Sha: Mmmm...okaylah.

Pk: Mak ayah awak, okay tak dengan dia orang?

Sha: Okay, ada sembang-sebang.

Pk: Kalau macam tu, di rumah Sha dah terdedah kepada persekitaran yang ada kaum yang macam-macam, so bila datang sekolah ada tak pergaularan awak?

Sha: Mmm...membantulah. Saya rasa macam tak kekoklah berkawan dengan lain kaum.

(FG2: para 340-346)

Puan Zurina (guru) juga menyatakan bahawa persekitan tempat tinggal pelajar yang pelbagai etnik, turut mempengaruhi pergaularan pelajar di sekolah.

G3: Rasanya mempengaruhi jugalah. Sebab dia tengok jiran-jiran dia, ada Cina dan sebagainya. Dia kalau, bertegur dengan jiran dia, dia akan mula berkawankan, jadi dia mempengaruhi tingkahlaku pelajar di sekolah.

(G3: Puan Zurina, para 184)

Rumusan: Dapatan menunjukkan tempat tinggal pelajar yang mempunyai etnik pelbagai banyak memberi peluang kepada mereka untuk mengenali, menerima etnik berbeza yang berada di sekolah dengan lebih baik. Selain itu, persekitaran pelbagai etnik juga, membantu pelajar agar tidak kekok, senang berkomunikasi dan bergaul dengan rakan berbeza di sekolah. Ini kerana apabila pelajar telah terbiasa bergaul dengan etnik berbeza di rumah, telah memudahkan pergaularan mereka di sekolah juga. Oleh sebab itu, persekitaran tempat tinggal yang pelbagai berupaya membantu membina interaksi positif antara pelajar.

#### **4.3 Analisis data berdasarkan soalan ketiga kajian**

Objektif kajian ini juga ingin mengenal pasti strategi yang telah digunakan oleh sekolah dalam meningkatkan interaksi sosial pelajar pelbagai etnik. Antara strategi-strategi yang dikenal pasti dan diamalkan oleh sekolah ini adalah seperti berikut.

##### **4.3.1 Perpaduan nasional**

Analisa dokumen sekolah, iaitu Manual Organisasi SMK Indah 2013 (kod D1), pada bahagian Hal Ehwal Murid, menunjukkan sekolah ini mempunyai pentadbiran yang senantiasa berusaha ke arah perpaduan. Misalnya melalui penubuhan jawatankuasa bagi melaksanakan aktiviti berfaedah untuk mengeratkan hubungan pelajar, iaitu jawatankuasa RIMUP dan jawatankuasa bulan kemerdekaan.

##### Bahagian 5: Hal Ehwal Murid:

Berdasarkan penganalisa bahagian ini merangkumi perihal mengenai pelbagai Jawatankuasa, misalnya jawatankuasa pendidikan pencegahan rokok dan dadah, jawatankuasa pengurusan perhimpunan, jawatankuasa bulan kemerdekaan dan jawatankuasa RIMUP.

Sebagai contoh, jawatankuasa bulan kemerdekaan berfungsi untuk merancang, menyelaras, melaksana dan menilai aktiviti sepanjang bulan kemerdekaan. Manakala jawatankuasa RIMUP, berfungsi untuk merancang, mengatur dan melaksana dan memantau kegiatan yang dipersetujui oleh jawatankuasa RIMUP. Aktiviti kedua-dua jawatankuasa ini dilihat sebagai salah satu cara untuk merapatkan hubungan etnik pelbagai, (rujuk m/s 100-101).

(D1= Manual organisasi sekolah 2013)

Melalui temu bual salah seorang pentadbir sekolah, turut membuktikan bahawa program yang bertujuan untuk memupuk perpaduan kebiasaanya dibuat pada bulan kemerdekaan, iaitu bulan Ogos. Antara aktivitinya adalah seperti lukisan, hiasan bendera, pertandingan lagu patriotik dan lain-lain lagi. Ianya dibuat dalam bentuk gerak kerja berkumpulan yang terdiri daripada etnik pelbagai.

P2: Jadi kita *join* kan 3 kaum ni, dalam program. Kita ada buat, tapi kita selitkan dalam program. Misalnya sambutan bulan kemerdekaan *last year*, kita akan libatkan semua kaum...Biasanya bulan Ogos, kita akan sambut kemerdekaan. Masa tu, kita akan ada programlah. Buat pertandingan, hiasan bendera. Aaa...kalau perasan di tepi pondok dan papan kenyataan tu, ada lukisan bertemakan kemerdekaan.

(P2: Puan Mariam, para 124)

Pemerhatian di kawasan persekitaran sekolah mengukuhkan lagi tentang apa yang diperkatakan oleh Puan Mariam mengenai lukisan kemerdekaan. Lukisan-lukisan ini dipamerkan di gazebo berhampiran pejabat sekolah. Berikut adalah sebahagian daripada petikan hasil pemerhatian pengkaji. (Untuk melihat lukisan tersebut, lihat lampiran nota lapangan bertarikh 13 Mei 2013, Isnin.)

Terdapat 3 hasil lukisan pelajar yang di pamerkan pada gazebo ini. Lukisan pelajar ini dilukis pada papan nipis.

Lukisan 1: Terdapat gambar bendera Malaysia, gambar bunga raya serta bangunan KLCC. Selain itu, slogan sambutan kemerdekaan pada tahun 2012, slogan 1 Malaysia, Tranformasi Berjaya Rakyat Sejahtera turut tertera pada lukisan ini.

Lukisan 2: Terdapat gambar bendera Malaysia dan gambar 3 etnik utama, iaitu etnik Melayu memakai baju Melayu, etnik Cina memakai baju cheongsam bewarna merah dan etnik India lelaki memakai dhoti.

Lukisan 3: Masih mempunyai bendera Malaysia, bunga raya dan gambar 3 etnik memakai baju kebudayaan masing-masing. Etnik

Melayu memakai baju kurung dan betudung, etnik cina perempuan memakai cheongsam dan etnik India pepempuan memakai sari.

(NL8: Pemerhatian kawasan persekitaran sekolah 13 Mei 2013, Isnin)

Puan Esha pula berkongsi pengalamannya mengenai pekara yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran, misalnya ceramah, tayangan filem yang membantu mengeratkan perpaduan. Berikut antara petikan temu bualnya.

G2: ....jadi pelajar India, Cina ni, dia kumpulkan di dewan sekolah. Dia bagi nilai-nilai murni pada pelajar-pelajar Cina dan India, di dedahkan dengan ceramah, tengok filem ke, yang boleh ke arah perpaduanlah. Maksudnya, nilai-nilai ke arah perpaduan.

(G2: Puan Esha, para 100)

Segala aktiviti yang dijalankan semasa bulan kemerdekaan akan dilaporkan. Analisa dokumen, laporan program sambutan bulan kemerdekaan ke 55 (2012) mengukuhkan dapatan bahawa sekolah ini sememangnya mengadakan aktiviti yang mampu memupuk perpaduan pelajar berbilang etnik semasa bulan kemerdekaan. Berikut sebahagian daripada isi penting yang terdapat dalam laporan ini.

Misalnya salah objektifnya adalah mewujudkan hubungan yang harmoni di antara murid yang berbilang kaum, (m/s 1). Selain itu, aktiviti yang dibuat dalam bentuk berkumpulan ialah pertandingan membina video, pertandingan menggantung jalur gemilang,pertandingan menghias sudut kemerdekaan (m/s 7-10).

(D7= Laporan Program Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 55 (tahun 2012)

Selain aktiviti bulan kemerdekaan sekolah ini juga turut meletakkan informasi berkaitan negara, agar semua pelajar dapat mengambil iktibar. Misalnya di papan notis terdapat keratan akhbar mengenai cerita hari kemerdekaan, tokoh kemerdekaan (Tunku Abdul Rahman), gambar bekas Perdana Menteri Malaysia dan petikan cerita mengenai peristiwa Peristiwa 13

Mei 1969. Kesemuannya ini, berfungsi sebagai usaha untuk mengekalkan perpaduan. Berikut sebahagian daripada catatan nota lapangan hasil pemerhatian di kawasan persekitaran sekolah.

Selain itu terdapat keratan gambar yang diambil daripada akhbar berkaitan kemerdekaan. Terdapat tiga keping gambar yang dipaparkan.

- Keratan gambar pertama menggambarkan empat orang dewasa dalam lingkungan usia 40an hingga 70an memegang bendera Malaysia. Mereka terdiri daripada 2 etnik Melayu, seorang Cina dan seorang India.

- Keratan gambar kedua menunjukkan badan korporat mengedarkan bendera Malaysia untuk dikibarkan pada kereta masing-masing.

- Keratan gambar ketiga pelajar sekolah rendah dan para guru beramai-ramai mengibarkan bendera Malaysia. Didapati terdapat pelbagai kaum kelihatan pada gambar ini.

Selain itu, terdapat gambar 5 bekas Perdana Menteri Malaysia dipaparkan. Lambang kerajaan Malaysia, Rukunegara serta sajak oleh Tun Dr Mahathir Mohamed bertajuk ‘Perjuangan Belum Selesai’ turut di lekatkan di sini.

Gambar rusuhan 13 Mei 1969 yang berlaku di Malaysia turut dipaparkan dengan diselitkan kata-kata iaitu ‘Perpaduan amat penting untuk mengelak berlakunya kejadian seperti ini.

(NL9: Pemerhatian kawasan persekitaran sekolah 14 Mei 2013, Selasa)

Rutin sekolah seperti membaca Rukunegara, nyanyian lagu Negaraku, lagu negeri semasa perhimpunan, acara rasmi sekolah, merupakan salah satu cara yang dapat memupuk rasa kebersamaan (*togetherness*) dan kekitaan (*sense of belonging*) dalam kalangan pelajar. Apabila rasa bersama sebagai rakyat bersama dapat dipupuk, tidak mustahilah perpaduan dapat dibentuk. Berikut pemerhatian semasa perhimpunan sekolah.

Perhimpunan di adakan di tapak perhimpunan, yang berada berdekatan dengan pintu pagar utama sekolah. Di tapak perhimpunan ini, terdapat sebuah pentas yang di perbuat daripada batu marmar yang bewarna coklat. Di tapak perhimpunan ini juga terdapat 3 tiang bendera yang tergantung bendera Malaysia, negeri Perak dan bendera SMK Indah.

Setelah doa selesai di baca, 2 orang pengawas lelaki Cina tampil ke depan dan berdiri di tepi tiang bendera Malaysia dan Perak.

Pengawas bertugas menyuruh pelajar berdiri tegak untuk upacara menyanyikan lagu Negaraku dan lagu negeri Perak. Sesi perhimpunan diakhiri dengan bacaan ikrar Rukunegara

(NL6: Pemerhatian semasa perhimpunan sekolah, 1 Julai, 2013, Isnin)

Rumusan: Bagi mencapai perpaduan nasional, ianya merangkumi pendekatan yang dilaksanakan oleh sekolah untuk menyatupadukan pelajar pelbagai etnik. Antara pendekatan yang mampu menyatupadukan pelajar adalah program sambutan bulan kemerdekaan. Iannya dilaksanakan dalam bulan Ogos. Melalui jawatan kuasa bulan kemerdekaan dan jawatan kuasa RIMUP sekolah, program sambutan bulan kemerdekaan disambut setiap tahun. Aktiviti yang kebiasaannya dibuat adalah gerak kerja kumpulan yang terdiri daripada pelbagai etnik (pertandingan membina video, pertandingan menggantung jalur gemilang, pertandingan menghias sudut kemerdekaan). Tayangan filem dan ceramah yang mengarah ke arah pembentukan perpaduan turut menjadi amalan sekolah dalam kajian ini. Walaupun amalan membaca ikrar Rukunegara, nyanyian Negaraku, amalan rutin semasa perhimpunan, namun secara tersiratnya ia dapat memupuk rasa kebersamaan (*togetherness*) dan kekitaan (*sense of belonging*). Apabila rasa kebersamaan dan rasa kekitaan berada dalam diri setiap pelajar tanpa mengira etnik, ianya mampu mengeratkan hubungan mereka, serta perpaduan dapat dipupuk.

#### **4.3.2 Menggalakkan interaksi sosial pelajar pelbagai etnik**

Analisa dokumen dasar penempatan pelajar sekolah ini menunjukkan terdapatnya usaha untuk menggalakkan interaksi pelajar. Melalui dasar ini, agihan pelajar ke sesuatu tingkatan, adalah berdasarkan tujuh kriteria. Kriteria utamanya adalah agihan pelajar mengikut etnik, agar setiap kelas mempunyai bilangan etnik yang seimbang. Merit pencapaian bukanlah kriteria utama penempatan pelajar, malah kuota kaum menjadi keutamaan sekolah ini.

Berikut disenaraikan kriteria-kriteria tersebut:

Penempatan murid adalah berdasarkan;

- Kuota keseluruhan kaum
- Selaras dengan slogan 1 Malaysia
- Merit pencapaian akademik
- Gender lelaki dan perempuan
- Disiplin
- Pencapaian ko-kurikulum
- Perakuan khas ahli jawatankuasa penempatan murid (Persetujuan daripada jawatankuasa setiap tingkatan yang di anggotai oleh guru penyelaras, guru-guru yang mengajar )

(D8: Dasar penempatan pelajar di kelas)

Pada minggu pertama berada di tempat kajian, pengkaji berkesempatan berbual dengan salah seorang pentadbir sekolah iaitu Puan Kalsom. Melalui perbualan ini, beliau menceritakan mengenai dokumen dasar penempatan pelajar. Berikut adalah catatan semasa perbualan dengan beliau.

Kriteria utama yang diberi perhatian sebelum pelajar-pelajar ditempatkan di kelas adalah kuota keseluruhan kaum. Kuota kaum merupakan sebahagian pekara asas yang dijadikan amalan sekolah ini semasa menyusun pelajar-pelajar bagi setiap tingkatan. Merit markah peperiksaan, bukanlah kriteria utama yang digunakan oleh sekolah

ini, malah pelajar di bahagikan mengikut komposisi yang seimbang, di mana setiap kelas akan mempunyai etnik yang berbeza. Ini bagi memastikan setiap etnik (Melayu, India, Cina) terdapat dalam setiap kelas, selain daripada sebilangan kecil etnik Orang Asli. Ini bermakna bagi setiap tingkatan, bilangan pelajar setiap kaum akan dibahagi sama rata agar setiap kelas akan mempunyai etnik yang pelbagai.

(P1: Puan Kalsom, Perbualan tidak formal, 13 Mei 2013)

Selain itu, pihak sekolah turut melaksanakan agihan sama rata, dalam rumah sukan, aktiviti ko-kurikulum (persatuan, kelab, pakaian seragam) agar komposisi etnik seimbang. Apabila komposisi seimbang, maka ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi. Berikut merupakan petikan temubual dengan dua orang guru.

G1: Setakat ni, rasanya ia, sebab kita buat macam, sebagai contoh, saya ambil bahagian saya, katalah budak tingkatan 1 dan yang baru datang peralihan, biasanya dia akan diagihkan ikut rumah sukan, agihan sama rata, sama rata ikut bangsa...

(G1: Puan Salmah, para 76)

Pk: Mmm...siapa yang tetapkan aktiviti ko-kurikulum yang perlu disertai oleh pelajar? Adakah pihak sekolah, misalnya PK HEM ataupun pilihan pelajar sendiri?

G4: Setahu saya, pelajar akan bagi nama persatuan yang dia nak masuk, jadi bahagian ko-kurikulum, hanya terima dan masuk-masukkan nama-nama pelajar. Mungkin dah ada letak, bilangannya misalnya dari segi kuota, sekolah letak kuota yang sama.

(G4: Puan Hafizah, para 13-14)

Bagi menggalakkan percampuran dan interaksi etnik berbeza, sekolah ini menetapkan dasar penyusunan kedudukan pelajar dalam kelas. Guru kelas diberi tanggungjawab untuk menyusun pelajar agar mereka bercampur, bukannya duduk berkelompok mengikut etnik sama.

P1: .....Sebab itulah, kita di dalam kelas, kita patut *join* kan mereka. Macam saya kata tadi, awal tahun PK HEM, dia akan bagi senarai tugas pada guru kelas, salah satu, ada pelan dalam kelas mesti ada Melayu, Cina, India. Maksudnya, walaupun tak duduk sederet, tapi mesti berselang-selang.

(P1: Puan Kalsom, para 32)

Pendekatan lain yang digunakan untuk menggalakkan interaksi pelajar, adalah dengan menggabungkan pelajar berbeza etnik dalam aktiviti sekolah. Sebagai contoh, semasa ingin menghantar pasukan sekolah ke pertandingan drama, pihak sekolah mewajibkan ianya disertai oleh semua etnik.

P1: ...lepas tu, ko-kurikulum. Lepas tu, kalau kita hantar pelajar, kita hantar pelbagai kaum. Kita tak hantar satu kaum. Kalau contoh drama, kita tak hantar satu kaum. Kita mesti ada dasar, mesti ada pelajar Cina, pelajar India. Walaupun misalnya pertandingan drama, orang Melayu tak fasih Bahasa Inggeris, mungkin dia tak jadi pelakon utama, dia yang membantu. Aaa...supaya menjayakan sesuatu, mesti ada tolong menolong, jadi melalui situalah semua kaum akan berhubung. Mmm..antara apa-apa aktiviti, kita akan satukan.

(P1:Puan Kalsom, para 84)

Puan Mariam salah seorang seorang pentadbir sekolah memaklumkan bahawa, pentadbiran sekolah senantiasa meletakkan garis panduan pada pelajar bagi setiap aktiviti dalaman sekolah atau pun latihan permainan. Aspek percampuran etnik berbeza senantiasa ditekankan oleh sekolah. Berikut pandangan guru dan pentadbir sekolah.

P2: ...Lagi satu, contohnya bila kita buat pertandingan lagu patriotik, bagi setiap unit uniform. Tapi kita nak dalam unit uniform tu, biasanya kita tak bagi bebas, kita bagi garis panduan. Kita akan bagi garis panduan lagu apa, bilangan pelajar berapa, kaum apa yang perlu terlibat dan kita akan galakkan mereka ni untuk join dan *mix* dengan kaum berbeza. Aaa..kalau kerja kumpulan mesti ada, aaa..tak kiralah di kelas ke, ada kaum yang bercampur, maksudnya ada lebih dari satu jenis kaum.

(P2: Puan Mariam, para 132)

G1:... Biasanya permainan pun, kita akan campur seboleh mungkin, kita akan cadangkan pada cikgu agar dia libatkan kaum lain.... Tapi ramai yang masuk kriket tu, macam India...Pengetua ada tegurlah, kenapa budak India saja..Tapi atas cadangan, kita cadangkan misalnya kalau ada, misalnya ada satu program latihan untuk kriket. Dalam jangka masa terdekat ni, dia dah masukkan nama-nama budak bangsa lain, selain daripada India.

(G1: Puan Salmah, para 76)

Selain itu, pendekatan yang diamalkan oleh Persatuan Bahasa Cina mampu menggalakkan interaksi pelajar berbeza etnik di sekolah ini. Sebagai contoh, etnik lain turut diberi peluang untuk menyertai aktiviti kaligrafi anjuran Persatuan ini.

P1: Ya aktiviti yang bagus, dapat bantu hubungan pelajar-pelajar. Aaa..pelajar persatuan Cina akan jumpa dengan pelajar lain, ajak pelajar lain buat tulisan Cina ni, tulisan kaligrafi. Mereka sediakan kertas, dakwat, berus, kita hanya lukis sahaja. Pelajar yang nak sertai, mereka pergi di kantin.

(P1: Puan Kalsom, para 98)

Komitmen pihak sekolah untuk menggalakkan interaksi pelajar, turut tercatat dalam salah satu dokumen sekolah, iaitu laporan tahunan aktiviti pengakap. Dalam laporan ini, diperincikan objektif dan aktiviti tahunannya. Berdasarkan penelitian dokumen laporan pengakap, aktiviti-aktiviti terancang ini mampu menggalakkan interaksi pelajar. Selain itu, objektif pengakap turut memberi penekanan kepada aspek mengeratkan hubungan pelajar. (rujuk muka surat 1 hingga 3 dokumen D2, iaitu Laporan tahunan aktiviti pengakap 2012).

Namun kadangkala terdapat halangan yang menyebabkan kegagalan dasar-dasar yang telah dibuat oleh sekolah. Sebagai contoh, dasar penyusunan kedudukan pelajar dalam kelas memerlukan kerjasama guru kelas untuk melaksanakannya. Namun terdapat segelintir guru kelas yang yang tidak bertegas dalam melaksanakan dasar ini. Sikap guru sebegini akan menyebabkan kegagalan pada dasar untuk menggalakkan interaksi antara pelajar.

P1: .... awal tahun PK HEM, dia akan bagi senarai tugas pada guru kelas, salah satu, ada pelan dalam kelas mesti ada Melayu, Cina, India. Maksudnya, walaupun tak duduk sederet, tapi mesti berselang-selang. Tapi selalunya, kalau cikgu tak tegas, dia biar je, pelajar akan tukar tempat sesama dia.

Pk: Jadi sikap guru memainkan peranan?

P1: Mmm....ya. Cikgu tu, mesti tegas. Kalau tak tegas, habislah usaha untuk bina hubungan baik. Kalau peraturan yang kita buat pun tak akan menjadi. Jadi, dia memang bergantung pada cikgu.

(P1: Puan Kalsom, para 32-34)

Sikap ibu bapa kadangkala turut menyebabkan pendekatan sekolah untuk menggalakkan percampuran pelajar berbeza etnik terhalang. Berikut luahan seorang guru.

G1: ... Contohnya bomba ni, ada satu budak India tingkatan 1, ayah dia datang, siap bawa surat, dia minta kebenaran untuk anak dia ni, supaya masuk yang lain. Saya tak tahu lalu atas dasar apa, dia minta, tapi dia bagi alasan, dia kata dia dah ada pakaian sebagainya, abang dia dulu dah masuk pengakap, jadi dia hendak pakai baju tu, jadi kadang-kadang kita susah juga dari segi tu...

(G1: Puan Salmah, para 78)

Sikap sesetengah pelajar juga, seperti menukar kedudukan yang telah ditetapkan oleh guru kelas, turut menghalang usaha sekolah untuk

menggalakkan percampuran di kelas, (iaitu halangan pada dasar penyusunan pelajar dalam kelas).

Pk: Maksudnya, kedudukan dalam kelas tu, siapa yang tentukan? Mereka sendiri pilih atau guru kelas yang tetapkan?

G3: Mmm....memang guru tetapkan tapi, dia tukar balik.

(G3: Puan Zurina, para 9-10)

Pk: Mmm...jadi awak tukar balik tu, dengan siapa, maksudnya dengan kaum yang sama atau berbeza?

Ali: Kaum yang sama. Mmm...mula-mula duduk dengan Melayu, lepas tu, cikgu tukar dengan India. Mmm...tapi India tu, macam tak okay, jadi tukar baliklah.

(FG3: para 154-155)

Rumusan: Dasar-dasar seperti dasar penemapatan pelajar, dasar penyusunan pelajar dalam kelas, menggabungkan pelajar dalam aktiviti sekolah (latihan sukan, pertandingan drama), agihan sama rata (kuota kaum) yang dibuat pada rumah sukan dan aktiviti ko-korikulum (persatuan, kelab, pakain seragam) adalah cara yang baik untuk menggalakkan interaksi sesama mereka. Tanpa interaksi yang berterusan antara pelajar berbeza etnik, maka adalah mustahil untuk mengekalkan keharmonian di sekolah. Namun, kadangkala halangan timbul daripada sikap guru (kurang bertegas melaksanakan dasar sekolah), sikap ibu bapa (kurang bersetuju dengan sesetengah dasar) serta sikap pelajar (enggan mematuhi dasar sekolah), menyebabkan usaha sekolah untuk menggalakkan interaksi kurang mencapai matlamat sepenuhnya.

### **4.3.3 Merangsang penerimaan antara satu sama lain dan toleransi**

Terdapat beberapa amalan sekolah yang dapat merangsang penerimaan dan sikap toleransi antara satu sama lain. Misalnya, amalan memberi duit raya dan bersalaman, yang melibatkan semua etnik, semasa sambutan Hari Raya. Jadi apabila etnik lain didedahkan kepada budaya Melayu, ini memupuk rasa penerimaan antara etnik lain. Berikut petikan temu bual dengan pentadbir sekolah ini, Puan Kalsom dan Puan Mariam.

P1:....contohnya, Hari Raya. Kita ada sambutan Hari Raya dan selalunya kita buat di sekolah.....Aaa..satu lagi, sebelum hari raya.. jadi semua pelajar akan dapat duit raya, tak kira Melayu, India atau Cina... Jadi masa hari raya, kita bagi duit seringgit je, bukan banyak, tapi pelajar happy. Aaa...pengetua akan sampaikan di tapak perhimpunan dan akan bersalam-salam.

(P1:Puan Kalsom, para 106)

Pihak sekolah turut memberi ruang pada setiap etnik memperkenalkan keunikan budaya masing-masing, pada hari perkhemahan dan malam kebudayaan. Melalui pendekatan ini, setiap pelajar berpeluang mengetahui keistimewaan budaya etnik lain dan secara tidak langsung rasa penerimaan dapat dipupuk.

G4: ...macam kadet polis dia buat, lakunan dan boria. Macam kadet polis ni, ramai Melayu, jadi banyaklah budaya Melayu yang ditunjukkan.

Pk: Pendapat cikgu, adakah aktiviti sebegini membantu amemperkenalkan budaya kaum-kaum yang ada di Malaysia?

G4: Saya rasa ini merupakan cara atau salah satu kaedah, untuk kita perkenalkan budaya sesuatu kaum kepada semua. Maksudnya, setiap kaum akan tahu budaya kaum Cina macam mana, budaya kaum India macam mana, kaum Melayu macam mana, semuanya boleh dilihat pada malam kebudayaan. Lepas tu, dari segi kita boleh lihat cara

mereka bekerja, misalnya masa pertandingan memasak, kita boleh tengok macam mana orang Melayu memasak, cara orang Cina memasak.

Pk: Masa memasak itu, ikut kaum atau macam mana?

G4: Itu ikut persatuan lah. Macam pengakap, sama-sama pengakap lah, pandu puteri dengan ahli pandu puteri. Lepas tu, bila kita tengok, macam saya cakap tadi, dalam pengakap ramai Cina, jadi kita boleh tengoklah macam mana orang Cina memasak, cara dia memasak nasi goreng. Misalnya orang Cina akan letak bawang putih yang banyak dalam nasi goreng tu.

(G4: Puan Hafizah, para 46-50)

Selain itu, pada papan notis Persatuan Bahasa Tamil, Bahasa Cina dan Bahasa Arab, setiap perkataan yang dipaparkan, akan diletakkan terjemahannya (dwibahasa) pada perkataan-perkataan tersebut. Terjemahan sebegini, membantu pelajar memahami budaya (bahasa) etnik lain, serta belajar untuk menerima perbezaan antara mereka.

G1: Aaa...persatuan kita ada Persatuan Bahasa Cina, kita ada Persatuan Bahasa Tamil, kita ada bahasa Jepun. Itulah saya minta, cikgu-cikgu yang guru penasihat dia, kalau boleh dia letak tu, misalnya bahasa Cina, Tamil, perkataan tertentu, buat dwibahasa, jadi mungkin budak lain boleh belajar. Bahasa Arab kan, kalau dia buat dwibahasa, saya ada cadangkan, pihak pentadbir ada cadangkanlah.

Pk: Oooo... sebab dianya banyak.

G1: Aaa...itulah masalahnya, dwibahasa. Macam ni, persatuan punya, digalakkan buat dwibahasa supaya pelajar yang, misalnya bahasa Cina, pelajar Melayu boleh faham apa benda yang diletakkan di situ, papan kenyataan.

(G1: Puan Salmah, para 92-94)

Aktiviti kaligrafi oleh Persatuan Bahasa Cina, terbuka pada pelajar berbeza etnik untuk menyertainya. Ini dapat membantu etnik berbeza mengenali dan menerima budaya etnik Cina. Berikut pendapat responden kajian.

P1: ...Kalau dia buka, dia cuma libatkan kaum lain dalam kaligrafi Cina. Kaligrafi tu, untuk cikgu-cikgu dan pelajar lain. Kaligrafi lukis dan dia buat hari biasa, maksudnya bukan hari Sabtu. Kaligrafi tu, dia buat dalam bentuk pertandingan.

(P1: Puan Kalsom, para 92)

G1: Aha...betul kaligrafi, dia ada buat. Jadi, maknanya, orang lain fahamlah apa bendanya. Sekurang-kurangnya, kita kenallah dengan budaya dia.

(G1: Puan Salmah, para 102)

Pameran bertema oleh pusat sumber juga membantu etnik mengenali dan menerima budaya etnik berbeza. Ini kerana kuiz akan diadakan berdasarkan informasi yang telah dipaparkan semasa pameran ini berlangsung. Puan Esha dan Puan Kalsom berkongsi pengalaman mereka mengenai pameran ini.

G2: Memang membantu, macam kita *appreciate* bangsa lain, menghormati bangsa lain. Time hari raya Deepavali kita buat di satu sudut tentang perayaan ni. Tapi yang buat ni, contoh Tahun Baru Cina, pelajar Cina yang buatlah untuk tunjukkan budaya dia. Kalau Deepavali, pelajar India lah yang buat. Menjelang Hari raya, diaorang buat satu sudut pula, Pameran bertema di Pusat Sumber.

(G2: Puan Esha, para 174)

P1: Tapi, kalau informasi tu, berkaitan perayaan India, hanya pelajar Cina dan Melayu sahaja boleh jawab. Secara tak langsung, pelajar boleh mengenali budaya-budaya lain.

(P1: Puan Kalsom, para 138)

Walaupun persatuan berdasarkan etnik (persatuan bahasa cina dan bahasa tamil) berperanan untuk mengukuhkan identiti etnik seperti yang dibincangkan pada bahagian berikutnya, namun ianya juga banyak membantu etnik lain mengetahui dan menerima perbezaan yang berada di sekelilingnya. Kepentingnya dinyatakan oleh seorang guru.

G6: Saya rasa setiap sekolah perlu ada persatuan Bahasa Cina, sebabkan dalam Malaysia ni, pelbagai kaum. So, kita kena tahu, tahu budaya kaum lain, *so* hidup kita dan masyarakat kita bolehlah sentiasa mesra.

(G6: Puan Lim, para 94)

Rumusan: Bagi mengekalkan keharmonian adalah perlu setiap pelajar daripada etnik berbeza belajar menerima perbezaan antara satu sama lain. Jika perbezaan dapat diterima, maka sikap bertolak ansur dan toleransi akan terbentuk dalam diri mereka. Sekolah ini, melalui beberapa pendekatan seperti dinyatakan di atas (amalan bersalam dan mencium tangan; kaligrafi; Minggu Bahasa Asing; dwibahasa pada perkataan Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab di papan kenyataan' informasi etnik di papan kenyataan) dapat memupuk rasa penerimaan etnik lain terhadap budaya etnik berbeza. Sememangnya persatuan berasaskan etnik (Persatuan Bahasa Tamil, Persatuan Bahasa Cina) bertujuan untuk mengukuhkan identiti masing-masing, namun dari sudut positif, ianya dapat memperkenalkan budaya etnik Cina, India pada etnik lain. Sesungguhnya setiap etnik akan mempunyai keunikan budayanya dan amatlah perlu ianya diperlihatkan atau dikongsikan bersama dengan pelajar berbeza etnik di sekolah. Apabila keunikan budaya lain dapat diperlihatkan, ianya dapat membantu mereka menyedari keunikan budaya-budaya yang ada di Malaysia. Jika keunikan budaya lain dapat diketahui dan di hargai, maka ianya mampu membantu pelajar merasakan tidak ada etnik yang lebih hebat statusnya atau budayanya. Maka sikap penerimaan dengan hati terbuka dapat dipupuk.

#### **4.3.4 Membentuk persekitaran sekolah melambangkan kepelbagaian etnik**

Pihak sekolah turut mementingkan persekitaran yang melambangkan budaya etnik yang pelbagai. Misalnya pameran bertema yang dianjurkan oleh pusat sumber.

P1: ... Macam Tahun Baru Cina, Pusat Sumber akan buat pameran, jadi pelajar lain akan tahu. Selalunya Pusat Sumber yang akan main peranan. Kalau macam Deepavali, pelajar India akan hias Pusat Sumber, dengan perhiasan Deepavali. Lepas tu pada satu sudut akan ada sudut tentang apa yang dia buat. Ini kita panggil Pameran bertema.  
 Pk: Maknanya itu antara aktiviti yang wajib ada di sekolah ini ke? Bila hari Deepavali, pelajar India akan hias, macam tu ke?

P1: Ya. Aaa..selalunya pusat sumber yang main peranan dalam tu dan kita namakan pameran bertema. Kita maknanya, aaa...bila nak tengok suasana perayaan tertentu, kita boleh tengoklah. Misalnya macam nak raya ni, akan ada ketupatnya, lampunya, jadi nampaklah. Jadi pelajar-pelajar ni, akan rasalah suasana tu. Macam Tahun Baru Cina, akan gantung-gantung di luar, at least diaorang akan rasa. Lepas tu akan ada maklumat.

(P1: Puan Kalsom, para 64- 66)

Temu bual dengan Cik Rekha, pula menceritakan perihal pondok nilam persatuan Bahasa Tamil. Di pondok nilam ini, terdapat maklumat berkaitan budaya etnik India. Unsur keagamaan yang menyentuh sensitiviti etnik lain, tidak diletakkan atau di tampil di pondok ini.

Pk: Boleh tak cikgu ceritakan *content* bahan yang di gantung di pondok nilam tu?

G5: Saya ada letak gambar-gambar tentang tokoh-tokoh kaum India. Lepas tu, ada tentang sasterawan Bahasa Tamil, aaa...terutamanya tokoh dari luar negara, dari India. Aaaa...sebenarnya lebih kepada kebudayaan, *I* tak letak unsur agama di situ, sebab kurang sesuai, sebab kita di sekolah menengah yang campur kaum, kurang sesuai. Lainlah kalau kita di sekolah rendah Tamil, bolehlah kita letak pasal keagamaan. Kita kena fahamlah, keadaan sekolah menengah.

(G5: Cik Rekha, para 99-100)

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan di pusat sumber terdapat, sememangnya terdapat ciri-ciri atau hiasan etnik di pusat sumber. Berikut sebahagian catatan pemerhatian.

#### Papan kenyataan 2:

Terdapat 3 jenis peralatan masakan Melayu, iaitu Kukuran Kelapa, Tapis Santan dan Tudung Saji. Bagi setiap peralatan ini, diterangkan fungsi, asal usul serta gambarnya turut di sertakan.

#### Papan Kenyataan 6:

Terdapat informasi mengenai bakul tradisional yang diperbuat daripada lidi kelapa, buluh dan rotan yang turut dipaparkan di papan kenyataan ini. Selain itu Gayung kelapa yang digunakan oleh masyarakat melayu untuk mencedok air daripada tempayan untuk membasuh kaki sebelum memasuki rumah turut dipaparkan di sini

Terdapat hiasan budaya Cina yang masih tergantung dalam pusat sumber, kerana pada bulan Februari, sambutan perayaan Tahun Baru Cina baru sahaja di sambut oleh etnik Cina.

(NL7: Pemerhatian dalam pusat sumber sekolah, 11 Julai2013, Khamis)

Daripada pemerhatian bertarikh 15 Mei 2013, ianya mengukuhkan lagi data temu bual berkaitan kewujudan pondok nilam. Terdapat dua buah pondok berhampiran pintu masuk utama sekolah. Salah satu pondok ini dipunyai oleh Persatuan Bahasa Tamil dan satu lagi dipunyai oleh Persatuan Bahasa Cina. Pondok ini dinamakan Pondok Nilam. Berikut adalah sebahagian daripada petikan nota lapangan semasa pemerhatian dibuat.

Sementara 2 pondok lagi, iaitu dinamakan pondok Nilam. Pondok ini dipunyai oleh Persatuan Bahasa Tamil dan Persatuan Bahasa Cina. Artikel yang terdapat di kedua-dua pondok berkisar mengenai budaya etnik masing-masing. Di pondok nilam persatuan Bahasa Tamil, terdapat hiasan yang di buat daripada reben bewarna kuning dan ianya adalah toronum. Toronum adalah hiasan yang pada kebiasaannya digantung di rumah etnik India dan ianya merupakan sebahagian daripada budaya etnik India.

(NL 10: Pemerhatian kawasan persekitaran sekolah 15 Mei 2013, Rabu)

Di salah satu bangunan sekolah ini, terdapat lukisan mural yang menggambarkan etnik Melayu, India, Cina, Kadazan dan Iban dengan baju tradisional masing-masing memegang tangan antara satu sama lain. Berikut adalah sebahagian hasilan pemerhatiannya.

Pada tingkat 1 Blok D terdapat lukisan Mural yang agak menarik. Lukisan mural ini antara laluan Blok D dan Blok E. Pada lukisan mural ini terdapat lima orang kanak-kanak yang terdiri daripada etnik yang ada di Malaysia. Etnik Melayu memakai baju melayu teluk belanga, etnik Cina memakai cheongsam, etnik India memakai sari, etnik Kadazan dan Iban pula memakai baju tradisi mereka. Kelima-lima kanak-kanak ini, memegang tangan antara satu sama lain. Latar belakang lukisan mural ini ada terdapat bendera Malaysia, bunga raya dan menara berkembar petronas

(NL9: Pemerhatian kawasan persekitaran sekolah 14 Mei 2013, Selasa)

Rumusan: Pesekitaran sekolah yang kondusif memberi pelbagai kesan positif kepada hubungan pelajar, sebagai contoh dalam konteks kajian ini. Sememangnya sekolah ini mempunyai persekitaran sekolah yang melambangkan kepelbagaian etnik yang ada di Malaysia. Pembentukan persekitaran pelbagai etnik, sebagai contoh Pameran bertema oleh Pusat sumber, Pondok Nilam oleh Persatuan Bahasa Tamil dan Bahasa Cina, banyak membantu pelajar mengetahui budaya-budaya etnik yang berbeza yang terdapat di sekolah. Selain itu, hiasan lukisan mural yang menggambarkan etnik seperti Melayu, India, Cina, Kadazan dan Iban dengan baju tradisional masing-masing memegang tangan antara satu sama lain, bukan hanya berfungsi untuk menceriakan persekitaran, namun membantu mengeratkan hubungan pelajar. Namun, kadangkala persekitaran sekolah yang melambangkan kepelbagaian etnik kurang dititikberatkan, kerana ianya dianggap tidak penting. Tetapi pada hakikatnya, ia dapat meningkatkan

kesedaran dalam kalangan pelajar, bahawa di sekeliling mereka masih ada individu yang berbeza dan mereka harus menerimanya

#### **4.3.5 Penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas**

Berdasarkan analisa manual organisasi 2013 di sekolah ini sememangnya terdapat amalan sesi pencerapan oleh pentadbir sekolah dan guru kanan mata pelajaran terhadap P&P guru-guru. Pemantauan ini, merupakan satu pendekatan yang baik kerana, pihak terbabit dapat memantau sikap guru semasa pengajaran, misalnya adakah terdapat guru yang rasisme, bias semasa pengajaran dan sebagainya.

Sesi pencerapan ini turut dinyatakan semasa temu bual dengan pentadbir, Puan Mariam. Menurut Puan Mariam, pencerapan semasa pengajaran dan pembelajaran (P&P) menunjukkan bahawa terdapat amalan positif yang guru laksanakan bagi menggalakkna interaksi antara pelajar berbeza etnik.

P2: Aaa...macam tadilah, biasanya cikgu-cikgu ni akan beri gerak kerja kumpulan. Aaa..dari segi itu, akan nampak pelajar akan terlibat secara langsung. Jadi, P&P tu, akan jadi lebih meriah. Macam tadilah, kalau dia *form* kumpulan, dia akan masuk pelbagai kaum dan kalau kita ada sesi soal jawab, bukan hanya satu kaum yang akan di tanya, tapi akan libatkan semua kaum. Maksudnya, semua kaum mesti kena bercakap, cikgu tu akan libatkan semua kaum dalam kelas.

Pk: Jadi itu yang cikgu nampak sepanjang sesi P&P? Maksudnya, selalu guru-guru akan libatkan semua pelajar?

P2: Yes.

Pk: So, sepanjang P&P tu, elemen kepentingan hubungan kaum tidak dinyatakan secara langsung, tapi secara *indirectly* ke?

P2: Aaa...sebab nilai baik antara kaum, kita tak boleh cakap secara langsung. Bila nilai, kita selalu selitkan dalam P&P. Lagi satu, macam subjek, kita mesti kena terangkan, tapi nilai adalah satu yang subjektif, kita tak boleh cakap secara *directly*....

(P2: Puan Mariam, para 46-50)

Selain itu, amalan P&P sesetengah guru seperti menceritakan perihal budaya etnik lain, serta menekankan rasa hormat dan penerimaan budaya etnik berbeza. Ini dilihat sebagai langkah penambahbaikan P&P di dalam kelas untuk mengeratkan interaksi pelajar. Beberapa pelajar menyatakan hal ini.

Getha: Contoh perayaan Thaipusam ada orang baling kelapa dengan banyaknya di jalan raya. Jadi, kaum lain rasa marah. Jadi cikgu cakap itu, budaya mereka, kita tak bolehlah kata mereka menghalang jalan raya. Cikgu cakap itu kan adat dia.

Pk: Jadi ada tak cikgu, suruh dan cakap awak perlu terima dia orang punya budayalah?

Getha: Mmm...ya.

Yan Tin: Kadang-kadang cikgu cakap jangan hina adat mereka.

Getha: Kadang-kadang bila perayaan tu, jalan *jammed*, jadi kaum lain marahkan. Tapi, cikgu kata tak elok marah kaum lain.

(FG3: para 186-190)

Terdapat juga sesetengah guru yang memang tegas dalam menetapkan ahli kumpulan, agar pelajar bercampur dengan etnik berbeza semasa sesi P&P. Berikut sebahagian petikan temu bual dengan pelajar.

Pk: Yang tetapkan kedudukan awak dalam makmal, siapa? Adakah cikgu atau awak sendiri, Jeevan?

Jeevan: Cikgu yang pilih dan campur-campur kaum.

Pk: Ooo..cikgu yang tetapkan. Dalam subjek apa tu?

Jeevan: Itu dalam subjek Chemistry sahaja, dalam subjek lain, kita pilih.

(FG1:para 31-34)

Rumusan: Guru di sekolah ini, memasukkan elemen kepelbagaian etnik, menekankan kepentingan menghormati etnik lain dalam pengajaran dan menetapkan percampuran etnik dalam kerja kumpulan. Kesemuannya ini merupakan satu pendekatan yang mampu mengeratkan interaksi pelajar. Apabila guru mengamalkan ‘pengajaran yang memberi fokus pada budaya etnik berbeza secara seimbang, ianya adalah pendekatan untuk penambahbaikan P&P pada peringkat kelas yang berkesan. Ini berlaku apabila guru turut menyelitkan pengetahuan mengetahui etnik-etnik lain yang ada di sekeliling pelajar, agar sikap ‘*awareness*’, penerimaan terhadap etnik berbeza dapat ditanam dalam diri pelajar.

#### 4.4 Senario polarisasi

Selain apa yang telah dibincangkan di atas mengenai usaha pihak sekolah menggalakkan interaksi dan percampuran etnik, kadangkala ianya tidak mampu menghapuskan polarisasi dalam kalangan pelajar. Daripada analisis temu bual dan data pemerhatian, senario polarisasi berlaku dalam kalangan pelajar semasa di kelas (tempat duduk, aktiviti akademik) dan di luar kelas (kantin, aktiviti sekolah). Namun, terdapat juga keadaan-keadaan di mana, pelajar-pelajar bercampur dengan etnik lain, tanpa ada masalah. Mereka juga kelihatan selesa bersama-sama, iaitu semasa aktiviti ko-kurikulum. Walaupun polarisasi di sekolah ini tidaklah dapat dihapuskan secara total, tetapi masih dapat dikurangkan semasa adanya aktiviti ko-kurikulum. Berikut diperincikan dapatannya.

Kecenderungan pelajar untuk duduk dengan rakan yang sama etnik turut disuarakan oleh beberapa orang guru. Antaranya luahan oleh Puan Salmah yang mengajar kelas 4P1 dan Puan Esha yang mengajar kelas 4P3.

G1: Perhubungan tu tak ada masalah, tapi masa dia duduk tu, duduk dalam kelas, dia masih lagi duduk ikut bangsa dia.

(G1: Puan Salmah, para 12)

G2.... Tapi, polarisasi kaum masih adalah. Pelajar Cina lebih suka duduk dengan pelajar Cina. Mmm...dia ada 3 ke 4 orang semuanya, geng dialah. Begitu juga pelajar Melayu.

Pk: Aaa...maksudnya dalam kelas tu, polarisasi maksudnya macam dari segi kedudukan atau maksudnya macam mana?

G2: Aaaa...pelajar ni, walaupun kita ubah, guru kelas dia ubah, tapi lama-lama dia akan cari kawan-kawan...bangsa pun dia akan cari bangsa yang samalah.

(G2: Puan Esha, para 4-6)

Semasa pemerhatian dibuat dalam kelas 4P3, kelihatan pelajar duduk dalam kelompok etnik masing-masing. Berikut sebahagian petikan pemerhatiannya. Lakaran kedudukan pelajar di kelas ini boleh dilihat pada nota lapangan bertarikh 20 Jun 2013.

Terdapat 5 orang responden dalam kelas ini Chunhua (perempuan Cina), duduk di barisan terakhir sekali dengan pelajar perempuan Cina juga. Responden saya iaitu Kamala duduk dengan 2 pelajar kaum India di barisan tengah kelas. Mimi, duduk dengan 2 pelajar Melayu perempuan di hadapan Kamala, iaitu masih di barisan tengah. Sha dan Nani duduk di barisan depan dan masih duduk bersama dengan pelajar etnik Melayu.

(NL 2: Pemerhatian dalam kelas 4P3, 20 Jun 2013, Khamis)

Pelajar juga cenderung berada dalam kelompok etnik yang sama semasa berada di luar kelas. Misalnya, semasa di kantin dan juga semasa berjalan ke sesuatu tempat seperti ke padang atau ke makmal.

P1: Dia lebih selesa dengan sebangsa dengannya. Contohnya untuk makan atau nak ke kantin.....Aaa...satu lagi, kalau makan di kantin, dia akan makan ikut group. Cuba perhatikan di kantin. Aaa...nak pergi ke makmal, ke padang ke, tengok dia jalan, dia mesti jalan dalam kaum dia.

(P1: Puan Kalsom, para 36)

G2: ...Lagi satu, dia nak pilih kawan tu, kawan nak ke kantin, makan sekali, lepas tu nak pi tandas lagi. Jadi kawan-kawan yang sama juga.

Pk: Jadi cikgu setuju lah jika di katakan bahawa pelajar suka bergaul dengan rakan yang sama kaum di dalam dan luar kelas ke?

G2: Ya, saya setuju, saya nampak keadaan tu.

(G2: Puan Esha, para 48-50)

G3: ...macam pelajar India dan Cina tu, rasanya susah sikitlah nak bergaul sama-sama. Tapi kalau yang saya perhatikan, pelajar India ni, dia lebih suka dengan click nya. Kalau dia nak berkawan, bukan antara seorang dengan seorang, dia ramai-ramai di luar kelas.

Pk: Tapi, click dia tu maksud cikgu, masih lagi kaumnya?

G3: Aha...ya.

(G3: Puan Zurina, para 192-194)

Pelajar juga menyatakan kecenderungan mereka untuk makan bersama rakan-rakan yang sama etnik semasa waktu rehat. Berikut sebahagian daripada hasil temubual dengan pelajar.

Pk: Oooo..luar keluar pula, macam mana? Misalnya pergi makan? Ok tak kalau nak campur dengan diaorang?

Reza: Selalunya dia orang ikut group, budak Cina. Lepas tu, kalau makan, dia orang ada meja dia orang. Ada meja budak Melayu.

(FG7: para 42-43)

Pemerhatian di kantin turut mengesahkan keadaan ini. Berikut adalah sebahagian daripada hasil pemerhatian.

Semasa saya berada di pondok berhampiran kantin, saya terlihat Ana berjalan berdua-duan dengan seorang budak perempuan dan apabila dia terlihat saya, Ana tersenyum kepada saya. Ana membeli makanan bihun sup dan duduk dengan sekumpulan pelajar perempuan Melayu. Azmir pula, makan bersama kawan lelaki Melayu di satu meja yang lain. Kesemua responden saya bagi kelas 4P3 makan di kantin. Mimi makan dengan sekumpulan pelajar

perempuan Melayu. Manakala Nani dan Sha datang bersama ke kantin dan makan bersama di meja pelajar Melayu yang lain.

(NL5: Pemerhatian semasa di kantin, 25 Jun 2013, Selasa)

Walaupun di dalam kelas dan di luar kelas, berlakunya polarisasi, namun aktiviti sekolah yang berfaedah dan terancang, misalnya aktiviti ko-kurikulum, berupaya mengurangkan berlakunya polarisasi etnik. Berikut dijelaskan dapatannya. Dalam aktiviti ko-kurikulum (Hari Perkhemahan), pelajar berbeza etnik boleh bercampur antara satu sama lain. Ini adalah berdasarkan pandangan Puan Hafizah sebagai guru pengakap.

G4: Aaa..bila kita melibatkan semua badan beruniform, jadi tak adalah kecenderungan untuk pelajar berada dalam kaum yang sama. Lagipun bila perkhemahan kali kedua, kita bahagikan dalam satu kumpulan tu, ada pengakap, pandu puteri. Jadi mereka boleh join sekali, maksudnya semua kaum adalah dalam setiap kumpulan.

(G4: Puan Hafizah, para 36)

Dalam pengakap, sememangnya majoriti ahlinya adalah Cina dan India, namun ianya tidak menyebarkan adanya polarisasi etnik semasa berlangsungnya aktiviti pengakap. Sebagai contoh, salah satu aktiviti pengakap adalah hari perkhemahan. Pada hari ini, pelajar berbeza etnik boleh bercampur antara satu sama lain.

Pk: *Since the number of Malay is less than the Chinese and Indians, does it give the effect on your interaction?*

Kamala: *Aaa...because other units of uniform are around like PKBM. Pandu puteri, so we still can mix with them, with the Malays. For example, besides the pengakap camp, there is PBSM besides us, then Pandu Puteri, Puteri Islam, so can still meet each other. Even though, the Malays in pengakap not many, but there still other Malays from other units of uniform.*

(FG6: para 59-60)

Pk: *Okay, during that activity all the races mix around or they just stick together among their same race?*

Kamala: *Chinese and Indians mix and sit together.*

(FG6: para 49-50)

Secara keseluruhannya sekolah ini mempelbagaikan pendekatan untuk merapatkan hubungan pelajar. Namun masih belum menghapuskan polarisasi seperti yang telah dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, semasa aktiviti sekolah, seperti Hari Perkhemahan, pelajar daripada pelbagai etnik dapat bercampur antara satu sama lain. Berdasarkan dapatan ini, ianya memberi gambaran bahawa atas inisiatif tertentu pihak sekolah, seperti mengadakan aktiviti sekolah (hari perkhemahan), polarisasi dapat dielakkan. Dengan ini, amatlah perlu sekolah ini membuat perubahan pada aktiviti sekolah agar ianya mampu menangani masalah hubungan pelajar di sekolah serta menghapuskan polarisasi.

#### **4.5 Rumusan bab**

Bab ini memberi maklumat mengenai hasil dapatan kajian berdasarkan soalan kajian, iaitu untuk mengenal pasti bentuk interaksi sosial antara pelajar tingkatan 4 pelbagai etnik, faktor yang mempengaruhi interaksi tersebut dan akhir sekali strategi yang diamalkan oleh sekolah dalam usaha meningkatkan interaksi antara etnik. Bab berikutnya, iaitu bab 5 akan memfokuskan perbincangan dapatan kajian serta perkaitannya dengan kajian lepas, implikasi kajian terhadap isu kajian, teori dan sistem pendidikan negara.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan bab

Bab ini mengandungi perbincangan hasil analisis kajian berdasarkan tiga soalan kajian ini. Implikasi terhadap isu kajian dan teori kajian turut dibincangkan pada bahagian seterusnya dalam bab ini. Bab ini diakhiri dengan cadangan-cadangan yang berkaitan isu kajian dan kesimpulan keseluruhan dapatan kajian ini.

#### 5.1 Perbincangan bentuk interaksi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik

Setiap individu yang berada dalam sesuatu kelompok masyarakat akan berhubung, berinteraksi bagi memenuhi matlamat sehari-hari mereka. Maka, dalam konteks kajian

ini, pelajar pelbagai etnik adalah merupakan sekelompok individu yang berada dalam satu organisasi iaitu sekolah. Jadi sudah tentulah mereka tidak terlepas daripada melakukan pelbagai bentuk interaksi sesama mereka, bagi memenuhi keperluan antara satu sama lain sepanjang sesi persekolahan. Berdasarkan hasil analisis kajian, terdapatnya lima bentuk interaksi sosial dalam kalangan pelajar tingkatan empat pelbagai etnik iaitu kerjasama, timbal balik, persaingan, komunikasi bukan lisan dan konflik seperti dicatatkan dalam jadual 5.1 di bawah.

Jadual 5.1

*Bentuk interaksi sosial dalam kalangan pelajar tingkatan empat pelbagai etnik.*

Bentuk interaksi sosial	Penerangan
Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berusaha mencapai matlamat bersama demi kepentingan kumpulan, seperti menghasilkan kerja terbaik atau kemenangan bagi kumpulan.</li> </ul>
Timbal balik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi manfaat antara individu yang terlibat seperti memahami pelajaran dengan lebih mendalam (aspek akademik) dan menjayakan sesuatu aktiviti sekolah.</li> </ul>
Persaingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persaingan positif: Memotivasi pelajar untuk melakukan yang terbaik (aspek akademik).</li> <li>Bersaing merebut hadiah semasa aktiviti sekolah. Didasari oleh satu persefahaman, sesiapa yang menghasilkan yang terbaik adalah pemenang.</li> </ul>
Komunikasi bukan lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memegang bahu, meyandar di bahu rakan, tersenyum, mencuit rakan, ketawa, berdiri dan duduk rapat antara satu sama lain tanpa mengira etnik.</li> </ul>
Konflik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berlaku akibat kurangnya persefahaman atau persetujuan terhadap sesuatu isu.</li> <li>penyebab konflik antara etnik berbeza; tidak berpuas hati dengan tugasan membersihkan kelas dan usik mengusik.</li> <li>penyebab antara etnik yang sama; mempertahankan kekasih, rakan ataupun saudara-mara.</li> </ul>

Berdasarkan ringkasan daripada jadual di atas, keseluruhan bentuk interaksi yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah kajian ini diperincikan seperti di bawah.

### **5.1.1 Kerjasama**

Hasil analisis kajian mendapati kerjasama adalah satu bentuk interaksi di mana para pelajar berusaha secara berkumpulan untuk mencapai matlamat bersama. Matlamat bersama ini telah dipersetujui bersama ahli-ahli kumpulan yang lain.

Kerjasama antara pelajar dalam kajian ini berlaku dalam aspek akademik. Misalnya semasa tugasan berkumpulan, sesi eksperimen dan dalam aktiviti pembelajaran di kelas. Pelajar juga didapati bekerjasama semasa persembahan drama, aktiviti melukis, aktiviti malam kebudayaan, koir dan sebagainya. Tujuan utama pelajar bekerjasama adalah untuk mencapai matlamat bersama iaitu kemenangan atau menghasilkan hasil terbaik dalam tugasan berkumpulan. Walaupun Orang Asli adalah kumpulan minoriti di sekolah ini, tetapi mereka masih boleh bekerjasama dengan rakan berbeza etnik. Hasil dapatan ini mempunyai persamaan dengan pandangan Foster (2001:204) dan Tischler (2011:109), iaitu kerjasama adalah satu bentuk interaksi yang berlandaskan, bahawa semua individu yang terlibat bekerja bersama-sama bagi mencapai matlamat bersama. Matlamat bersama ini adalah berbeza mengikut kumpulan individu-individu tersebut. Dalam konteks kajian

ini, pelajar turut mempunyai matlamat bersama mengikut kesesuaian situasi yang dihadapinya.

Hasil temu bual kajian ini turut juga menunjukkan melalui tugasan atau aktiviti berkumpulan, kerjasama antara pelajar dapat diterapkan serta sikap positif lain dapat dipupuk. Dapatkan ini memiliki persamaan dengan kajian oleh Bliss (1989), Slavin & Cooper (1999), Johnson, Johnson & Taylor (2001), Toumasis (2004), Gillies (2006) dan Ramani (2012) iaitu melalui tugasan berkumpulan, nilai kerjasama, serta hubungan baik dapat dipupuk. Tambahan pula, melalui kerjasama rasa saling memerlukan antara individu akan terbentuk dan tidak adanya elemen mementingkan diri sendiri dalam diri pelajar (Smith, 1996:81). Sememangnya, tugasan berkumpulan merupakan satu bentuk kerjasama dan salah satu cara pembelajaran yang berupaya merangsang interaksi sesama pelajar serta dapat membentuk rasa penerimaan sesama mereka. Tambahan pula, dengan adanya interaksi kerjasama yang berterusan hubungan baik akan dapat dikekalkan sesama pelajar. Secara keseluruhan, di sekolah multietnik kerjasama sememangnya tidak dapat dielakkan kerana pelajar akan mempunyai tujuan dan matlamat bersama. Oleh kerana matlamat bersama inilah pelajar-pelajar akan bekerjasama bagi mencapainya.

### 5.1.2 Timbal balik

Selain bentuk interaksi kerjasama seperti dinyatakan di atas, interaksi sosial yang kedua adalah timbal balik. Timbal balik adalah satu bentuk interaksi yang memberikan faedah bersama kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Interaksi ini berlaku dalam aspek akademik tanpa mengira etnik. Melalui interaksi sebegini, menyebabkan hubungan pelajar bertambah erat kerana adanya penghargaan dalam bentuk ucapan terima kasih daripada rakan yang mendapat pertolongan. Penghargaan yang berlaku sesama pelajar telah membantu interaksi timbal balik untuk terus berlaku. Melalui interaksi ini juga, pelbagai manfaat dapat diperolehi bersama. Misalnya pertolongan dalam aspek akademik, telah memberi faedah kepada pelajar, seperti memahami pelajaran dengan lebih mendalam. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan oleh Webb & Mastergeorge (2003) dan Feng Li (1997) yang mendapati bahawa hubungan inter etnik membawa faedah apabila para pelajar memberi bantuan serta penerangan berkaitan pelajaran. Dapatan kajian lain seperti oleh Webb, Farivar & Mastergeorge (2002), turut menunjukkan kepentingan sikap menolong kerana ianya membantu meningkatkan proses pembelajaran serta membantu dalam memahami sesuatu isi pelajaran. Jika adanya sikap tolong menolong antara pelajar, ianya merupakan langkah efektif dalam menggalakkan penglibatan semua pelajar di dalam sesebuah kelas. Dapatan oleh Vaccarino & Dresler-Hawke (2011) juga mempunyai persamaan dengan pengkaji, yang mana melalui interaksi ini, banyak pekerja baru dapat dipelajari dan ini memberi faedah kepada pelajar.

Hasil temu bual kajian turut mendapati interaksi sosial timbal balik kelihatan semasa aktiviti ko-kurikulum dan ianya memberi faedah bersama. Secara keseluruhannya, pelajar lebih cenderung untuk menolong rakan yang rapat dengannya. Maka, apabila rapatnya hubungan antara individu, maka akan keraplah berlakunya hubungan timbal balik pertolongan ini. Tambahan pula, interaksi sebegini akan berterusan seandainya ia memberi manfaat pada kedua-dua pihak pelajar yang terlibat. Oleh sebab itu, dapat dirumuskan bahawa, pelajar-pelajar dalam kajian ini akan terus memilih interaksi timbal balik kerana banyak faedah yang diperolehi.

### **5.1.3 Persaingan**

Hasil analisis data kajian turut mendapati bentuk interaksi sosial yang ketiga berlaku dalam kalangan pelajar adalah persaingan. Persaingan kadangkala mendatangkan kesan yang positif atau negatif. Namun persaingan yang berlaku dalam aspek akademik, antara pelajar dalam kajian ini mendatangkan kesan positif. Pemerhatian dan temu bual, mendapati bahawa melalui persaingan, pelajar bersemangat serta berlumba-lumba untuk menghasilkan pencapaian atau hasil yang terbaik. Persaingan antara mereka tidak menimbulkan sebarang ketegangan. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Shui-fong Lam et al., (2004), Kailas Nath Tripathi (2001) dan Bolocofsky (2001) iaitu persaingan dalam aspek akademik dapat meningkatkan semangat pelajar untuk berjaya atau menghasilkan yang terbaik. Persaingan sememangnya membawa impak positif, jika ianya menyebabkan

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS peningkatan pada pencapaian dalam pelbagai aspek pada diri pelajar. Peningkatan pada pencapaian akademik dan motivasi untuk bersaing kelihatan dalam kalangan pelajar-pelajar kajian ini.

Selain itu, hasil temu bual bersama responden, turut mendapati pelajar bersaing antara satu sama lain tanpa mengira etnik dan gender. Persaingan antara mereka tidak menyebabkan pertelingkahan dan ini dapat dilihat semasa sesi pemerhatian. Dapatan kajian ini berbeza dengan Schneider et al. (2005), iaitu persaingan lebih kelihatan dalam gender lelaki. Persaingan kadang kala menyebabkan konflik bersama rakan dan kadangkala sebaliknya. Dapatan kajian oleh Literte (2011) juga berbeza dengan dapatan pengkaji, iaitu persaingan antara pelajar berlaku dalam pelbagai pekerja dan ianya menyebabkan ketegangan dalam hubungan mereka.

Hasil pemerhatian dan temu bual turut mendapati persaingan turut berlaku semasa aktiviti sekolah, misalnya semasa kuiz, pertandingan menulis kaligrafi, acara sukan dan sebagainya. Pelajar bersaing sesama mereka untuk mendapatkan hadiah. Kesemua pelajar memahami peraturan setiap pertandingan, di mana pelajar yang menghasilkan hasil terbaik adalah pemenangnya. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan pandangan Charlesworth (1996:27), Schneider et al. (2005:164) dan Tishler (2011:109), di mana persaingan adalah satu bentuk interaksi, di mana setiap individu akan bersaing untuk mendapatkan sesuatu ganjaran, hadiah atau sumber terhad. Selain itu, menurut Abuhamdeh & Csikszentmihalyi (2009:1620), apabila

N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      adanya penghargaan yang diberikan misalnya dalam bentuk hadiah, penghargaan ianya menyebabkan satu bentuk motivasi ekstrinsik untuk individu bersaing. Maka tidak hairanlah, persaingan terus berlaku antara pelajar dalam kajian ini, kerana setiap aktiviti sekolah yang dilaksanakan, hadiah akan diberikan sebagai ganjarannya. Pemberian hadiah atau ganjaran sebegini merupakan satu motivasi bagi para pelajar untuk terus bersaing.

Secara keseluruhannya, dalam persaingan pelajar bersaing merebut sumber yang terhad. Dalam konteks kajian ini, sumber terhad adalah dalam bentuk hadiah, ganjaran ataupun pujian. Walaupun persaingan berlaku terhadap sumber terhad, tetapi semua pelajar memahami hakikat bahawa sesiapa yang berupaya menghasilkan yang terbaik akan menjadi pemenang. Oleh sebab itu, persaingan antara pelajar dalam kajian ini adalah positif serta dapat meningkatkan motivasi mereka.

#### **5.1.4 Komunikasi bukan lisan**

Komunikasi secara lisan berlaku dalam bentuk perkataan serta ayat-ayat (Nor Shafrin Ahmad et al, 2009:126; Ibrahim Mohammad Abu Shihab, 2012:1150). Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil analisis data pemerhatian pada suasana formal (kelas) dan informal (kantin, persekitaran sekolah), terdapatnya perlakuan seperti memegang bahu, menepuk bahu, mencuit rakan, tersenyum, ketawa, berdiri atau duduk rapat-rapat antara satu sama lain. Kesemua bentuk perlakuan ini menggambarkan adanya komunikasi bukan

lisan antara pelajar tanpa mengira etnik. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan apa yang dinyatakan oleh Benzer, (2002:467-468), Nor Shafrin Ahmad et al (2009:126) dan Ibrahim Mohammad Abu Shihab (2012:1150) di mana komunikasi bukan lisan, melibatkan proses menyampaikan mesej melalui ekspresi muka, kontak mata, pergerakan anggota badan dan '*gesture*' tertentu. Selain itu, menurut Henslin (2012:102) ruang personal iaitu jarak sosial, kontak mata, tersenyum, bahasa badan (*body language*) adalah merupakan beberapa elemen interaksi sosial antara individu-individu. Maka, jelaslah interaksi bukan hanya terhad pada pertuturan atau lisan sahaja, malah perbuatan atau tingkah laku juga merupakan satu bentuk individu berinteraksi antara satu sama seperti mana kelihatan dalam kalangan pelajar kajian ini.

Apabila seseorang individu menggunakan komunikasi bukan lisan ini sebagai cara berinteraksi, ianya lebih melambangkan perasaan dalaman seseorang (Benzer, 2012:471). Selain itu, melalui komunikasi bukan lisan juga, ianya memberi gambaran penting iaitu mengenai keakraban seseorang (Keshishian, 2013:256). Misalnya, jarak yang rapat antara seseorang berdiri antara satu sama lain (Karp & Joels, 1986; Vargas-Urpi, 2013). Oleh yang demikian, apabila terdapatnya perlakuan bukan lisan seperti yang telah dibincangkan di atas, ianya menggambarkan bahawa hubungan pelajar berbeza etnik dalam kajian ini masih baik serta akrab.

Sebagai rumusan, komunikasi merupakan salah satu cara menyampaikan idea antara dua individu atau lebih dan ianya boleh berlaku secara lisan atau bukan lisan (Nor Shafrin Ahmad et al, 2009:126; Ibrahim Mohammad Abu Shihab, 2012:1150). Dengan itu, bagi membentuk satu hubungan yang efektif, seseorang perlu mengetahui dan memahami perlakuan bukan lisan individu lain, seperti gerak gerinya. Apabila kita tidak memahaminya akan menyebabkan salah faham dan ketegangan dalam sesuatu hubungan (Ntuli, 2012:21). Ini jelas menggambarkan peri pentingnya perlakuan bukan lisan dalam kehidupan seharian pelajar dalam konteks kajian pengkaji. Pelajar dalam kajian ini bukan hanya berinteraksi melalui lisan, malah mereka juga menggunakan perlakuan bukan lisan sebagai salah satu cara menyampaikan perasaan dalaman mereka seperti yang telah dibincangkan di atas.

Komunikasi bukan lisan seperti perlakuan gerak badan, isyarat tertentu memberi makna yang berbeza mengikut konteks budaya tertentu (Brym & Lie, 2006:106; Vargas-Urpi, 2013:342; Keshishian, 2013:269). Walau bagaimanapun, sebagai rakyat Malaysia, para pelajar akan berkongsi budaya rakyat Malaysia secara umum. Apabila adanya perlakuan seperti memeluk, tersenyum, bersandar di bahu rakan, dalam konteks budaya Malaysia, ianya melambangkan keakraban, kemesraan antara individu yang terbabit. Maka, jika perlakuan sebegini kelihatan dalam kalangan pelajar kajian ini, menandakan hubungan mereka baik.

### 5.1.5 Konflik

Bentuk interaksi seterusnya yang dapat dilihat dalam kalangan pelajar adalah konflik. Konflik berlaku dalam kalangan pelajar kajian ini, kerana menurut Laursen (1995:55), Aboud & Miller (2007:804) dan Fischler (2003:396), konflik adalah suatu fenomena biasa dalam kehidupan seharian dan ianya berlaku kerana adanya kontak antara individu. Oleh kerana konflik adalah sesuatu pekara biasa berdasarkan pandangan di atas, maka sudah tentu ianya tidak dapat dielakkan. Ianya boleh berlaku dalam kalangan pelajar kajian ini, kerana mereka senantiasa berhubung dan mempunyai kontak dalam kehidupan sehariannya di sekolah.

Motif berlakunya konflik dalam kalangan pelajar dalam kajian ini adalah pelbagai. Misalnya penyebab konflik sesama etnik (India dan Melayu) adalah untuk mempertahankan rakan, kekasih dan saudara-mara mereka. Manakala konflik antara etnik berbeza adalah disebabkan isu tidak berpuas hati dengan tugasan membersihkan kelas, usik mengusik dan berakhir dengan aksi fizikal, seperti menampar. Walaupun konflik masih berlaku, namun bilangan kes percaduhan yang berlaku di sekolah kajian ini, pada masa kini semakin berkurang dan penyebabnya bukanlah berkaitan isu perkauman. Ini menandakan hubungan pelajar semakin bertambah baik.

Terdapat kajian lepas yang mempunyai persamaan yang menunjukkan sememangnya konflik berlaku dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, kajian

Laursen (1995), menunjukkan konflik dengan rakan sebaya senantiasa berlaku dan ianya disebabkan oleh perbezaan idea, pandangan, usikan, kritikan, dan perangai rakan yang menjengkelkan. Dapatan kajian oleh Najeemah Mohd Yusof, (2006) pula mendapati percaduhan melibatkan etnik berbeza, sesama etnik dan ianya disebabkan pelbagai sebab dan kadangkala ugutan turut berlaku antara mereka. Manakala kajian oleh Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa & Wan Sopian Sori (2012), mendapati bahawa perbezaan bahasa pertuturan menyebabkan berlakunya konflik dalam kalangan pelajar. Dapatan oleh Qin Zhang & Jibiao Zhang (2012) pula mendapati terdapat konflik berlaku dalam kalangan kumpulan pelajar yang disebabkan ketidakpuasan hati membuat tugas dan juga disebabkan isu-isu lain seperti budaya serta isu peribadi. Konflik yang berlaku disebabkan tugas senang diatasi berbanding disebabkan pekara lain. Walau bagaimanapun dapatan daripada kajian Komolova & Wainry (2011) menunjukkan bahawa, walaupun konflik berlaku, namun pelajar masih dapat memikirkan rasionalnya dan cuba menyeimbangkan antara dua kehendak, pandangan yang berbeza agar hubungan tetap terpelihara. Melalui perbincangan ini, jelaslah konflik adalah sesuatu pekara yang boleh berlaku dalam kalangan pelajar dan ianya disebabkan oleh pelbagai sebab, tetapi dapat diatasi sekiranya pelajar berfikiran rasional.

Pada asasnya, sikap-sikap negatif adalah prekursor kepada sesuatu konflik. Jika dalam diri pelajar mempunyai sikap negatif, maka akan menyebabkan konflik lebih senang berlaku dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan hasil temu bual, sememangnya stereotaip wujud terhadap etnik Melayu dan India. Pelajar Melayu dianggap pemalas dan pelajar India dianggap pengotor, keras kepala dan pemalas untuk melakukan tugasan membersihkan kelas. Walaupun dapatan pengkaji menunjukkan adanya stereotaip, tetapi apabila tiadanya sikap negatif seperti rasisme, bias, ethnocenterisme, ancaman, ugutan dan memenculkan rakan berbeza, ini merupakan satu petanda bahawa bahawa hubungan pelajar masih baik dan boleh diperbaiki. Apabila para pelajar mempunyai sikap negatif-negatif yang keterlaluan, ianya akan menyumbang kepada berlakunya pergaduhan atau konflik yang semakin buruk. Jika dilihat daripada kajian luar negara sememangnya sikap-sikap negatif (bias, prejudis, dsbnya) menyebabkan halangan dalam membina interaksi baik dan menyebabkan konflik antara pelajar misalnya kajian oleh Smith (2009), McGlothlin, & Killen (2006) dan Brockett, Village & Francis (2010).

Tambahan pula, secara amnya, konflik antara pelajar dalam kajian ini bukanlah sesuatu yang serius dan ianya tidak didasari oleh sikap negatif yang keterlaluan, misalnya sikap perkauman yang keterlaluan. Keadaan ini berbeza daripada konflik di luar negara, di mana ianya disebabkan sifat perkauman (rasisme) misalnya dapatan kajian oleh Thomas, (2003) Riley & Ettlinger (2011), Reasons & Evans (2007) dan Kaplan (2007). Rasisme adalah sikap negatif dan menurut Mc Neely & Badami (1984:22), apabila kurangnya interaksi antara pelajar berbeza etnik, rasisme akan berlaku.

Apabila terdapatnya kekerapan dalam berinteraksi dengan kelompok pelbagai, ini meningkatkan kadar berlakunya konflik kerana lebih banyak isu ketidakpuasan hati tentang sesuatu pekara (Laursen, 1995:56). Maka atas dasar inilah, di sekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti dalam kajian ini, konflik akan berlaku dalam kalangan pelajar. Walaupun kadangkala konflik berlaku dalam kalangan pelajar kajian ini, namun ianya tidak disebabkan isu perkauman seperti yang telah dibincangkan di atas.

Walaupun konflik adalah lumrah dalam kehidupan dan sering berlaku, namun ianya boleh ditangani secara terancang (Frydenberg, 2004:14). Dalam kajian pengkaji ini, sememangnya didapati terdapatnya pengurangan kadar pergaduhan dan ini disebabkan pihak sekolah, senantiasa memain peranan dengan pelbagai pendekatan untuk mengeratkan hubungan pelajar, seperti yang akan dibincangkan pada bahagian berikutnya, iaitu dapatan soalan ketiga kajian ini.

Secara kesimpulannya, pelbagai bentuk interaksi sosial seperti yang dibincangkan di atas, adalah disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh seseorang pelajar dalam satu situasi adalah berbeza dengan peranan yang perlu dimainkan olehnya dalam situasi yang lain. Dengan itu, pelajar dalam konteks kajian ini akan mempelbagaikan bentuk interaksi sehari-hari mereka agar ianya bersesuaian dengan situasi semasa yang dihadapinya di sekolah.

## 5.2 Perbincangan faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar pelbagai etnik

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil analisis kajian, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi interaksi pelajar di sekolah ini. Faktor-faktor yang dikenal pasti itu, diklasifikasikan kepada faktor dalaman sekolah dan faktor luaran sekolah seperti jadual di bawah.

Jadual 5.2

*Faktor dalaman sekolah yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar.*

Faktor dalaman sekolah	Penerangan
Pentadbiran sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi sokongan dalam bentuk kewangan dan moral.</li> <li>Memberi kebebasan melaksanakan aktiviti kebudayaan dan mempraktikkan agama asalkan tidak menyentuh sensitiviti etnik berbeza.</li> </ul>
Guru	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru mempraktikkan P&amp;P yang membantu dalam merapatkan hubungan pelajar.</li> <li>Tiada amalan diskriminasi, bias terhadap pelajar dan perkauman oleh guru.</li> <li>Guru mempunyai sikap menghormati kepelbagaian budaya etnik.</li> </ul>
Sikap pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak ada sikap negatif seperti prejedis, ethnocenterisme dan sikap perkauman</li> <li>Namun stereotaip berlaku terhadap etnik Melayu dan India.</li> <li>Pelajar masih menerima dan mempelajari budaya etnik lain.</li> <li>Pelajar mempunyai rakan baik daripda etnik berbeza.</li> </ul>
Minat dan hobi pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Minat yang sama, menyebabkan pelajar dapat bergaul dan berborak bersama-sama tanpa mengira etnik.</li> </ul>

## Sambungan jadual 5.2

Sekolah rendah asal pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar berasal daripada sekolah monoetnik seperti SRJKC dan SRJKT, kurang mendapat pendedahan kepada mereka untuk mengenali etnik berbeza. Mereka merasa kekok dalam pergaulan semasa memasuki sekolah menengah kebangsaan multietnik.</li> <li>• Pendedahan kepada persekitaran multietnik semasa peringkat rendah, membantu pergaulan pelajar apabila memasuki alam sekolah menengah.</li> <li>• Mempengaruhi pergaulan sehari-hari pelajar, sama ada ingin bergaul dengan etnik berbeza atau sebaliknya.</li> </ul>
Rakan sebaya	

Sememangnya faktor dalaman sekolah seperti pihak pentadbiran, guru, pelajar, rakan sebaya memberi pengaruh dalam interaksi sehari-hari pelajar. Berikut dibincangkan dengan terperinci hasil analisisnya.

### 5.2.1 Faktor dalaman sekolah

#### 5.2.1.1 Pentadbiran sekolah

Tanpa pentadbiran yang baik, sudah tentu matlamat sesebuah sekolah tidak dapat dicapai. Dalam pentadbiran sekolah, ianya diketuai oleh seorang pengetua. Tanggungjawab pengetua adalah sangat penting. Pengetua adalah individu yang bertanggungjawab dalam menentukan budaya sekolah, visi dan halatujuinya (Mccray, Wright & Beachum, 2002:111). Pengetua akan dibantu oleh staf pentadbiran lain, bersama-sama melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan oleh KPM. Sebagai contoh, salah satunya

adalah untuk memupuk hubungan baik antara pelajar di sekolah.

Kepentingan melaksanakan tugas ini turut dinyatakan oleh Najeemah Mohd Yusof (2012:53), iaitu adalah menjadi tanggungjawab pihak pentadbir sekolah untuk memastikan kumpulan etnik berbeza di sekolah dapat berinteraksi dengan baik.

Hasil analisis kajian ini, mendapati pihak pentadbir sekolah komited dalam melaksanakan tugasnya untuk mengekalkan keharmonian hubungan etnik. Misalnya pihak pentadbir senantiasa memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi melaksanakan program yang berupaya merapatkan hubungan pelajar di sekolah. Tanpa sokongan padu dan juga kewangan mana mungkin sesuatu aktiviti yang dirancang oleh pihak guru dapat dilaksanakan. Hasil analisa dokumen, misalnya Laporan Program Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 55 (tahun 2012), mendapati adanya peruntukan kewangan bagi menjayakan aktiviti yang berupaya mengeratkan interaksi pelajar.

Selain itu, apabila pihak sekolah dalam kajian ini memberi kebebasan mengamalkan budaya masing-masing, jelas menggambarkan pihak sekolah berusaha membentuk pelajar yang mampu menerima serta menghormati kepelbagaiannya rakan-rakan di sekolah. Kesemua usaha yang dijalankan oleh sekolah dalam kajian ini adalah perlu kerana menurut Henze (2000) dan Hernandez & Kose

(2012) salah satu fungsi sekolah adalah untuk membantu membentuk pelajar agar lebih bersedia menghadapi situasi kepelbagaian dan ianya harus dipikul oleh pengetua sebaik mungkin. Sememangnya adalah perlu bagi pihak pentadbiran sekolah untuk mempersiapkan pelajar bagi menghadapi keadaan persekitaran yang mempunyai pelbagai etnik serta budaya. Jika sekolah berjaya membentuk para pelajar yang menerima kepelbagaian yang ada di sekeliling mereka dengan hati terbuka, maka mudahlah hubungan yang baik dapat dipupuk. Namun, segala aktiviti budaya masih dikawal selia oleh pihak sekolah dalam kajian ini, agar ianya tidak menyentuh sensitiviti etnik lain. Jika aktiviti budaya menyentuh sensitiviti etnik lain sudah tentu ianya memberi impak negatif terhadap hubungan mereka. Kebebasan mengamalkan agama yang diberikan oleh sekolah kajian ini juga berupaya membantu semua etnik agar berpuas hati. Jika amalan beragama sesuatu etnik dihalang, ianya akan memberi kesan kepada hubungan mereka hasil ketidakpuasan hati.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan kegagalan pihak pentadbir dalam menjalankan peranannya, iaitu sikap kurang komited melaksanakan fungsinya telah memberi kesan negatif pada interaksi pelajar, misalnya dalam kajian oleh Najeemah Mohd Yusof (2012) dan Suseela Malaklolutu & Nagappan C. Rengasamy (2011). Berdasarkan perbincangan ini, ianya memberi gambaran akan pentingnya pentadbiran yang baik, seperti mana yang telah diamalkan

oleh sekolah dalam kajian ini. Pentadbiran yang baik seperti sekolah dalam kajian ini adalah perlu, agar segala perancangan untuk menggalakkan interaksi etnik dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

### **5.2.1.2 Guru**

Guru bukan hanya berperanan untuk mengajar ilmu pengetahuan agar pelajar mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga berperanan penting dalam usaha membentuk hubungan baik antara pelajar di sekolah. Hasil analisis kajian, menunjukkan faktor guru, iaitu merangkumi sikap, amalan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kelas, mempengaruhi pergaulan pelajar. Analisis data pemerhatian di kelas, mendapatkan terdapatnya variasi pada P&P guru. Terdapatnya guru yang mengamalkan P&P yang berkesan. Misalnya mengetengahkan budaya etnik, menyelitkan nilai penerimaan budaya etnik berbeza, melibatkan kesemua etnik dalam menyiapkan sesuatu tugas kumpulan dan memberi contoh kesan negatif akibat konflik yang berlaku di luar negara agar pelajar mengambil iktibarnya. Namun masih terdapat P&P berpusatkan guru yang masih menjadi amalan sesetengah guru. Segelintir guru juga didapati tidak mengadakan aktiviti kumpulan yang berupaya mengeratkan hubungan.

Berdasarkan apa yang telah dinyatakan di atas, menunjukkan guru merupakan individu terpenting dalam membentuk pelajar melalui P&P. Dapatan ini turut menyokong pandangan oleh Wan Mohd Zahid Wan Mohd Nordin (1993:26) dan Abd Ghafar Md Din (2003:5-6), iaitu di sekolah guru bertanggungjawab untuk meghidupkan nilai positif dalam P&P harian, agar pembinaan sikap dan watak baik terbentuk di kalangan pelajar. Namun kadangkala pengajaran di kelas pada masa kini, didominasikan dalam bentuk '*lecture form*', di mana guru mengajar di depan, pelajar hanya duduk mendengar, dalam keadaan pasif serta amat menekakankan pencapaian peperiksaan (Johnson, Johnson & Taylor, 2001:630). Pembelajaran sebegini tidak membantu pelajar kerana pengajaran berpusatkan guru tidak memberi banyak masa dan peluang untuk pelajar berinteraksi sesama rakan semasa sesi pembelajaran di kelas (Bliss, 1989:305). Keadaan pembelajaran sebegini turut berlaku dalam kajian ini. Melalui pemerhatian di kelas, masih terdapat segelintir guru tidak melaksanakan pembelajaran berkumpulan yang berupaya mengeratkan hubungan dan kebanyakan P&P adalah berpusatkan guru.

Terdapat beberapa kajian yang mempunyai persamaan dengan dapatan kajian ini, yang menggambarkan akan kepentingan pengajaran guru dalam membina hubungan positif sesama pelajar. Misalnya, dapatan kajian oleh Parson (2005) menyatakan P&P yang berkesan oleh guru dapat membantu dalam membina rasa penerimaan serta

hubungan baik antara etnik berbeza. Liu & Albab (2012) dalam kajiannya pula mendapati pendekatan yang bersesuaian seperti mengadakan projek bersama rakan berbeza mengenai isu kepelbagaian budaya banyak membantu pelajar memahami antara satu sama lain. Ini kerana ianya melibatkan perkongsian pengalaman daripada perspektif etnik-etnik yang berbeza semasa kerja berkumpulan. Selain itu, kajian oleh Bolgatz (2005) pula membuktikan apabila guru menghubungkait isi pelajaran dan isu-isu hubungan etnik yang berlaku dalam dunia sebenar (kejadian yang berlaku di sekeliling pelajar), ini dapat membantu pelajar berfikir dan menghargai kepentingan membina hubungan baik antara etnik berbeza. Kajian lain oleh Michael & Rajuan, (2009) mendapati bahawa intervensi melalui P&P, seperti mengetengahkan keunikan budaya setiap etnik yang ada dalam kelas, memberi kesan baik pada hubungan antara pelajar. Kajian oleh Lebedko (2010) turut menunjukkan aktiviti dan modul pembelajaran yang bersesuaian berupaya mengurangkan sikap stereotaip pelajar dan meningkatkan interaksi mereka. Kesemua kajian-kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian pengkaji berkaitan kepentingan P&P guru dalam mengeratkan hubungan pelajar di kelas.

Memandangkan masih terdapat sesetengah guru dalam kajian ini yang masih mengamalkan P&P yang kurang berkesan, maka ianya memerlukan perubahan. Ini bertepatan dengan dapatan oleh Milner (2011), di mana perubahan sikap pada guru dalam mengajar kelas

yang mempunyai pelbagai etnik adalah perlu. Guru perlu memahami budaya pelajar, cuba mengaitkannya dalam sesi P&P serta membincangkan isu kaum secara berhemah. Sikap gurus sebegini akan membantu proses pembelajaran dalam kelas yang pelbagai etnik.

Selain aspek P&P seperti yang dibincangkan di atas, terdapat juga kajian lepas yang memberi dapatan yang sama dengan dapatan pengkaji mengenai kepentingan aktiviti berkumpulan. Aktiviti berkumpulan penting dalam memupuk hubungan baik serta sikap toleransi antara pelajar turut dinyatakan dalam kajian oleh Bliss, (1989), Slavin & Cooper (1999) dan Galton, Hargreaves & Pell (2009). Dapatan oleh Christie et al. (2009) pula mendapati, melalui kerja kumpulan, ianya memberi peluang pelajar berinteraksi sesama mereka, berbincang mengenai hal pembelajaran dan ini dapat membantu dalam merapatkan hubungan. Oleh sebab itu, guru perlu memainkan peranan dalam menggalakkan percampuran pelajar berbeza etnik di kelas, agar hubungan baik dapat dibentuk, tanpa adanya sikap negatif (Stevens & Charles, 2005:22). Percampuran dan pemupukan sikap positif lain boleh berlaku jika guru menggunakan pendekatan kerja kumpulan dalam P&P dan ini telah diamalkan oleh sesetengah guru dalam kajian pengkaji.

Walau bagaimanapun, hasil analisis data temu bual dengan pihak pentadbir, terdapatnya segelintir guru bersikap negatif, iaitu

menanam rasa benci dalam kalangan pelajar. Namun ianya hanya kes terpencil sahaja dan dapat ditangani secara berkesan oleh pihak pentadbir. Namun secara keseluruhan, pengkaji mendapati sikap guru masih positif. Misalnya tiada amalan diskriminasi, bias terhadap pelajar dan sifat perkauman. Selain itu, guru di sekolah ini juga masih mempunyai sikap menghormati kepelbagaiannya budaya etnik, di mana mereka hanya mengadakan aktiviti berunsurkan budaya sahaja. Sebarang aktiviti keagamaan yang menyentuh sensitiviti etnik cuba dielakkan.

Hasil analisis data temu bual turut mendapati segala sikap guru sama ada positif atau negatif menjadi ikutan pelajar. Sebagai contoh, sikap guru yang menggalakkan percampuran etnik berbeza melakukan aktiviti sekolah, dapat membantu mengeratkan hubungan sesama mereka. Dapatkan ini juga menyokong pandangan oleh Abd Rahim Abd Rashid (2001:5) iaitu, sikap dan tingkahlaku pelajar adalah gambaran hasil daripada pembelajaran di kelas bersama guru. Pembelajaran di kelas berlaku dalam dua bentuk sama ada secara formal (proses pengajaran dan pembelajaran) dan tidak formal (tingkahlaku guru). Oleh sebab itu, guru harus meletakkan dirinya sebagai model yang terbaik kepada pelajar, iaitu harus menonjolkan nilai seperti bersahsiah mulia kerana ini akan menjadi ikutan pelajar.

### 5.2.1.3 Persekutaran sekolah

Dalam konteks kajian ini, hasil analisis kajian menunjukkan antara elemen persekitaran sekolah yang memberi pengaruh kepada interaksi pelajar adalah komposisi etnik pelbagai, informasi mengenai etnik serta perpaduan di kawasan sekolah dan kemudahan infrastruktur.

Sememangnya, sekolah yang dipilih dalam kajian ini mempunyai etnik pelbagai iaitu Melayu, Cina, India dan Orang Asli (rujuk jadual 3.1) pada bab 3. Hasil temu bual mendapati persekitaran sekolah yang mempunyai komposisi etnik pelbagai, membantu membina interaksi positif antara pelajar kerana pelajar mempunyai banyak peluang mengenali rakan berbeza etnik. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan pandangan oleh Juvonen, Nishina & Graha (2006: 398-399) dan Lee, Howes & Chamberlain (2007:328), di mana persekitaran sebegini memberi pendedahan dan peluang lebih banyak untuk membina hubungan dengan etnik berbeza. Walaupun pada hakikatnya, pelajar gemar berkawan dengan rakan yang sama etnik, tetapi jika mereka berada di persekitaran pelbagai, ini akan meningkatkan peluang untuk mereka membina hubungan dengan etnik berbeza (Munniksma & Juvonen, 2012:490). Maka apabila pelajar dalam kajian ini senantiasa berada dalam suasana persekitaran sekolah yang multietnik, ini banyak membantu pergaulannya dengan rakan berbeza etnik. Jika pelajar berada di persekitaran sekolah monoetnik

sudah tentu peluang untuk berhubung atau berinteraksi dengan etnik berbeza tidak ada.

Dapatan kajian berkaitan kepentingan komposisi etnik pelbagai mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Chang, Astin & Kim (2004), Cowan (2005), Tropp & Bianchi (2006) dan Munniksma & Juvonen (2012). Kesemua dapatan kajian lepas ini mendapati bahawa apabila sekolah mempunyai kepelbagaian etnik, ianya memberi lebih peluang pada pelajar untuk membina hubungan rapat antara satu sama lain. Seterusnya ini memberi kesan positif dalam meningkatkan interaksi. Kajian lepas oleh Warikoo (2010) turut mendapati persekitaran pelbagai membantu dalam membentuk sikap penerimaan dan hormat-menghormati terhadap budaya etnik lain. Jika sikap penerimaan serta menghormati ada dalam diri pelajar akan mengeratkan interaksi pelajar. Tambahan pula, dengan adanya komposisi pelajar berbeza etnik di dalam kelas, ianya membantu meningkatkan hubungan yang lebih positif dan dapat membentuk pelajar yang lebih bertoleransi berdasarkan dapatan oleh (Janmaat, 2012). Kesemua kajian-kajian ini, mempunyai dapatan yang sama dengan dapatan pengkaji mengenai peri pentingnya persekitaran sekolah pelbagai etnik dalam membina sikap positif serta hubungan baik sesama pelajar. Selain itu, komposisi etnik yang pelbagai di sesebuah sekolah juga membantu mengeratkan hubungan pelajar

kerana ianya menyediakan persekitaran yang natural untuk para pelajar berinteraksi.

Selain kepentingan komposisi etnik yang pelbagai seperti yang dibincangkan di atas, hasil temu bual turut mendapati informasi mengenai etnik pelbagai turut memberi kesan pada interaksi pelajar. Sememangnya, hasil pemerhatian di kawasan sekolah ini, terdapatnya informasi mengenai budaya etnik di pondok nilam, papan kenyataan dan pusat sumber sekolah. Keadaan sebegini, didapati membantu pelajar mengenali budaya etnik lain dan menerima perbezaan antara satu sama lain. Akhirnya hubungan baik terbina antara mereka. Terdapat kajian yang memberi dapatan sama mengenai kepentingan persekitaran sekolah. Misalnya hasil kajian oleh Suseela Malakolunthu, Saedah Siraj & Nagappan C. Rengasamy (2010:460) mendapati sekolah yang tidak mempunyai poster, mural ataupun artifak yang melambangkan kepelbagaian budaya di Malaysia, dilihat sebagai satu faktor penyebab kepada kegagalan dalam usaha untuk menyatupadukan pelajar di sekolah.

Hasil analisis temu bual, mendapati kemudahan infrastruktur seperti *gazebo* yang dibina turut membantu pelajar untuk duduk bersama, berbincang, bersembang-sembang sesama mereka jika ada masa terluang. Keadaan ini membantu dalam hubungan antara etnik berbeza di sekolah ini. Secara keseluruhannya, komposisi etnik

pelbagai, informasi etnik berbeza di kawasan sekolah dan kemudahan di sekolah, sememangnya membantu pelajar agar lebih mudah berinteraksi dengan rakan berbeza etnik.

#### **5.2.1.4 Sikap pelajar**

Sikap seseorang pelajar juga akan memberi pengaruh bagaimana seseorang pelajar bereaksi dengan rakan sekelilingnya. Oleh sebab itu, faktor sikap pelajar memberi pengaruh terhadap hubungan mereka di sekolah. Hasil analisis kajian ini menunjukkan para pelajar tidak mempunyai sikap negatif keterlaluan, seperti perkauman, prejudis, ethnocenterisme sehingga menyebabkan timbulnya isu perkauman. Namun stereotaip terhadap etnik Melayu dan India berlaku dalam kalangan pelajar. Etnik India dianggap pengotor, keras kepala dan pemalas melakukan tugasan membersihkan kelas. Manakala etnik Melayu pula dianggap pemalas. Apabila pelajar mempunyai anggapan tertentu (stereotaip), sama ada terhadap sesama etnik atau terhadap etnik berbeza, ianya menghalang interaksi sosial antara mereka. Stereotaip adalah suatu andaian terhadap seseorang dan ianya kemungkinan betul atau salah serta ianya memberi kesan pada interaksi sosial (Henslin, 2012:107). Oleh sebab itu, apa sahaja andaian atau stereotaip yang berlaku dalam kalangan pelajar kajian ini, iannya mempengaruhi reaksi atau sikap sesama mereka.

Sememangnya stereotaip akan mengganggu hubungan dan interaksi (Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansulu & Budi Anto Mohd Tamring, 2011:136) dan keadaan sebegini berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah kajian ini. Dapatan kajian ini iaitu sterotaip membawa kesan negatif terhadap hubungan pelajar, mempunyai persamaan dengan kajian oleh Finchilescu (2010), Chongruksa & Prinyapol (2011), Literte (2011) dan Najeemah Mohd Yusof (2012). Kesemua kajian-kajian lepas ini, mendapati stereotaip menghalang interaksi pelajar di sekolah.

Namun stereotaip dapat dikurangkan, melalui pergaularan dengan rakan berbeza etnik (Mcglothlin & Killen, 2010:627). Oleh sebab itu, apabila sekolah dalam kajian ini mempelbagaikan pendekatan untuk menggalakkan pergaularan dengan pelajar, ianya sesuatu yang baik. Pendekatan strategi tersebut akan dibincangkan pada bahagian seterusnya, iaitu pada sub topik 5.3.

Hasil analisis temu bual turut mendapati pelajar masih dapat menerima serta mempelajari budaya etnik berbeza. Oleh yang demikian, ianya memberi gambaran bahawa hubungan pelajar dalam kajian ini masih baik. Dapatan kajian oleh Attili, Vermigli & Schneider (1997) juga mempunyai persamaan dengan pengkaji, iaitu apabila interaksi sosial sehari-hari antara pelajar bersama rakan-rakan sekeliling adalah baik, ianya dapat dilihat daripada aspek tahap penerimaan

mereka antara satu sama lain. Sesungguhnya sikap penerimaan dan mempelajari budaya etnik berbeza amat penting dalam sesuatu hubungan pelajar sebagaimana dapatkan kajian oleh Guo-Ming Chen (2010).

Pada amnya, apabila pelajar dalam kajian pengkaji mempelajari budaya etnik berbeza, ini dapat membantu rasa penerimaan antara satu sama lain. Hal ini mempunyai persamaan dengan pandangan oleh Campbell (2010:502), iaitu amat perlu untuk mempelajari pelbagai budaya berbeza di sekeliling kita, kerana melalui proses inilah, rasa saling menerima dapat dibentuk. Tambahan pula, dengan memahami budaya etnik lain, ianya membantu dalam mengekalkan hubungan etnik (Fakhri R. Khader, 2012:276).

Hasil temu bual dan pemerhatian turut mendapati, pelajar tanpa mengira gender masih lagi mempunyai rakan baik daripada kalangan etnik berbeza. Apabila pelajar mempunyai rakan berbeza etnik, ini menggambarkan masih ada sikap penerimaan dalam diri mereka (Mcglothlin & Killen, 2010:627). Oleh sebab itu, dapatlah dirumuskan bahawa hubungan pelajar dalam kajian ini masih baik kerana mereka masih boleh menerima rakan berbeza etnik. Namun, terdapat beberapa dapatkan kajian lepas yang berbeza dengan dapatkan kajian pengkaji, misalnya oleh Hallinan & Teixeira (1987), Aboud, Mendelson & Purdy (2003), Margie et. al, (2005) dan McGiill, Way & Hughes

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (2012) meggambarkan pelajar mempunyai rakan baik daripada etnik sama sahaja.

Secara keseluruhannya, walaupun terdapatnya stereotaip dalam kalangan pelajar dalam kajian ini, tetapi pelajar tidak mempunyai sikap negatif yang keterlaluan seperti perkauman, prejudis, ethnocenterisme, hasutan perkauman dan senario memencilkan rakan. Jika sikap negatif sebegini wujud dalam diri pelajar, sudah tentu ianya memberi kesan yang lebih buruk dalam hubungan mereka. Tambahan pula, apabila adanya sikap penerimaan terhadap budaya etnik berbeza dan rakan baik daripada etnik lain, ini menandakan hubungan pelajar masih baik dan boleh diperbaiki lagi.

#### **5.2.1.5 Minat dan hobi pelajar**

Minat dan hobi adalah adalah satu kecenderungan untuk melakukan sesuatu. Setiap individu akan mempunyai minat atau hobi yang tertentu. Berdasarkan hasil analisis kajian ini, faktor minat, hobi serta topik perbincangan yang sama merupakan salah satu faktor penyebab kepada pemilihan rakan di sekolah. Minat yang sama merangkumi topik bola sepak, artis kegemaran dan sebagainya. Apabila mempunyai minat yang sama ini menyebabkan mereka dapat bergaul dengan rakan tanpa mengira etnik. Menurut Jugert, Noack & Rutland (2011:813) apabila sudah mengenali rakan sekelas, maka faktor etnik bukanlah

faktor penentu dalam pemilihan rakan. Malah faktor minat terhadap sesuatu aktiviti merupakan faktor penguat dalam memilih rakan (Fink & Wild, 1995). Maka, tidak hairanlah para pelajar dalam kajian ini menyatakan asas kepada pemilihan rakan dipengaruhi oleh perkongsian minat dan hobi yang sama. Faktor perbezaan etnik, tidak mempengaruhi mereka dalam bersahabat. Pada asasnya, seseorang individu akan memilih seseorang yang mempunyai persamaan dan kurang berhubung dengan individu yang mempunyai perbezaan dengannya. Tambahan pula, apabila seseorang pelajar merasakan adanya persamaan dengan rakan mereka, mereka akan lebih bereaksi serta membina hubungan positif sesama mereka.

Terdapat beberapa kajian yang mempunyai dapatan yang sama dengan kajian ini, iaitu faktor minat sama menyebabkan pelajar bergaul tanpa mengira etnik (Margie, et. al. 2005; McGlothlin & Killen, 2005; McGlothlin, Killen, & Edmonds, 2005; Jugert, Noack & Rutland, 2011). Kesimpulannya, persahabatan amat penting dalam kehidupan seseorang individu termasuklah pelajar. Namun, penyebab kepada pemilihan sahabat daripada kalangan sesama etnik atau berbeza etnik adalah bergantung kepada banyak faktor dan salah satunya seperti yang dibincangkan di atas, iaitu minat serta hobi yang sama.

### 5.2.1.6 Sekolah rendah asal (monoetnik/multietnik)

Dalam sistem persekolahan rendah di Malaysia, terdapat 3 aliran utama iaitu sekolah kebangsaan (SK), sekolah rendah jenis kebangsaan cina (SRJKC) dan sekolah jenis kebangsaan tamil (SRJKT). Di sekolah SRJKC majoriti pelajarnya adalah Cina, manakala di SRJKT pula adalah India. Sekolah kebangsaan pula, akan mempunyai etnik berbeza, walau pun bukanlah pada komposisi yang seimbang.

Dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, kewujudan sekolah pelbagai aliran seperti SRJKC, SRJKT, SRK melambangkan adanya segregasi dan pemisahan antara etnik di Malaysia (Santhiram R. Raman & Tan Yao Sua, 2010: 117; Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof, 2012:2). Segregasi ini kelak memberi kesan pada interaksi antara mereka. Pemisahan pelajar berasaskan sistem persekolahan berlainan ini merupakan satu bentuk segregasi pada individu yang berlaku di awal usia. Menurut Fram & Kim (2012:71) segregasi yang berlaku di awal usia akan mempengaruhi perkembangan seseorang individu tersebut. Jika hubungan inter etnik kurang berlaku semasa peringkat persekolahan rendah, kelak menyebabkan mereka merasa kesukaran untuk berkawan dengan rakan berbeza kelak.

Secara amnya, persekitaran sekolah adalah suatu keadaan dimana ianya akan mempengaruhi pembentukan sikap pelajar. Daripada hasil analisis kajian, membuktikan seseorangnya faktor sekolah rendah asal mempengaruhi pergaulan pelajar apabila mereka memasuki sekolah menengah multietnik. Hasil temuan bual dengan responden menunjukkan pelajar yang berasal daripada sekolah rendah (monoetnik) seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) mengalami kesukaran untuk bergaul dengan rakan berbeza etnik apabila memasuki sekolah menengah multietnik. Selain itu, mereka juga lebih cenderung untuk berkawan dengan rakan yang sama etnik. Dapatkan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan oleh Fauziah Daud (2006) dan Najeemah Mohd Yusof (2006) iaitu pelajar yang berasal daripada sekolah monoetnik, merasa kekok dalam pergaulan harian atau berhadapan dengan situasi yang mempunyai etnik berbeza, seperti di sekolah menengah multietnik. Selain itu, apabila pelajar yang berada di persekitaran sekolah rendah homogenous, mereka lebih cenderung mempunyai sikap bias terhadap etnik berbeza berbanding pelajar yang belajar di sekolah rendah heterogenous berdasarkan dapatan kajian oleh (McGlothlin, & Killen, 2010). Selain itu, disebabkan keadaan homogenous etnik juga, menyebabkan persahabatan atau hubungan antara etnik berbeza kurang berlaku. Keadaan sebegini berlaku dalam kalangan pelajar kajian ini, yang bersekolah di SRJKC dan SRJKT.

Selain itu, hasil analisis data temu bual turut mendapati, pelajar

yang telah didedahkan kepada persekitaran multietnik semasa di sekolah rendah, merasa lebih selesa bergaul dan menerima etnik berbeza apabila memasuki sekolah menengah. Apabila individu yang berada di persekitaran sekolah multietnik, ianya akan membantu membentuk sikap toleransi dalam hubungan sesama etnik berbeza.

Beberapa kajian lain yang turut mempunyai persamaan dengan dapatan kajian ini, seperti oleh Ellison & Powers (1994), Emerson, Kimbro, & Yancey (2002) dan Kao & Joyner (2006) yang menunjukkan apabila pelajar bersekolah di sekolah yang mempunyai komposisi etnik pelbagai, membantu pergaulan mereka di mana hubungan atau persahabatan inter etnik akan sering berlaku.

Kajian oleh Bowman & Denson (2012) dan Holme, Wells &

Revilla (2005), mendapati apabila pelajar berada di persekolahan yang mempunyai pelbagai etnik, ini akan membentuk dirinya agar lebih berfikiran terbuka, mudah bergaul, menerima etnik yang berbeza serta lebih bersedia apabila memasuki alam kehidupan atau masyarakat yang pelbagai budaya. Secara rumusannya, di sekolah yang kurang mempunyai etnik pelbagai, ianya mengurangkan peluang untuk pelajar membina hubungan dengan etnik berbeza. Kebiasaan pula, rakan mereka adalah daripada kalangan etnik sama. Maka tidak hairanlah dapatan pengkaji menunjukkan faktor sekolah rendah asal pelajar, mempengaruhi hubungan mereka apabila memasuki sekolah menengah

nanti. Pelajar yang berasal daripada sekolah rendah multietnik lebih senang bergaul dengan rakan berbeza etnik berbanding pelajar yang berasal daripada sekolah rendah monoetnik.

### **5.2.1.7 Rakan sebaya**

Rakan sebaya adalah terdiri daripada mereka yang sebaya dan mempunyai status sosial sama. Mereka mempunyai kesan pengaruh yang kuat kepada pembentukan personaliti seseorang dari segi nilai, sikap dan pandangan (Rohana Yusof, 1997:99). Rakan sebaya juga merupakan seseorang yang paling memahami diri seseorang individu dan akan mempengaruhi proses pembentukan sahsiahnya (Azhar Wahid, 2007:11). Oleh sebab itu, rakan dilihat sebagai agen sosialisasi yang banyak mempengaruhi seseorang pelajar di sekolah dan senario ini turut berlaku dalam kalangan responden kajian ini.

Daripada hasil analisis kajian, didapati bahawa rakan sebaya mempengaruhi pelajar, iaitu dengan siapa mereka akan berinteraksi di sekolah. Namun pengaruh rakan sebaya dalam pergaulan harian pelajar tidaklah keterlaluan sehinggakan adanya hasutan berbaur isu perkauman. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan pandangan oleh Amla Mohd Salleh, Mazdalina Mat Desa & Ramlah Mohd Tuit (2013:116), iaitu rakan sebaya sememangnya mempengaruhi seseorang individu.

Pada dasarnya, individu hidup dalam suatu kelompok dan

orang-orang yang berada di persekitaran akan mempengaruhi

perlakuan kita sama ada positif atau sebaliknya (Cann, 2004:322;

Espelage, Holt & Henkel 2003). Rakan sebaya memberi kesan pada

tingkah laku pelajar dalam kajian ini, kerana kekerapan masa mereka

berhubung dan berinteraksi. Tambahan pula, kanak-kanak dan remaja

lebih gemar menghabiskan masa dengan rakan sebaya.

Secara keseluruhannya, dalam kehidupan pelajar, akan adanya

faktor-faktor dalaman sekolah yang memberi kesan kepada hubungan

pelajar sehari-hari seperti yang dibincangkan di atas. Namun,

berdasarkan analisis kajian juga, terdapatnya faktor di luar sekolah

yang berupaya memberi pengaruh terhadap interaksi pelajar seperti

yang dinyatakan di bawah.

Faktor di luar sekolah, tidak terkecuali mempengaruhi interaksi

pelajar, kerana faktor-faktor ini adalah sebahagian daripada kehidupan

pelajar dan ianya diringkaskan dalam jadual 5.3. Misalnya faktor

budaya, faktor ibu bapa serta persekitaran tempat tinggal pelajar.

Berikut dibincangkan faktor luaran secara hasil daripada analisis data-

data kajian ini.

**Jadual 5.3***Faktor luaran sekolah yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar.*

Faktor luaran sekolah	Penerangan
Budaya (bahasa & elemen budaya lain)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aspek budaya secara keseluruhan tidak menyebabkan halangan dalam interaksi pelajar.</li> <li>Elemen bahasa: Lemah penguasaan dan kurang selesa bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu, telah menyebabkan kecenderungan pelajar untuk bergaul dengan etnik yang sama.</li> <li>Elemen budaya lain: perbezaan pakaian, tarian, kesenian, hiasan etnik dan makanan tidak menghalang pergaulan.</li> </ul>
Kawasan persekitaran tempat tinggal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persekutuan tempat tinggal pelbagai etnik, membantu pelajar agar tidak kekok, senang bergaul dengan rakan berbeza di sekolah.</li> </ul>
Ibu bapa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sikap ibu bapa yang terbuka menerima etnik berbeza, akan menanam sikap sebegini pada anak-anak mereka.</li> <li>Sikap ibu bapa, gemar bergaul dengan etnik berbeza, menjadi ikutan anaknya untuk bergaul baik dengan rakan berbeza semasa di sekolah.</li> </ul>

**5.2.2 Faktor luaran sekolah****5.2.2.1 Budaya**

Budaya adalah satu sistem yang merangkumi kepercayaan, nilai, norma, amalan, simbol, bahasa, idea serta ianya juga merangkumi artifak, pakaian dan sebagainya (Amir Hasan Dawi, 2007; Schaeffer, 2010). Secara mudahnya, budaya adalah cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu kelompok individu (Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof, 2010:86) dan sesuatu kumpulan dapat dikenali melalui

kebudayaannya (A.Aziz Deraman, 2005:7). Namun kebudayaan kadangkala menimbulkan perbezaan antara seseorang dan seterusnya halangan dalam pergaularan harian (A.Aziz Deraman, 2005:7; Santhiram R. Raman & Tan Yao Sua, 2010:117).

Hasil analisis kajian, mendapati bahawa perbezaan budaya secara keseluruhannya tidaklah menyebabkan halangan dalam interaksi pelajar. Namun hanya dalam aspek bahasa telah memberi kesan pada hubungan pelajar. Akibat lemah penguasaan dan kurang selesa bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu, telah menyebabkan kecenderungan pelajar untuk bergaul dengan etnik yang sama. Tambahan pula, kebanyakan pelajar bukan Melayu dalam kajian ini berasal daripada sekolah monoetnik, (rujuk jadual 3.4).

Bahasa merupakan salah satu elemen budaya yang penting dalam hidup bermasyarakat. Ianya bukan hanya berfungsi untuk meyampaikan mesej, malah ianya amat penting dalam sesuatu hubungan. Menurut Cekaite & Björk-Willén (2012:186) penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar berlaku melalui sosialisasi dengan rakan sekeliling, bukannya hanya bergantung pada pengajaran di kelas. Melalui interaksi sehari-hari bersama rakan, ianya merangsang pembelajaran bahasa secara normal. Dengan itu, berdasarkan analisis temu bual, tidak hairanlah pelajar dalam kajian ini, yang berada dalam

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
persekitaran sekolah rendah monoetnik, telah menyebabkan penggunaan Bahasa Melayu terganggu.

Apabila pelajar lemah penguasaannya dalam Bahasa Melayu telah menyebabkan gangguan pada interaksi bersama rakan. Dapatan kajian ini mengenai kelemahan bahasa menyokong pandangan oleh Vedder & O'doword (1999:222), Zulkifli Hamid (2011:189) dan Onwubiko (2012: 1353), di mana apabila kurangnya kemahiran berbahasa utama, akan menyebabkan kurangnya hubungan interetnik dan halangan dalam interaksi sehari-hari mereka.

Oleh yang demikian, amatlah perlu bagi semua etnik menguasai Bahasa Melayu, agar ianya dapat mengurangkan rasa kekok dalam pergaulan sehari-hari mereka di sekolah. Kelemahan bahasa menyebabkan pelajar merasa kekok dan ini telah menghalang hubungan pelajar. Terdapat kajian lepas yang mempunyai dapatan yang sama dengan kajian ini, di mana kelemahan bahasa, dilihat sebagai penghalang interaksi iaitu kajian oleh Najeemah Mohd Yusof & Yasmin Ahmad (2010), Howes, Sanders & Lee (2008) dan Philips (2005).

Selain daripada apa yang telah dibincangkan di atas, hasil analisis dapatan kajian ini turut mendapati masih terdapat pelajar yang kurang selesa menggunakan bahasa kebangsaan dalam pergaulan

harian di sekolah. Maka ini dilihat sebagai penghalang terhadap usaha kerajaan menyatupadukan rakyat. Dapatan kajian ini mengenai kepentingan bahasa turut diakui oleh Aznan Bakar (2009), Paauw (2009:8) dan Onwubiko (2012:1350), di mana bahasa kebangsaan merupakan alat terpenting untuk menyatupadukan rakyatnya.

Hasil analisis temu bual juga menunjukkan perbezaan pada lain-lain elemen budaya, contohnya pakaian, tarian, kesenian, hiasan etnik, makanan tidak menghalang interaksi pelajar di sekolah. Tambahan pula, apabila pelajar masih boleh menerima budaya etnik berbeza serta berminat untuk mempelajarinya, ini merupakan satu petanda bahawa perbezaan budaya pada asanya bukanlah penyebab mereka tidak bergaul antara satu sama lain. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan Allard (2002) di mana pelajar masih menerima perbezaan budaya sesama rakan dan perbezaan ini bukanlah penghalang interaksi bersama rakan.

Manakala dapatan kajian oleh Howes, Sanders & Lee (2008) dan Vaccarino, F. & Dresler-Hawkwe (2011) adalah berbeza dengan dapatan pengkaji, di mana perbezaan budaya menyebabkan halangan dalam pergaulan. Perbezaan budaya termasuklah bahasa, agama, nilai dan norma. Dapatan oleh Kiang, Peterson & Thompson (2011), pula menunjukkan sesetengah pelajar gemar memilih rakan yang mempunyai persamaan dalam aspek budaya dan bahasa. Maka ini

menggambarkan perbezaan budaya menghalang dalam interaksi pelajar berbeza etnik. Selain itu, apabila adanya persamaan budaya kadangkala telah menyebabkan seseorang pelajar gemar bersahabat dengan etnik sama kerana rakan tersebut lebih memahami (Margie et al. 2005:254; McGill, Way & Hughes, 2012:724). Berdasarkan perbincangan dapatan kajian lepas ini, kadangkala elemen budaya menyebabkan halangan pada hubungan pelajar yang berbeza etnik.

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan pengkaji, tidak semua elemen dalam budaya menghalang interaksi pelajar. Keadaan ini turut dinyatakan oleh Mollov & Schwartz (2010), yang mana budaya kadangkala berupaya menghalang atau menggalakkan interaksi positif antara kumpulan etnik berbeza. Akan tetapi, perbezaan budaya tidak patut dijadikan alasan untuk berpecah-belah. Apa yang penting pelajar perlu belajar mengenali, menerima perbezaan yang ada agar hubungan baik dapat dikekalkan. Dalam konteks kajian ini, pelajar belajar untuk mengenali budaya enik lain dengan lebih mendalam melalui penglibatan mereka dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah, sebagaimana yang dibincangkan pada sub topik 5.3.

### 5.2.2.2 Persekutaran tempat tinggal

Persekutaran tempat tinggal merupakan kawasan di mana seseorang individu membesar dan membina perhubungan dengan masyarakat sekeliling. Persekutaran tempat tinggal di Malaysia kadangkala mempunyai etnik yang sama dan kadangkala mempunyai etnik pelbagai. Hasil analisis kajian, menunjukkan bahawa kawasan persekitaran tempat tinggal pelajar yang mempunyai pelbagai etnik membantu pelajar untuk mengenali, menerima etnik berbeza dengan lebih baik. Apabila sikap sebegini sedia ada dalam diri pelajar, ianya membantu mereka lebih senang bergaul dengan rakan berbeza etnik apabila berada di sekolah. Terdapat beberapa kajian lepas yang memberi dapatan yang sama dengan kajian ini, bahawa kawasan persekitaran tempat tinggal pelbagai etnik berbeza membantu pelajar untuk mengenali, menerima etnik berbeza dengan lebih baik. Sebagai contoh kajian oleh Najeemah Mohd Yusof (2012), mendapati bahawa jika pelajar tinggal di kawasan yang mempunyai jiran yang berbeza etnik dan menjalin hubungan dengan mereka, kelak dapat membantu pergaulan harian mereka di sekolah. Kajian oleh DuBois & Hirsch (1990), juga mendapati jika pelajar tinggal di kawasan yang bercampur dengan etnik berbeza, ini membantu mereka berkawan dengan rakan pelbagai etnik di sekolah serta dapat mengikis sikap negatif seperti stereotaip. Manakala dapatan oleh Schlueter (2012), apabila etnik imigran tinggal di kawasan penempatan yang berasingan,

maka peluang untuknya berinteraksi dengan etnik berbeza adalah terbatas. Jika interaksi dengan etnik berbeza adalah terbatas, mana mungkin sikap positif dan rasa penerimaan dapat dipupuk. Secara keseluruhannya, sememangnya faktor komposisi jiran mempengaruhi siapakah rakan seseorang individu (Updegraff, 2006:1471). Dengan itu, dalam konteks kajian pengkaji, pelajar yang tinggal di penempatan pelbagai etnik, membantu mereka agar lebih mudah bergaul dengan rakan apabila berada di sekolah.

### **5.2.2.3 Ibu bapa**

Ibu bapa merupakan agen sosialisasi primer bagi pelajar. Peranan ibu bapa dalam mencorakkan tingkah laku anak-anak mereka memang tidak dapat dinafikan. Segala nilai, pegangan yang diajar di rumah, akan menjadi amalan para pelajar apabila mereka bertemu rakan di sekolah. Oleh sebab itu, apabila ibu bapa senantisa menanam nilai positif terhadap etnik berbeza, ini akan mempengaruhi persepsi anak mereka terhadap rakan lain di sekolah.

Hasil analisis kajian ini mendapati, sikap ibu bapa pelajar adalah positif seperti menggalakkan pelajar berkunjung ke rumah jiran. Ibu bapa sewajarnya menggalakkan anak-anak mereka bercampur gaul, bersahabat dengan pebagai etnik, agar anak-anak mereka sedar akan pentingnya hubungan tersebut. Melalui percampuran akan

mendatangkan sikap positif lain seperti rasa penerimaan dengan hati terbuka.

Selain itu, hasil analisis data temu bual, juga mendapati ibu bapa pelajar menunjukkan pergaulan yang baik dengan jiran berbeza etnik. Mereka juga mengamalkan sikap terbuka dalam menerima etnik berbeza. Sikap ibu bapa sebegini menjadi teladan serta membantu anak mereka agar lebih senang bergaul dengan rakan berbeza etnik di sekolah. Dapatkan ini mempunyai persamaan dengan pandangan oleh Verkuyten (2011:29), di mana sikap keterbukaan ibu bapa terhadap etnik lain, dilihat mampu mempengaruhi anak-anak mereka untuk mewujudkan hubungan inter etnik yang lebik baik. Tambahan pula, menurut Jardel et. al (2002) apabila ibu bapa menggalakkan atau memberi kebebasan untuk anak-anaknya berhubung dengan rakan berbeza etnik, secara tidak langsung ianya dapat membantu dalam mengekalkan satu interaksi positif yang berterusan. Apabila ibu bapa bersikap mengongkong anak-anak, menyebabkan hubungan anaknya dengan rakan di sekolah terjejas, berdasarkan dapatan kajian oleh (Rigby, Slee & Cunningham, 1999). Oleh yang demikian segala sikap ibu bapa memberi kesan kepada pergaulan anak mereka di sekolah.

Semasa individu melalui alam remaja, panduan ibu bapa dalam memilih rakan adalah penting kerana ibu bapa akan memberi nasihat dengan siapa mereka sepatutnya berkawan serta memantau interaksi

seharian mereka (Updegraff, Killoren & Thayer, 2007:51; Poulin et al., 2012:438).) Oleh sebab itu, panduan ibu bapa amat penting dalam interaksi seharian pelajar dalam kajain ini, kerana mereka juga turut melalui alam remaja.

Selain itu, proses mempelajari nilai budaya, berlaku secara semulajadi serta bermula dari rumah, iaitu melalui interaksi dengan ibu bapa (Cauce, 2008:227; Phinney & Chavira, 1995:33). Oleh sebab itu, apabila ibu bapa pelajar dalam kajian ini menanam nilai positif seperti penerimaan terhadap etnik berbeza dan ini sudah tentu akan membantu dalam pergaulan seharian anaknya. Sosialisasi seseorang pelajar sudah semestinya bermula di rumah bersama ibu bapa dan kemudiannya semasa memasuki alam persekolahan. Oleh yang demikian, ibu bapa adalah individu terdekat yang mendidik melalui proses sosialisasi dan ini mempengaruhi kehidupan anak mereka (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010:66). Maka, segala sikap dan tingkah laku yang dipelajari semasa proses sosialisasi di rumah bersama ibu bapa akan mempengaruhi pergaulan mereka dengan rakan di sekolah. Ibu bapa merupakan antara orang dewasa yang terhampir dan mampu mempengaruhi segala tindak tanduk anaknya. Sebagai contoh, bagaimana anak mereka berhadapan dengan rakan berbeza etnik dalam situasi tertentu semasa di sekolah. Berdasarkan perbincangan ini, ibu bapa sememangnya mempengaruhi secara langsung dan tidak langsung

dalam membantu membentuk interaksi positif sesama pelajar dalam kajian ini.

Tambahan pula, pengetahuan seseorang individu adalah hasil pembelajarannya dengan orang yang berada di sekelilingnya (Masouleh & Jooneghani, 2012:32). Maka tidak hairanlah, pengetahuan yang ada dalam diri seseorang pelajar kajian ini mengenai sesuatu nilai, seperti cara bergaul, merupakan sebahagian hasil pembelajarannya dengan ibu bapa, iaitu orang yang berada di persekitarannya. Sememangnya peranan ibu bapa penting dalam menggalakkan anak mereka membentuk hubungan baik dengan etnik lain, selain daripada pihak sekolah dan guru kerana banyak masa pelajar dihabiskan bersama ibu bapa.

Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, terdapatnya faktor dalaman sekolah yang mempengaruhi interaksi pelajar seperti pentadbiran sekolah, guru, persekitaran sekolah, sikap pelajar, rakan sebaya, sekolah rendah asal, minat dan hobi pelajar. Faktor-faktor lain yang tidak kurang pentingnya seperti budaya, ibu bapa dan persekitaran tempat tinggal pelajar turut memberi impak terhadap interaksi sehari-hari mereka di sekolah tanpa disedari.

Berdasarkan perbincangan soalan kajian pertama pula, konflik masih berlaku dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, bagi

memperbaiki interaksi pelajar pelbagai etnik, pihak sekolah dalam kajian ini menjalankan pelbagai strategi. Kesemua strategi ini diperincikan seperti di bawah.

### **5.3 Perbincangan strategi sekolah dalam meningkatkan interaksi sosial pelajar**

Berdasarkan hasil analisis kajian didapati sekolah ini telah melaksanakan beberapa strategi-strategi yang dilihat berupaya dalam membantu interaksi sosial pelajar pelbagai etnik. Ringkasan lima strategi tersebut dicatatkan pada jadual di bawah.

**Jadual 5.4**

*Strategi diamalkan oleh sekolah untuk meningkatkan interaksi pelajar*

Strategi-strategi	Penerangan
Perpaduan nasional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program sambutan bulan kemerdekaan; gerak kerja kumpulan yang terdiri daripada pelbagai etnik.</li> <li>• Amalan semasa perhimpunan; membaca ikrar Rukunegara, nyanyian Negaraku, lagu negeri, upacara menaikan bendera.</li> <li>• Persekitaran sekolah yang mempunyai informasi kemerdekaan dan nilai perpaduan</li> </ul>
Menggalakkan interaksi pelajar pelbagai etnik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan penempatan pelajar bagi setiap tingkatan</li> <li>• Peraturan penyusunan pelajar dalam kelas.</li> <li>• Peraturan menggabungkan pelajar dalam aktiviti sekolah (latihan sukan, pertandingan drama)</li> <li>• Agihan sama rata (kuota kaum) pada rumah sukan dan aktiviti ko-korikulum (persatuan, kelab, pakaian seragam).</li> </ul>
Merangsang penerimaan antara satu sama lain dan sikap toleransi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetengahkan keunikan budaya setiap etnik</li> <li>• Informasi etnik di beberapa tempat di kawasan sekolah. Membentuk persekitaran sekolah yang melambangkan kepelbagaian etnik</li> </ul>

### Sambungan jadual 5.4

Membentuk persekitaran sekolah yang melambangkan kepelbagaian etnik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Informasi dan hiasan berkaitan budaya etnik</li> <li>• Hiasan lukisan mural bermotifkan etnik di Malaysia</li> </ul>
Penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan sesi pencerapan oleh pentadbiran; dapat memantau sikap dan P&amp;P guru</li> <li>• Amalan oleh guru seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menceritakan perihal budaya etnik lain</li> <li>- Menekankan rasa hormat serta menerima budaya etnik berbeza</li> <li>- Memberi contoh kesan negatif akibat konflik yang berlaku di luar negara.</li> <li>- Guru bertegas dalam menetapkan ahli kumpulan yang mempunyai etnik berbeza</li> </ul> </li> </ul>

Di Malaysia pada asasnya sistem pendidikan negara adalah secara sentralisasi, iaitu bermula daripada penggubalan kurikulum, pemilihan buku teks, tenaga pengajar adalah di bawah seliaan atau kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Maka, KPM pada asasnya mempunyai bidang kuasa dalam sebarang penggubalan dasar-dasar pendidikan negara termasuklah dasar-dasar pendidikan berkaitan perpaduan.

Pada peringkat berikutnya akan terdapat Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di mana pada peringkat ini, ianya berperanan dalam melaksanakan dan memantau sekolah-sekolah agar melaksanakan dasar yang telah digubal oleh KPM. Pada peringkat terakhir adalah sekolah, di mana ianya berfungsi sebagai pelaksana segala dasar-dasar KPM. Maka apa sahaja strategi, program yang ingin dilaksanakan haruslah berdasarkan segala garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib, iaitu KPM.

Seperti yang dibincangkan dalam bab 2 kajian ini, pelbagai dasar telah dibuat oleh kerajaan dalam usaha merapatkan hubungan para pelajar di sekolah. Dasar-dasar kerajaan ini merupakan pendekatan pada peringkat umum dan ianya adalah sebagai panduan asas kepada semua sekolah-sekolah di Malaysia. Secara asasnya, strategi-strategi yang diamalkan oleh sekolah kajian ini adalah berpandukan kepada dasar-dasar yang telah digariskan oleh kerajaan Malaysia. Berikut diperincikan strategi yang diamalkan oleh sekolah dalam kajian ini bagi mengeratkan hubungan pelajar.

### **5.3.1 Perpaduan nasional**

Hasil analisis dokumen kajian, menunjukkan antara strategi yang telah dijalankan oleh sekolah dalam kajian ini untuk menyatupadukan pelajar ialah program sambutan bulan kemerdekaan. Ianya dilaksanakan dalam bulan Ogos bagi setiap tahun. Program ini adalah kerjasama antara dua jawatankuasa sekolah, iaitu jawatan kuasa RIMUP dan jawatan kuasa bulan kemerdekaan. Semasa sambutan kemerdekaan ini, aktiviti yang kebiasaannya dilaksanakan adalah gerak kerja kumpulan yang melibatkan pelbagai etnik. Sebagai contoh, aktiviti menghasilkan video kemerdekaan, menghias jalur gemilang, sudut kemerdekaan, mewarna, kuiz berkumpulan, koir, sajak dan sebagainya. Tayangan filem dan ceramah yang mengarah ke arah pembentukan perpaduan turut menjadi amalan sekolah dalam kajian ini. Hasil analisis data pemerhatian pula, amalan semasa sesi perhimpunan, terdapatnya amalan membaca ikrar Rukunegara, menaikkan bendera, nyanyian Negaraku dan lagu negeri yang

menjadi amalan rutin sekolah ini. Walaupun amalan sebegini adalah rutin, namun secara tersirat iaanya mampu memupuk perpaduan nasional.

Untuk mengekalkan hubungan positif di dalam sesebuah sekolah yang multietnik, amatlah perlu ditanam rasa kebersamaan. Rasa kebersamaan boleh diterap melalui perkongsian nilai yang sama (Romo, 1997:4). Oleh sebab itu, amalan semasa perhimpunan dalam sekolah kajian ini, seperti membaca ikrar Rukunegara, nyanyian lagu Negaraku, secara tersiratnya dapat memupuk rasa kebersamaan (*togetherness*) dan kekitaan (*sense of belonging*). Jika rasa kebersamaan dan kekitaan wujud dalam kalangan pelajar, maka secara tidak langsung perpaduan juga dapat dicapai.

Kepentingan untuk mewujudkan rasa kebersamaan turut dinyatakan dalam dapatan kajian oleh Rutland et al. (2012), di mana kecenderungan individu untuk bersahabat dengan rakan yang sama etnik boleh diatasi dan hubungan inter etnik dapat digalakkan sekiranya, rasa kebersamaan di bawah satu identiti dapat ditanam dalam diri setiap pelajar. Oleh sebab itu, segala amalan sambutan kemerdekaan dan perhimpunan oleh sekolah kajian ini, dilihat mampu menerapkan rasa kebersamaan melalui perkongsian nilai yang sama. Apabila rasa kebersamaan dan rasa kekitaan berada dalam diri setiap pelajar dalam kajian ini, mereka akan bersatu dan hubungan baik dapat dibentuk.

Selain itu, amalan semasa perhimpunan, iaitu nyanyian negaraku dan amalan membaca ikrar Rukunegara oleh sekolah ini adalah sebahagian daripada pendekatan yang dinyatakan dalam beberapa pekeliling KPM. Pihak sekolah perlu mematuhi dan melaksanakan intipati yang terdapat pada Surat pekeliling ikhtisas bilangan 2/1971-Rukunegara, Surat pekeliling ikhtisas bilangan 4/1975-Nyanyian lagu Negaraku dan Surat pekeliling ikhtisas bilangan 4/1984- Perhimpunan. Kesemua pekeliling ini bertindak sebagai arahan peringkat atasan, iaitu pihak KPM dan pihak sekolah harus mematuuhinya. Oleh sebab itu, dapatlah dikatakan bahawa sekolah dalam kajian ini berfungsi sebagaimana yang diharap oleh masyarakat dan kerajaan, iaitu senantiasa komited menjalankan fungsinya selaras dengan apa yang telah diarahkan oleh pihak KPM.

Sememangnya masyarakat Malaysia yang mutietnik berjaya mengekalkan keharmonian tanpa sebarang konflik yang buruk (M. Shamsul Haque, 2003:241-242). Namun selama mana, keharmonian ini dapat dikekalkan. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi semua etnik bersatu padu bagi memastikan keharmonian di negara ini dapat dikekalkan. Maka, seharusnya bermula di peringkat awal lagi iaitu di sekolah, usaha memupuk rasa bersatu padu adalah perlu. Jadi, apabila sekolah dalam kajian ini berusaha memupuk perpaduan melalui pendekatan bersesuaian, ianya merupakan satu langkah yang baik.

Sebagai rumusan, bagi melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, sekolah penting berfungsi untuk membimbing pelajar ke arah perpaduan berasaskan garis panduan kerajaan (KPM). Sekolah perlu menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan setiap arahan oleh pihak kerajaan berdasarkan pekeliling yang sedia ada dan turut mempelbagaikan pendekatan-pendekatan lain, asalkan ianya bertujuan untuk perpaduan pelajar.

### **5.3.2 Menggalakkan interaksi pelajar pelbagai etnik**

Hasil analisis kajian juga mendapati terdapatnya beberapa pendekatan yang diamalkan oleh sekolah ini yang berupaya menggalakkan interaksi pelajar. Misalnya, terdapat peraturan-peraturan sekolah tertentu (peraturan penyusunan pelajar dalam kelas, peraturan penempatan pelajar pada setiap tingkatan) dan penggabungan etnik berbeza dalam kebanyakan aktiviti sekolah (pertandingan drama, latihan sukan). Pendekatan seumpama ini adalah baik bagi menggalakkan interaksi antara etnik berbeza.

Sekolah ini juga mengamalkan agihan sama rata (kuota kaum) yang dibuat pada rumah sukan dan aktiviti ko-korikulum (persatuan, kelab, pakaian seragam). Pendekatan ini dapat juga membantu percampuran etnik berbeza. Penyertaan etnik yang seimbang dalam sesuatu aktiviti di sekolah ini amat penting dalam menggalakkan interaksi. Kajian lain yang turut menunjukkan kepentingan mencampurkan etnik berbeza seperti kajian pengkaji, misalnya oleh Riley & Ettlinger (2011:1275) yang menunjukkan gandingan etnik

berbeza semasa latihan aktiviti ko-kurikulum dapat membantu dalam interaksi sesama mereka. Selain itu, melalui aktiviti ko-kurikulum yang bercampur etnik berbeza ini, ianya akan memberi peluang membentuk hubungan baik (Henze, Katz & Norte, 2000:200; Clotfelter, 2002:29). Dapatan kajian lain yang menunjukkan kepentingan kepelbagai etnik dalam aktiviti sekolah, contohnya kajian oleh Clotfelter (2002), di mana akibat kurangnya penyertaan sesetengah etnik (*black*) dalam aktiviti kelab/persatuan, menyebabkan ketidakseimbangan dalam komposisi etnik dan ini telah mengurangkan interaksi antara etnik berbeza. Kepentingan percampuran etnik turut dinyatakan oleh Henze, Katz & Norte (2000:201), di mana pelajar cenderung berada dalam kelompok etnik yang sama. Namun semasa aktiviti sukan dan permainan, pelajar dapat bercampur antara sama lain. Oleh sebab itu, amalan mewajibkan pelajar menyertai kelab atau persatuan yang bercampur etnik, dapat meningkatkan peluang pelajar berinteraksi sesama mereka (Suseela Malakolunthu & Nagappan C. Rengasamy, 2012:155). Berdasarkan apa yang dibincangkan di atas, jelaslah percampuran etnik berbeza seperti yang dilaksanakan oleh sekolah kajian ini membantu dalam percampuran serta interaksi pelajar.

Jika diteliti, sememangnya sekolah kajian ini membuat suatu perancangan yang teliti untuk menggalakkan interaksi serta hubungan pelajar. Misalnya, salah satu cara memperbaiki perhubungan antara etnik adalah dengan mencampurkan mereka dalam aktiviti sekolah. Kepentingan mencampurkan ini turut ditekankan oleh Romo (1997:5), kerana melalui

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS percampuran ini, akan memberi ruang untuk mereka mengenali antara satu sama lain dan mengurangkan stereotaip. Selain itu, dengan adanya pelbagai pendekatan mencampurkan etnik berbeza oleh sekolah kajian ini, secara tidak langsung dapat menerapkan rasa ingin bercampur antara pelajar. Dapatkan ini turut menyokong pandangan oleh Rose & Bylander (2007:263), iaitu program yang mencampurkan etnik yang berbeza mampu memupuk sikap semulajadi untuk bercampur antara satu sama lain.

Percampuran yang dilaksanakan oleh sekolah ini juga membentuk pelbagai sikap baik dalam diri pelajar. Misalnya melalui interaksi dan percampuran berterusan, rasa penerimaan dapat ditingkatkan dalam diri pelajar (Aboud, Mendelson & Purdy, 2003: 163; Yip, Seaton & Sellers, 2010:1432; Slavin & Cooper, 1999:648). Oleh sebab itu, amat jelaslah akan kepentingan memberi peluang kepada para pelajar berbeza etnik bercampur dan bergaul sesama mereka seperti mana yang diamalkan oleh sekolah dalam kajian ini melalui beberapa pendekatan yang telah dibincangkan di atas.

Namun kadangkala, pendekatan yang diusahakan oleh pihak sekolah dalam kajian ini tidak dapat mencapai matlamat sepenuhnya, kerana adanya segelintir guru yang tidak melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah. Terdapat juga ibu bapa serta pelajar yang tidak mahu mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh sekolah dan ini memberi kesan pada matlamat sekolah dalam menggalakkan interaksi pelajar berbeza etnik.

Secara keseluruhannya, cara yang paling berkesan untuk merubah sikap negatif dan persepsi para pelajar, adalah melalui interaksi pelajar dengan etnik berbeza daripadanya. Oleh sebab itu, apabila adanya pelbagai pendekatan oleh pihak sekolah kajian ini, untuk menggalakkan interaksi pelajar seperti yang dinyatakan di awal perbincangan, sedikit sebanyak membantu mengekalkan hubungan baik. Maka, adalah perlu bagi semua pihak, ternasuklah ibu bapa menyokong pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah yang membawa kebaikan kepada pelajar.

### **5.3.3 Merangsang penerimaan antara satu sama lain dan toleransi**

Hasil analisis kajian mendapati strategi ketiga yang dikenal pasti adalah untuk merangsang rasa penerimaan dan toleransi. Pada asasnya, sekolah ini mengamalkan pendekatan seperti amalan bersalam dan mencium tangan, tulisan kaligrafi dan Minggu Bahasa Asing. Selain itu juga, terdapatnya tulisan dwibahasa pada setiap perkataan Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab di papan kenyataan. Sememangnya ini merupakan satu langkah baik untuk memupuk rasa penerimaan antara satu sama lain. Pada dasarnya kewujudan persatuan berasaskan etnik (Persatuan Bahasa Tamil; Persatuan Bahasa Cina) bertujuan mengukuhkan etnik masing-masing, namun secara positifnya, ia dapat memperkenalkan serta mendedahkan budaya etnik Cina dan India pada etnik lain. Apabila pelajar dalam kajian ini, terdedah kepada budaya-budaya berbeza, rasa penerimaan dan toleransi dalam hubungan sehari-hari akan terbina, walaupun adanya perbezaan antara mereka. Selain itu, setiap etnik mempunyai

keunikan budayanya dan amatlah perlu ianya diperlihatkan atau dikongsikan bersama dengan pelajar berbeza etnik di sekolah. Jika keunikan budaya lain dapat diketahui dan dihargai, maka ianya mampu membantu pelajar merasakan tidak ada etnik yang lebih hebat budayanya. Maka sikap penerimaan dengan hati terbuka dapat dipupuk.

Namun berdasarkan dapatan kajian oleh Denton & Gould (2008), kadangkala pihak pentadbiran kurang berusaha mempelbagaikan atau memperbanyakkan aktiviti atau organisasi untuk etnik-etnik yang ada. Kurangnya aktiviti sebegini akan memberi kesan pada tahap penerimaan sesama etnik. Maka, jika pihak sekolah dalam kajian pengkaji melaksanakan pelbagai aktiviti berunsurkan etnik, ianya akan membantu membentuk sikap penerimaan dalam kalangan pelajar. Sikap penerimaan dan toleransi amatlah penting, kerana apabila adanya sikap sebegini, hubungan baik pelajar dapat dikekalkan. Maka, sekolah harus terus berusaha melahirkan pelajar yang mempunyai toleransi dan mampu hidup dalam suasana pelbagai melalui aktiviti bersesuaian.

#### **5.3.4 Membentuk persekitaran sekolah melambangkan kepelbagaian etnik**

Morrison & Lumby (2009:70) mendefinisikan kepelbagaian (diversity) adalah merangkumi agama, nilai, kepercayaan, budaya, etnik, negara asal, pendidikan, cara hidup, umur, aspek fizikal, kelas sosial dan sebagainya.

Maka, skop kepelbagaian amatlah luas, namun aspek kepelbagaian etnik serta budayanya sering menjadi tumpuan masyarakat.

Berdasarkan hasil analisis kajian, terdapatnya pondok nilam untuk etnik Cina, India mempamerkan budaya mereka, pameran bertema mengenai perayaan etnik di pusat sumber serta pelbagai lagi informasi etnik di papan kenyataan sekolah. Apabila adanya persekitaran sekolah yang melambangkan kepelbagaian budaya etnik yang ada di Malaysia, ianya dapat memberi informasi berguna kepada semua pelajar. Pada asasnya, sekolah adalah tempat di mana semua individu daripada pelbagai latar belakang budaya bertemu (Vedder & O'doword, 1999:221). Maka sekolah perlulah menjadi satu tempat yang berupaya untuk merapatkan para pelajar ini melalui pelbagai cara, salah satunya adalah melalui informasi etnik. Dapatan kajian menyokong pandangan oleh Romo (1997:4-5), apabila pelajar didedahkan kepada informasi yang tepat mengenai etnik berbeza, sejarah mereka, akan membuatkan pelajar dapat memahami, menghormati serta dapat bekerjasama dengan etnik berbeza dengan lebih baik.

Selain itu, lukisan mural bermotifkan etnik di Malaysia dengan baju tradisional masing-masing memegang tangan antara satu sama lain yang terdapat di sekolah kajian ini, bukan hanya berfungsi untuk menceriakan atau mencantikkan sekolah sahaja. Malah secara tidak langsung ia mampu menanam rasa kesedaran pada diri setiap pelajar, hakikat kewujudan pelbagai budaya di negara ini. Tambahan pula, apabila adanya lukisan sebegini, di

kawasan sekolah ini, ianya dapat menyedarkan para pelajar akan adanya budaya etnik lain di sekeliling mereka. Maka, ianya juga dapat membantu pelajar-pelajar tersebut agar dapat menerima antara satu sama lain dan cuba untuk membina hubungan harmoni sesama mereka.

Secara keseluruhannya, kepelbagaian dan perbezaan antara etnik bukanlah sesuatu yang negatif, malah ianya membantu dalam membentuk individu agar lebih memahami, menghargai dan menerima segala perbezaan tersebut dengan hati terbuka (Nagaraj et al. 2007). Oleh sebab itu, segala pendekatan sekolah kajian ini seperti yang telah dinyatakan di atas, dapat menyedarkan pelajar dengan kepelbagai etnik serta membantu pembentukan sikap positif. Selain itu, seperti yang telah dibincangkan pada bahagian di atas, persekitaran sekolah yang mengetengahkan kepelbagaian etnik memberi impak positif dalam pergaulan pelajar. Dengan itu, apabila pihak sekolah kajian ini terus berusaha mewujudkan persekitaran sekolah sebegini, ianya adalah sesuatu yang baik.

### **5.3.5 Penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas**

Guru merupakan agen perubahan yang penting pada peringkat kelas dalam usaha membantu mengeratkan hubungan pelajar pelbagai etnik. Antara usaha yang mampu dilaksanakan untuk mencapai tujuan ini adalah melalui P&P sehariannya di kelas. Hasil analisis kajian mendapati pengajaran guru yang memberi perhatian terhadap elemen kepelbagaian etnik di Malaysia

(menceritakan perihal budaya etnik lain), menanam rasa hormat-menghormati dalam diri pelajar serta menetapkan peraturan agar pelajar bercampur dalam gerak kerja kumpulan, merupakan antara strategi penambahbaikan yang baik pada peringkat kelas.

Tugas untuk memperbaiki hubungan antara pelajar berbeza etnik merupakan salah satu tanggugjawab utama guru di sekolah (Slavin & Cooper, 1999:647; Gillies, 2006:271). Walaupun, guru mempunyai peranan yang minima dalam aspek pentadbiran sekolah, namun apabila guru dalam kajian ini berusaha menghasilkan P&P yang berkesan, ianya mampu memperbaiki hubungan pelajar. Keadaan ini turut diakui oleh Romo (1997:2), antara intervensi di sekolah yang penting dalam mengurangkan sikap negatif adalah melalui pengajaran dan penekanan terhadap aspek persamaan dan perbezaan antara pelajar berbeza. Apabila guru cuba menanam elemen positif semasa P&P, sudah tentulah sikap negatif, misalnya syak wasangka, ethnocenterisme dapat dihapuskan dan hubungan baik dapat diterapkan. Kepentingan ini turut dinyatakan oleh Banks (2006:609) iaitu penceritaan mengenai etnik berbeza, budaya mereka dalam pembelajaran membantu mengurangkan sikap negatif sesama pelajar. Oleh sebab itu, apabila adanya guru dalam kajian ini yang mempraktikkan P&P yang mempertimbangkan kepelbagaian etnik, ianya membantu dalam hubungan pelajar di sekolah. P&P guru secara terperinci telah dibincangkan pada sub sub topik 5.2.1.2

Secara keseluruhan, jika diamati pelbagai strategi yang diamalkan oleh sekolah dalam kajian ini dapat membantu hubungan pelajar. Strategi-strategi ini adalah bersesuaian dengan keadaan semasa serta pelajar pelbagai etnik yang berada di sekolah, agar ianya memberi kesan positif. Kepentingan strategi bersesuaian turut ditekankan oleh Banks (2006:611) iaitu setiap kumpulan individu pelajar adalah berbeza daripada kepercayaan, sikap, umur dan ciri-ciri demografi. Maka amatlah perlu mencari strategi ataupun intervensi yang bersesuaian dengan setiap kumpulan tersebut. Selain itu juga, strategi-strategi yang dibincangkan di atas juga adalah berlandaskan apa yang telah digariskan oleh pekeliling-pekeling KPM. Pekeling KPM yang memfokuskan kepada usaha untuk merapatkan hubungan pelajar berbeza telah dibincangkan pada bab 2.

Berdasarkan kelima-lima strategi yang dibincangkan di atas, ianya dapat membantu dalam mengeratkan interaksi pelajar, walaupun tidaklah secara total. Sememangnya sekolah dalam kajian ini, mempelbagaikan usaha untuk memperbaiki interaksi pelajar, namun kadangkala ianya tidak dapat mengatasi masalah polarisasi etnik.

#### 5.4 Senario polarisasi

Hasil analisis kajian, mendapati polarisasi berlaku semasa kedudukan di kelas dan semasa di luar kelas (kantin, semasa pelajar pergi ke sesuatu tempat, misalnya ke

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS padang atau makmal). Polarisasi adalah satu keadaan di mana pelajar-pelajar suka berkelompok berdasarkan satu etnik dengan tujuan mengukuhkan identitinya (Omar Mohd. Hashim, 1999:373). Selagi terdapat kepelbagaian etnik, budaya, selagi itulah polarisasi akan berlaku (Najeemah Mohd Yusof, 2006:149; Omar Mohd. Hashim, 1999:373). Maka tidak hairanlah, polarisasi berlaku kerana dalam konteks kajian ini, di mana sekolah yang dipilih mempunyai pelajar yang pelbagai etnik serta budayanya.

Selain itu, berdasarkan analisis temu bual, turut mendapati polarisasi tidak berlaku semasa aktiviti sekolah atau ko-kurikulum. Sebagai contoh semasa Hari perkhemahan, Malam Kebudayaan, Aktiviti Bulan Kemerdekaan dan sebagainya. Melalui aktiviti sebegini, berlakunya percampuran pelajar pelbagai etnik secara natural tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan pandangan Yip, Seaton & Sellers (2010:1433) dan Literte (2011:487), iaitu peluang perlu diadakan, agar ianya berupaya merapatkan hubungan etnik berbeza serta menghapuskan polarisasi. Peluang ini boleh diwujudkan melalui aktiviti ko-kurikulum, kerana aktiviti sebegini mampu meningkatkan komunikasi antara mereka (Mukherjee et al, 2010:547). Dapatan pengkaji mempunyai persamaan dengan beberapa dapatan kajian lain yang menunjukkan pendekatan bersesuaian mampu memberi peluang serta meningkatkan hubungan dan rasa penerimaan antara pelajar pelbagai etnik, misalnya dalam kajian oleh Green et al. (2013), Chongruksa & Prinyapol (2011) dan Ya-Chen Su (2011). Apabila adanya hubungan baik, secara tidak langsung polarisasi dapat dikurangkan dalam kalangan pelajar seperti dalam kajian pengkaji.

Maka jelaslah, melalui pendekatan aktiviti sekolah berkesan, ianya mampu mengurangkan senario polarisasi etnik, walaupun tidak secara keseluruhannya. Oleh sebab itu, pihak sekolah seharusnya cuba memperbaiki bentuk aktiviti dari semasa ke semasa, agar ianya mampu menghapuskan polarisasi. Namun tugas sekolah untuk meningkatkan serta memperbaiki interaksi sosial pelajar bukanlah sesuatu pekerja yang mudah dan memerlukan masa (Henze, Katz & Norte, 2000:203). Maka usaha berterusan amatlah perlu oleh pentadbiran sekolah dalam kajian ini untuk mengeratkan interaksi pelajar. Pihak sekolah kajian ini seharusnya berusaha membuat program berbeza dan membuat perubahan pada program sedia ada, agar polarisasi etnik dapat diatasi secara total.

## 5.5 Implikasi teori

### 5.5.1 Teori fungsionalisme

Teori ini menekankan peranan yang perlu dimainkan oleh setiap ahlinya untuk mengekalkan kestabilan institusi sosial (Andersen & Taylor, 2000:25-26). SMK adalah satu institusi sosial yang terdiri daripada pihak pentadbir, guru, pelajar dan mereka ini perlu memainkan peranan masing-masing sebagaimana yang diharapkan. Dapatan kajian ini mengukuhkan wujudnya pengaruh idea teori fungsionalisme yang mana pelajar memainkan peranannya membentuk pelbagai bentuk interaksi sosial bersesuaian dengan situasi yang dihadapinya di sekolah. Misalnya, pelajar dalam kajian ini, bersaing secara sihat dalam

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS aspek akademik serta aktiviti sekolah untuk mencapai kecemerlangan. Pelajar juga berfungsi dengan sebaik mungkin dan memilih bentuk interaksi kerjasama dalam keadaan yang memerlukan mereka berfungsi sedemikian. Sebagai contoh, bagi menyiapkan sesuatu tugasan berkumpulan, jika tiadanya kerjasama mana mungkin ianya dapat disiapkan. Namun kadangkala berlaku juga disfungsi pada diri pelajar, di mana konflik serta polarisasi masih berlaku dalam kalangan mereka. Disfungsi berdasarkan teori fungsionalisme ini adalah suatu keadaan di mana peranan sepatutnya tidak dimainkan oleh individu atau bahagian dalam masyarakat (Macionis, 2007:15).

Dapatkan berkaitan guru juga selari dengan idea teori ini yang menekankan peranan yang seharusnya dimainkan oleh individu. Guru dalam kajian ini memainkan peranan dalam meningkatkan interaksi pelajar, misalnya melalui P&P dalam kelas. Namun kadangkala, masih terdapat segelintir guru yang tidak menjalankan peranan (disfungsi) dalam usaha merapatkan hubungan pelajar, kerana mereka masih mengamalkan P&P berorientasikan guru. Ibu bapa juga dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi interaksi pelajar pelbagai etnik. Sikap ibu bapa yang positif dalam menggalakkan anak mereka (pelajar kajian ini) menggambarkan mereka telah menjalankan fungsi mendidik sebaik mungkin. Ibu bapa berfungsi sebaik mungkin mendidik, agar matlamat mengekalkan hubungan baik sesama pelajar dicapai. Dapatkan kajian ini berkaitan fungsi ibu bapa turut mengukuhkan adanya pengaruh idea teori fungsionalisme ini, sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Teori ini juga menyatakan bahawa setiap pihak perlu menjalankan fungsi mereka agar matlamat institusi sosial tercapai (Andersen & Taylor, 2000: 26; Thio, 2000:13). SMK dalam kajian ini mempunyai pelbagai matlamat, salah satunya adalah mengekalkan hubungan baik pelajar. Berdasarkan dapatan berkaitan strategi pula, pihak sekolah membuat strategi tertentu untuk mewujudkan interaksi sosial yang lebih baik di kalangan pelajar pelbagai etnik. Faktor kepimpinan sekolah yang komited dalam kajian ini telah banyak memberi kesan positif dalam hubungan pelajar, walaupun tidak secara total. Namun jika terdapat kegagalan dalam mengatasi sesuatu keadaan seperti polarisasi pelajar di sekolah, maka ini adalah disebabkan oleh disfungsi yang kadangkala tidak dapat dielakkan.

Berdasarkan idea teori ini, iaanya membantu kita memahami dapatan kajian ini berkaitan interaksi pelajar di sebuah SMK. Maka, bolehlah dikatakan bahawa teori fungsionalisme berupaya menganalisis fenomena sosial pada peringkat makro, iaitu melihat fungsi yang dimainkan oleh setiap individu dalam SMK.

### **5.5.2 Teori interaksionisme simbolik**

Teori ini memberi fokus pada interaksi antara individu dalam institusi sosial. Teori ini mengkaji simbol dan makna secara subjektif dan melihat bagaimana makna yang simbolik ini digunakan dalam interaksi sehari-hari (O'Byrne, 2011:141; Andersen & Taylor, 2000:27). Dapatan kajian ini juga

mengukuhkan idea teori interaksionisme simbolik. Dalam kajian ini, pelajar melakukan pelbagai interaksi sosial sesama rakan sekolah. Semasa proses interaksi mereka, akan adanya penggunaan simbol tertentu, misalnya simbol (bahasa) sebagai medium untuk berkomunikasi. Pelajar juga belajar untuk memahami simbol (gerak geri) seperti tersenyum, memegang atau meyandar di bahu rakan sebagai salah satu bentuk interaksi sosial, iaitu disebut '*non verbal communication*'. Selain itu, semasa berlakunya konflik antara pelajar, apabila adanya aksi fizikal seperti meninggikan suara, pelajar memahami simbol tersebut sebagai permulaan kepada percaduhan. Ini selari dengan pandangan Thio (2000:15) yang menyatakan bahawa perspektif interaksionisme ini melihat interaksi bukan hanya berlaku melalui bahasa, malah melibatkan bahasa badan, objek tertentu, ekspresi wajah, gerakan badan dan sebagainya. Dengan ini, bolehlah dikatakan bahawa, pelajar-pelajar berkongsi makna sosial terhadap simbol-simbol yang tertentu dan ianya difahami oleh semua.

Pada kebiasaanya, setiap etnik akan memberi tafsiran yang berbeza terhadap simbol-simbol seperti gerakan badan, bahasa badan, ekspresi wajah (Thio, 2000:102; Tishler, 2011:108). Namun dalam konteks kajian ini, pelajar di SMK masih berkongsi budaya rakyat Malaysia secara umum. Misalnya, apabilanya ada ekspresi wajah seperti tersenyum dan ketawa, duduk rapat antara satu sama lain dalam konteks budaya Malaysia, ianya melambangkan keakraban, kemesraan antara individu yang terbabit. Sememangnya keakraban antara individu dapat dilihat daripada jarak sosial seseorang berdiri atau duduk

antara satu sama lain. Semakin rapat jaraknya, maka ianya dianggap sebagai tanda keakraban inividu-individu ini (Macionis, 2007:104).

Berasaskan idea teori ini lagi, pelajar dianggap sebagai individu yang aktif dan mempunyai kapasiti untuk berfikir (Andersen & Taylor, 2000:27; Ritzer, 2008:365). Oleh sebab itu, tidak hairanlah pelajar akan memilih dengan siapa mereka akan berinteraksi dan membina hubungan di sekolah. Pelajar kajian ini juga akan memilih untuk mempamerkan tingkahlaku berdasarkan persepsi mereka dan menyesuaikan dengan situasi semasa sekolah. Secara rumusannya, teori ini dapat memberi penjelasan mengenai perlakuan dan aksi pelajar dalam kajian ini.

### **5.5.3 Teori pilihan rasional**

Menurut teori ini, individu memilih perlakuan yang berasaskan faedah yang bakal diperolehi (Ritzer, 2008:441). Pelajar dalam kajian ini memilih untuk bekerjasama dengan pelajar berbeza etnik, agar hubungan erat terjalin. Apabila hubungan erat terjalin secara tidak langsung pelbagai manfaat diperolehi, misalnya dapat berbincang hal pelajaran dan sebagainya. Bentuk interaksi persaingan dan timbal balik juga berlaku atas pilihan mereka sendiri. Selain itu, pelajar dalam kajian ini memilih untuk berhubung dengan rakannya disebabkan faktor persamaan budaya, bahasa, minat, hobi dan sebagainya. Selain itu, pelajar tidak berinteraksi dengan etnik lain adalah atas pilihannya dan pilihannya mungkin dipengaruhi oleh sikap negatif yang terdapat dalam

diri mereka seperti stereotaip dan salah faham yang sedia wujud. Berdasarkan perbincangan dapatan ini, ianya menyokong idea teori pilihan rasional ini.

Dapatan kajian ini juga telah menunjukkan terdapatnya variasi dalam aspek P&P guru serta sikap mereka. Apabila guru dalam kajian ini mengamalkan P&P yang berkesan dalam merapatkan hubungan pelajar yang telah dibincangkan sebelumnya, ini berlaku atas pilihannya sendiri. Manakala apabila guru mengamalkan P&P berorientasikan guru, ini juga atas pilihan guru itu sendiri. Begitu juga, apabila guru dalam kajian ini mempamerkan sikap positif atau sebaliknya, ianya adalah atas pilihan guru tersebut. Pihak pentadbir sekolah dalam kajian ini pula telah memilih untuk melaksanakan pelbagai strategi, memberi bantuan kewangan dan sokongan agar ianya dapat meningkatkan interaksi pelajar. Segala usaha ini adalah atas pilihan pihak pentadbir sekolah ini. Perbincangan dapatan ini adalah bertepatan dengan idea teori ini, iaitu segala tindakan, tingkah laku adalah atas pilihan individu itu sendiri dan ianya didasari oleh manfaatnya (Brym & Lie, 2006:101). Oleh sebab itu, berdasarkan idea teori pilihan rasional ini, ianya berupaya menerangkan dapatan kajian ini secara ilmiah.

Namun menurut teori ini, terdapat '*constraint*' yang menghalang tingkah laku pelaku seperti sumber-sumber dan polisi institusi sosial yang ada di dalam sesebuah masyarakat (Ritzer 2008:413-415). Perkaitan antara idea teori ini dan dapatan kajian adalah, didapati SMK ini menyediakan sumber (informasi mengenai etnik) dan polisi tertentu sebagaimana yang dibincangkan

pada subtopik 5.3. Jadi dengan adanya peraturan penempatan pelajar bagi setiap tingkatan peraturan penyusunan pelajar dalam kelas, peraturan menggabungkan pelajar dalam aktiviti sekolah (latihan sukan, pertandingan drama) dan agihan sama rata (kuota kaum) pada rumah sukan dan aktiviti ko-korikulum (persatuan, kelab, pakaian seragam) dilihat sebagai usaha dalam mengeratkan hubungan pelajar di SMK ini.

Polisi yang ada dalam sesebuah sekolah amat penting kerana kesemuanya ini mempengaruhi proses untuk membentuk interaksi sosial yang baik antara pelajar pelbagai etnik. Maka, jika sekolah tidak mempunyai persekitaran yang baik (melambangkan pelbagai budaya) atau tiada program berkesan dan kelemahan pada aspek kepimpinan sekolah, sudah tentu ianya akan menjadi '*constraint*' dalam proses interaksi sehari-hari pelajar yang berbeza etnik ini. Akan tetapi SMK dalam kajian ini didapati komited mempelbagaikan usaha melalui strategi tertentu (rujuk subtopik 5.3) bagi mengeratkan interaksi pelajar pelbagai etnik.

## 5.6 Implikasi kajian

Dengan adanya dapatan kajian ini, ianya mengembangkan maklumat berkaitan interaksi sosial pelajar di SMK. Maka, informasi ini boleh dijadikan rujukan tambahan kepada pengkaji-pengkaji akan datang.

Hasil dapatan kajian dapat memberi gambaran sebenar hubungan pelajar serta bentuk interaksi antara pelajar-pelajar pelbagai etnik di sebuah SMK. Informasi berkaitan interaksi pelajar dalam kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membuat perancangan tertentu bagi meningkatkan interaksi sosial pelajar. Ini adalah kerana, KPM adalah pihak yang bertanggungjawab dalam merancang pelbagai pendekatan bagi melahirkan pelajar yang bersatu padu (Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin, 2011:37). Sesungguhnya kejayaan untuk meningkatkan interaksi sosial antara pelajar pelbagai etnik bergantung pada polisi dan program yang diperkenalkan oleh kerajaan (Najeemah Mohd Yusof, 2011:225). Namun, kurang komited menjalankan dasar-dasar untuk perpaduan, akan menyebabkan usaha mencapai perpaduan tidak akan dicapai (Mohd Jamil Mukmin, 2005:34-35). Oleh sebab itu, komitmen pihak KPM amat diperlukan dalam usaha membentuk interaksi baik serta perpaduan antara pelajar.

Hasil dapatan turut memberi implikasi pada pihak sekolah. Oleh itu, pihak sekolah boleh membuat perancangan untuk mempelbagaikan aktiviti yang mampu mengeratkan interaksi serta melibatkan semua pelajar yang berbeza etnik. Dengan adanya percampuran etnik berbeza yang berterusan dalam aktiviti, maka interaksi yang baik akan berjaya dipupuk (Fakhri R. Khader, 2012:273). Sememangnya berdasarkan dapatan kajian ini, pelajar masih dapat bekerjasama, namun polarisasi dan kadangkala konflik masih berlaku. Maka ini merupakan satu cabaran besar pada semua pihak. Ini turut dinyatakan oleh Azhar Wahid (2007: 17), sememangnya akan adanya cabaran untuk memupuk perpaduan etnik di peringkat sekolah, jadi pelbagai program perlu dimantapkan untuk memperbaiki interaksi etnik ini. Maka aspek

perancangan aktiviti haruslah diberi perhatian sewajarnya oleh pihak sekolah, agar segala aktiviti yang dijalankan berupaya mewujudkan peluang berinteraksi dapat berlaku secara lebih kerap dan lebih bermakna.

Selain itu, ibu bapa dan masyarakat perlu membantu meningkatkan interaksi anak-anak mereka di sekolah. Sebagai contoh mengamalkan sikap positif seperti membawa anak bergaul dengan jiran berbeza etnik dan tidak menunjukkan sikap negatif seperti memburuk-burukkan etnik lain. Ini adalah kerana, ibu bapa adalah agen sosialisasi yang penting dalam menanam nilai, norma dan pelbagai aspek budaya lain yang membentuk identiti anak-anak mereka (Chua Bee Seok et al, 2013:1). Jika nilai positif seperti menghormati etnik berbeza dipupuk dalam diri anak-anak mereka, sudah tentu membantu interaksi mereka di sekolah.

## **5.7 Cadangan-cadangan**

### **5.7.1 Cadangan kajian lanjutan**

Bentuk interaksi sosial yang berbeza dan faktor-faktor yang mempengaruhinya mungkin akan berbeza sekiranya ianya dijalankan di sekolah yang berbeza, misalnya di sekolah berasrama penuh. Ini kerana komposisi etnik yang tidak seimbang wujud di sekolah sebegini. Majoriti etnik yang berada di asrama penuh adalah etnik Melayu berbanding etnik lain. Selain itu, jika kajian ini dijalankan di sekolah swasta atau pun di sekolah menengah persendirian,

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS dijangkakan dapatan juga akan berbeza. Selain itu, SMK di Sabah dan Sarawak juga mempunyai pelbagai suku-suku etnik jika dibandingkan dengan SMK di Semenanjung Malaysia. Maka diharap pada masa akan datang, kajian mengenai interaksi ini dijalankan di Sabah dan Sarawak, kerana kepelbagaian etnik ini sudah tentu memberi kelainan pada dapatan kajian.

Kajian berkaitan interaksi sosial ini, boleh juga diperluaskan di sekolah rendah yang terdapat di Malaysia, bagi mengetahui keadaan interaksi sosial pelajar di peringkat awal persekolahan rendah. Jika keadaan interaksi pelajar di peringkat ini dapat dikenal pasti sama ada baik atau sebaliknya, maka langkah sewajarnya dapat diambil, agar mereka diterap dengan nilai hubungan baik sejak awal usia lagi.

Selain itu, pada masa hadapan, bagi meningkatkan meningkatkan kesahan atau generalisasi dapatan kajian, jenis kajian kes iaitu ‘multiple case design (*single unit of analysis*)’, perlu digunakan, di mana ia melibatkan pengumpulan dan penganalisan data daripada beberapa kes. Pendekatan ‘*multiple case design (single unit of analysis)*’, mungkin boleh digunakan kerana melalui jenis kajian kes ini, ianya akan melibatkan lebih daripada satu kes dan ini akan membolehkan perbandingan dibuat, selain ianya meningkatkan kesahan dapatan.

### **5.7.2 Cadangan terhadap sistem pendidikan Malaysia**

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu merangka latihan berterusan agar dapat melatih para guru supaya mereka lebih berkeyakinan serta bersedia untuk mengajar dalam kelas yang mempunyai kepelbagaiaan etnik serta budaya. Selain itu, latihan perguruan untuk bakal guru perlu juga diberi perhatian agar guru yang terhasil nanti dapat berfungsi dengan sebaiknya dalam kelas yang pelbagai budaya. Guru juga perlu mengubah kerangka berfikir dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran agar pelajar mendapat manfaatnya. Pengajaran perlu lebih sesuai dengan persekitaran sekolah yang pelbagai dan bukannya hanya terikat kepada pengajaran tradisional. Sekolah perlu lebih kreatif dalam melaksanakan program dan bukan hanya mengadakan malam kebudayaan, persembahan tarian yang sudah biasa dibuat. Sebagai contoh, tindakan yang proaktif seperti mengadakan sesi perbincangan informal mengenai isu hubungan etnik. Melalui sesi sebegini, pelajar berpeluang menyuarakan rasa hati terhadap etnik tertentu dan cara penyelesaian bersama dengan bantuan guru atau kaunselor terlatih. Kadangkala adanya anggapan tertentu atau kecurigaan terhadap etnik berbeza boleh diatasi dengan perbincangan dan rasioanalisis yang tepat.

### **5.7.3 Cadangan terhadap pihak lain**

Selain itu, memandangkan ibu bapa mempengaruhi segala tingkah laku pelajar, adalah perlu bagi ibu bapa menanam nilai positif pada anak mereka. Selain itu, ibu bapa perlu memberi sokongan terhadap usaha sekolah dalam merapatkan hubungan pelajar.

Penempatan pelajar turut mempengaruhi interaksi pelajar, maka adalah perlu bagi kerajaan agar tidak memisahkan kawasan penempatan etnik-etnik di Malaysia. Jika etnik-etnik sudah biasa hidup dalam persekitaran pelbagai etnik, ini membantu mereka lebih memahami antara satu sama lain. Kerajaan sebagai contoh, boleh menetapkan peraturan dalam sesebuah kawasan penempatan, perlu adanya etnik berbeza.

Walaupun kita sering memberi perhatian terhadap sekolah, guru, ibu bapa, namun pengaruh media massa terhadap tingkah laku dan pemikiran tidak boleh dinafikan. Media penting dalam menyampaikan maklumat dan kadangkala ianya dilihat sebagai agen sosialisasi terpenting pada era ini berbanding agen-agen sosialisasi yang lain. Keadaan ini adalah kerana banyak masa pelajar dihabiskan dengan menonton televisyen. Ini termasuklah dalam aspek mengukuhkan atau memecahbelahkan hubungan antara etnik yang berbeza. Menurut Graves (1999:716) kanak-kanak mempelajari informasi mengenai etnik daripada televisyen dan ini akan mempengaruhi sikap dan

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
persepsi mereka terhadap etnik lain. Maka fungsi media dalam mengukuhkan ikatan hubungan etnik tidak dapat disangkal lagi.

Selain itu, kewujudan pelbagai medium sosial terkini seperti ‘*facebook*, ‘*instagram*’, ‘*twitter*’, ‘*skype*’, ‘*whatsapp*’ dan sebagainya, dilihat berupaya mempengaruhi pemikiran pelajar dalam era globalisasi ini. Pelajar lebih terpengaruh dengan informasi yang disalurkan melalui medium sosial ini. Oleh sebab itu, semua pihak perlu memberi perhatian pada aspek-aspek yang dibincangkan ini. Misalnya menggunakan medium sosial ini bagi menyebarkan informasi tepat lagi berguna ke arah membentuk interaksi baik sesama etnik berbeza.

## 5.8 Kesimpulan keseluruhan kajian

Lima bentuk interaksi sosial iaitu kerjasama, timbal balik, persaingan, konflik dan komunikasi bukan lisan berlaku dalam kalangan pelajar kajian ini. Sememangnya konflik berlaku, namun ianya bukanlah disebabkan oleh isu perkauman atau sifat negatif yang keterlaluan, misalnya sifat perkauman, bias, prejudis, ethnocenterisme dan sebagainya. Selain itu, pelajar juga masih boleh menerima, belajar budaya berbeza serta mempunyai rakan baik daripada kalangan etnik berbeza. Kesemuanya ini memberi gambaran hubungan pelajar di SMK ini masih dalam keadaan baik dan boleh diperbaiki.

Selain itu, pelbagai faktor mempengaruhi interaksi sosial pelajar dalam kajian ini. Antaranya kepimpinan sekolah, sikap guru, amalan P&P guru, persekitaran sekolah yang melambangkan pelbagai etnik, komposisi etnik, sikap pelajar, minat/hobi pelajar, sekolah rendah asal pelajar, rakan sebaya, budaya, bahasa, ibu bapa dan persekitaran tempat tinggal pelajar. Faktor-faktor ini harus diberi perhatian sewajarnya.

Bagi mengekalkan hubungan baik antara pelajar, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh SMK dalam kajian ini. Antaranya ialah strategi untuk perpaduan nasional, strategi untuk menggalakkan interaksi pelajar, strategi untuk merangsang penerimaan serta toleransi, strategi mewujudkan persekitaran sekolah melambangkan kepelbagaian etnik dan strategi penambahbaikan melalui P&P di kelas.

Sememangnya, senario polarisasi kelihatan dalam kalangan pelajar. Namun polarisasi tidak berlaku semasa aktiviti sekolah (aktiviti ko-kurikulum). Oleh sebab itu, jelaslah melalui pendekatan aktiviti terancang serta bersesuaian, hubungan pelajar dapat diperbaiki, walaupun tidak secara menyeluruh.

Kesimpulannya, interaksi sosial yang rapat merupakan prasyarat kepada pembentukan perpaduan negara, mengikut pandangan beberapa tokoh dan ilmuan negara. Maka adalah perlu penerokaan isu ini dijalankan oleh pengkaji, di mana merangkumi pengenalpastian bentuk interaksi sosial, faktor yang mempengaruhinya serta strategi yang berkaitan. Memandangkan sekolah merupakan agen sosialisasi kedua terpenting selepas keluarga dan juga merupakan tempat terawal individu

bertemu dalam suasana kepelbagaian etnik, maka adalah perlu bagi kita mengetahui keadaan sebenar interaksi sosial mereka. Ini adalah kerana interaksi sosial yang baik antara etnik di sekolah, adalah '*indicator*' terhadap tahap perpaduan negara.



## **RUJUKAN**

A.Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abd Ghafar Md Din. (2003). *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.

Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Perubahan paradigma. Nilai ke arah transformasi sosial dan pembentukan Malaysia baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni Binti Che Ghani (2010). *Fostering inter group contacts among multiracial students in higher education*. Diakses daripada [http://www.wtamu.edu/webres/File/Journals/MCJ/Volume5-1/hamdan\\_ghafar\\_ghani.pdf](http://www.wtamu.edu/webres/File/Journals/MCJ/Volume5-1/hamdan_ghafar_ghani.pdf) pada 11 Januari 2013.

Abdul Rahman Arshad. (2007). *Unity and education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rashid Moten. (2003). Bab 1: *Society, politics and Islam: An overview*. Dalam Abdul Rashid Moten. (Eds). *Government and politics in Malaysia*, 1-22 Singapura: Cengage Learning.

Abdul Talib Mohamed Hashim. (2009). *Intercultural education for a multicultural society: A case study of perception and responses to cultural diversity in a national primary school in Malaysia*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. School of Education, University of Durham.

Abu Bakar Nordin, Norlidah Alias & Saedah Siraj. (2013). National integration in multicultural school setting in Malaysia. *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, volume 1, Issue 1, 20-29.

Abuhamdeh, S. & Csikszentmihalyi, M. (2009). Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientations in the Competitive Context: An Examination of Person–Situation Interactions. *Journal of Personality* 77:5, October 2009, 1615-1635.

Aboud, F. E., Mendelson, M. J., & Purdy, K. T. (2003). Cross-race peer relations and friendship quality. *International Journal of Behavioral Development*, 27, 165–173.

Aboud, F. & Miller, L. (2007). Promoting peer intervention in name-calling. *South African Journal of Psychology*, 37(4), 200, 803-819.

Allard, A. C. (2002). Aussies' and 'Wogs' and the 'Group in-between': Year 10 students' constructions of cross-cultural friendships. *Discourse: studies in the cultural politics of education*, Vol. 23, No. 2, 2002, 193-209.

Amir Hassan Dawi. (2004). *Hubungan Etnik di Institut Pengajian Tinggi: Satu kajian etnografi habitus dan modal budaya di kalangan pelajar berlainan etnik*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amir Hasan Dawi. (2006). *Penteorian sosiologi dan pendidikan*. Tg Malim: Quantum Books.

Amla Mohd Salleh, Mazdalina Mat Desa & Ramlah Mohd Tuit. (2013). The Relationship between the Learning Ecology System and Students' Engagement: A Case Study in Selangor. *Asian Social Science*; Vol. 9, No. 12; 2013, 110-117.

Andersen, M. L. & Taylor, H. F. (2000). *Sociology: Understanding a diverse society*. Belmont, CA: Thomson Wadsworth.

Asma Abdullah & Pedersen, P.B., (2003). *Understanding multicultural Malaysia: Delights, puzzles & irritations*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.

Attili, G., Vermigli, P. & Schneider, B. H. (1997). Peer Acceptance and Friendship Patterns among Italian Schoolchildren within a Cross-cultural Perspective. *International Journal of Behavioral Development*, 1997, 21 (2), 277–288.

Azhar Wahid. (2007). *Sosiologi dan Falsafah Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Terbuka Malaysia.

Azizi Yahaya, Amir Hamzah Abdul & Sanif bin Sapaat. (2002). *Sekolah Wawasan: Sejauh manakah Ia Mampu Melahirkan Generasi Bersatu padu di Masa Akan datang*. Dalam Seminar Hari Kemerdekaan MPTI Johor, 2002. Diakses daripada

[http://eprints.utm.my/2291/1/Aziziyahaya\\_sekolah\\_Wawasan.pdf](http://eprints.utm.my/2291/1/Aziziyahaya_sekolah_Wawasan.pdf), pada 22 Oktober 2012.

Aziela Hanafee. (2007). *Integrasi dalam masyarakat*. Melaka: Associated Educational Distributors.

Azmah Abdul Manaf. (2001). *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Aznan Bakar (2009). Satu sekolah untuk semua? Utusan Malaysia. 21 Mei 2009.

Bailey, C. (2007). *A guide to qualitative field research*. California, USA: Sage Publication.

Banks, J. A. (2006). Improving Race Relations in Schools: From Theory and Research to Practice. *Journal of Social Issues*, Vol. 62, No. 3, 2006, 607--614.

Basit, T. N. (2010). *Conducting research in educational contexts*. London: Continuum International Publishing Group.

Baxter, P & Jack, S. (2008). Qualitative Case Study Methodology: Study Design and Implementation for Novice Researchers. *The Qualitative Report*. Vol; 13 Number 4 December 2008, 544-559.

Benzer, A. (2012). Teachers' opinions about the use of body language. *Education Spring 2012, vol. 132 issue 3*, 467-473.

Berg, B. L. (2009). *Qualitative research methods for the social sciences*. Boston: Pearson Education.

Betts, L. R. (2008). A Social Relations Analysis of Children's Trust in Their Peers across the Early Years of School. *Social Development*, 17, 4, 2008, 1039-1055.

Berns, J. et al. (2005). *Education policy in multi-ethnic societies: A review of national policies that promote coexistence and social inclusion*. Diakses daripada <http://www.brandeis.edu/ethics/pdfs/publications/EducationPolicy.pdf> pada 20 Oktober 2012.

Bliss, T. (1989). The use of groupwork in high school social studies. *Theory and Research in Social Education Fall, 1989. Volume XVII Number 4*, 304-315.

Brockett, A., Village, A. & Francis, L. J. (2010). Assessing outgroup prejudice among secondary school pupils in northern England Introducing the Outgroup Prejudice Index. *Research in Education No. 83*, 67-77.

Buku panduan rancangan integrasi murid-murid. (1985). Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. California, USA: Sage Publication.

Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Ally & Bacon.

Bolgatz, J. (2005). Revolutionary Talk: Elementary Teacher and Students Discuss race in a Social Studies Class. *The Social Studies November/December 2005*, 259-264.

Bolocofsky, D. N. (2001). Motivational Effects of classroom competition as a function of field dependence. *The Journal of educational research*, 213-217.

Bowman, N. A. & Denson, N. (2012). What's Past is Prologue: How Precollege Exposure to Racial Diversity Shapes the Impact of College Interracial Interactions. *Res High Educ* (2012) 53, 406–425.

Brym, R. J. & John Lie, J. (2006). *Sociology: Your Compass To The New World*. Belmont, Ca; Wadsworth Thompson Learning.

Campbell, D. G. (2010). “White Privilege”: A Shield against Reason. *Acad. Quest.* (2010) 23, 497–504.

Cann, A. (2004). Rated Importance of Personal Qualities Across Four Relationships. *The Journal of Social Psychology*, 2004, 144(3), 322–334.

Cauce, A. M. (2008). Parenting, Culture, and Context: Reflections on Excavating Culture. *Applied Developmental Science, 12*(4), 227–229.

Cekaite, A. & Björk-Willén, P. (2012). Peer group interactions in multilingual educational settings: Co-constructing social order and norms for language use. *International Journal of Bilingualism 17*(2), 174–188.

Chang, M. J., Astin, A. W. & Kim, D. (2004). Cross-racial interaction among undergraduates: Some Consequences, Causes, and Patterns. *Research in Higher Education, Vol. 45, No. 5, August 2004*, 529 – 553.

Charlesworth, W. R. (1996). Co-operation and Competition: Contributions to an Evolutionary and Developmental Model. *International Journal of Behavioral Development, 1996, 19* (1), 25–39.

Chin Yee Mun. (2013). Ethnic Socialization: A Case of Malaysian Malay and Chinese Public Universities Students Experiences. *International Journal of Social Science and Humanity, vol. 3, No. 6, November 2013*, 582-585.

Chua Bee Seok et al. (2013). Parents' ethnic socialization practices in shaping ethnic identity and self-esteem of multi-ethnic children in Malaysia. *European Journal of Educational and Development Psychology, vol.1, No. 1*, 1-9.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Christie, D. et al. (2009). Supporting group work in Scottish primary classrooms: improving the quality of collaborative dialogue. *Cambridge Journal of Education, Vol. 39, No. 1, March 2009*, 141–156.

Chongruksa, D. & Prinyapol, P. (2011). Efficacy of group counseling on multicultural awareness and respect among Thai Buddhist and Thai Muslim students. *Counseling Psychology Quarterly, vol. 24, No. 3, September 2011*, 181–193.

Clotfelter, C. T. (2002). Interracial Contact in High School Extracurricular Activities. *The Urban Review, Vol. 34, No. 1, March 2002*, 25- 46.

Comber, L. (2007). *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu Cina*. Selangor: IBS Sdn Bhd.

Cowan, G. (2005). Interracial Interactions at Racially Diverse University Campuses. *The Journal of Social Psychology, 2005, 145(1)*, 49–63.

Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oak, California: Sage Publications.

Crystal, D. et. al (2004). Penguin Encyclopedia. London: Penguin Group.

Cywińska, M. (2010). Conflict situations among Children. *New Educational Review, vol. 22 Issue 3/4*, 287-294.

Denham, S. A., et. al.(2003). Preschoolemotional competence: Pathway to social competence? *Child Development, 74*, 238–256.

Denton, R. M. & Gould, E. P. (2008). Can Cross-Group Friendships Influence Minority Students' Well-Being at Historically White Universities? *Association for Psychological Science, Volume 19—Number 9*, 933-939.

Denzin, N. K & Lincoln, Y. S. (2008). (Eds). *Collecting and interpreting qualitative materials*. Thousand Oak, California: Sage Publication.

DuBois, D. L. & Hirsch, B. J. (1990). School and Neighborhood Friendship Patterns of Blacks and Whites in Early Adolescence. *Child Development, 1990, 61*, 524-536.

Education Ministry plans to build more vision schools. New Straits Times, 26 Februari 2014.

Ellison, C. G., & Powers, D. A. (1994). The contact hypothesis and racial attitudes among Black Americans. *Social Science Quarterly, 75*, 385–400.

Emerson, M. O., Kimbro, R. T., & Yancey, G. (2002). Contact theory extended: The effects of prior racial contact on current social ties. *Social Science Quarterly, 83*, 745-761.

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Ensiklopedia Malaysiana. (1990). Shah Alam: Anzagain Sdn. Bhd.

Espelage, D. L., Holt, M. K. & Henkel, R. R. (2003). Examination of peer-group contextual effects on aggression during early adolescence. *Child Development*, 74, 205–220.

Ezhar Tamam. (2009). Contribution of interethnic contact on interethnic attitudes of malay and chinese-malaysian university students in malaysia. *European Journal of Social Sciences – Volume 8, Number 1(2009)*, 51- 61

Ezhar Tamam, Fazilah Idris & Wendy Yee Mei Tien. (2011). Interracial communication and perceptions of the compatibility of different races among Malay and non-Malay students in a public university in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 15 (2011), 703–707.

Fakhri R. Khader. (2012). The Malaysian Experience in Developing National Identity, Multicultural Tolerance and Understanding through Teaching Curricula: Lessons Learned and Possible Applications in the Jordanian Context. *International Journal of Humanities and Social Science Vol. 2 No. 1; January 2012*, 270-288.

Fadzilah Abdullah. (2008). *Dasar pendidikan kebangsaan*. Dalam Yusuf Ismail. Dasar Utama Kerajaan Malaysia, 119-134. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Fauziah Daud (2006). Bab 7: *Polarisasi kaum dalam kalangan pelajar universiti*. Dalam Mohd Fauzi Yaacob. (Eds). *Malaysia: Menangani perubahan dan pembangunan*, 111- 130. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Fram, M. S. & Kim, J. (2012). Segregated from the Start: Peer Context in Center-based Child Care. *Children & Schools Volume 34, Number 2 April 2012*, 71-82

Feng Li. (1997). Helping behaviors and the perception of helping intentions among Chinese students. *The Journals of Social Psychology*, 1997, 137 (4), 496-501.

Ferrante, J. (2011). *Seeing sociology. An introduction*. Belmont, CA:Wadsworth Cengage Learning.

Ferrante, J. (2014). *Seeing sociology: An Introduction*. Belmont, CA:Wadsworth Cengage Learning.

Finchilescu, G. (2010). Intergroup Anxiety in Interracial Interaction: The Role of Prejudice and Metastereotypes. *Journal of Social Issues*, Vol. 66, No. 2, 2010, 334- 351.

Fink, B., & Wild, K. (1995). Similarities in leisure interests: Effects of selection and socialization in friendships. *The Journal of Social Psychology*, 135, 471–482.

Fischler, M. L. (2003). From crisis to growth...race, culture, ethnicity, conflict and change. *Winter 2003, vol. 124 Issue 2*, 396-400.

Foster, W. K. (2001). Cooperation in the game and sport structure of children: One Dimension of Psychological Development Education. *Winter 84, Vol. 105 Issue 2*, 201-205.

Frydenberg, E. (2004). Coping Competencies: What to Teach and When. *Theory into Practice, Volume 43, Number 1, Winter 2004*, 14-22.

Galton M., Hargreaves, L. & Pell, T. (2009). Group work and whole-class teaching with 11- to 14-year-olds compared. *Cambridge Journal of Education*, vol. 39, No. 1, March 2009, 119–140.

Gillies, R. M. (2006). Teachers' and students' verbal behaviours during cooperative and small-group learning. *British Journal of Educational Psychology* (2006), 76, 271–287.

Green et al. (2013). Use of Video Modeling to Increase Positive Peer Interactions of Four Preschool Children with Social Skills Difficulties. *Education and Treatment of Children* Vol. 36, No. 2, 2013, 59-85.

Graves, S. B. (1999). Television and prejudice reduction: When does television as a vicarious experience make a difference? *Journal of social issues*, vol 55, no 4. 1999, 707-725.

Guo-Ming Chen. (2010). The Impact of Intercultural Sensitivity on Ethnocentrism and Intercultural Communication Apprehension. *Intercultural Communication Studies XIX: 1* 2010, 1-9.

Hallinan, M. T., & Teixeira, R. A. (1987). Opportunities and constraints: Black-white differences in the formation of interracial friendships. *Child Development*, 58, 1358-1371.

Hancock, B. (2002). *An introduction to qualitative research*. Diakses daripada [http://faculty.cbu.ca/pmacintyre/course\\_pages/MBA603/MBA603\\_files/IntroQualitativeResearch.pdf](http://faculty.cbu.ca/pmacintyre/course_pages/MBA603/MBA603_files/IntroQualitativeResearch.pdf), pada 9 Oktober, 2013.

Hancock, B. et al. (2009). *An Introduction to Qualitative Research*. Diakses daripada [http://www.rds-yh.nihr.ac.uk/wp-content/uploads/2013/05/5\\_Introduction-to-qualitative-research-2009.pdf](http://www.rds-yh.nihr.ac.uk/wp-content/uploads/2013/05/5_Introduction-to-qualitative-research-2009.pdf), pada 26 April, 2013.

Hardie, H. J. & Tyson, K. (2013). Other People's Racism: Race, Rednecks and Riots in a Southern High School. *Sociology of Education*, 86(1) 83–102.

Haris Md Jadi. (1990). *Etnik, politik dan pentadbiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hays, D. G. & Singh, A.A. (2012). *Qualitative inquiry: In clinical and educational settings*. New York: Guilford Press.

Hazri Jamil. (2010). *Historical overview of Malaysia's experience in enhancing equity and quality of education: focusing on management and mediation of multiethnic issues*. Kertas kerja dibentangkan di 'Africa-Asia Experience Sharing Seminar: Efforts towards Improving the Quality of Education. Accra,' Ghana. 19th – 21st January 2010. Diakses daripada [http://aadcice.hiroshima-u.ac.jp/e/reseach/paper\\_no7-1.pdf](http://aadcice.hiroshima-u.ac.jp/e/reseach/paper_no7-1.pdf), pada 20 Januari 2013.

Helen Tinga et al. (2010). Juggling Between 3R and 1R: The Challenging Life of Teenage Student. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 7(C) (2010), 345–354.

Henze, R., Katz, A. & Norte, E. (2000). Rethinking the Concept of Racial or Ethnic Conflict in Schools: a leadership perspective. *Race Ethnicity and Education*, Vol. 3, No. 2, 2000, 195- 206.

Henze, R. C. (2000). Leading for Diversity: How School Leaders Achieve Racial and Ethnic Harmony. *June 2000*, 1-2.

Henslin, J. M. (2012). *Sociology: A down to earth approach*. Upper Saddle: Pearson Inc.

Hernandez, F. & Kose, B. W. (2012). The Developmental Model of Intercultural Sensitivity: A Tool for Understanding Principals' Cultural Competence. *Education and Urban Society*, 44(4), 512–530.

Holme, J. J., Wells, A. S. & Revilla, A.T. (2005). Learning Through Experience: What Graduates Gained by Attending Desegregated High Schools. *Equity & Excellence in Education*, 38: 14–24.

Howes, C., Sanders, K. & Lee, L. (2008). Entering a New Peer Group in Ethnically and Linguistically Diverse Childcare Classrooms. *Social Development*, 17, 4, 2008, 922-940.

Howksby, L. et al. (2002). Philips Encyclopedia. London: Octopus Publishing Group.

Ibrahim Mohammad Abu Shihab. (2012). A Semiotic-based Approach as an Effective Tool for Teaching Verbal and Non-verbal Aspects of Language. *Journal of Language Teaching and Research*, vol. 3, No. 6, 1150-1156.

Ismail Said & Hussin Abdullah. (2009). *Pengajian Sosial 2*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

Ishak Saat. (2009). *Malaysia: 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Janmaat, J. G. (2012). The Effect of Classroom Diversity on Tolerance and Participation in England, Sweden and Germany. *Journal of Ethnic and Migration Studies* Vol. 38, No. 1, January 201, 21-39.

Jardel, M. A. et al. (2002). Parents' structuring of children's daily lives in relation to the quality and stability of children's friendships. *International Journal of Psychology*, 2002, 37 (2), 65–73.

Jayum Jawan. (2003a). *Malaysian politics and governments*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

Jayum Jawan. (2003b). Bab 5: *Perpaduan dan pembinaan bangsa Malaysia*,. Dalam Mohamad Kamarul Kabilan & Zaharah Hasan. (Eds). *Readings on ethnics relations in a multicultural society; Promoting national unity and the practice of noble values*, 45-54. Serdang: Univeriti Putra Malaysia.

Johnson, D. W., Johnson, R. T. & Taylor, B. (2001). Impact of Cooperative and individualistic learnind on high ability student's achievement, self esteem and social acceptance. *The Journal of social psychology*, 133 (6), 839-844.

Juvonen, J., Nishina, A. & Graha, S. (2006). Ethnic Diversity and Perceptions of Safety in Urban Middle Schools. Volume 17—Number 5. *Association for Psychological Science*, 393- 400.

Jugert, P., Noack, P. & Rutland, A. (2011). Friendship Preferences among German and Turkish Preadolescents. *Child Development, May/ June 2011, Volume 82, Number 3*, 812–829.

Kao, G., & Joyner, K. (2006). Do Hispanic and Asian adolescents practice panethnicity in friendship choices? *Social Science Quarterly*, 87, 972–992.

Kailas Nath Tripathi. (2001). Competition and instrinsic motivation. *The Journal of Social Psychology*, 132(6), 709-715.

Kad Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 - 2010): APRIL 2008. Diaksesdaripada [http://www.moe.gov.my/upload/galeri\\_awam/penyelidikan/2008/2008\\_BTMK\\_8\\_2023\\_7331.pdf](http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/penyelidikan/2008/2008_BTMK_8_2023_7331.pdf), pada 11 Januari 2013.

Kanthasamy Nallusamy. (2005). Bab 4. Dalam Hussain Mohamad. (Eds). *Belia dan Patriotisme Malaysia*, 63-69. Melaka: Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia.

Kaplan, H. R, (2007). Freedom to Hate: Weighing First Amendment Rights Against School Violence-A Case Study. *Journal of School Violence*, Vol. 6(4) 2007, 149-163.

Karp, A. D. & Joels, C. W. (1986). *Sociology and Everyday Life*. USA. F.E. Peacock Publisher.

Keizan, S. & Duncan, N. (2010). From their perspective: explanations of patterns of racialised social interactions among a group of post-apartheid adolescents. *South African Journal of Psychology*, 40(4), 2010, 465-486.

Kendall, D. (2007). *Sociology in our times: The essentials*. Belmont, CA: Thompson Wadsworth.

Keshishian, F. (2013). Culture and Classroom Communication: A Pilot Study in the Post-Soviet Republic of Armenia. *Journal of Intercultural Communication Research*, 2013, vol. 42, No. 3, 252–274.

Khalim Zainal, Taip Abu & Zulkifli Mohamad. (2010). The effect of ethnic relations course on the students perceptions towards ethnic relations among first year students of one public university in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 2 (2010), 3596–3599.

Kiang, L., Peterson, J. L. & Thompson, T. L. (2011). Ethnic Peer Preferences Among Asian American Adolescents in Emerging Immigrant Communities. *Journal of Research on Adolescence*, 21(4), 754–761.

Krueger, R.A & Casey, M. A. (2009). *Focus groups: Practical guide for applied research*. Thousand Oak, California: Sage publication.

Komolova, M. & Wainry, C. (2011). What I Want and What You Want': Children's Thinking about Competing Personal Preferences. *Social Development*, 20, 2, 2011, 334-352.

Lacey, A. & Luff, D. (2001). *Qualitative Data Analysis*. Diakses daripada [http://research.familymed.ubc.ca/files/2012/03/Trent\\_Universtiy\\_Qualitative\\_Analysis7800.pdf](http://research.familymed.ubc.ca/files/2012/03/Trent_Universtiy_Qualitative_Analysis7800.pdf), pada 11 Januari, 2013.

Lambert, M. (2012). *A Beginner's Guide to Doing Your Education Research Project*. Thousand Oak, Ca: Sage Publications.

Landis, J. R. (2000). *Sociology concepts and characteristics*. USA: Wadsworth Thompson Learning.

Laursen, B. (1995). Conflict and social interaction in adolescent relationships. *Journal of research on adolescence*, 5(1), 55-70.

Lebedko, M. (2010). Tackling Ethnic Stereotypes in an Intercultural Communication Course. *Intercultural Communication Studies XIX*: 1 2010, 168-181.

Lee, L., Howes, C. & Chamberlain, B. (2007). Ethnic Heterogeneity of Social Networks and Cross-Ethnic Friendships of Elementary School Boys and Girls. *Merrill-Palmer Quarterly*. July 2007, Vol. 53, No. 3, 325-346.

Leedy, P. D. & Ormrod, J. E. (2005). Practical Research: Planning and Design. New Jersey: Pearson Educational International and Prentice Hall.

Lim Chap Sam & Chee Kim Mang. (2010). Bab 8: *Kesahan dan kebolehpercayaan dalam pendidikan*. Dalam Noraini Idris. (Eds). *Penyelidikan dalam pendidikan*, 163-178. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill. Malaysia.

Lichtman, M. (2006). *Qualitative research in education: A user's guide*. California, USA: Sage Publication Inc.

Literte, P. E. (2011). Competition, conflict, and coalitions: Black- Latino relations within institutions of higher education. *The Journal of Negro Education*, 2011, vol. 80, No. 4, 477-490.

Litosseliti, L. (2003 ). *Using focus group in research*. London: Continuum.

Liu, S. & Albab, G. D. (2012). Learning intercultural communication through group work oriented to the world beyond the classroom. *Assessment & Evaluation in Higher Education*. Vol. 37, No. 1, February 2012, 19–32.

Macdonald, J. J. (2007). *Society: The Basics*. Upper Saddle River New Jersey: Pearson Prentice Hall.

Malesevic, S. (2004). *The sociology of ethnicity*. London: Sage publications.

Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. (2007). *Hubungan etnik di Malaysia*. Selangor: Prentice Hall.

Margie, N. G. et al. (2005). Minority children's intergroup attitudes about peer relationships. *British Journal of Developmental Psychology* (2005), 23, 251–269.

Marshall, C. & Rossman, G.B. (2006). *Designing qualitative research*. California, USA: Sage Publications.

Masouleh, N. S. & Jooneghani, R. B. (2012). Classroom Interaction: Betting A Utopia!. *International Journal of Academic Research Vol. 4. no. 4. July, 2012*, 32-37.

Maznah Mohamad. (2005). *Ethnicity and Inequality in Malaysia: A Retrospect and a Rethinking*. Diakses daripada <http://www.dfid.gov.uk/r4d/PDF/Outputs/Inequality/> wp9. pdf, pada 20 Oktober 2012.

Mccray, C.R., . Wright, J. V. & Beachum, F. D. (2002). An Analysis Of Secondary School Principals Perceptions Of Multicultural Education. *Education Vol. 125 No. 1*, 111-120.

McGill, R. K., Way, N. & Hughes, D. (2012). Intra- and Interracial Best Friendships During Middle School: Links to Social and Emotional Well-being. *Journal of Research On Adolescence*, 22(4), 722–738.

McGlothlin, H., & Killen, M. (2005). Children's perceptions of intergroup and intragroup similarity and the role of social experience. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 26, 680–698.

McGlothlin, H. & Killen, M. (2006). Intergroup Attitudes of European American Children Attending Ethnically Homogeneous Schools. *Child Development, September/October 2006, Volume 77, Number 5*, 1375 – 1386.

McGlothlin, H. & Killen, M. (2010). How social experience is related to children's intergroup attitudes. *European Journal of Social Psychology*, 40, 625–634.

McGlothlin, H., Killen, M., & Edmonds, C. (2005). European-American children's intergroup attitudes about peer relationships. *British Journal of Developmental Psychology*, 23, 227–249.

Mc Millan, J. H. (2008). *Educational Research: Fundamentals for the Consumer*. Boston: Pearson Education, Inc.

McMillan, J. H. & Schummacher, S. (2006). *Research in education: Evidence based inquiry*. Boston: Allyn & Bacon.

Mc Neely, R.L. & Badami, M. K. (1984). Interracial communication in school work. *Social work/ January-February*, 22-26.

Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study: Applications in education*. New York: Jossey Bass Inc.

Michael, O. & Rajuan, M. (2009). Perceptions of ‘the other’ in children’s drawings: an intercultural project among Bedouin and Jewish children. *Journal of Peace Education Vol. 6, No. 1, March 2009*, 69–86.

Miller, H. (2007). *Malaysian heritage: The story of Malaysian*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Milner, H. R. (2011). Culturally Relevant Pedagogy in a Diverse Urban Classroom. *Urban Rev (2011) 43*, 66–89.

Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). *Sosiohumanika*, 4(1) 2011, 33-48.

Mohd. Amar Ibrahim, Hazri Jamil & Najeemah Mohd. Yusof. (2013). Prejudis dan stereotaip dalam kalangan murid pelbagai etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. Dalam Proceeding of the Global Summit on Education 2013, 11-12 Mac 2013, Kuala Lumpur. Diakses daripada [http://worldconferences.net/proceedings/gse2013/papers\\_gse2013/257%20Muhamad%20Amar%20Ibrahim.pdf](http://worldconferences.net/proceedings/gse2013/papers_gse2013/257%20Muhamad%20Amar%20Ibrahim.pdf), pada 11 Januari 2014.

Mohd Jamil Mukmin (2005). Bab 1. Dalam Hussain Mohamad (Eds). *Belia dan Patriotisme Malaysia*, 22-37. Melaka: Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia.

Mohd Radzi Noh. (2012). *Interaksi dan hubungan etnik pelajar tingkatan satu: Satu kajian kes*. Disertasi Sarjana tidak Diterbitkan. Universiti Pendidikan Idris.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari Bil. 3 (2010)*, 61-84. Diakses daripada <http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/v2n12010/makalah-v2n1-n4.pdf>, pada 11 Januari 2014.

Mohd Salleh Lebar. (1998). *Pengenalan ringkas sosiologi sekolah & pendidikan*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamiring. (2011). *Hubungan etnik: Kelangsungan pembinaan Negara Bangsa*. Selangor: Penerbitan Multimedia.

Mollov, M. B. & Schwartz, D. G. (2010). Towards an Integrated Strategy for Intercultural Dialog: Computer- Mediated Communication and Face to Face. *Journal of Intercultural Communication Research*, vol. 39, No. 3, November 2010, 207–224.

Morrison, M. & Lumby, J. (2009). Is leadership observable? Qualitative orientations to leadership for diversity. A case from FE. *Ethnography and Education Vol. 4, No. 1, March 2009*, 65-82.

M. Shamsul Haque. (2003). The role of the state in managing ethnic tensions in Malaysia: A critical discourse. *American Behavioral Scientist*, vol. 47 No. 3, November 2003, 240-266.

Mukherji, P. & Albon, D. (2010). *Research methods in early childhood: An introductory guide*. London: SAGE Publications, Inc.

Mukherjee, S. et al. (2010). Merit evaluation of competitors in debate and recitation competitions by fuzzy approach. *International conference on modeling, optimizing and computing*, 547-552.

Munniksma, A. & Juvonen, J. (2012). Cross-ethnic Friendships and Sense of Social-Emotional Safety in a Multiethnic Middle School: An Exploratory Study. *Merrill-Palmer Quarterly, October 2012*, Vol. 58, No. 4, 489–506.

Nagaraj, S. et al. (2007). *Counting and Integration: The Experience of Malaysia*. Dibentangkan di *International Conference Social Statistics and Ethnic Diversity: Should we count, how should we count and why?* International conference

organized jointly by the Quebec Inter-University Centre for Social Statistics (QICSS, Montréal) and the Institut national d'études démographiques (INED, Paris) Montréal, December 6-8, 2007. Diakses daripada <http://www.ciqss.umontreal.ca/docs/ssde/pdf/shyamala.pdf> pada 11 Januari 2014.

Najeemah Mohd Yusof. (2006). Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian secondary schools. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Jil. 21, 149–164.

Najeemah Mohd Yusof. (2008). Multicultural Education: Managing diversity in malaysian schools. *Malaysian Education Deans' Council Journal, Volume 2/2008*, 1-8.

Najeemah Mohd Yusof. (2011). Language and ethnic boundary among students of various ethnicities in Secondary Schools in Malaysia. *Sosiohumanika*, 4(2) 2011, 211-228.

Najeemah Mohd Yusof. (2012). Study of social interaction among students of Vision Schools. *Malaysia Asian Ethnicity Vol. 13, No. 1, January 2012*, 47–73.

Noraini Idris. (2010). Bab 6: *Pensampelan*. Dalam Noraini Idris. (Eds). *Penyelidikan dalam pendidikan*, 112-134. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Malaysia.

Noriah Mohd Ishak et. al (2010). Bab 16: *Kajian kes*. Dalam Noraini Idris. (Eds). *Penyelidikan dalam pendidikan*, 345-371. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Malaysia.

Nor Shafrin Ahmad et al. (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Jil. 24, 125–142.

Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa, Wan Sopian Sori. *Faktor utama konflik etnik dan kemampuan Gagasan I Malaysia menurut perspektif mahasiswa.. Dibentangkan di Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) 2012, 02 - 03 Disember 2012, Dewan Terbuka Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota, Kota Bharu , Kelantan.* Diakses daripada <http://umkeprints.umk.edu.my/1071/1/Paper%201.pdf>, pada 13 Januari 2014.

Ntuli, C. D. (2012). Intercultural Misunderstanding in South Africa: An Analysis of Nonverbal Communication Behaviour in Context. *Intercultural Communication Studies XXI*: 2 (2012), 20-31.

O'Byrne, D. (2011). *Introducing sociological theory*. Edinburg: Pearson education.

Omar Mohd. Hashim. (1999). *Pengisian misi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Omar Yusoff. (2010), 1-10 Dalam Omar Yusoff & Jamaludin Aziz (Eds). (2010). *Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Ekspresi sebuah identiti*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Onwubiko, E. C. (2012). Unifying Role of Malay Language in a Multilingual Nation: A Case of Malaysia. *July 2012, Vol. 10, No. 7*, 1349-1354.

Ortlipp, M. (2008). Keeping and Using Reflective Journals in the Qualitative Research Process. *The Qualitative Report Volume 13 Number 4 December 2008*, 695-705.

Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tg Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Parsons, E. C. (2005). From Caring as a Relation to Culturally Relevant Caring: A White Teacher's Bridge to Black Students. *Equity & Excellence in Education*, 38, 25–34.

Paauw, S. (2009). *One land, one nation, one language: An analysis of Indonesia's national language policy*. Dalam H. Lehnert-LeHouillier and A.B. Fine (Eds.), University of Rochester Working Papers in the Language Sciences, 5(1), 2-16.

Phinney, J. S. & Chavira, V. (1995). Parental ethnic socialization and adolescent coping with problems related to Ethnicity. *Journal of research adolescent*, 5(1), 31-53.

Philips, A. (2005). Working in groups in an international publishing class. *Art, Design & Communication in Higher Education Volume 4 Number 3*, 173-187.

Poulin, F. & Nadeau, K. & Scaramella, L. V. (2012). The Role of Parents in Young Adolescents' Competence With Peers: An Observational Study of Advice Giving and Intrusiveness. *Merrill-Palmer Quarterly, October 2012, Vol. 58, No. 4*, 437–462.

Qin Zhang & Jibiao Zhang. (2012). Conflict Types, Resolution, and Relational Satisfaction: A U.S.-China Investigation. *Intercultural Communication Studies XXI: 3* (2012), 41-52.

Ramani, G. B. (2012). Influence of a Playful, Child-Directed Context on Preschool Children's Peer Cooperation. *Merrill-Palmer Quarterly, April 2012, Vol. 58, No. 2*, 159–190.

Ramesh Chopra. (Eds). (2005). *Academia dictionary of sociology*. Delhi, India: Isha Books.

Rami F. Mustafa. (2011). The P.O.E.Ms of Educational Research: A beginners' Concise Guide. *International Education Studies vol. 4, No. 3; August 2011*, 23-30.

Ramlee Mustafa et al. (2009). Social integration among multi-ethnic students at selected Malaysian universities in Peninsular Malaysia: A survey of campus social climate. *AJTLHE, Vol. 1, No. 1*, 35-44.

Reason, R. D. & Evans, N. J. (2007). The Complicated Realities of Whiteness: From Color Blind to Racially Cognizant. *New Directions For Student Services, no. 120, Winter 2007*, 67-78.

Rigby, K., Slee, P. & Robyn Cunningham, R. (1999). Effects of parenting on the peer relations of Australian adolescents. *The Journal of social psychology, 1999, 139 (3)*, 387-388.

Riley, C. & Ettlinger, N. (2011). Interpreting Racial Formation and Multiculturalism in a High School: Towards a Constructive Deployment of Two Approaches to Critical Race Theory. *Antipode Vol. 43 No. 4*, 1250–1280.

Ritzer, G. (2003). *Contemporary sociological theory and its classical roots: The basics*. New York: Mc Graw Hill.

Ritzer, G. (2008). *The sociological theory*. New York. Mc Graw Hill Higher Education.

Rohana Yusof. (1997). *Asas sains sosial: Dari perspektif sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Romo, H. (1997). Improving Ethnic and Racial Relations in the Schools. *ERIC Digest, 1997*, 1-7.

Rossman, G. B & Rallis, S. F. (2003) . *Learning in the field: An introduction to qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.

Rose, S. & Bylander, J. (2007). Border Crossings: Engaging Students in Diversity Work and Intergroup Relations. *Innov High Educ* (2007) 31, 251–264.

Rutland, A. et al. (2012).. Group identity and peer relations: A longitudinal study of group identity, perceived peer acceptance, and friendships amongst ethnic minority English children. *British Journal of Developmental Psychology* (2012), 30, 283–302.

Santhiram R. Raman & Tan Yao Sua. (2010). Ethnic segregation in Malaysia's education system: enrolment, choices, preferential policies and desegregation. *Paedagogica Historica, vol. 46, Nos. 1–2, February–April 2010*, 117–131.

Schaefer, R.T. (2009). *Sociology: A brief introduction*. New York: Mc Graw Hill.

Schaefer, R. (2012). *Sociology: A brief introductions*. New York: Mc Graw Hill.

Schneider, B. H. et al. (2005). Cultural And Gender Differences In The Implications Of Competition For Early Adolescent Friendship. *Merrill-Palmer Quarterly, April 2005, vol. 51. No. 2*, 163-191.

Schlüter, E. (2012). The Inter-Ethnic Friendships of Immigrants with Host-Society Members: Revisiting the Role of Ethnic Residential Segregation. *Journal of Ethnic and Migration Studies Vol. 38, No. 1, January 2012*, 77 91.

Sekolah Wawasan: Konsep dan pelaksanaan. (1995). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia

Shamsul Amri Baharuddin. (Eds). (2007). *Modul hubungan etnik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi.

Shui-Fong Lam et al. (2004). The effects of competition on achievement motivation in Chinese classrooms. *British Journal of Educational Psychology* (2004), 74, 281–296.

Slavin, R. E. & Cooper, R. (1999). Improving intergroup relations: Lessons learned from cooperative learning programs. *Journal of Social issues*, vol 55, No.4, 1999, 647-663.

Smith, P. K. (1996). Strategies of Co-operation: A Commentary. *International Journal of Behavioral Development*, 1996, 19 (1), 81–87.

Smith, C. P. (2009). Children Speak about Interethnic and Interracial Friendships in the Classroom: Lessons for Teachers. *Multicultural education*, fall 2009, 38- 47.

Stearns, E., Buchmann, C. & Bonneau, K. (2009). Interracial Friendships in the Transition to College: Do Birds of a Feather Flock Together Once They Leave the Nest? *Sociology of Education* 2009, Vol. 82 (April), 173–195.

Stevens, R. & Charles, J. (2005). Preparing Teachers to Teach Tolerance. *Multicultural Perspectives*, 7(1), 17–25.

Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suhana Saad & Jacob, R. I. (2012). Managing Ethnic Conflict for Nation Building: A Comparative Study between Malaysia and Nigeria. *Asian Social Science* Vol. 8, No. 7; June 2012, 69-76.

Sullivan, T. J. (2007). *Sociology: Concepts and applications in a diverse world*. Boston, MA: Allyn & Bacon.

Suseela Malakolunthu, Saedah Siraj & Nagappan C. Rengasamy (2010). Multicultural Education as a Reform Initiative: Reconstructing Teacher Preparation for Malaysian “Vision Schools”. *The Asia-Pacific Education Researcher* 19:3 (2010), 453-464.

Suseela Malakolunthu & Nagappan C. Rengasamy. (2012). Education policies and practices to address cultural diversity in Malaysia: Issues and challenges. *Prospects* (2012) 42, 147–159.

Thio, A. (2000). *Sociology: A brief introduction*. Boston, MA: Allyn & Bacon

Thomas, R. (2003). Tackling conflict and promoting equality. *Education Review. Autumn 2003, vol. 17 issue 1*, 51-58.

Tischler, H. L. (2011). *Introduction to sociology*. California, USA: Wadsworth Cengage Learning.

Tropp, L. R. & Bianchi, R. A. (2006). Valuing Diversity and Interest in Intergroup Contact. *Journal of Social Issues*, vol. 62, No. 3, 2006, 533—551.

Tunku Mohar Mokhtar. (2008). Chapter 8: *Political Parties and party system*, dalam Abdul Rashid Moten. (Eds). *Government and politics in Malaysia*, 139-158. Singapura: Cengage Learning.

Toumasis, C. (2004). Cooperative study teams in mathematics classrooms. *International Journal Mathematics Education Science Technology*, 2004 vol. 35, no. 5, 669–679.

Updegraff, K. A., Killoren, S. E. & Thayer, S. M. (2007). Mexican-Origin Parents' Involvement in Adolescent Peer Relationships: A Pattern Analytic Approach. *New Directions for Child And Adolescent Development*, no. 116, Summer 2007, 51-65.

Updegraff, K. A. (2006). The Nature and Correlates of Mexican-American Adolescents' Time with Parents and Peers. *Child Development*, September/October 2006, volume 77, Number 5, 1470 – 1486.

RIMUP wajar diteruskan lebih serius. Utusan Malaysia, 17 Mac 2011.

Vaccarino, F. & Dresler-Hawke, E. (2011). How You Doing, Mate? The Perceptions of Benefits and Barriers in Forming Friendships with International Students: A New Zealand Perspective. *Intercultural Communication Studies XX: 2* (2011), 177-189.

Vargas-Urpi, M. (2013). Coping with Nonverbal Communication in Public Service Interpreting with Chinese Immigrants. *Journal of Intercultural Communication Research*, 2013 Vol. 42, No. 4, 340–360.

Vedder, P & O'dowd, M. (1999). Swedish primary school pupils' inter-ethnic relationship. *Scandinavian Journal of Psychology*, 1999, 40, 221-228.

Verkuyten, M. (2011). Cross-Ethnic Friendships and Parents. *Social Policy Report V25 #4, Promoting Equity, Tolerance, and Justice in Childhood*, 28-29.

Verma, G. K. & Mallick, K. (1999). Researching education: Perspectives and techniques. London: Falmer Press.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. (1993). *Wawasan pendidikan: Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Warikoo, N. K. (2010). Symbolic Boundaries and School Structure in New York and London Schools. *American Journal of Education 116 (May 2010)*, 423- 451.

Webb, N. M. & Mastergeorge, A. (2003). Promoting effective helping behavior in peer-directed groups. *International Journal of Educational Research. 2003, Vol. 39 Issue 1/2*, 73-98.

Webb, N. M., Farivar, S. H. & Mastergeorge, A. (2002). Productive Helping in Cooperative Groups. *Theory into Practice, volume 41, Number 1, Winter 2002*, 13-20.

Wiersma, W. & Jurs, S.G. (2005). *Research methods in education: An introduction*. Boston: Ally & Bacon.

Wines, M. (2011). *1991 The End of Apartheid*. The New York Times, April 4. 2011.

Ya-Chen Su. (2011). Promoting intercultural understanding and reducing stereotypes: incorporating the cultural portfolio project into Taiwan's EFL college classes. *Educational Studies*, Vol. 37, No. 1, February 2011, 73–88.

Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof. (2010). Ethnic boundary among students in malaysian primary schools and social interaction: A conceptual framework. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 7(C) (2010), 82–91.

Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof. (2012). Social distance and ethnic boundary among pupils in multiethnic and monoethnic school environment in Malaysia. *Science Journal of Sociology & Anthropology*, volume 2012, Issue 2, 1-17.

Yasmin Ahmad & Najeemah M. Yusof. (2013). Ethnic Boundary among Multi-Ethnic Primary School Pupils in Malaysia: Role of Teachers and Administrators. *International Journal of Independent Research and Studies*, vol. 2, No.1 (January, 2013), 1-7.

Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods*. California, USA: Sage Publications.

Yip, T., Seaton, E. K. & Sellers, R. M. (2010). Interracial and intra racial contact, school-level diversity, and change in racial identity status among African American adolescents. *Child Development*, September/October 2010, volume 81, Number 5, 1431–1444.

Zaharah Hassan et al. (2010). Contribution of education to enhancing unity: Malaysian experience. *The International Journal of Learning*, volume 17, Number 9, 2010, 197-208.

Zulkifli Hamid. (2011). Peranan Teori Psikolinguistik Dalam Pemurnian Dan Pemerkasaan Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia, volume 6, Number 2, 183-192.



Ruj. Kami : KP(BPPDP)603/5/JLD. 12(80)  
Tarikh : 16 Oktober 2012

Noor Insyirah Abu Bakar  
1-1-04, Blok 1  
Kolej Amonur Rashid  
35950 Tg Malim  
Perak

Tuan/Puan

Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri Dan Bahagian-bahagian Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya dilarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk :

"**Pola Interaksi Sosial Pelajar Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan"** diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran baik menggunakan sampel kajian perlu diperolehi dari Ketua Bahagian/Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.

3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian Ini senaskhah laporan akhir kajian/laporan dalam bentuk elektronik berformat Pdf di dalam CD bersama naskhah hardcopy setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(Dr HJ ZABANI BIN DARUS)**

Ketua Sektor

Sektor Penyelidikan dan Penilaian

b.p. Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pelajaran Malaysia



## “1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : J. Pel. Pk (AM)5114/4 Jld.12 (/ 6)

Tarikh : 25 April 2013

**NOOR INSYIRAAH BT. ABU BAKAR,**

1-1-04, Blok 1,

Kolej Amonur Rashid,

35950 Tanjung Malim,

Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

### **KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH - SEKOLAH DI NEGERI PERAK DI BAWAH JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK**

Sukacitanya perkara di atas di rujuk dan surat tuan bertarikh 25 April 2013 serta Surat dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Rujukan: KP(BPPDP)603/5/Jld.12 (80), bertarikh 16 Oktober 2012 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Perak **tiada halangan** untuk membenarkan pihak tuan menjalankan kajian “**Pola Interaksi Sosial Pelajar Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan**” seperti dinyatakan dalam surat tuan dengan syarat-syarat berikut :-

- 2.1 Pihak tuan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pegawai Pelajaran Daerah dan Pengetua atau Guru Besar sekolah berkenaan untuk menggunakan sampel kajian;
- 2.2 Kajian yang dijalankan hendaklah tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah;
- 2.3 Pihak tuan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebijakan guru-guru dan murid yang terlibat dalam kajian ini;
- 2.4 Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos kajian;
- 2.5 Guru-guru/ murid tidak boleh dipaksa terlibat dengan kajian ini;

2.6 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan **satu (1) salinan laporan kajian dalam tempoh 30 hari** ke jabatan ini selepas kajian tersebut dilaksanakan; dan


2.7 Tiada sebarang implikasi kewangan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah.

3. Kebenaran permohonan ini adalah untuk tujuan yang dipohon dan melibatkan sekolah dalam daerah yang dinyatakan sahaja.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(NORHAZAMIN BIN MUHAMMAD YUSOF)**  
Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,  
Jabatan Pelajaran Negeri Perak,  
b.p Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,  
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.      1. Pengarah Pelajaran Negeri Perak  
              2. Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Perak  
              3. Ketua Sektor Pengurusan Sekolah  
              4. Semua Pegawai Pelajaran Daerah

**Borang persetujuan untuk menjadi responden kajian (Pentadbir/ Guru sekolah)**

Dengan ini, saya bersetuju untuk menjadi responden kajian ini. Setiap fakta-fakta personaliti dan hasil temu bual yang diberikan oleh pihak responden, menjadi fakta rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan latihan dan rujukan ilmiah sahaja, seperti yang telah diterangkan oleh pihak pengkaji kajian ini pada saya.

Yang Benar,

---

Nama guru:

Etnik:

Jantina:

Jawatan:

Tarikh: 17 Mei 2013

**Borang pengesahan transkripsi temu bual pihak pentadbir**

Saya telah menyemak transkripsi temu bual, mengesahkan segala butiran yang tercatat adalah betul dan membenarkan segala butirannya digunakan dalam laporan kajian ini. Segala butiran dan maklumat ini adalah rahsia yang telah dipersetujui antara pengkaji dan saya.

Yang Benar,

---

Nama:

Etnik:

Jantina:

Jawatan:

Pengalaman sebagai pentadbir secara keseluruhan (tahun):

Pengalaman sebagai pentadbir di sekolah ini (tahun):

Pengalaman mengajar keseluruhan (tahun):

## **Protokol temu bual dengan pihak pentadbir**

Penyataan tentang kajian. Salam 1 Malaysia. Soalan temu bual ini adalah untuk memenuhi persoalan kepada kajian kajian saya iaitu bertajuk:

*Interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).*

Dengan ini diperakukan bahawa setiap fakta-fakta personaliti dan hasil temu bual yang diberikan oleh pihak responden, menjadi fakta rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan latihan dan rujukan ilmiah sahaja. Ribuan terima kasih di ucapkan, atas kerjasama yang telah diberikan.

Tarikh temu bual:

Masa:

Tempat temu bual:

### **Bahagian A: Biodata pihak pentadbir**

Nama guru:

Etnik:

Jawatan :

Pengalaman dalam pentadbiran (tahun):

### **Bahagian B: Soalan temu bual**

#### **i. Untuk mengenalpasti bentuk interaksi sosial pelajar Tingkatan 4 pelbagai kaum di SMK**

1. Bagaimakah pergaulan pelajar tingkatan 4 yang pelbagai kaum di sekolah ini?
2. Berdasarkan pengalaman anda, apakah bentuk-bentuk persaingan yang mungkin wujud dalam kalangan pelajar yang berbeza kaum di sekolah ini?
3. Adakah terdapat bentuk hubungan timbal balik antara pelajar yang berbeza kaum? Berikan contoh-contoh hubungan timbal balik yang wujud.
4. Adakah salah faham atau percaduhan pernah berlaku dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di sekolah ini? Boleh anda jelaskan.
5. Setujukah anda jika di katakan pelajar suka bergaul dengan rakan yang sama kaum? Sila nyatakan pandangan anda.

#### **ii. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi sosial pelajar pelbagai etnik.**

1. Guru merupakan ‘role model’ pada segala tingkah laku pelajar mereka. Sikap guru, seperti bias, prejedis terhadap kaum akan mempengaruhi pergaulan pelajar di sekolah. Adakah situasi sebegini berlaku di sekolah anda?
2. Adakah sikap guru yang tidak menerima kepelbagaiannya kaum, akan memberi kesan terhadap hubungan pelajar yang berbeza kaum? Adakah situasi ini berlaku di sekolah anda?
3. Pengajaran guru yang kurang menekankan elemen budaya pelbagai kaum sewaktu P&P, akan mempengaruhi pergaulan sehari-hari pelajar. Adakah anda bersetuju? Sila anda jelaskan.

4. Apakah sikap yang perlu ada dalam kalangan guru bagi meningkatkan interaksi pelajar di sekolah?
5. Adakah kemudahan infrastruktur sekolah anda penting dalam membantu pergaulan pelajar pelbagai etnik di sekolah? Mengapa?
6. Adakah sekolah yang mempunyai bahan-bahan yang melambangkan perpaduan kaum, misalnya mural, membantu dalam meningkatkan pergaulan pelajar? Sila anda jelaskan.
7. Adakah komposisi guru yang pelbagai kaum di sekolah ini, memberi kesan atau mempengaruhi hubungan antara pelajar berbeza kaum? Sila nyatakan pandangan cikgu.
8. Persekutaran sekolah yang mempunyai pelajar yang berbeza kaum, adakah ianya dapat membantu mereka mengenali dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain? Sila nyatakan pandangan anda.
9. Kelemahan pelajar menguasai Bahasa Melayu, menyebabkan pergaulan mereka terbatas. Adakah anda bersetuju? Mengapa?
10. Perbezaan budaya menyebabkan pelajar tidak mahu bergaul dengan kaum lain. Adakah anda bersetuju? Mengapa?
11. Bagaimanakah pergaulan pelajar yang berasal daripada sekolah monoetnik (SRJKC & SRJKT) apabila memasuki sekolah menengah?
12. Adakah terdapat sikap-sikap negatif (prejudis, rasisme) dalam kalangan pelajar tingkatan 4 sekolah ini? Jika ada, adakah ianya mempengaruhi pergaulan sehari-hari mereka dengan kaum yang berbeza?
13. Adakah anda bersetuju rakan sebaya mempengaruhi seseorang pelajar dalam interaksi sehari-hari mereka di sekolah? Mengapa?
14. Pada pandangan cikgu, adakah sikap, tanggapan ibu bapa terhadap kaum berbeza akan mempengaruhi pergaulan sehari-hari anak mereka di sekolah?
15. Adakah cikgu bersetuju jika dikatakan, persekitaran tempat tinggal pelajar yang terdiri daripada kaum yang pelbagai akan membantu membentuk sikap pelajar yang mudah mesra dengan kaum yg berbeza semasa mereka di sekolah?
16. Pada pandangan anda, kenapakah pelajar enggan bergaul dengan kaum yang berbeza? Kenapa keadaan ini berlaku? Adakah situasi berlaku di sekolah anda?

**iii. Untuk mengenalpasti strategi yang digunakan oleh sekolah dalam meningkatkan interaksi sosial pelajar pelbagai kaum di SMK.**

1. Bagaimanakah cara yang dimainkan oleh sekolah anda dalam menggalakkan interaksi pelajar pelbagai kaum? Berikan contohnya.
2. Adakah sekolah anda memberi kebebasan pelajar mengamalkan budaya mereka di sekolah? Sila kongsikan pengalaman anda.

\*\*Sekian sahaja sesi temu bual, jika ada apa-apa pendapat yang ingin anda kongsikan, sila nyatakannya. Sekian, terima kasih.

### **Protokol temu bual berkumpulan dengan pelajar (Persatuan Bahasa Tamil)**

Penyataan tentang kajian. Salam 1 Malaysia. Soalan temu bual ini adalah untuk memenuhi persoalan kepada kajian kajian saya iaitu bertajuk:

*Interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).*

Dengan ini di perakukan bahawa setiap fakta-fakta personaliti dan hasil temubual yang diberikan oleh pihak responden ,menjadi fakta rahsia dan hanya di gunakan bagi tujuan latihan dan rujukan ilmiah sahaja. Ribuan terima kasih di ucapkan, atas kerjasama yang telah diberikan.

Tarikh temu bual:

Masa:

Tempat temu bual:

#### **Bahagian I: Biodata pelajar**

Nama pelajar :

Etnik:

Sekolah Asal (Sekolah Rendah):

Jantina:

#### **Bahagian II: Soalan temu bual**

1. Mengapa anda memilih untuk menyertai persatuan Bahasa Tamil?
2. Adakah persatuan ini mempunyai komposisi kaum yang seimbang? Adakah persatuan ini terbuka untuk disertai oleh kaum selain daripada kaum India?
3. Adakah aktiviti yang dijalankan oleh Kelab ini berbentuk individu atau berkumpulan? Apakah kelebihan dan kekurangan bentuk individu/ berkumpulan ini? Berikan contoh aktiviti
4. Apakah cara yang digunakan oleh Persatuan ini untuk membantu pelajar kaum India menghayati budaya mereka? Berikan contoh aktiviti.
5. Adakah terdapat cara khusus yang digunakan oleh Persatuan ini untuk memperkenalkan budaya kaum India kepada pelajar lain di sekolah ini?
6. Adakah terdapat pendekatan tertentu yang digunakan oleh Persatuan ini, agar pelajar berbeza kaum di sekolah ini, boleh menerima dan bertoleransi terhadap budaya kaum India?
7. Adakah aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan ini berbentuk individu atau berkumpulan? Apakah kelebihan dan kekurangan bentuk individu/ berkumpulan ini?

#### **Mesej yang di sampaikan oleh responden/ Refleksi penemu bual**

---



---